



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Tiada Persidangan Mesyuarat  
Dewan Rakyat Pada 25 Oktober (Halaman 1)

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2012 (Halaman 18)

### **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 17)  
Usul Anggaran Pembangunan 2012 (Halaman 18)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*

18. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
19. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
20. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
21. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRs
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupa) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

#### **AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS

17. Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. “ Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB

49. Yang Berhormat Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO
53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. “ Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO



**AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)

12. Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato’ Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato’ Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerei)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato’ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)

19. Yang Berhormat Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato’ Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato’ Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

**AHLI (PSM)**

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

**AHLI (Bebas)**

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

**Kosong**

1. Tiada (Titiwangsa)

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 19 Oktober 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****TIADA PERSIDANGAN MESYUARAT DEWAN RAKYAT  
PADA HARI SELASA, 25 OKTOBER 2011 SEMPENA HARI DEEPAVALI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa tiada Persidangan Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari Selasa, 25 Oktober 2011 berikutan cuti hari Deepavali yang jatuh pada hari Rabu, 26 Oktober 2011. Saya dengan ini memerintahkan semua pertanyaan jawapan lisan pada hari itu dijawab secara bertulis. Sehubungan dengan itu, Yang Amat Berhormat Ketua Majlis turut menetapkan perubahan pada takwim Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat yang sedang berlangsung. Perubahan ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Yang Berhormat Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) berapakah jumlah nelayan dalam negeri dan mengikut kategori; dan
- (b) apakah sumbangan pihak kementerian kepada nelayan pantai di bawah 10 batu nautika supaya pendapatan mereka melebihi garis pendapatan mudah miskin.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya pun ucap tahniahlah kepada negeri Terengganu.

Soalan Yang Berhormat ada dua bahagian. Pertama sekali ialah berkenaan dengan jumlah nelayan. Bilangan jumlah nelayan mengikut zon perikanan adalah seperti berikut:

| <b>Jenis Zon</b>                          | <b>Bil. Nelayan (org)</b> |
|---|---------------------------|
| ZON A - 5 batu nautika                    | 74,985                    |
| ZON B - 5 batu nautika -12 batu nautika   | 19,621                    |
| ZON C - 12 batu nautika - 30 batu nautika | 14,640                    |
| ZON C2 - 30 batu nautika ke atas          | 19,876                    |
| ZON C3 - perairan laut dalam              | 500                       |
| <b>Jumlah</b>                             | <b>129,622</b>            |

Bantuan yang telah diberi oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membantu nelayan pantai menambah pendapatan mereka adalah seperti berikut:

- (i) memberi petrol dan diesel dengan harga subsidi iaitu RM1.25 bagi nelayan pantai. Jika di bandingkan dengan C2 ialah RM1.80;
- (ii) memberi elaun sara hidup sebanyak RM200 tiap-tiap bulan kepada pekerja nelayan dan juga pemilik *vesse/*;
- (iii) insentif sebanyak 10 sen per kilogram pada setiap ikan yang didaratkan;
- (iv) kerajaan menyediakan pinjaman mudah kepada program dan nelayan bagi meningkatkan keupayaan *vesse/* pantai untuk meningkatkan produktiviti tangkapan dan menambah pendapatan mereka; dan
- (v) menjalin kerjasama di antara KKLW dengan menyediakan rumah iaitu di Tok Bali sebanyak 300 buah dengan bernilai RM27.8 juta iaitu lebih kurang RM33,000 sebuah.

Di samping itu, LKIM juga melaksanakan program jangka masa panjang untuk meningkatkan pendapatan nelayan. Pertama program transformasi nelayan melalui penggunaan *vesse/* menangkap ikan yang lebih besar bagi menggantikan sampan yang digunakan oleh nelayan pantai. Pada masa ini program ini kita telah tetapkan iaitu tiga orang atau lima orang daripada nelayan menubuhkan sebuah syarikat dan pinjaman yang kita akan kita bagi ialah sebanyak RM100,000 seorang iaitu maksimumnya ialah RM500,000 untuk menyediakan bot-bot yang lebih besar.

#### ■1010

Walau bagaimanapun, sekarang ini kita sedang merancang untuk memberi hanya kepada seorang nelayan. Walaupun seorang nelayan kita boleh bagi juga oleh kerana untuk menubuhkan sebuah syarikat ini agak makan masa dan juga mempunyai masalah-masalah yang tertentu. Akan tetapi untuk menjayakan program ini, kita sedang timbang supaya kita hanya akan bagi kepada seorang nelayan.

Yang kedua, Program Pasar Nelayan yang membolehkan nelayan untuk memasarkan tangkapan mereka terus di Terengganu, kita mempunyai di Pulau Kambing yang melibatkan 60 orang nelayan. Di seluruh negara kita ada 24 buah.

Yang ketiga pembinaan Kompleks Pendaratan Ikan bertujuan untuk menarik lebih ramai peniaga, pembeli untuk membeli dan menjual hasil tangkapan dengan harga yang berpatutan. Ini kita mempunyai 34 buah seluruh negara dan kita telah berbelanja lebih kurang RM275 juta.

Yang keempat iaitu program penubuhan kumpulan KUNITA iaitu untuk kaum ibu yang berada di rumah, iaitu program-program yang kita sediakan untuk menyediakan peralatan pusat-pusat kegiatan ekonomi, latihan, kemahiran dan sebagainya untuk memajukan program-program yang berasaskan laut. Umpamanya kita buat keropok dan sebagainya untuk menambah pendapatan nelayan.

**Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah 54 tahun merdeka. Rata-rata apabila kita melihat kemiskinan, miskin tegar, mudah miskin, miskin adalah datang daripada golongan nelayan. Daripada 129,000 nelayan dalam negara. Kita juga bergantung kepada usaha yang besar daripada nelayan sebagai salah satu penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara. Kerajaan telah mengubah Dasar Agro Makanan Negara kepada satu dasar baru bagi menggantikan Dasar Pertanian Negara yang akan bermula pada 2001 hingga 2020.

Saya ingin tahu, apakah komoditi perikanan ini termasuk dalam kategori Dasar Agro Makanan Negara dan jika ia apakah strategi-strategi baru atau kaedah baru atau mekanisme baru, kerana sudah sekian lama walaupun kita tahu kementerian, kerajaan bagi bantuan kepada nelayan tetapi masih macam itu juga nelayan sehingga kerajaan terpaksa mengambil satu langkah baru, dan ini kita harapkan supaya nelayan kita memperoleh pendapatan mencecah RM2,000 sebulan pada tahun 2011 seperti mana nelayan-nelayan di negara-negara luar.

Bajet 2012 yang lalu kerajaan mengumumkan Tabung Khas Perumahan Nelayan sebanyak RM300 juta. Siapakah nelayan yang layak menerima Tabung Khas Perumahan Nelayan ini? Apakah kriteria yang boleh diberikan kepada kita supaya nelayan yang sebenarnya yang dapat manfaat ini. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas soalan tambahan. Memang kita, kerajaan terutama sekali Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memajukan nelayan ini kita perlu banyak perkara yang kita ambil kira.

Pertama sekali kita kena ubah *mindset* dia, iaitu supaya membolehkan nelayan ini tidak lagi bergantung kepada cara lama. Maknanya mereka mesti boleh sanggup pergi jauh ke laut. Kita tengok melalui program, kita transformasi nelayan, dengan kita menyediakan bot-bot yang lebih besar dengan kita beri pinjaman mudah. Itu pun sukar bagi kita untuk mendapat penyertaan daripada nelayan-nelayan ini. Kerana nelayan kita kurang berminat untuk pergi lebih dari satu hari dan sebagainya. Sebab itu kalau kita lihat di Malaysia ini kalau nelayan terutama sekali nelayan laut dalam, di mana laut dalam inilah tempat pendapatan yang banyak iaitu penangkapan yang lebih 30 batu nautika.

Inilah tempat yang mempunyai sumber yang banyak. Akan tetapi tidak banyak nelayan kita yang sanggup..., boleh katakan yang saya sebutkan jumlah tadi sebahagian besar dari kelas C1, C2 atau C3 itulah nelayan-nelayan asing. Ini yang kita hadapi sekarang. So, sekarang ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kita akan cuba untuk membangun industri *eco culture*. Contoh di Langkawi kita menggunakan persatuan-persatuan nelayan untuk menubuhkan industri ini umpamanya di Kulim, iaitu mereka memelihara ikan di dalam sangkar. Selain daripada itu juga, akhir-akhir ini kita ada juga kerjasama dengan *Northern Corridor* atau *Eastern Corridor* dalam membangunkan industri *eco culture*. Selain daripada itu juga kita cuba untuk membangunkan industri asas tani yang melibatkan persatuan-persatuan nelayan. Umpamanya macam kita tengok di Tanjung Dawai, Kedah, kita mempunyai ramai pengusaha belacan umpamanya.

Akan tetapi belacan-belacan yang diusahakan ini tidak standard maknanya banyak dia punya rasa. So sekarang ini kita hendak cari, hendak kumpul pengusaha-pengusaha belacan kecil-kecil ini untuk menubuhkan satu syarikat di mana kita boleh bagi dia nasihat, peralatan dan juga resepi yang baik supaya belacan yang diproses atau dihasilkan oleh nelayan-nelayan di Tanjung Dawai itu belacan yang bermutu dan juga boleh dipasarkan lebih jauh.

Selain daripada itu juga kita dalam industri-industri lain macam di Pahang baru-baru ini kita akan lihat untuk majukan keropok lekor supaya keropok-keropok lekor ini dibuat *packaging* dengan lebih baik dan dieksport ke negara-negara luar. Ini usaha-usaha yang kita buat yang sedang dirancang oleh kerajaan.

Mengenai dengan perumahan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sekarang ini LKIM sedang melihat. Jadi kriteria-kriteria yang kita akan ditentukan untuk mereka yang akan mendapat rumah daripada skim ini. Walau bagaimanapun ini juga bergantung kepada tanah, kerana tanah penting dalam usaha ini. Kita berharaplah kerajaan-kerajaan negeri terutama sekali di bawah kerajaan Pakatan Rakyat supaya membolehkan atau memudahkan apabila pengambilan tanah atau tanah yang disediakan untuk kita membangunkan rumah-rumah nelayan ini. Biasanya nelayan ini mereka duduk di pinggir-pinggir sungai dan sebagainya tidak mempunyai tanah sendiri. Jadi kita harapkan kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk membantu mengenal pasti kawasan di mana kita boleh membuat rumah yang lebih sistematik, rumah yang elok untuk nelayan di mana kita akan menyediakan segala prasarana yang sesuai untuk mereka.

**Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, Kubang Pasu dan Machang kita tidak ada nelayan dan pantai. Nelayan sungai adalah.

Cuma sebagai Ahli Parlimen kita turut menerima aduan daripada nelayan pantai. Ini antara aduan yang kita terima dan saya hendak minta penjelasan Timbalan Menteri. Ceritanya ialah nelayan di Sungai Langat, Banting ini nelayan pantai. Kawasan tangkapan ikan depa, ini merupakan laluan utama kapal-kapal yang menghantar bekalan di kilang besi *Megasteel*. Akibatnya hampir 359 nelayan pantai ini hilang mata pencarian. Pertengahan tahun ini mereka mengadakan dialog dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, lalu ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi. Dalam dialog itu mereka menyarankan antara lain supaya alternatif kepada nelayan pantai ini ialah depa hendak buat restoran makanan laut, bengkel baiki sampan dan segala macam ideanya dan disambut baik oleh Yang Berhormat Menteri. Selepas daripada itu sampai sekarang ini depa tidak dengar cerita. Kapal masih lagi belayar, mereka masih hilang pendapatan. Jadi bilangan mereka ini agak ramai, 359 orang.

Saya diminta untuk bertanya kepada Parlimen khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, apakah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Nelayan Sungai Langat ini ada membuahkan hasil selepas dialog dengan Yang Berhormat Menteri tempoh hari. Bagaimana dengan cadangan-cadangan khusus yang mereka kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri tempoh hari. Terima kasih.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Memang kita telah menubuhkan jawatankuasa itu dan memang kita sedang buat perancangan. Dia akan mengambil masa juga dalam perkara ini.

#### ■1020

Sebenarnya bukan di Kuala Langat sahaja. Banyak lagi tempat lain yang sama semacam di Langkawi iaitu laluan feri yang ada sekarang ini. Dahulu feri tidak banyak ke Langkawi. Hanya tiga, empat feri sahaja. Sekarang ini berpuluh-puluh feri lalu di kawasan itu yang mengancam mata pendapatan dan juga sumber laut di situ. Jadi bukan sahaja di situ. Begitu juga di Teluk Ewa iaitu kapal-kapal simen dan sebagainya. Jadi, sekarang ini kita sedang lihat perkara-perkara ini termasuklah di Melaka termasuklah di Pengerang di Johor yang melibatkan kapal-kapal dagang.

Jadi, sekarang ini apa juga yang kita buat memang kita serius dalam soal ini. Oleh sebab itu saya kata tadi sekarang ini laut kita makin kecil. Laluan-laluan oleh kapal dagang makin banyak. Oleh sebab itu kalau boleh nelayan-nelayan pantai ini kita hendak *divert* supaya mereka terlibat dengan *aquaculture* yang sebutkan tadi supaya kita akan dapat menyelesaikan masalah mereka ini. Kalau tidak sampai bilai-bila pun kita akan menghadapi masalah-masalah seperti ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat tidak perlu bimbang kita memang serius dalam soal-soal untuk menangani, membela nasib nelayan ini seperti yang lepas-lepas dan *insya-Allah* masalah ini akan kita tangani dengan baik untuk kebaikan nelayan di semua tempat bukan sahaja di Kuala Langat di seluruh negara. Terima kasih.

**2. Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, masalah yang dihadapi dalam menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu menjadi Lapangan Terbang Antarabangsa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu telah selesai dinaiktarafkan pada 8 September 2011. Skop kerja projek naik taraf tersebut termasuk pemanjangan landasan dari 1,981 meter ke 2,400 meter dengan lebar 45 meter yang mampu menampung operasi pesawat Airbus 302 dan Boeing 737-800. Buat masa ini Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu masih belum mempunyai sebarang operasi penerbangan berjadual antarabangsa. Namun begitu kerajaan mengalu-alukan syarikat penerbangan tempatan dan asing yang ingin mengadakan penerbangan antarabangsa dari dan ke Kota Bharu untuk beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Sekian.



**Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab apakah Kelantan dianaktirikan. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak dinaiktarafkan sebagai lapangan terbang antarabangsa, pelabuhan laut yang dipohon oleh Yang Berhormat Tok Guru Nik Aziz 20 tahun yang lalu dan sudah ada tiga Perdana Menteri belum lagi dapat dilaksanakan.

Jambatan kedua Sultan Yahya Petra yang telah dibina empat tahun masih belum dapat digunakan, Lebuhraya Pantai Timur yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya terhenti setakat sempadan Terengganu, Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai tidak dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan terpaksa diambil alih oleh kerajaan negeri. Stadium baru dijanjikan hanya apabila BN menang di Kelantan. Maksudnya kalau rakyat Kelantan terus mengundi PAS maksudnya rakyat Kelantan tidak dapat stadium baru daripada persekutuan... *[Dewan riuh]*

Ketujuh rancangan tebatan banjir yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melibatkan Perlis, Perak, Johor sedangkan di Rantau Panjang Kelantan banjir tiga kali setahun. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab apa Kelantan didiskriminasikan? Tidakkah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengiktiraf bahawa Kelantan juga adalah komponen dalam Persekutuan Malaysia?

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Berkenaan soalan menganaktirikan itu saya tidak boleh komenlah tapi saya bersimpati dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi dan berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan lapangan terbang untuk dinaiktarafkan kepada taraf antarabangsa ini seperti yang saya sebutkan tadi kalau ada permintaan daripada syarikat penerbangan tempatan ataupun asing kita boleh buat penaiktarafan kepada antarabangsa.

Begitu juga sekiranya ada permintaan yang sebegitu kerja-kerja menaik taraf bukan sahaja pemanjangan landasan tetapi juga untuk menaiktarafkan segalanya seperti CIQ untuk imigresen, untuk pertanian dan semua jabatan kerajaan yang akan terlibat dalam pengendalian penerbangan keluar dan masuk ke Kelantan Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebahagian daripada kenyataan Yang Berhormat Kota Bharu itu bolehlah disokong tetapi yang tidak termasuk seperti *flood mitigation* itu bukan di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, *route* (laluhan) antara Kuala Lumpur dan Kota Bharu di antara *route* yang menguntungkan syarikat penerbangan. Buktinya kekerapan penerbangan yang melibatkan syarikat penerbangan utama...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat Putatan, boleh senyap sekejap? Yang melibatkan syarikat penerbangan utama seperti MAS, AirAsia, FireFly jelas menunjukkan bahawa *route* ini boleh menampung permintaan yang kian bertambah disebabkan laluan darat masih lagi berada dalam keadaan yang cukup jauh dari segi perjalanan. Mengambil kira pembangunan Sungai Mekong, CLMV - Cambodia atau Kampuchea, Laos, Myanmar dan juga Vietnam, kita kira Kota Bharu merupakan di antara tempat yang strategik yang saya hendak nyatakan di sini dari segi sudut perkembangan ekonomi di masa hadapan. Kenapa tidak boleh dan atas permintaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan bahawa Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini harus dinaiktarafkan sebagai lapangan terbang *international*.

Jadi saya harap dalam hal ini Kementerian Pengangkutan harus melihat dari sudut komersial keuntungan kepada pesawat dan juga harus melihat perkembangan di masa hadapan dengan mengambil kira pembangunan Sungai Mekong yang semakin pesat ini dan Kota Bharu di antara hab yang boleh mendapat manfaat daripada pembangunan CLMV ini. Pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Semua cadangan dan komen itu tadi saya terima sebagai satu cadangan yang baik untuk peningkatan industri penerbangan di Malaysia dan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kita sedar juga yang negara Asian ini walhal saya sendiri pun ada pergi ke Selatan China Ghougzhou di mana banyak *potential* untuk perdagangan yang akan berlaku di antara Malaysia, Asian dengan China dan dengan itu saya berharap cadangan Yang Berhormat Arau ini akan saya bawa kepada kementerian supaya ini dapat dipertimbangkan dalam masa yang tertentu. Sekian, terima kasih.

**3. Tuan Masir Kujat [Sri Aman]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sama ada kementerian akan mengkaji pemberian elaun khas kepada bekas anggota polis/anggota *Sarawak Renjer* semasa darurat di Semenanjung seperti di tahun 1950-an.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Aman yang mengemukakan soalan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus pada 25 Oktober 2011 bagi soalan nombor 40 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini kerajaan amat menghargai jasa dan pengorbanan wira yang tidak di dandang ini iaitu anggota pasukan keselamatan termasuk lebih kurang 48,000 orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan yang pernah berkhidmat semasa zaman darurat dahulu.

Mereka ini adalah terdiri daripada bekas anggota *Home Guard, Special Constable, Extra Police Constable, Auxiliary Police, Woman Auxiliary Police, Woman Special Constable, Border Scout* dan *Jungle Scout*. Atas dasar ini sebagai tanda penghargaan dan mengenang jasa mereka dalam perjuangan menentang komunis masa zaman darurat dahulu kerajaan telah memberi bayaran sagu hati kepada mereka sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada setiap orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan berjumlah 74,958 orang.

#### ■1030

Bekas anggota polis khas dan bekas anggota polis tambahan yang mana melibatkan jumlah yang telah dikeluarkan oleh kerajaan diperuntukkan sebanyak RM74.95 juta. Walaupun kerajaan pernah membuat bayaran sagu hati khas RM1,000 secara *one-off* sebelum ini, sebagai kerajaan yang prihatin kepada rakyat dalam pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober yang lalu, kerajaan akan sekali lagi memberi sumbangan sebanyak RM3,000 secara *one-off* kepada setiap bekas anggota polis khas dan polis tambahan serta duda atau balu mereka. Sumbangan ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kos sara hidup mereka sekeluarga. Selain daripada bantuan yang disebutkan di atas, pihak kerajaan juga ada memberi bantuan kepada mereka melalui Tabung Amanah Warisan Polis yang menyediakan bantuan kebajikan meliputi bantuan khairat kematian, bantuan perubatan, bantuan pembelian alat pergerakan dan anggota palsu, bantuan pelajaran dan bantuan bencana alam.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pertanyaan berkaitan dengan Sarawak Ranger, saya difahamkan bahawa pasukan ini adalah sebuah pasukan yang pernah berkhidmat di bawah tentera British suatu ketika dahulu. Oleh yang demikian, KDN tidak dapat memperjelaskan isu elaun khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sri Aman kerana pasukan ini bukan di bawah tanggungjawab KDN. Terima kasih.

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri atas jawapan. Jadi, soalan tambahan saya, sekiranya bekas anggota polis tersebut iaitu bekas anggota polis khas atau polis tambahan atau isteri mereka telah meninggal dunia, adakah anak-anak mereka yang masih hidup dapat atau layak menerima elaun tersebut dan juga sehubungan dengan *Border Scouts* dari Sarawak yang berkhidmat semasa konfrontasi dengan Indonesia dalam tahun 1963 hingga 1967 dahulu.

Adakah mereka layak menerima bayaran sagu hati atau elaun khas RM3,000 yang diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2012 tempoh hari. Mohon jawapan timbalan menteri.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Aman. Apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Sri Aman, terdapat dua isu. Yang pertama, berkaitan dengan bayaran elaun dan kedua, berkaitan dengan sama ada *Border Scouts* yang berkhidmat semasa konfrontasi dahulu akan menerima bantuan sagu hati khas *one-off* RM3,000 itu yang seperti mana dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

Sehubungan dengan isu yang pertama, saya rasa berkaitan dengan bayaran elaun khas tidak timbul kerana tidak ada bayaran elaun khas yang dibuat, yang cuma dibuat hanyalah bayaran sagu hati khas RM1,000 *one-off* sahaja, makna sekali sahaja. Berkaitan dengan isu yang kedua, berkaitan dengan *Border Scouts* sama ada mereka akan dapat menerima RM3,000 yang mana mereka ini berkhidmat semasa konfrontasi dengan Indonesia dahulu.

Jadi, apa yang ingin saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa buat masa kini mereka ini mendapat bayaran sagu hati khas *one-off* RM1,000. Jadi, berasaskan apa yang telah dibayar oleh kerajaan kepada mereka ini yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak besar kemungkinan dalam pemberian yang RM3,000 yang mana pihak kerajaan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya...

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mohon penjelasan lagi sebab dalam jawapan timbalan menteri ada menyebut bahawa Sarawak Rangers di bawah British dahulu tidak diambil kira dalam apa-apa juga sagu hati yang telah dan akan diberi nanti. Mohon penjelasan lagi dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa *Sarawak Rangers* ini adalah satu pasukan yang pada satu ketika dahulu berkhidmat di bawah Kerajaan British dan hari ini mereka ada hubung kait dengan veteran di bawah Kementerian Pertahanan. Jadi, bagi Kementerian Dalam Negeri untuk menjawab isu ini saya rasa tidak wajar melainkan pihak yang berkaitan perlu merujuk kepada kementerian yang bertanggungjawab.

**4. Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, mengkaji kesesuaian menyatakan langkah-langkah serta peruntukan yang terdapat di dalam SOCSO disebabkan ianya telah terlalu lama dan tidak bersesuaian dengan kehendak semasa.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dalam usaha untuk memastikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dapat dipertingkatkan, PERKESO dari semasa ke semasa meneliti dan mengkaji semula peruntukan yang ada dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 supaya ianya bersesuaian dengan keadaan semasa.

Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ini telah beberapa kali dipinda sejak tahun 1979 sehingga 2010 yang mana pindaan sebanyak sembilan kali telah dibuat di mana pindaan terakhir adalah pada tahun 2005. Pada awal tahun 2011 iaitu pada awal tahun ini, PERKESO telah menyemak semula peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, lanjutan daripada semakan tersebut beberapa cadangan pindaan terkini dan bersesuaian dengan kehendak semasa sedang berjalan. Semua cadangan pindaan sedang diperhalusi dan ini adalah untuk memastikan ianya di antaranya ialah supaya selaras dengan cadangan untuk meningkatkan umur persaraan dan juga penetapan gaji minimum dan lain-lain perubahan-perubahan yang berlaku. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah di bawah seksyen 24, mohon dipertimbangkan seksyen 24, Akta PERKESO 1969 menyatakan bahawa laluan utama kelayakan untuk memohon pampasan yang dibenarkan, pulang dan balik. Seksyen 106A di bawah Akta SOCSO yang menyatakan bahawa tempoh setahun itu ialah tempoh wajib yang boleh dimohon pampasan.

Soalan tambahan khas saya ialah EPF mengadakan penyata tahunan kepada semua pencarumnya untuk melayakkan mereka mengetahui tentang kelayakan mereka untuk menuntut segala bentuk faedah yang ada dalam akta itu. Saya ingin cadangkan kepada kementerian, apalah sudi kiranya kita memberikan penyata kepada pencarum SOCSO yang mana membolehkan mereka mengetahui potongan itu, mereka dapat faedah daripada itu. Terkadang ada majikan yang telah dipotong gaji mereka tetapi tidak dimasukkan dalam SOCSO. Maka, mereka tidak layak menuntut pampasan. Banyak kes yang saya temui.

Maka, permohonan saya ialah apakah sudi kiranya kementerian memberikan arahan kepada Jabatan SOCSO untuk memaklumkan penyata tahunan kepada pencarum yang tidak pernah dibuat sebelum ini untuk membolehkan pencarum tahu bahawa mereka adalah ahli pencarum SOCSO. Mohon penjelasan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya perkara ini memang sudah dalam perhatian PERKESO dan sebenarnya kita juga sedang menaik taraf sistem teknologi maklumat kita supaya perkara ini dapat dilaksanakan apabila kita membuat pindaan-pindaan yang akan datang dan keperluan pelanggan mengetahui pemotongan ini adalah di antara perkara yang sedang diusahakan. Terima kasih.

#### ■1040

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak akhir-akhir ini salah satu daripada aduan yang kerap diterima oleh pihak wakil rakyat ialah dua perkara. Pertama bayaran SOCSO yang kadarnya rendah pada mereka-mereka yang layak dan kedua tentang kaunter perkhidmatan. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerajaan boleh menetapkan satu kadar yang lebih tinggi, kadar bayaran lebih tinggi kepada mereka-mereka memerlukan ini. Supaya mereka-mereka yang menerima kemalangan dan sebagainya dapat menampung hidup ataupun saki baki hayat mereka dalam keadaan yang lebih selesa berbanding dengan sekarang, bersesuaian dengan kos hidup yang meningkat. Adakah kerajaan ataupun kementerian ingin meluaskan perkhidmatan kaunter SOCSO ini hingga..., khususnya di kaunter-kaunter pos yang bertebaran di seluruh negara untuk memberikan perkhidmatan lebih cekap. Sekian.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama mengenai dengan faedah yang diterima oleh pencarum-pencarum itu yang dikatakan rendah. Saya ingin memaklumkan bahawa PERKESO sendiri tiap-tiap lima tahun Tuan Yang di-Pertua, membuat kajian aktuari dan perkara ini mengambil kira juga kos-kos hidup semasa. Juga tiap-tiap lima tahun, contohnya kita dapati pada tahun 2010 ini kita juga telah meningkatkan, contohnya pelarasan yang melibatkan kadar pencen kepada pencarum. Ini yang mana dinaikkan daripada 0.6 peratus kepada 11.3 peratus. Ini adalah contoh.

Lain-lain perkara yang sedang dikaji adalah berkenaan dengan faedah perubatan, juga faedah-faedah hilang upaya sementara, faedah yang boleh diterima apabila seseorang itu mengalami hilang upaya kekal juga elaun layanan sentiasa iaitu elaun yang diberi kepada pekerja yang sudah terlantar, yang perlu dijaga sepenuh masa oleh isteri atau anggota keluarga. Sekarang ini maksimum mereka boleh menerima layanan sentiasa ini di dalam kadar maksimum dalam RM500 sebulan. Ini juga sedang dikaji. Begitu juga faedah pemulihan, faedah pengurusan jenazah ataupun pengurusan mayat, faedah orang tanggungan dan faedah pendidikan. Semua ini sedang dikaji semula oleh PERKESO.

Berkenaan dengan perkhidmatan kaunter. Sebenarnya semua kaunter kita dan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, telah melihat bahawa pegawai-pegawai di situ bukan hanya mesra kepada pelanggan. Akan tetapi mereka sedia membantu bahkan kita juga dalam kes-kes kemalangan sudah pun ada kaedah.

Di mana kita melantik pegawai kes yang boleh menyusul mereka yang ditimpa bencana selepas waktu pejabat dan memberi bimbingan kaunseling dan seterusnya. Saya juga ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, PERKESO juga mempunyai sasaran supaya satu-satu tuntutan itu dibuat di dalam masa yang tertentu.

Contohnya di dalam tujuh hari kita boleh menyelesaikan kes-kes tuntutan-tuntutan yang mudah dan 14 hari untuk tuntutan yang lebih rumit. Akan tetapi saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa PERKESO telah pun merentasi sasaran tersebut dan mencapai kaedah. Di mana mereka boleh menyelesaikan semua bayaran ini di dalam kes-kes yang telah cukup dokumennya di dalam masa tiga hari. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan bercadang mewajibkan pihak bank menyediakan perjanjian pinjaman kepada pelanggan-pelanggannya dalam dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk mengelakkan mereka rasa tertipu.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, institusi perbankan telah pun diarah untuk mengutamakan Bahasa Malaysia apabila menzahirkan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Serta menyediakan semua borang atau risalah untuk pelanggan runcit dalam dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bagi membolehkan pengguna membuat pilihan yang sewajarnya. Berkuat kuasa 1 Julai 2011 institusi perbankan dikehendaki supaya menyediakan dan memberikan kepada pelanggan dokumen perjanjian atau kontrak dalam bahasa Malaysia secara sepenuhnya apabila diminta oleh pelanggan. Bagi memastikan pelanggan memahami terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kerana mulai 1 Julai syarat perjanjian dalam bahasa Melayu telah dikeluarkan oleh pihak bank walaupun kita telah 54 tahun mencapai kemerdekaan. Maknanya selepas 54 tahun baru kita mencapai kemerdekaan dan perjanjian dalam bahasa Melayu itu pun kalau diminta oleh pihak pelanggan. Sekiranya pelanggan tidak mengetahui hal ini tentulah pihak bank akan menyerahkan syarat perjanjian dalam bahasa Inggeris sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu perjanjian di antara peminjam dengan pihak bank dapatlah saya ibaratkan seperti perjanjian di antara raja dengan hambanya. Saya dapati bahawa terma-terma dan syarat-syarat perjanjian lebih memihak kepada pihak bank (pemberi pinjaman). Oleh yang demikian terma-terma tersebut kadang-kadang menguntungkan sebelah pihak. Sebagai contohnya dalam perjanjian tersebut dimasukkan sekiranya peminjam membayar lebih daripada yang disyaratkan dalam perjanjian, peminjam dikenakan penalti. Sekiranya terlewat bayar penalti yang tinggi dikenakan tetapi kalau dibayar lebih awal peminjam tidak dapat apa-apa.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah terma-terma dan syarat-syarat ini merangkumi semua bank yang diselaraskan? Kedua, adakah pihak kerajaan bersedia untuk mengkaji supaya terma-terma ini tidak memberatkan kepada sebelah pihak sahaja. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat kerana telah membawa ke pengetahuan umum terdapat terma-terma yang dianggap tidak adil. Terma-terma ini sebenarnya tidaklah diselaraskan sama untuk semua institusi perbankan. Ini terserah kepada institusi perbankan masing-masing. Oleh sebab itulah yang ditekankan supaya terma dan syarat-syarat ini mestilah dizahirkan sepenuhnya kepada pelanggan. Supaya pelanggan dapat membandingkan apa yang ditawarkan oleh satu-satu institusi berbanding institusi lain, supaya ada perbandingan dan supaya ada pemilihan yang dapat dibuat oleh pelanggan.

Apa pun sekiranya ada terma dan syarat yang dianggap tidak adil, yang hanya berat sebelah umpamanya, maka saya meminta Yang Berhormat supaya menulis kepada saya supaya saya dapat bawa kepada Bank Negara Malaysia. Supaya melihat kerana apa pun yang tidak adil sepatutnya tidak dibenarkan. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan semasa pembentangan ataupun cadangan pindaan Akta Sewa Beli 2010 yang lalu memang dimasukkan dan ditekankan berkenaan dengan kewajipan untuk memberi pilihan atau bahasa kepada pengguna.

■1050

Saya mengambil kira dua ke tiga hari lepas bahawa satu persatuan dalam negara kita iaitu Persatuan Pengguna Islam yang membangkitkan masalah ramai di kalangan pengguna kita yang merasa tertipu. Kes ini bukan kes baru. Kes yang telah pun berlaku beberapa tahun kebelakangan di mana mereka mengadu bahawa mereka tidak faham atau merasa tertipu. Akhirnya disebabkan oleh bahasa dalam perjanjian yang telah ditandatangani beberapa tahun sebelum pada ini, atas desakan ini mereka merasa tidak ada pilihan dan kebanyakan mereka telah pun mengambil tindakan termasuk kebangkrapan.

Atas dasar data statistik ataupun kebangkrapan ini Tuan Yang di-Pertua, mengikut persatuan ini mengatakan bahawa tambahan ataupun pertumbuhan kena bankrapnya setahun 35 peratus. Maksudnya kalau setahun seribu orang, tahun depan pertambahan 350 orang. Pertambahan yang kena bankrap yang akibat tidak mampu bayar dikatakan berkaitan dengan tertipu kerana tidak faham isi kandungan perjanjian.

Soalan tambahan saya, saya nak tanya adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang kita dah cadangkan Dana Bantuan Guaman baru-baru ini yang ditawarkan kepada orang yang berasa tertipu atau menjadi bangsa. Adakah Kementerian Yang Berhormat juga bercadang nak memperbesarkan kepada golongan yang menjadi mangsa sehingga mereka diisytiharkan bankrap kerana masalah tidak faham ataupun tertipu kerana kandungan perjanjian yang mereka tidak faham ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Yang Berhormat memang ada kemudahan..., kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk memberi ruang kepada pelanggan dan *customer* yang merasakan mereka teraniaya, tertipu ataupun bermasalah dalam kewangan. Memang ada agensi kaunseling umpamanya bukan sahaja melihat dari segi amalan bank yang mungkin dianggap sebagai tidak sihat sama ada unsur-unsur penipuan tetapi juga dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh individu – individu ekoran daripada hubungan dengan institusi kewangan.

Jadi, semua ini sudah ada dan boleh digunakan sebenarnya. Saya sendiri berpengalaman melalui mereka yang meminta bantuan melalui agensi ini bahawa banyak daripada masalah yang dibawa kepada agensi kaunseling ini dapat diselesaikan dengan baik. Jadi, tambah-tambah lagi soal tidak memahami kontrak dan perjanjian seharusnya tidak timbul sekarang kerana penggunaan bahasa yang begitu jelas bahawa institusi kewangan perlu mengadakan kontrak ataupun perjanjian dalam bahasa yang boleh difahami oleh pelanggan. Apa pun, sekiranya ada masalah-masalah yang lepas saya yakin Bank Negara Malaysia masih boleh melihat sama ada ianya dapat dibantu.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya perkara ini ada satu kes penipuan daripada pihak-pihak bank. Saya tidak sebut nama bank. Saya sudah kemukakan kepada Timbalan Menteri di mana orang kampung saya di Pasir Puteh sekali tahu dapat notis untuk bayar hutang RM2 juta. Tidak ada pinjaman pun. Jadi saya mahu tahu Bank Negara sampai mananya siasatan yang dibuat. Ini kes sudah sampai mahkamah, jadi orang kampung tidak ada apa-apa. Dua juta pinjaman. Jadi itu kita minta kalau boleh saya tidak mahu dijawab di sinilah. Kalau boleh Timbalan Menteri siasat kerana dokumen saya sudah bagi perkara seperti ini seharusnya diberhentikan kerana rakyat banyak masalah perkara-perkara seperti ini. Tidak ada pinjaman sekali tahu dapat notis pinjam RM2 juta sudah. Jadi kita mintalah itu Timbalan Menteri .

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat telah pun memberi dokumen, dokumen itu kepada saya dan saya sudah pun panjangkan kepada pihak Bank Negara untuk membuat penyiasatan terperinci kerana ini sudah tentu merupakan kes penipuan. Cuma siapa yang menipu. Saya tidak yakin bahawa bank yang menipu. Mungkin ada pihak ketiga yang menggunakan nama dan sebagainya. Apa pun saya akan cuba mendapat penjelasan daripada pihak Bank Negara Malaysia dan saya telah panjangkan sebenarnya aduan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**6. Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan berhasrat menaikkan elaun siak masjid selari dengan kenaikan elaun imam dan bilal baru-baru ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejer Jeneral (B) Dato'Seri Jamil Khir Baharum]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam satu Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai kepada soalan yang telah dipanjangkan.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa kerajaan telah menaikkan elaun imam, mukim dan juga imam qariah seramai 12,980 orang daripada seluruh negara dari RM450 sebulan kepada RM750 sebulan seperti mana yang diumumkan pada pembentangan bajet 2011 yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kenaikan ini sedang dinikmati oleh mereka-mereka yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi elaun siak dan bilal yang bagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat Jerai, persetujuan oleh pihak berkuasa Agama Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, dalam Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Yang Amat Berhormat Ketua-ketua Menteri telah pun bersetuju pada kali yang ke lima puluh satu pada 25 Mei 2010. Telah bersetuju agar perkara ini dipertimbangkan dan diperakui oleh pihak negeri masing-masing. Ini kerana lantikan siak dan bilal adalah di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama negeri. Saya mencadangkan Yang Berhormat Jerai meminta cadangan kenaikan ini dibuat oleh kerajaan negeri kerana mereka adalah merupakan tempat ataupun perjanjian yang telah dipersetujui untuk menaikkan elaun tersebut, kerana ini adalah persefahaman dan persetujuan dan juga tanggungjawab negeri masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]:** Terima kasih kepada Menteri yang telah memberi jawapan termasuk berkaitan dengan elaun siak yang hari ini hanya RM290. Cuma apa yang dipersoalkan apabila kursus-kursus yang dibuat oleh JAKIM khususnya kursus Pemantauan Nilai-nilai Islam baru-baru ini, siak juga terlibat. Jadi yang mana menimbulkan keraguan pada pihak imam dan juga siak, kursus tersebut telah diadakan di Institut Kemajuan Desa (INFRA) di Bangi bukan sekadar untuk memberi kemantapan dan juga mengimamkan masjid, tapi kenapa pihak Kementerian dan JAKIM sanggup menggunakan imam, bilal, siak masjid ini untuk kepentingan politik sehingga berlaku pengedaran buku bertajuk PAS bukan Parti Islam. Jadi banyak lagi lah penceramah-penceramah yang bersifat politik kepada imam-imam di masjid sedangkan kami warga menghormati imam masjid sebagai orang penting dalam masyarakat. Jadi, kenapa? Mohon jawapan Menteri. Terima kasih.

**Mejer Jeneral (B) Dato'Seri Jamil Khir Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Jerai. Tuan Yang di-Pertua sememangnya saya tidak jawab pun sebab soalan ini sudah lari daripada soalan asal. Tapi apa-apa pun suka saya jelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kursus amat jauh lari daripada elaun. Sebab kursus untuk peningkatan dan juga penambah baik kefahaman tapi bila dihubungkan dengan elaun ini hal yang berbeza dan persetujuan sebagaimana yang saya sebutkan di dalam persetujuan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang saya tegaskan tadi turut dihadiri bersama-sama Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan juga Ketua-ketua Menteri telah pun bersetuju elaun ini dibayar oleh pihak negeri masing-masing. Tidak kiralah negeri di mana sama ada pembangkang dan juga pihak kerajaan yang diterajuinya di bawah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) masing-masing.

## ■1100

Jadi kedudukan elaun sini berbeza dengan kursus yang telah kita anjurkan oleh pihak JAKIM dan juga yang berkenaan sebab kursus ialah peningkatan kerjaya, peningkatan untuk lebih kefahaman dan sebagainya. Termasuk *current issue*, dengan izin, atau isu-isu semasa yang perlu diperjelaskan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi tuntutan elaun ini berbeza dan mungkin kesilapan maklumat yang didapati oleh Yang Berhormat Jerai. Terima kasih.

**7. Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]** minta Menteri Pelancongan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan Program Malaysia *My Second Home*, di luar negara.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Parit, Kementerian Pelancongan telah mengambil pelbagai langkah bagi mempromosikan Program Malaysia Rumah Keduaku atau *Malaysia My Second Home* (MM2H) iaitu melalui misi-misi jualan Tourism Malaysia dan pejabat-pejabatnya di negara luar dengan memberi tumpuan kepada pasaran sasaran di negara ASEAN, Asia Timur, Asia Tengah, Asia Selatan, Eropah dan Oceania. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti yang berikut:

- (i) mempromosikan program MM2H melalui program pengiklanan Tourism Malaysia di mana program MM2H juga diselitkan dalam global by *Tourism Malaysia*;
- (ii) menggalakkan pengusaha-pengusaha pelancongan negara luar untuk menawarkan MM2H *inspection tours* kepada para pelancong yang berminat untuk menginap secara jangka panjang (*long stay*) di Malaysia;
- (iii) bekerjasama dengan akhbar-akhbar tempatan di pasaran sasaran bagi menjemput warganegara asing yang berpotensi untuk menghadiri seminar MM2H;
- (iv) menyertai pameran inap jangka panjang, persaraan serta gaya hidup di negara luar bagi meningkatkan kesedaran warga negara asing terhadap program MM2H;
- (v) bekerjasama dengan institusi kewangan tempatan di pasaran sasaran bagi menganjurkan seminar MM2H kepada pelanggan yang berminat dalam *relocation program* atau bersara di negara luar seperti Malaysia;
- (vi) memberi taklimat MM2H kepada kumpulan atau tetamu asing yang berminat mengetahui program MM2H sewaktu lawatan mereka ke Malaysia;
- (vii) menerima temu bual media, akhbar, majalah dan stesen televisyen asing mengenai program MM2H;
- (viii) membangunkan laman web MM2H dalam pelbagai bahasa asing bagi memudahkan warganegara asing mendapatkan maklumat lanjut mengenai program MM2H;
- (ix) bekerjasama dengan peserta-peserta MM2H untuk menyediakan bahan promosi yang bersifat testimonial dalam bentuk DVD serta risalah dan buku yang menggambarkan pengalaman hidup mereka di Malaysia bagi tujuan penyedaran kepada para warganegara asing yang berminat terhadap program ini;
- (x) bekerjasama dengan persatuan agen-agen berlesen MM2H dalam mempromosikan dan memberikan penerangan tentang MM2H;



- (xi) mengedarkan risalah MM2H kepada para peserta MICE di persidangan-persidangan yang dianjurkan di Malaysia; dan
- (xii) menggalakkan agen-agen berlesen MM2H yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan untuk bekerjasama dengan syarikat pelancongan ataupun agen-agen negara luar untuk memasarkan program MM2H.

Sekian.

**Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jika kita lihat jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia tahun lalu mencatatkan peningkatan dengan menyumbang kepada ekonomi negara sekali gus meletakkan Malaysia di tangga kesembilan negara paling banyak dikunjungi di dunia.

Soalan tambahan saya, saya difahamkan program seperti *homestay* paling banyak digemari oleh pelancong luar negara dan antara pakej yang senantiasa mendapat permintaan yang cukup tinggi. Masalahnya sekarang ialah berleluasanya *homestay* haram. Apakah kementerian akan mewajibkan kepada pengusaha *homestay* sedia ada untuk berdaftar dengan kementerian, dan apakah strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi memperhebatkan lagi program *homestay* kepada pelancong luar negara? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan selama ini sememangnya mempromosi program-program *homestay* dan juga MM2H di luar negara.

Di antara strategi-strategi yang telah pun dibuat dan telah pun dilaksanakan adalah untuk memasarkan program *homestay* di luar negara dengan menarik minat yang lebih kuat lagi kepada mereka dari segi *homestay* yang menggambarkan budaya Malaysia. Selain daripada itu *homestay* juga boleh digandingkan dengan ekopelancongan, sebab *homestay* di negara kita terletak di kampung-kampung di luar bandar. Oleh yang demikian peminat pelancong-pelancong asing untuk *homestay* yang digandingkan dengan ekopelancongan sememangnya tinggi. Oleh itu mereka sentiasa datang. Sebagai contoh, *homestay* di negeri Sabah ada 16 *homestay*. Bukan 16 buah rumah tetapi 16 *homestay*. Oleh kerana negeri Sabah mempromosikan *homestay* dengan ekopelancongan, maka pendapatan *homestay* di negeri Sabah amatlah tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Pada tahun lepas pendapatan operator *homestay* di negeri Sabah ialah lebih daripada RM2 juta, jika dibandingkan umpamanya dengan negeri Johor yang mendapat RM1.6 juta daripada pendapatan operator. Oleh itu saya yakin strategi yang kementerian kita sudah buat sememangnya berkesan. *Homestay* haruslah digandingkan dengan ekopelancongan dan *nature-based tourism*. Sekian.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri 12 langkah yang diambil oleh kementerian, saya ingin tahu apakah bentuk promosi yang dijalankan dan sambutan yang diterima. Dan apakah faktor utama yang dikesan oleh kementerian akan kekurangan sambutan tentang promosi Malaysia *My Second Home* ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Soalan asal ialah mengenai MM2H dan pertanyaan Yang Berhormat lagi adalah mengenai *homestay*.

■1110

Langkah-langkah yang telah pun diambil selama ini kalau kita lihat sememangnya berkesan daripada segi kehadiran pelancong-pelancong asing ke *homestay*. Hari ini saya tidak ada statistik yang sebenar untuk *homestay* tetapi untuk MM2H yang melambangkan satu lagi destinasi pelancong-pelancong negara luar kepada negara kita. Setakat ini peserta MM2H kesemuanya hingga bulan Ogos tahun ini ialah 16,102 orang. Negara yang tertinggi sekali dengan bilangan yang tertinggi sekali negara China dengan jumlah 2,653 peserta.

Kedua adalah peserta daripada negara Bangladesh iaitu 1,967 orang dan ketiga ialah peserta daripada United Kingdom iaitu 1,728 orang. Daripada perbelanjaan peserta MM2H, perbelanjaan yang minimum dalam satu tahun ialah RM2.6 bilion.

Oleh itu sememangnya kementerian menggunakan pakej-pakej seperti MM2H sebagai pakej tarikan pelancong-pelancong asing dan juga *homestay* untuk menarik minat lebih tinggi lagi kepada pelancong-pelancong asing kerana *homestay* adalah *linking culture to nature* dengan izin. Itu kekuatan negara kita, Malaysia memang kuat dengan *nature* dan *culture* ataupun budaya. Oleh itu kita akan terus mempromosikannya menggunakan strategi itu dan juga kita mengambil mungkin ada faktor yang memberi kelemahan kepada kita dan membuat analisa supaya faktor yang memberi kelemahan ini kita membuat kekangan supaya faktor ini boleh diketepikan untuk industri pelancongan di negara kita. Sekian, terima kasih.

**8. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor disebabkan kelewatan atau tidak dibayar kerajaan atau majikan swasta dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu projek pembinaan itu melibatkan pelbagai lapisan hierarki kontrak seperti pelanggan, klien, kontraktor utama, subkontraktor dan pembekal. Di samping itu, pelaksanaan sesuatu projek itu kebiasaannya melibatkan pelbagai fasa-fasa pembinaan seperti kerja-kerja tapak, substruktur, super struktur, mekanikal dan *electrical*, hiasan dalaman dan sebagainya yang melibatkan pelbagai kontrak persaingan. Manakala kaedah pembayaran projek pula kelazimannya akan dibuat secara beransur-ansur mengikut kemajuan kerja sehingga sesuatu projek itu disiapkan secara keseluruhannya. Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sememangnya mengambil maklum mengenai isu kelewatan atau kegagalan pembayaran yang sering berlaku dalam industri pembinaan khususnya melibatkan subkontraktor atau pihak pembekal.

Isu ini memberikan kesan secara berantai kerana ia melibatkan pelbagai pihak dalam industri pembinaan. Ini kerana tanpa sebarang jaminan mengenai pembayaran dan keadilan menerusi proses adjudikasi, pihak-pihak yang tidak menerima bayaran itu bakal mengalami masalah aliran tunai yang serius sehingga menanggung hutang-hutang dan ada yang terpaksa menggulung perniagaan. Ia berikutan pertikaian tuntutan pembayaran kebiasaannya akan berlanjutan untuk tempoh masa yang panjang untuk diselesaikan menerusi proses perundangan sedia ada. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya pada masa kini sedang dalam peringkat akhir untuk memartabatkan cadangan untuk mewujudkan satu akta bagi melindungi kepentingan pihak-pihak yang terlibat khususnya kepada golongan subkontraktor dan pembekal.

Cadangan akta ini akan dikenali sebagai Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan atau dengan izin, *Construction Industry Payment and Adjudication Act* dengan ringkasnya CIPAA. Menerusi akta baru ini, kepentingan pihak yang terlibat dalam industri pembinaan akan lebih terjamin dan sebarang pertikaian mengenai isu pembayaran akan dapat diselesaikan dengan lebih cepat menerusi proses adjudikasi. Pembacaan pertama Rang Undang-undang CIPAA dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang iaitu pada bulan Mac 2012 tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Jemaah Menteri. Sekian, terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan yang lengkap tentang masalah yang dihadapi oleh kontraktor terutamanya subkontraktor dan pembekal. Kita tahu pembinaan adalah satu sektor yang penting untuk pembangunan negara kita dan masalah yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah satu masalah yang serius kerana di dalam negara kita, kita mengamalkan sistem *main contractor* dan kebanyakan *main contractor* telah menerima bayaran tetapi enggan bayar kepada subkontraktor dan pembekal.

Kita mengalu-alukan CIPAA untuk mengadakan satu sistem yang akan memberikan jaminan kepada subkontraktor dan kepada pembekal. Saya hendak tanya apakah jadual masa untuk menjamin bahawa CIPAA ini dapat dibahas dan diluluskan dalam Dewan di dalam sesi yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya katakan telah pun dalam drafnya telah pun dibuat sampai ke akhir sekarang. Kita tunggu kelulusan dari pihak Jemaah Menteri dan mungkin kalau tidak dapat dicepatkan, mungkin sesi ini saya tidak pasti tetapi sesi Mac memang kita akan bentangkan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, fenomena projek lewat, gagal dan sebahagian kontraktor tidak mampu melaksanakan kerja begitu juga kelewatan bayaran kepada kontraktor-kontraktor ini adalah perkara biasa selain kita dengar di dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

Ini bukan sahaja merugikan kerajaan kerana terpaksa dwi tender dan sebagainya bahkan merugikan kontraktor sendiri. Saya hendak bertanya Timbalan Menteri, apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan oleh kementerian khususnya dalam menangani isu kedua-duanya. Macam tadi disebutkan dari segi pembayaran tetapi dari segi pelaksanaan projek, sebab itu saya tidak melihat menyalahkan kerajaan semata-mata. Sebahagian daripada kontraktor juga lewat melaksanakan projek mengakibatkan kadang-kadang bayaran menjadi lewat.

Jadi, apakah langkah positif yang *win-win situation*, memenangi kedua-dua pihak yang dilaksanakan oleh kementerian termasuk membimbing kontraktor-kontraktor ini supaya mereka dapat melaksanakan projek dengan baik dan mengikuti peraturan-peraturan. Kadang-kadang yang menjadi mangsa seperti yang disebut oleh kementerian tadi ialah subkontraktor yang terpaksa menerima beban yang besar akibat daripada kecuai dan tindakan yang dilakukan oleh kontraktor utama. Jadi apakah langkah positif dalam menangani isu ini? Terima kasih.

■1120

**Dato' Yong Khoo Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis kontrak. Satu, ianya di antara kerajaan dengan kontraktor. Yang ada juga kontrak-kontrak industri pembinaan yang diubah oleh pihak majikan. Dia bukan kontraktor tetapi dia upah kontraktor. Kita tahu di dalam kementerian, kita telah pun menerima arahan supaya kita memberikan bayaran dalam tempoh 14 hari. Ini tidak timbul kelewatan projek kerana tidak dibayar kepada kontraktor ini. Apa yang berlaku memang berlaku di pihak swasta di mana pihak kontraktor dengan majikan juga dan pihak kontraktor dengan subkontraktor, mereka tidak ada satu perjanjian, satu *contract* yang perlu, yang dapat digunakan yang sangat penting. Kita gubalkan Akta CIPAA ini memang bertujuan untuk menyelesaikan masalah yang ada yang kita hendak tentukan semua kerja, mahupun dari kontraktor pergi ke subkontraktor mestilah melalui satu perjanjian supaya kita dapat ambil tindakan dan lagipun di antara majikan dengan kontraktor itu juga. Dari pihak kerajaan kita ada tentukan semua, kita akan bayar dalam tempoh 14 hari. Terima kasih.

**9. Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, jumlah pengusaha kedai runcit yang menyertai Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) di Sabah, terutama di Parlimen Tenom sejak diperkenalkan Januari tahun ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR bertujuan untuk memodenkan kedai runcit tradisional sedia ada bagi meningkatkan tahap daya saing dalam persekitaran perniagaan peruncitan yang kompetitif. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan juga asing sebagai tanggungjawab *social* syarikat terbabit membangunkan peruncit-peruncit tempatan.

Pihak *hypermarket* akan memberi khidmat nasihat dari segi susun atur produk, peralatan dan *machine* terutamanya memperkenalkan *point of sales system* dan latihan kepada peruncit berkaitan dengan pengurusan kedai yang lebih sistematik.

Peserta projek boleh memohon pinjaman daripada Bank Rakyat sehingga RM60 ribu dengan kadar caj perkhidmatan sebanyak 3 peratus bagi tempoh bayaran balik sehingga 15 tahun. Pada tahun 2011, kerajaan menyasarkan sebanyak 500 buah kedai runcit dimodenkan di seluruh negara. Sehingga 14 Oktober tahun 2011, sebanyak 315 buah kedai runcit termasuk kedai runcit koperasi telah berjaya dimodenkan manakala 285 buah kedai lagi dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Manakala di Sabah, sebanyak 15 buah kedai termasuk kedai runcit koperasi telah menyertai projek TUKAR. Pecahan mengikut kawasan adalah seperti berikut:

| Kawasan       | Bilangan Kedai TUKAR |
|---------------|----------------------|
| Keningau      | 4                    |
| Kota Belud    | 7                    |
| Tamparuli     | 1                    |
| Tawau         | 1                    |
| Penampang     | 1                    |
| Kota Kinabalu | 1                    |

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada peruncit yang menyertai projek TUKAR di kawasan Parlimen Tenom dan saya mohon jasa baik Yang Berhormat untuk mungkin untuk mencadangkan beberapa kedai runcit tradisional atau kedai runcit koperasi untuk menyertai program ini. Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasihlah di atas pelawaan untuk mendaftarkan kedai-kedai runcit yang ada di Tenom untuk dimasukkan dalam Program Transformasi Kedai Runcit iaitu TUKAR. Tuan Yang di-Pertua, tahniah juga kepada pihak kementerian kerana telah berjaya menghasilkan ataupun mentransformasikan kedai runcit seperti mana yang telah dinyatakan tadi oleh Timbalan Menteri sebanyak 315 dan di Sabah 15 buah dalam proses dan terima kasihlah juga disertakan bantuan modal melalui Bank Rakyat di mana pinjamannya sebanyak RM60 ribu dan kadar peratus cuma 3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi kebimbangan kepada setiap kedai-kedai runcit tradisional seperti di kawasan-kawasan yang terpencil. Memang banyak yang berminat untuk menyertai Program Transformasi Kedai Runcit ini ataupun sistem TUKAR ini tetapi saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apakah kedai runcit ini bersetuju mengikut TUKAR terpaksa mengambil bekalan runcit daripada pembekal besar seperti di Semenanjung iaitu Mydin Mohamed Holdings Berhad, *Mydin*.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat *hypermarket* ini dilantik sebagai konsultan, ini akan memperlihatkan suatu sistem monopoli pula. Ini yang menjadi kerisauan nanti pula tidak ada peluang kepada pemborong-pemborong yang lain yang mana kita tahu bahawa kedai-kedai runcit yang ada pada hari ini, mereka mempunyai pembekal-pembekal yang sudah sedia ada dan yang dijual secara murah dan secara lebih baik, mungkin daripada syarikat seperti *hypermarket* yang besar ini iaitu Mydin. Jadi, saya mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat dari Tenom. Yang Berhormat, tujuan kita memperkenalkan atau kerajaan memperkenalkan Program TUKAR adalah untuk kita 'memodenkan', itu yang menjadi kata kunci, 'memodenkan' kedai-kedai runcit tradisional yang ada di kampung-kampung ini supaya mereka dapat bersaing dengan kedai-kedai runcit yang banyak datang termasuk *hypermarket* dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, ini adalah tujuannya dan terima kasihlah Yang Berhormat sebab menyuarkan kebimbangan yang mungkin itu sebabnya banyak kedai runcit yang agaknya ragu-ragu atau bimbang.

Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat, memanglah kita ada konsultan untuk membantu tetapi konsultan itu setakat untuk membimbing supaya sistem-sistem yang diperkenalkan adalah satu sistem yang sudah terbukti yang baik.

Untuk negeri Sabah Yang Berhormat, konsultan yang membimbing kedai-kedai runcit yang hendak mengikuti Program TUKAR adalah Giant dan juga bagi kedai koperasi adalah FELDA Trading. Mereka ini akan membimbing selama dua tahun Yang Berhormat. Pada masa itu, terpulanglah kepada peruncit itu untuk mengambil juga barangan daripada pihak konsultan iaitu Giant atau mereka boleh tetap dengan langganan mereka yang biasa.

Akan tetapi yang pentingnya Yang Berhormat, dengan adanya program TUKAR ini, saya sendiri sudah ke Sabah untuk merasmikan satu kedai di Keningau, saya bertanya terus kepada mereka yang melanggan dan memang didapati satu, dia kata lebih ceria. Lebih ceria dan lebih terang kedai itu sebab biasanya kedai-kedai kita di kampung ini kadang-kadang lampu pun tidak berapa ini. Akan tetapi yang paling pentingnya susun atur barangan itu lebih sistematik. Bermakna kita tahu tempat beras ada tempat berasnya, tempat gula ada tempat gulanya, tempat susunya susun susu sama susu dan sebagainya. Bermakna ia lebih sistematik dan ini akan menceriakan kedai-kedai runcit di kampung yang tradisional dan ini satu caranya bahawa langganannya telah terbukti Tuan Yang di-Pertua, langganan telah bertambah 30 peratus hingga 40 peratus. Sebab sekarang ini pelanggan hendak datang masuk dalam kedai sebab lebih selesa, lebih bercahaya dan susun atur barang itu lebih memudahkan mereka membeli.

#### ■1130

Jadi Yang Berhormat, saya mohonlah kepada Yang Berhormat. Bolehlah berjumpa dengan pegawai saya di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan yang terdekat supaya dapat lebih jelas sebab ini adalah satu program yang baik, Yang Berhormat. Ini kerana ini dibantu dari segi konsultannya dan bukan dibayar oleh peruncit itu sebab semuanya diaturnya sekali dan mereka..., pinjaman itu boleh juga untuk:

- (i) memang untuk mengubahsuai;
- (ii) untuk stok barangan; dan
- (iii) untuk membeli peralatan moden.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.31 pg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 20 Oktober 2011.”

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

#### **DAN**

#### **USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2012**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion dua ratus empat puluh lapan juta sembilan ratus ribu ringgit (RM51,248,900,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2012, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 2011, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[18 Oktober 2011]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka untuk meneruskan hujah, Yang Berhormat Kota Melaka mempunyai 25 minit lagi. Saya ingin bertanya. Ramai lagikah yang ingin berbahas ini?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ramai. Tuan Yang di-Pertua, ramai lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai lagi. Jadi, saya ada cadangan di sini. Kalau semua ataupun hampir semua kita beri peluang untuk berhujah, maka masa kita akan pendekkan daripada setengah itu kepada satu masa yang kita rasa sesuai untuk semua. Akan tetapi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat cari nasib, siapa yang kena panggil boleh berhujah setengah jam, maka kita akan kekalkan kepada setengah jam.

**Beberapa Ahli:** Masa nit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 20 minit?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Masa 25 minit.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Masa 20 minit pun jadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 20 minitlah, 20 minit!

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ataupun budi bicara Tuan Yang di-Pertualah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa 20 minit. Jadi, semua boleh dapat bercakap.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Pembangkang beri 10 minit sahaja... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Barisan Nasional beri lebih sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Lebih, 21 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa] Masa 20 minitlah Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi jangan... Kalau tepat pada 20 minit itu, setiap penghujah boleh dapat selesaikan hujah. Saya rasa boleh hampir semua dapat berhujah.

Sila, Yang Berhormat Kota Melaka. Ada 25 minit lagi. Selepas Yang Berhormat Kota Melaka, semua 20 minit ya.

**11.33 pg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malam semalam semasa saya mengambil bahagian dalam perbahasan, saya ada menyentuh tentang program transformasi politik dan saya juga menyatakan undang-undang yang telah luput, ketinggalan zaman terutamanya yang melanggar hak asasi manusia perlu dipinda atau dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu iaitu *National Land Code* – Kanun Tanah Negara ini memperuntukkan kuasa kepada kerajaan untuk merampas tanah pemilik, tanah yang gagal atau mempunyai tunggakan cukai tanah. Kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara ini adalah terlalu luas sehingga mengakibatkan penyalahgunaan peruntukkan ini oleh pihak pentadbir. Saya ingin beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1996, satu projek tambakan laut ke atas Pulau Jawa di Melaka dan dinamakannya Pulau Melaka telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]*

Di atas tanah ini, satu projek pembangunan campuran iaitu melibatkan pembinaan kedai pejabat, kondominium, apartmen dan lot banglo dirancang dan dibina. Di bawah projek ini, seramai 1,386 orang pembeli telah menandatangani perjanjian jual beli. Kesannya pada tahun 1998, projek ini terbengkalai. Pada ketika itu pembinaan fasa satu projek ini telah siap 90 peratus dan fasa dua telah siap 65 peratus. Pembeli-pembeli asal telah mula menjelaskan bayaran balik pinjaman bank secara ansuran. Pihak pemaju telah cuba memulihkan projek tersebut beberapa kali tetapi gagal. Akhirnya, mahkamah tinggi telah melantik *regulator* untuk memulihkan projek tersebut.

Selepas penelitian dan pengiraan diputuskan, tiada sebarang tambahan kos bagi pemulihan projek yang perlu dibayar oleh pembeli-pembeli asal. Tuan Yang di-Pertua, apabila pemulihan projek sedang dilaksanakan, Kerajaan Negeri Melaka di bawah UMNO dan Barisan Nasional telah merampas tanah projek tersebut dengan alasan bahawa cukai tanah tidak dijelaskan oleh pemaju asal. Kerajaan Negeri Melaka telah melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) untuk mengalihkan kerja-kerja pembinaan projek ini. Pada ketika itu, Ketua Menteri Melaka secara umum telah memberikan jaminan bahawa kepentingan dan hak pembeli-pembeli asal akan dilindungi dan dijaga.

Ketua Menteri Melaka turut menyatakan bahawa pembeli-pembeli terlibat sama ada boleh memilih untuk meneruskan pembelian unit asal mereka atau jika tidak kerana tidak mampu atau tidak berminat lagi dengan unit mereka. Kerajaan Negeri Melaka akan membeli unit mereka. Tambahan, pembeli-pembeli asal ini akan diberi satu tahun untuk mereka membuat pilihan atau keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya pada 23 September ini, pembeli-pembeli asal menerima surat daripada CMI dan pembeli-pembeli asal ini diberi sehingga 14 Oktober ini sahaja untuk membuat keputusan iaitu mereka berminat untuk meneruskan pembelian unit mereka. Mereka dikehendaki untuk menandatangani perjanjian baru dengan CMI dalam tempoh tersebut. Tempoh masa yang diberi hanya lebih kurang tiga minggu. Jika tidak unit mereka akan dijual kepada pembeli yang lain atau yang baru. Apa yang lebih mengejut dan mengecewakan iaitu CMI ini telah menaikkan harga seunit, sebanyak 20 peratus daripada harga asalnya. Di dalam kes ini, Ketua Menteri telah gagal melindungi kepentingan pembeli-pembeli asal dan memungkirkan janji kepada pembeli-pembeli asal. Apakah Kerajaan Negeri Melaka di bawah pimpinan UMNO dan Barisan Nasional bertindak adil kepada pembeli-pembeli asal?

Mereka ini adalah mangsa projek terbengkalai. Apakah gunanya pimpinan Barisan Nasional sering kali melaung-laungkan rakyat diutamakan atau rakyat didahulukan jika mereka tidak mengambil tindakan selaras dengan laungan mereka ini? Di dalam kes ini, pembeli-pembeli asal adalah mangsa dan ditindas lagi oleh tindakan Kerajaan Negeri Melaka iaitu menggunakan peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara untuk merampas tanah, mengenakan kenaikan harga. Mengapa Ketua Menteri enggan berjumpa dengan pembeli-pembeli asal walaupun temu janji dipohon? Pembeli-pembeli asal ini ingin mengetahui apakah justifikasi untuk menaikkan harga jual beli untuk unit mereka. Adakah Kerajaan Negeri ingin mengaut keuntungan di atas kesulitan mangsa-mangsa projek terbengkalai ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kes ini, tiada seorang pembeli pernah menerima notis daripada Pejabat Tanah berkenaan tunggakan dan kegagalan pemaju asal menjelaskan cukai tanah tersebut. Oleh itu jelas bahawa Kanun Tanah Negara ini yang memperuntukkan kuasa kepada pihak pentadbir merampas tanah kerana gagal menjelaskan cukai tanah telah disalahgunakan dan perlu dikaji dan dipinda dengan segera.

Satu lagi tentang Akta Kesalahan Pilihan Raya. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi akta yang perlu dipinda segera adalah Akta Kesalahan Pilihan Raya. Buat masa kini, jika seseorang wakil rakyat, ADUN atau Ahli Parlimen, jika mereka letak jawatan, mereka akan dilarang bertanding di kerusi asalnya atau mana-mana kawasan dalam tempoh masa lima tahun. Tambahan, seorang wakil rakyat yang keluar dari parti asal di atas tiket di mana ahli tersebut bertanding, ahli tersebut terus tidak diwajibkan untuk mengosongkan kerusinya. Saya berpendapat akta ini perlu dipinda untuk mempertahankan hak pemilik dan integriti wakil rakyat-wakil rakyat.

#### ■1140

Kita sedia maklum kami telah dipilih sebagai seorang Ahli Parlimen atau seorang ADUN dengan menjadi calon di atas tiket parti-parti tertentu. Jika kita keluar dari parti asal sebagai seorang yang bertanggungjawab dan menghormati pemilih kami, mandat ini perlu dipulangkan balik kepada mereka. Pada masa sekarang ahli enggan meletakkan jawatan kerana mereka dilarang bertanding dalam masa lima tahun. Kalau akta ini dapat dipinda, boleh kita katakan di dalam Dewan ini Ahli-ahli Parlimen yang duduk di blok bebas itu adalah benar-benar Ahli Parlimen BEBAS yang memenangi kerusi dengan lambang sendiri. Kita mesti beri kehormatan kepada mereka seperti ahli-ahli yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkhidmatan hospital swasta. Kawalan terhadap perkhidmatan dan pengurusan hospital swasta perlu dipertingkatkan oleh Kementerian Kesihatan atau oleh menteri-menteri yang berkaitan. Saya sering kali menerima aduan daripada orang ramai yang mengadu bahawa hospital swasta terlalu mengutamakan keuntungan dan kurangnya menitikberatkan pemberian perkhidmatan bermutu atau menyelamatkan nyawa atau menjalankan tanggungjawab sosial mereka.



Aduan keluarga pesakit si mati adalah bahawa perkhidmatan hospital swasta kurang belas kasihan atau kemanusiaan. Saya ingin memberikan satu kes untuk menarik perhatian Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan. Seorang warga Filipina bernama Puan Chearim, suaminya Goh Chong Hee seorang warga Malaysia, hasil perkahwinan mereka dikurniakan seorang anak perempuan yang kini berumur lima tahun.

Pada bulan Disember 2007 Encik Goh telah dimasukkan ke wad di Hospital Pantai Melaka, sebuah hospital swasta. Borang kemasukan wad di hospital iaitu *admission form* iaitu menerima rawatan telah ditandatangani oleh isterinya tanpa dimaklumkan oleh pihak hospital bahawa salah satu borang adalah borang jaminan iaitu *guarantee form*. Encik Goh mempunyai kad perubatan *medical card* yang bernilai RM150,000 dan diterima oleh pihak Hospital Pantai.

Kesalnya Encik Goh telah meninggal dunia awal bulan Mac 2008 dan juga kos rawatan mencecah lebih kurang RM144,427.79. Puan Chearim telah membayar deposit RM4,250 dan pihak insurans hanya menjelaskan RM50,000 sahaja untuk bil rawatan hospital tersebut. Pihak Hospital Pantai menuntut bagi bil rawatan sebanyak RM90,177.79 dan termasuk faedah 8 peratus keseluruhannya dituntut dari hospital ialah RM120,000.

Puan Chearim ini ialah seorang isteri warga asing dan tidak mempunyai permit kerja. Beliau perlu menjaga anak yang berumur lima tahun. Mereka menetap di rumah yang ditinggalkan oleh suaminya. Kehidupan keluarga Puan Chearim bergantung kepada pemberian kawan atau saudara maranya. Masalahnya adalah pihak Hospital Pantai mengambil tindakan menuntut dari Puan Chearim bagi bil rawatan tersebut di mahkamah dan perintah telah diberi oleh mahkamah.

Peguam yang mewakili Hospital Pantai telah menyerahkan notis untuk menguatkuasakan perintah mahkamah tersebut sehingga akan melelongkan rumah yang ditinggalkan mendiang Encik Goh. Apakah yang akan terjadi kepada kehidupan Puan Chearim dan anak yang berumur lima tahun ini? Mengapa pihak Hospital Pantai tidak mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak insurans yang telah menerima kad perubatan insurans tersebut ketika Encik Goh diterima masuk ke wad hospital untuk rawatan. Saya memohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Kementerian Kewangan untuk menyiasat kes ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk membantu Puan Chearim seorang ibu tunggal dan janda.

Tuan Yang di-Pertua, ...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta laluan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kota Melaka. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Melaka berkenaan dengan kawalan MCO ini khususnya syarikat-syarikat insurans yang sepatutnya memberi perkhidmatan untuk melindungi pesakit? Walaupun kita ada *Health Care Facilities Act* yang mengawal hospital swasta tetapi setakat ini tidak ada *guideline* untuk mengawal selia khususnya MCO-MCO ini. Sekian.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Saya setuju Yang Berhormat bangkitkan tentang ini dan saya harap ini boleh dimasukkan ke dalam ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bangkitkan beberapa perkara di kawasan saya dan harap dapatkan satu jawapan atau pun satu penjelasan dari kementerian berkenaan iaitu jalan raya pesisiran pantai Melaka.

Projek ini telah lama diluluskan tetapi peruntukan untuk pembinaan bahagian jalan dari Taman Melaka Raya ke Padang Tengung sampai hari ini masih belum diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka. Tanpa bahagian jalan raya ini dibina, kita tidak dapat mengatasi kesesakan lalu lintas di kawasan Taman Melaka Raya dan juga tapak-tapak pelancongan di sekitar kawasan Dataran Pahlawan. Saya ingin tahu perkembangan tentang peruntukan ini.

Kedua, saya juga ingin bertanya tentang peruntukan untuk projek mencegah banjir kilat di Bandaraya Melaka.

Saya difahamkan sebahagian dari peruntukan masih belum sampai ke Kerajaan Negeri Melaka dan mengakibatkan pembinaan projek mencegah banjir kilat ini tidak dapat disempurnakan. Masih ada sebahagian tidak dapat dimulakan kerana peruntukan masih belum sampai ke Kerajaan Negeri Melaka.

Saya juga ingin bertanya tentang projek di Sungai Udang, Melaka iaitu satu tapak pengurusan sisa pepejal yang telah lama diluluskan tetapi sampai hari ini saya belum tahu tentang tahap pembinaan atau perkembangan tentang projek ini. Adakah ia akan dijalankan seperti yang dijawab di Dewan yang mulia ini sebagai *landfill* atau yang dikatakan oleh pihak kerajaan negeri akan ditukarkan kepada *incinerator*.

Saya ingin bertanya pihak kementerian iaitu tentang *specs* dan kawasan atas pembinaan jambatan-jambatan di negeri Melaka. Memang sering kali jambatan dibina di negeri Melaka menghadapi masalah. Saya ingin pergi ke satu contoh iaitu Jambatan Tambak Bugis, di Telok Emas Melaka. Tidak lama ia mula digunakan terpaksa ditutup tiga kali kerana keretakan. Nampaknya *footing* atau *foundation* pun sudah *give away* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin minta pihak kementerian memberitahu Dewan yang mulia ini tentang siasatan yang telah dijalankan dan apakah *finding* atau keputusan siasatan itu? Apakah tindakan selanjutnya untuk membaiki masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya mengalu-alukan usaha kerajaan menyediakan SME Revitalization Fund dan dengan dana RM100 juta. Saya ingin tanya berapa jumlah peruntukan sudah sedia untuk *reinvestment allowance*? Adakah ia mesti kekal atau berapa peruntukan yang disediakan untuk tahun depan? Adakah bank *promotion grant* juga boleh dipohon dan boleh dipertimbangkan terutama untuk pemenang-pemenang *National Note of Malaysia Brand*. Dengan itu saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Kota Melaka berhubung dengan undang-undang pilihan raya tadi. Yang Berhormat sedar bahawa kita telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk membuat kajian. Jadi, apabila jawatankuasa ini membuat satu *public examination*, hadirilah untuk menyarankan apa Yang Berhormat sebutkan itu. Begitu juga semua ahli-ahli kalau berminat...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih, saya akan hadir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Jangan bercakap dalam Dewan mengatakan tidak. Respons nanti ya. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Tebrau.

■1150

11.50 pg.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah menghasilkan Bajet 2012, satu bajet yang amat mendekati hati rakyat. Ini kerana pada umumnya bajet ini akan membantu meredakan tekanan inflasi yang sedang dialami oleh rakyat ekoran kenaikan kos kehidupan khususnya rakyat golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

Ciri-ciri yang kedua yang amat disanjung tinggi oleh saya ialah usaha mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetuskan inovasi. Ini termasuk menggalakkan kreativiti, inovasi dan teknologi moden yang melibatkan pereka bentuk tempatan. Penyediaan peruntukan khas RM1 bilion bagi menambahbaikkan kemudahan di semua jenis sekolah, insentif yang diberikan kepada sektor swasta untuk menyediakan pendidikan berkualiti bagi melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang. Sumbangan kewangan daripada syarikat dan orang perseorangan kepada sekolah dan tempat-tempat ibadat diberikan potongan cukai. Langkah-langkah ini semoga akan melibatkan rakyat keseluruhan bersama-sama menambahbaikkan infrastruktur pendidikan negara.

Walau bagaimanapun, suara rakyat masih kedengaran bahawa peruntukan khas bagi menambahbaikkan kemudahan sekolah ini, perlu ditambah lagi khususnya bagi SJK(C) dan SJK(T) dan komuniti Cina masih mengharapkan sekolah-sekolah Cina perlu ditambahkan lagi di tempat-tempat yang wujudnya keperluan khususnya di kawasan bandar yang kelihatannya jumlah murid sesebuah sekolah yang menjangkau 3,000, 4,000 sehingga 5,000 orang murid yang boleh dianggap kurang sihat dan menjejaskan kualiti pendidikan daripada segi pengurusan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, program-program kerajaan untuk meredakan inflasi, menambahbaikkan kehidupan rakyat juga disanjung tinggi. Rakyat bagi kali pertama benar-benar menikmati pelajaran percuma di sekolah rendah dan menengah. Selain mengekalkan subsidi, insentif dan bantuan sejumlah RM33.2 bilion, bantuan sebanyak RM500 kepada keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah dan RM100 kepada semua murid sekolah rendah dan menengah adalah amat kena pada masanya. Apabila rakyat jelata merasa impak inflasi sejagat, keprihatinan kerajaan terhadap beban hidup rakyat ini umum dihargai.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan dalam usaha dan tekad dalam melaksanakan transformasi politik khususnya memansuhkan ISA, *Banishment Act*, *Restricted Residence Act* and KDN. Ini jelas mempamerkan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional untuk mentransformasikan politik yang dijanjikan sebelum ini. Selaras dengan dasar liberalisasi ini, kerajaan harus melihat semula dan meminda AUKU iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk menyedarkan pelajar-pelajar IPTA dan IPTS atau institusi pengajian tinggi kepada budaya dan kenyataan politik negara supaya mahasiswa dan mahasiswi kita dilatih, semoga memiliki pemikiran *analytical* dan berpandangan tersendiri dan lebih didedahkan kepada dan mendekati masalah-masalah rakyat dan negara serta lebih bertanggungjawab daripada segi fikiran, pertuturan dan kelakuan.

Kerajaan harus mengakui dasar liberalisasi pendidikan dan pemikiran akan memantapkan lagi sistem pendidikan negara. Pada hakikatnya berikutan globalisasi kegiatan ekonomi yang semakin pesat, kita memerlukan tenaga yang fasih dalam pelbagai bahasa dan kemahiran. Dengan sebab itu, kerajaan harus mengiktiraf UEC iaitu *United Examination Certificate* supaya bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran tidak lagi dipermainkan sebagai isu politik. Kita harus mengakui selama ini bahasa Malaysia tetap menjadi bahasa utama bagi rakyat Malaysia dan martabat bahasa Malaysia tetap diutamakan. Akan tetapi kemahiran *bilingual* atau *trilingual* oleh generasi muda kita, tidak dapat dinafikan. Sudah menjadi satu kelebihan bahkan keperluan dalam bidang sosial dan ekonomi mahupun dalam negara ataupun di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan masalah-masalah yang dialami oleh rakyat kawasan Parlimen Tebrau. Pertama, rakyat di Kampung Pasir Salam, Kampung Bukit Dagang di kawasan Tebrau masih belum ada bekalan air dan elektrik dan Kampung Penderam masih belum ada air. Permintaan rakyat ini adalah benar dan amat mendesak. Saya mohon tindakan secepat mungkin untuk melegakan kesulitan rakyat ini.

Kedua, PIBG SJK(C) Foon Yew 5 di kawasan Parlimen Tebrau masih menunggu peruntukan daripada Kementerian Pelajaran berjumlah RM1 juta untuk pembinaan bangunan tambahan bagi sekolah tersebut. Peruntukan ini telah pun diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada 20 Oktober 2009. Saya mohon kementerian mengambil tindakan segera untuk menunaikan janji ini.

Ketiga, projek rumah pangsa yang sakit yang melibatkan pembeli rumah seramai 900 orang daripada golongan berpendapatan rendah. Projek ini ada sepuluh buah blok dan 911 unit. Akan tetapi, setelah siap membina satu daripada sepuluh blok rumah pangsa, pemaju berkenaan telah berhenti membina. Setelah siasatan dengan Jabatan Insolvensi, maka didapati pemaju berkenaan belum bankrap. Pihak KPKT yang dihubungi mengatakan tidak dapat mengambil alih projek sakit ini kerana bukan projek terbengkalai. Pada masa ini, yang menjadi mangsa ialah seramai 900 orang pembeli-pembeli rumah pangsa kos rendah yang menghadapi kesulitan tidak terhingga. Kerajaan harus mengambil tindakan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab seperti ini dan juga menyediakan undang-undang untuk mengatasi salah laku yang bersifat penipuan untuk memberikan perlindungan kepada pembeli-pembeli khususnya yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Firefly telah pun memansuhkan penerbangan dari Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai ke Sabah dan Sarawak pada bulan September tahun ini dan penerbangan dari Senai-Johor ke Bandung dan Surabaya di Indonesia. Tindakan ini amat mengecewakan rakyat Johor. Saya difahamkan oleh Exco Pelancongan Kerajaan Negeri Johor bahawa Kerajaan Negeri Johor telah banyak membelanjakan wang untuk mengadakan pelbagai program promosi pelancongan di destinasi-destinasi tersebut dan kini tiba-tiba Firefly memberhentikan penerbangan yang merupakan pertimbangan utama dalam perancangan pelancongan Kerajaan Negeri Johor ke destinasi-destinasi tersebut. Mengapakah Firefly mengambil tindakan yang tidak bertanggungjawab ini tanpa mengatur perkhidmatan penerbangan pengganti? Tindakan ini bukan sahaja mengecewakan rakyat Johor, ia juga menjejaskan industri pelancongan negara khususnya pelancongan negeri Johor dan menjejaskan keyakinan pengusaha-pengusaha industri pelancongan terhadap kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah berbangkit dalam pelaksanaan Program 6P KDN. Program 6P iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran yang dilancarkan oleh KDN telah masuk ke peringkat penguatkuasaan.

#### ■1200

Walau bagaimanapun, kaedah implementasi Program 6P telah menyebabkan kesulitan dan rungutan yang agak lantang di kalangan majikan pekerja asing. Mereka mengadu bahawa tempoh pelaksanaan proses pendaftaran pemutihan dan pengampunan dalam masa dua, tiga bulan secara tergesa-gesa itu telah menimbulkan kekeliruan kerana kemampuan dan persiapan KDN yang tidak mencukupi untuk menguruskan PATI seramai dua juta orang dalam masa yang begitu singkat. Mereka bercadang lebih masa perlu diperuntukkan bagi menjayakan Program 6P ini dan Program 6P pusingan kedua perlu diadakan untuk menyempurnakan operasi ini. Majikan-majikan ini merayu supaya pekerja asing yang sudah daftar dengan pengambilan cap jari dibenarkan bekerja bagi tempoh dua tahun sebagai satu langkah interim sehingga Program 6P pusingan kedua dilaksanakan.

Langkah interim ini akan melegakan masalah kekurangan pekerja di pelbagai sektor ekonomi dan memberi lebih masa untuk membolehkan KDN mencapai matlamat yang dirancang dalam pelaksanaan Program 6P. Saya harap KDN akan mengambil kira cadangan majikan ini sebagai langkah mengurangkan kesulitan dan perasaan tidak puas hati di kalangan pengusaha di pelbagai sektor ekonomi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Kementerian Pelajaran Malaysia, bagaimana kementerian menilai prestasi seorang guru besar, seorang Pegawai Pelajaran Daerah dan seorang Pengarah Pelajaran Johor? Bukankah keputusan peperiksaan dicapai dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM digunakan sebagai kayu ukur utama untuk menentukan prestasi pentadbir pendidikan kita. Dengan kata yang lain pentadbir-pentadbir pendidikan kita terikat oleh satu sistem pelajaran yang terlalu berorientasikan peperiksaan. Maka tugas utama murid-murid dan pelajar-pelajar kita ialah menghasilkan keputusan peperiksaan yang cemerlang dengan menghafal bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh guru-guru mereka.

Baru-baru ini laporan *World Bank* telah menyatakan sistem pendidikan Malaysia lebih condong kepada penghafalan fakta. Murid-murid dilatih lebih untuk mengekori daripada berfikir secara kreatif dan tersendiri. Laporan itu juga mengatakan pelajar-pelajar sekolah menengah kita belum bersedia untuk meneruskan pelajaran di universiti. Sukar hendak nafikan sistem pendidikan kita terlalu berorientasikan peperiksaan. Persaingan antara Jabatan Pelajaran Negeri pun berorientasikan peperiksaan dan berlandaskan keputusan peperiksaan murid, prestasi Jabatan Pelajaran Negeri juga diatur senaraikan mengikut keputusan peperiksaan sekolah.

Anak-anak sekolah kita terpaksa menghafal fakta dan maklumat untuk mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang. Fikiran secara kreatif tiada tempat dalam sistem penilaian sekolah kita. Adakah tokoh-tokoh pendidikan dan pakar-pakar pentadbir pelajaran kita perlu memikir semula secara kreatif bagaimana mengkreatifkan sistem pelajaran kita.

Semoga universiti-universiti kita boleh mencapai prestasi akademik setanding dengan universiti-universiti utama dalam senarai 100 universiti pertama di persada antarabangsa. Sekian, saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

#### 12.04 tgh.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut hadir untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Dalam pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM232.8 bilion sebahagian untuk pengurusan dan sebahagian untuk pembangunan, dengan unjuran hasil kutipan RM186.9 bilion dengan defisit 4.7 peratus KDNK. Saya lihat ada beberapa masalah berkenaan dengan bajet tersebut.

Pertama, ini merupakan satu bajet defisit yang berturut-turut 15 tahun dan masalah dia hutang Kerajaan Persekutuan dijangka akan meningkat ke RM455 bilion. Jikalau banding sekarang RM437.2 bilion dan ini mungkin melebihi RM1 trilion sekiranya trend ini berterusan sehingga 2020. Ini merupakan satu beban yang besar dan beban untuk bayar hutang meningkat daripada RM12.8 bilion pada tahun 2008 ke RM20.5 bilion. Jadi bukan setakat itu yang penting sekali juga dari segi pengurusan kewangan saya lihat ada kekurangan dari segi disiplin perbelanjaan.

Kita selalu selepas meluluskan bajet lepas itu dilontarkan dengan bajet-bajet tambahan dan ini merupakan satu amalan yang menjadi biasa. Bukan setakat itu kalau kita lihat *track record* sebelum ini misalannya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, anggaran defisit semasa sepanjang RMKe-8 adalah RM28.9 bilion tetapi apa sebenarnya berlaku adalah defisit sepanjang RMKe-8 adalah RM97.8 bilion. RMKe-9 anggaran defisit purata setiap tahun adalah RM27.9 bilion tetapi pada hakikatnya meningkat kepada RM40.3 bilion setiap tahun. Kita juga lihat anggaran perbelanjaan pengurusan untuk 2011 semasa pembentangan bajet setahun sebelum ini adalah RM162.8 bilion. Akan tetapi apa yang dibelanjakan untuk pengurusan sahaja adalah lebih iaitu RM180.3 bilion.

Semasa pembentangan RMKe-10, anggaran perbelanjaan pengurusan untuk tahun depan 2012 adalah RM165.4 bilion. Akan tetapi sekarang kita dilontarkan satu perbelanjaan pengurusan RM181.6 bilion dan ini menunjukkan *track record* yang tanpa ada disiplin dari segi urusan perbelanjaan. Unjuran hasil sebanyak RM186.9 bilion ini tidak realistik. Ini bergantung kepada unjuran pertumbuhan ekonomi KDNK 5 peratus hingga 6 peratus. Mungkin ini adalah satu unjuran yang paling optimistik *the best case scenario*.

Akan tetapi apabila kita hendak buat perancangan kita seharusnya merancang untuk hari hujan (*rainy days*) dan adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil kira kemungkinan kemelesetan yang berlaku akibat krisis di Eropah, kemungkinan krisis had hutang Persekutuan Amerika Syarikat, kemungkinan berlaku krisis keruntuhan hartanah di negeri China dan sebagainya.

Mungkin kita boleh katakan ini satu *one-off* tetapi kalau kita lihat kepada *track record* juga misalannya sasaran RMKe-8 semasa pembentangan RMKe-8 sebelum ini didasarkan pertumbuhan ekonomi 7.5 peratus setiap tahun. Akan tetapi kebetulan pencapaian adalah setakat 4.7 peratus. Sasaran untuk RMKe-9 semasa pembentangan adalah untuk pertumbuhan ekonomi 6 peratus KDNK tetapi kebetulan 4.2 peratus. Ini merupakan tanda-tanda yang sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenaikan gaji sebanyak RM80 hingga RM320 kepada kesemua kakitangan kerajaan. Saya rasa ini *too little too late* akan tetapi masalah berkenaan sistem perkhidmatan awam ini bukan setakat gaji yang kekurangan tetapi kita juga dibebankan dengan satu angka yang begitu besar.

Kalau dibandingkan dengan 2006, kita cuma ada lebih kurang 900,000 kakitangan kerajaan, sekarang meningkat kepada 1.3 juta orang kakitangan kerajaan. Ini tidak sepatutnya berlaku - mengambil kira kalau kita tengok institusi-institusi kewangan dengan penggunaan IT dan sebagainya, jumlah kakitangan mereka makin kurang. Akan tetapi untuk Kerajaan Malaysia kita lihat ini trend yang berlainan.

Ini juga berkenaan dengan isu pelaksanaan, dalam Bajet 2012 ini tidak beri penekanan yang sesuai untuk bagaimana kita boleh tingkatan keberkesanan ataupun *effectiveness* sistem penyampaian dalam sistem perkhidmatan awam. Bagaimana kita boleh menjamin urus tadbir yang baik, bagaimana kita harus lakukan reformasi institusi-institusi seperti SPRM, media, kehakiman dan polis supaya ketirisan akibat rasuah dan salah guna kuasa ini kita boleh kurangkan. Sebagai contoh, kalau kita lihat *quotation* ataupun sebut harga yang dilakukan dibanding dengan swasta dan kerajaan kita pasti sebut harga yang diberikan untuk bekalan dan perkhidmatan kerajaan pasti adalah 30 peratus-50 peratus lebih mahal kalau banding dengan syarikat swasta.

Kita tidak hairan apabila kita tahu daripada laporan audit di mana komputer riba yang kosnya RM4,500 boleh dibeli oleh kerajaan dengan harga RM42 bilion. *Pendrive* yang harga RM90 boleh dibeli dengan harga RM450. Kalau kita boleh uruskan kewangan dengan lebih baik, dengan lebih telus melalui *open tender* dan sebagainya pasti kita boleh kurangkan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang sebanyak RM30.5 bilion. Bayangkan kalau kita boleh jimatkan sekadar 30 peratus dan mungkin kita boleh secara *open tender* misalannya untuk AP kereta dan sebagainya mungkin kita boleh jimat sebanyak RM10 bilion, pasti kita boleh kurangkan defisit.

Antara masalah yang lain yang saya rasa agak penting berkenaan dengan pendirian kerajaan berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan. Ini adalah impak besar kepada unjuran hasil pada masa hadapan kerana kita lihat dalam Aturan Urusan Mesyuarat Parlimen ini kita masih dalam agenda Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009. Jadi, saya mohon Yang Amat Berhormat memberi satu pendirian berkenaan dengan adakah kerajaan akan melaksanakan, akan terus luluskan undang-undang ini dan akan melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan.

Kementerian Kesihatan dalam Bajet 2012 ini telah diperuntukkan RM15 bilion untuk perbelanjaan pengurusan dan RM1 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Kini kita telah masuk tahun kedua dalam RMKe-10. Semasa pembentangan RMKe-10, dalam dokumen tersebut telah terangkan bahawa kementerian bercadang untuk mengkaji semula pilihan pembiayaan, membuat penstrukturan semula sistem kesihatan kebangsaan yang melibatkan sektor awam dengan swasta dan juga memperkemaskan peranan pengawalseliaan dan penyediaan perkhidmatan. Dalam perancangan tersebut saya sering mendengar bahawa 1Care 1Malaysia memang dalam rancangan dan beberapa makmal telah ditubuhkan untuk mengkaji 1Care 1Malaysia. Kita dengar antara tujuan utama 1Care 1Malaysia adalah untuk kurangkan kos dan memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti untuk semua. Cuma persoalan saya, adakah 1Care 1Malaysia ini akan mencapai matlamat ini. Setakat ini kita pernah dengar beberapa rangka *framework* berkenaan dengan pelaksanaan 1Care 1Malaysia ini:

- (i) integrasi klinik swasta dan klinik kerajaan;
- (ii) membina kapasiti kemudahan hospital-hospital dan kemudahan-kemudahan lain di bawah Kementerian Kesihatan;
- (iii) integrasi hospital swasta dan hospital kerajaan;
- (iv) tubuhkan satu badan *National Health Financing Authority* yang akan menguruskan pembayaran dan kutipan kewangan untuk penyampaian perkhidmatan kesihatan ini; dan
- (v) pelaksanaan insurans perubatan.

Untuk kurangkan kos, pasti *ration* dan sekatan terhadap perkhidmatan akan berlaku. Apabila integrasi ini berlaku, pesakit bebas memilih sama ada dirawat di hospital swasta mahupun di hospital kerajaan. Sekiranya hospital kerajaan tidak dapat bersaing dengan hospital swasta pasti lebih ramai pesakit akan memilih ke hospital swasta.

Kita juga tahu keupayaan hospital swasta untuk *ration*, untuk hadkan rawatan adalah terhad dan kos untuk rawatan di hospital swasta pasti akan melebihi kos untuk rawatan di hospital kerajaan dan model ini tidak akan menjimatkan perbelanjaan. Bukan sekadar itu, apabila kita melibatkan parti ketiga sebagai MCO dalam kes ini, *National Health Financing Authority*, ini bukan kurangkan kos tetapi akan menambahkan kos kerana kos pengurusan dan birokrasi.

Katakan kita ada satu cara insurans perubatan yang mengecualikan orang miskin dan orang kaya akan bayaran lebih, satu prinsip yang saya akan sokong tetapi ini bermakna apabila perbelanjaan keseluruhan kerajaan menurun tetapi ini perbelanjaan keseluruhan sebenarnya yang dipindah kepada rakyat dan kepada pesakit. Ini dari segi perbelanjaan keseluruhan tidak menurun tetapi cuma pindah dari satu poket kepada satu poket yang lain. Apabila kita melibatkan *National Health Financing Authority* ini kita juga lihat ada masalah untuk proses menentukan siapa yang patut bayar, jumlah yang perlu dibayar, untuk bayar insurans perubatan dan seterusnya kutipan memerlukan kos pengurusan. Pasti kita boleh lihat apa yang berlaku di negara-negara lain, penglibatan pihak ketiga tidak semestinya menyebabkan kos itu dapat dikurangkan.

Saya cadangkan, lebih wajar kita tumpukan kepada usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan di kemudahan-kemudahan klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan supaya kemudahan-kemudahan ini menjadi pilihan utama semua rakyat bukan kerana kos yang murah tetapi perkhidmatan yang cemerlang. Ini sepatutnya menjadi sasaran. Kita tahu bahawa masalah perkhidmatan kesihatan ini dari segi kos tidak ada had. *Sky is the limit* dalam rawatan pesakit dan Kementerian Kesihatan boleh meletakkan piawaian ataupun garis panduan berkenaan dengan mutu dan standard perkhidmatan yang akan diberikan di semua kemudahan kerajaan. Saya rasa tidak munasabah apabila kita ada pesakit yang menunggu misalannya pembedahan jantung *coronary artery bypass surgery* selama 12 bulan yang lebih ataupun apabila kita ada kemalangan di Slim River dan terpaksa buat *CT scan* untuk mengenalpastikan sama ada, ada kecederaan dalam otak tetapi *CT scan* itu tidak ada di Slim River.

#### ■1220

Saya rasa ini adalah aspek-aspek di mana Kementerian Kesihatan gagal untuk menjamin perkhidmatan yang minimum kepada semua rakyat di Malaysia. Bukan kita hendak katakan bahawa kita boleh memberi segala-galanya untuk semua pesakit dari segi perkhidmatan kesihatan.

Sebagai contoh, dasar rumah rakyat misalannya, bukan tanggungjawab kerajaan untuk membekalkan banglo di Damansara mahupun banglo sebesar rumah kediaman bekas Menteri Besar Selangor, Khir Toyo yang bernilai puluhan juta ringgit. Akan tetapi adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan rakyat ada tempat kediaman yang munasabah dan berkualiti, dan memang merupakan tanggungjawab kerajaan untuk memastikan kesemua rakyat mampu membeli atau mendapatkan pakaian yang selesa tetapi bukan cincin berlian berharga RM24 juta ataupun *handbag* yang berharga ratusan ribu ringgit. Jadi sekiranya...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Apa suka fitnah ini?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Apa masalah? Ini cincin berlian. Sekiranya mutu perkhidmatan Kementerian Kesihatan dapat dipertingkatkan, pasti kos keseluruhan akan turun walaupun kerajaan mungkin perlu menanggung melalui *general taxation*. Saya rasa ini adalah cara yang terbaik dan kita tidak perlu satu agensi yang lain untuk kutip insurans perubatan.

Cuma, masalah sekarang adalah kerana perbelanjaan peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan tidak cukup. Kita lihat dalam tahun 2009 misalannya, perbelanjaan keseluruhan untuk perkhidmatan kesihatan adalah sekadar 5.4 peratus daripada GDP. Sebahagian besar adalah daripada pihak swasta dan bukan peruntukan kerajaan. Kita lihat apa yang berlaku sekarang untuk tahun 2012, peratusan yang diperuntukkan daripada kerajaan adalah sekadar 2 peratus daripada KDNK dan ini dijangka akan meningkat sehingga 4.4 peratus perbelanjaan keseluruhan dalam tahun 2018. Kalau kita bandingkan dengan purata sedunia, adalah sekadar 8.6 peratus.

Ini jelas menunjukkan bahawa peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan tidak mencukupi. Kalau Kementerian Kesihatan ingin meningkatkan kapasiti kemudahan kementerian, tetapi apabila kita lihat perbelanjaan pembangunan Kementerian Kesihatan pada tiga tahun ini, untuk tahun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sedikit lagi. Untuk tahun 2010, peruntukan RM3.78 bilion. Untuk tahun 2011, peruntukan RM2.2 bilion dan untuk tahun 2012, RM1.8 bilion. Ini jelas menunjukkan peruntukan pembangunan semakin kurang dan bertentangan dengan hala tuju untuk meningkatkan kapasiti Kementerian Kesihatan.

Saya ada satu lagi tajuk yang saya rasa agak penting untuk saya bangkitkan di sini. Saya harap beri sedikit ruang untuk terangkan ini. Saya lihat peruntukan untuk Orang Asli sebanyak RM90 juta untuk tahun hadapan dan saya mengalu-alukan walaupun ini mungkin tidak begitu mencukupi.

Saya cuma hendak bangkitkan satu insiden di mana saya berada di dalam satu dialog bersama dengan Orang Asli di Kampung Kerawit di Pos Raya kawasan Gopeng pada 18 Ogos yang lalu, di mana satu projek yang dinamakan Projek Komuniti Bestari yang dinamakan sekarang Projek Komuniti 1Malaysia yang dibuat oleh kontraktor Kumpulan Hotel Bajet atas sekeping tanah seluas 12 ekar di tepi sungai di tepi jalan antara Simpang Pulai dan Cameron Highlands dan akan diadakan kedai runcit, chalet untuk pelancong, untuk *jungle trekking* dan 22 jenis sukan yang akan diadakan di kawasan tersebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Masalah isu ini adalah bukan kerana projek tersebut tetapi yang penting sekali, tidak ada perundingan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, dengan Tok Batin, dengan orang tempatan, tanpa kelulusan daripada kerajaan tempatan, Pejabat Tanah, tanpa kelulusan perundingan dengan JPS, tanpa kelulusan perundingan dengan JKR, mereka terus mulakan projek tersebut.

Di antaranya, pokok durian Orang Asli diruntuhkan, getah, rambutan, pisang, limau semuanya diruntuhkan. Paling penting sekali, antaranya ialah 15 buah kubur Orang Asli itu digali dan dimusnahkan. Ini adalah atas nama pembangunan. Jadi, tidak semestinya apabila kita katakan pembangunan, kepada Orang Asli ini tidak semestinya membawa kebaikan kepada Orang Asli. Akan tetapi akhirnya mereka yang dapat projek dan kontrak yang dapat kekayaan. Jadi saya berharap perkara-perkara sedemikian mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Tenom.

12.27 tgh.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Saya memperingatkan Yang Berhormat semualah. Perkara yang penting itu didahulukan supaya jangan apabila saya kata masa sudah habis nanti, penting hendak dihabiskan juga. Ini sebab tiap-tiap masa yang penting tiga minit masa sudah dekat hendak habis, masa orang lain sudah kena ambil Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih di atas peringatan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya ruang membahaskan bajet tahun 2012 di dalam Dewan yang mulia ini. Saya selaku Ahli Parlimen Tenom dari Sabah sentiasa mengalu-alukan pembentangan setiap bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan.



Saya tidak memahami mengapa terlalu *obsess* pihak di sebelah sana menentang, mencurigai, tidak berlapang dada atau buruk sangka terhadap niat ikhlas kerajaan kita dalam membantu sedaya upaya rakyat segenap bangsa dan latar belakang. Kalau kita lihat, bajet ini adalah sebahagian daripada misi nasional dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sudah tentu ia dilakukan satu per satu dalam melengkapkan perancangan jangka panjang. Jadi sudah tentu setiap bajet yang dibentangkan itu diutamakan perkara mana yang hendak didahulukan dan disesuaikan dengan situasi semasa. Tidak semestinya sesuatu aspek pada tahun bajet yang dibentangkan nampak tercicir sedangkan aspek tersebut telah disebut dalam bajet yang lalu tetapi ia masih mengikut di bawah perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sedar atau tidak, perancangan pembangunan negara sekarang adalah ke arah sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Definisi negara maju seperti yang digariskan oleh organisasi antarabangsa *United Nations* (UN), bukanlah dinilai berdasarkan mewahnya duit dimiliki sesebuah negara itu atau limpahan hasil galiannya mahupun tanah yang terbentang luas. Sebaliknya, negara maju ditakrifkan berpandukan kepada beberapa ciri yang telah digariskan oleh pihak kerajaan selama ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Sekejap Yang Berhormat Kinabatangan. Saya habiskan ayat ini. Ini baru mukadimahnyanya. Umpamanya Wawasan 2010, sekarang ini diteruskan dengan program transformasi negara dan disokong pula dengan NKRA dan sebagainya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut bahawa beliau tidak akan menjanjikan penyelesaian serta-merta tetapi akan berusaha memastikan asas kepada dasar sedia ada adalah betul untuk memelihara pertumbuhan ekonomi yang kini berada di paras yang diidamkan oleh negara lain yang lebih maju untuk mewujudkan persekitaran sesuai bagi pertumbuhan sektor pekerjaan serta memastikan bahawa kita mempunyai dasar pekerjaan yang mengiktiraf perubahan realiti di Malaysia terutama faktor jangka hayat yang meningkat. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tenom, syabas sebab boleh mengutarakan antara lain inti pati bajet yang dibentang.

■1230

Sedarkah Yang Berhormat bahawa di seluruh dunia yang mengamalkan demokrasi bahawa ada pembangkang. Akan tetapi apabila ada pembentangan bajet dia, rata-rata Ahli Dewan Rakyat bersetuju tetapi di negara kita berlainan. Apa juga bajet yang baik untuk memaklumkan, memberi, membangunkan negara juga dibantah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat dalam situasi yang sebegini?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Inilah Yang Berhormat Kinabatangan. Lain padang lain belalang. Mereka itu lain macam sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [Bangun]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Tenom ada 20 minit, bagi banyak peluang, orang lain bercakap nanti.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Jangan lama, lama Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat mengatakan tentang kebahagian ataupun wang bukan merupakan satu ukuran kepada kejayaan sesebuah negara. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat.

Di negara-negara lain terutama di negara-negara Eropah yang mempunyai masalah sekarang ini, banyak negara sekarang ini yang mahu pergi kepada penarafan dari segi kebahagiaan. Indeks kebahagiaan rakyat. Bukan semata-mata *gross income*, pendapatan kasar negara. Akan tetapi kebahagiaan.

Contohnya seperti Yang Berhormat kata tadi, di kampung orang yang mungkin RM1,500 pendapatannya mungkin hidup lebih bahagia daripada seorang yang mempunyai pendapatan RM5,000 di Kuala Lumpur. Di Kota Belud contohnya, kalau dia sudah mempunyai *income* atau pendapatan RM1,500 mungkin dia lebih senang daripada kita yang duduk di Kuala Lumpur ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, Yang Berhormat Kota Belud. Saya lihat memang kebahagiaan itu penting. Kalau kita bandingkan di luar bandar berbanding di bandar, di kampung tidak payah tanam sayur, kita cari ikan cari sayur. Akan tetapi di bandar kita kena beli. Ini melibatkan kos yang tinggi. Jadi, itu sebab faktor kebahagiaan itu memang penting sebenarnya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sambung saya punya ucapan.

Saya melihat lima fokus diberi keutamaan dalam Bajet 2012 iaitu meningkatkan pelaburan, mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi, Program Transformasi Luar Bandar, memperkasa perkhidmatan awam serta meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat. Jelas bajet kali ini disifatkan belanjawan transformasi untuk semua rakyat Malaysia, memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat Malaysia bermula dari murid sekolah, ibu bapa, kakitangan awam, peniaga, pemandu teksi, warga emas, peneroka FELDA, nelayan, kakitangan hospital, polis, tentera sehinggalah kepada syarikat korporat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ramai yang berbahas soal defisit, hutang negara, pembangunan inovasi dan sebagainya saya percaya rakyat mahukan yang terbaik daripada kerajaan. Tidak kiralah rakyat itu datang dari bandar mahupun daripada luar bandar. Sudah tentu rakyat luar bandar terutamanya mahukan yang lebih baik daripada apa yang mereka perolehi sekarang. Tidak terkecuali di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua. Di sana ramai yang bekerja di sektor pertanian. Antaranya meneruskan sektor pertanian yang masih menjadi nadi utama negara iaitu getah. Kalau kita lihat suatu ketika dahulu, ramai di kalangan penoreh atau pekebun getah berada di paras kemiskinan tegar ekoran harga getah jatuh merudum seolah-olah ia ada lagi harapan untuk kembali naik dan stabil.

Sejarah telah mencatatkan pada tahun 1974, peneroka getah di Baling Kedah berdemonstrasi kerana tidak puas hati dengan kejatuhan harga komoditi itu pada tahap yang sangat rendah. Akibatnya ramai yang terpaksa mencari punca pendapatan lain seperti bertani, berniaga kecil-kecilan, bekerja di kilang dan terpaksa melakukan apa sahaja pekerjaan demi untuk mencari rezeki halal untuk menyara keluarga. Malah berdasarkan kepada statistik keluasan penanaman getah merosot di antara tahun 1993 hingga 2003 iaitu daripada 1.76 juta hektar kepada 1.72 juta hektar, antara pelbagai faktor yang antaranya perubahan guna tanah kepada aktiviti ekonomi lain. Namun kini, nasib penoreh getah dan pekebun kecil getah kembali cerah dan semakin makmur kerana apabila harga getah melonjak naik berganda sehingga mereka lama telah meninggalkan ladang getah ini kembali menoreh kerana lebih menguntungkan berbanding pekerjaan yang sedia ada.

Harga getah yang kini melambung sehingga RM14.13 sekilogram paling tinggi dalam sejarah dan dijangka berkekalan sehingga hujung tahun ini serta suku pertama tahun 2012 tahun hadapan berbanding lima tahun lalu sekitar RM4 sekilo. Peningkatan itu memberi manfaat kepada lebih 350,000 keluarga pekebun kecil getah di seluruh negara dan dengan harga sekarang. Pekebun kecil getah kini boleh memperoleh pendapatan RM1,500 hingga RM2,000 sehektar sebulan.

Fenomena kenaikan harga getah berlaku ekoran permintaan tinggi di pasaran antarabangsa khususnya di negara China dan India yang pesat membangun. Manakala pengeluaran rendah di negara-negara pengeluar terbesar seperti Thailand dan Indonesia, ekoran politik serta ekonomi yang tidak stabil, di samping faktor kenaikan harga getah sintetik yang tinggi berikutan kenaikan bahan bakar petroleum.

Industri pembuat tayar di China dan automotif juga merupakan penyumbang terbesar kepada kenaikan itu. Ekoran harga getah yang kekal, stabil dan tinggi maka negara menyasarkan peningkatan sumbangan industri getah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara kepada RM70 bilion menjelang 2020 berbanding RM25 bilion pada 2009. Di Sabah Lembaga Getah Sabah Malaysia mengawal selia komoditi getah negeri ini dan saya berharap untuk memastikan komoditi getah berada di tahap memberangsangkan, saya mencadangkan industri getah wajib diberi fokus khas di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA). Ini memandangkan industri itu turut menyumbang kepada KDNK sejak dahulu lagi dan Malaysia pernah menjadi antara negara pengeksport dan juga pembekal getah terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah di kawasan saya adalah kawasan yang terbesar bagi penanaman dan hasilan getah iaitu kira-kira 10,000 hektar. Sehubungan dengan itu saya berpandangan negara perlu lebih banyak menarik pelaburan swasta dalam industri getah dan berkaitan getah memandangkannya komuniti ini serta hasil hilirannya penting bagi memperkukuhkan kedudukan negara dalam sektor ini. Malahan saya melihat sektor ini akan terus menyaksikan potensi cerah dengan eksport produk getah meningkat didorong pemulihan sektor automotif global dan domestik serta pertumbuhan permintaan sarung tangan getah.

Buat makluman di Dewan yang mulia ini, negara kita pada ketika ini kekal sebagai negara ketiga pengeluar getah terbesar di dunia selepas Thailand dan Indonesia. Dengan pengeluaran 900,000 tan setahun. Terdapat lima destinasi utama eksport getah negara ketika ini iaitu China, Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan juga Brazil yang membentuk 58 peratus daripada jumlah eksport. Malahan kalau kita lihat harga getah asli dijangka terus mengukuh berikutan kemerosotan stok getah asli di negara-negara pengguna utama dan beberapa faktor lain menjadikan harga getah mampu bertahan tinggi di pasaran global. Di samping itu juga sebelum tahun 2020, industri sarung tangan getah yang menjadi produk utama industri getah dijangka menjana RM30 bilion dalam pendapatan daripada RM10 bilion yang dijana ketika ini. Di mana Malaysia, Thailand dan juga Indonesia masih lagi berperanan sebagai pengeluar getah di dunia dan penguasaan pasaran terbesar adalah Malaysia sebanyak 62 peratus diikuti Thailand 25 peratus dan juga Indonesia 9 peratus.

Lebih membanggakan Tuan Yang di-Pertua, negara kita kini mengeksport ke lebih 185 negara di seluruh dunia dan komited membangunkan getah serta industri berasaskan getah bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi utama pelaburan asing serta tempatan. Sungguhpun begitu dalam keghairahan kenaikan harga getah asli di pasaran dunia, namun perlu diingatkan bawah getah sintetik masih menjadi ancaman utama kepada getah asli memandangkan harga getah sintetik masih kompetitif berbanding getah asli. Jika berlakunya kejatuhan harga minyak di pasaran dunia akan menjadikan getah sintetik lebih murah. Sejak dahulu lagi getah sintetik menjadi saingan dekat dengan getah asli. Namun begitu industri getah negara masih bernasib baik kerana getah sintetik tidak boleh guna dan sebagai asas bagi semua produk berasaskan getah. Contohnya, pembuatan tayar kereta sama sekali tidak boleh menggunakan getah sintetik.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, biarpun kenaikan harga getah kekal stabil tinggi dan begitu kompetitif sekali semua pekebun juga perlu diingat tidak cuai dalam meningkatkan penjagaan kebun mereka dengan pembajaan, meracun dan pengawalan mutu pokok supaya hasilnya senantiasa bertambah dan bermutu tinggi. Walaupun harga getah terus meningkat pekebun kecil perlu supaya sentiasa menabung dan berjimat cermat bagi bersiap sedia terutama pada musim hujan dan tabungan untuk masa depan keluarga. Pekebun getah juga disarankan bijak mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam meningkatkan pengeluaran tanaman getah masing-masing. Sekali gus menambah pendapatan mereka di masa depan. Saya juga cadangkan sekiranya kerajaan mempunyai dana kecemasan buat pekebun kecil bagi menghadapi sebarang ancaman dan juga kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain ialah soal penambahbaikan kualiti. Kita tahu negara mempunyai skim getah piawai Malaysia iaitu *Standard Malaysia Rubber* (SMR) yang diperkenalkan pada tahun 1965 oleh RRIM telah merevolusikan penyampaian kualiti dan pemasaran getah asli. Di bawah skim ini getah digredkan secara teknikal berdasarkan teknikal spesifikasi dan bukan lagi menggunakan sistem penggredan visual yang digunakan untuk kepingan getah dan *crepe mills* semula. Pada dasarnya ia adalah satu skim pengawalan kualiti yang memastikan piawai dan menambah baik pemasaran untuk bersaing dengan perusahaan sintetik.

Sejajar dengan dasar kerajaan untuk menambah pengeluaran produk-produk tambah nilai saya hendak tahu setakat manakah RRIM bersama dengan TARRC di United Kingdom telah membangunkan getah-getah baru secara inovasi seperti getah asli terepoksa (ENR), getah asli nyahprotein (DPNR), getah asli termoplastik (TPNR) dan juga lain-lain. Apakah bahan-bahan baru ini telah menambah ruang untuk aplikasi-aplikasi baru terutamanya kejuruteraan berat termasuk pemencil gempa bumi dan satu lagi pembangunan yang penting adalah getah asli cecair (LNR) yang mempunyai beberapa kegunaan perusahaan. Setakat manakah statusnya?

Tuan Yang di-Pertua, pada awal penggunaan getah pokok digunakan sebagai bola lantun dan barangan kalis air oleh penduduk asli Amerika Selatan. Sejak itu getah asli telah berkembang menjadi bahan mentah industri yang serba guna. Hari ini ianya telah digunakan dalam pelbagai produk dari yang mudah seperti gelang getah hinggalah ke tayar penggerak tanah yang paling besar. Pembuatan produk getah telah dikenal pasti sebagai industri utama di dalam program perindustrian Malaysia. Kerajaan melalui RRIM telah menubuhkan pusat teknologi moden yang menelan jutaan ringgit untuk membantu mempercepatkan program perindustrian tersebut.

Selain daripada itu, pusat ini juga memberi khidmat nasihat tentang pembuatan produk getah termasuklah penilaian proses reka bentuk produk dan juga ujian bahan. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ialah apakah benar inovasi yang dikeluarkan bagi teknologi getah ini terhalang. Setakat mana paten telah dikeluarkan bagi projek inovasi teknologi getah ini dan setakat mana jumlah paten yang masih belum diluluskan. Kita tidak mahu komoditi getah dan berkaitan dengannya terhalang. Kita mahu komoditi getah terus menjadi tonggak eksport negara yang utama bagi menyumbang kepada ekonomi negara pada jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Program Transformasi Luar Bandar. Kerajaan dalam Bajet 2012 ada menyentuh mengenai peruntukan RM1 bilion bagi menjalankan Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Ini termasuklah soal mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) sebagai pusat integrasi perkhidmatan dan diperluaskan di Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak. Inilah yang diperkatakan oleh saya iaitu ke arah usaha seimbang pembangunan luar bandar dan bandar. Bila jurang dikurangkan usaha ke arah mewujudkan negara maju semakin dicapai dan secara langsung usaha meningkatkan negara berpendapatan tinggi dapat direalisasikan.

Ciri-ciri negara maju telah digariskan iaitu mewujudkan dana perkhidmatan profesional bagi profesional terlatih berjumlah RM100 juta secara pinjaman dengan kadar faedah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ada berapa minit Tuan Yang di-Pertua? Dua minit lagi, lima minit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak boleh tawar-menawar Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Okey, 4 peratus melaksanakan projek lonjakan mega luar bandar di sebelas kawasan projek agropolitan seluruh negara dengan peruntukan RM110 juta serta pembangunan infrastruktur asas luar bandar membabitkan antaranya bekalan air dan elektrik, rumah, jalan raya iaitu memperuntukkan RM5 bilion. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini ada pihak tertentu tidak dapat membayangkan perancangan dan pelaksanaan RTP dan juga RTC.

Secara umumnya, pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu memberi gambaran bahawa satu perubahan besar akan berlaku di kawasan luar bandar. Luar bandar sering dikaitkan dengan kemunduran, cara hidup tradisional, pemikiran kampung, bercucuk tanam dan jauh daripada kegiatan ekonomi.

Oleh kerana saya tiada masa, saya singkatkan. Saya pergi satu isu lagi iaitu hasil gas asli dan minyak mentah. Tuan Yang di-Pertua, dalam setiap kali pembentangan bajet, negeri yang selalu memberikan sumbangan besar kepada KDNK negara adalah negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan juga Wilayah Persekutuan tetapi percayalah bahawa negeri Sabah sebenarnya berpotensi besar dalam menyumbang kepada KDNK negara sekiranya sumber asli digembleng secara holistik. Sabah boleh berbangga kerana sumbangan besar dalam geopolitik negara dan boleh saya katakan negeri Sabah adalah antara faktor pengimbang kepada kestabilan politik dan kekuatan kepada ke kita Kerajaan Barisan Nasional.

Sejajar dengan kekuatan dalam geopolitik negara sudah pasti geo-ekonomi juga perlu dipertingkatkan dan saya berani memberi jaminan negeri Sabah boleh mengatasi negeri Selangor apabila perancangan pembangunan yang seimbang menerusi program-program yang sedang, telah dan akan diatur. Lihat sahaja penglibatan Petronas yang melabur RM16.7 bilion dalam lima projek hiliran di Sabah menjelang 2015 dan RM28.3 bilion dalam projek pengeluaran minyak dan gas di lapangan Gumusut, Kakap, Malikai dan Kinabalu NAG di perairan Sabah. Kalau kita lihat komoditi minyak dan gas yang dijana di lapangan Gumusut, Kakap, Malikai dan juga Kinabalu NAG itu akan disalurkan untuk diproses di terminal minyak dan gas SOGT di Kimanis dan kemudiannya di salurkan ke pelbagai projek hiliran di Sabah serta Kompleks LNG Petronas di Bintulu Sarawak.

Projek SOGT yang dikendali oleh Petronas Carigali Sdn. Bhd. bernilai RM3.8 bilion mampu menerima, memproses dan menyimpan serta gas yang dihasilkan di ketiga-tiga lapangan berkenaan. Saya melihat projek ini mampu membekalkan lebih kurang 260,000 tong minyak sehari dan 1,250 juta kaki padu standard gas sehari itu yang telah dimulakan beberapa bulan lalu dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2013.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dalam laporan akhbar di segmen ekonomi *Berita Harian* bertarikh 29 Julai 2011 melaporkan Petronas membuat dua penemuan penting gas asli di kawasan air cetek luar Pantai Barat Sabah yang berpotensi meningkatkan lagi bekalan sumber itu bagi memenuhi permintaan domestik dan buat makluman di Dewan yang mulia ini Malaysia adalah pengimport gas asli cecair (LNG) kedua terbesar selepas Qatar pada tahun 2009. Namun jatuh ke tangga ketiga selepas Indonesia tahun lalu berikutan penurunan pengeluaran daripada lapangan gas yang sedang uzur. Penemuan terbaru ini menunjukkan bahawa ia berada di lokasi telaga Zuhai East-1 yang terletak di blok Samarang Asam Paya kira-kira 130 kilometer di Barat Daya Kota Kinabalu dan anggaran semasa kandungan gas di kawasan itu adalah 550 bilion kaki padu standard.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan tanah 73,610 kilometer persegi. Sabah kaya dengan sumber-sumber semula jadi seperti hutan, galian seperti mana yang saya nyatakan tadi, flora fauna hinggalah kehidupan luar. Lebih kurang 60 peratus daripada tanahnya diliputi dengan hutan rimbun. Manakala kawasan tanah pertanian merangkumi 30 peratus. Sumber perhutanan dan pertanian adalah penyumbang kepada...

■1250

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Rangkap yang terakhir. Sumber pendapatan negeri Sabah adalah bahan mentah seperti minyak, tembaga, emas dan batu kapur juga didapati di negeri ini. Oleh itu saya percaya sekiranya royalti-royalti minyak mentah ini dan juga gas asli ini ditingkatkan diberikan kepada Kerajaan negeri Sabah sudah pasti dana-dana dan peruntukan wang ringgit bagi pembangunan dapat dilipat gandakan.

Sabah perlukan royalti tersebut bagi menjayakan ke arah negara maju berpendapatan tinggi seperti yang saya nyatakan dalam perbahasan awal program RTC dan RTP akan mudah tercapai apabila adanya tambahan atau nilai gandaan ekonomi daripada royalti penemuan gas asli dan minyak mentah di perairan negeri Sabah. Jadi saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**12.51 tgh**

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan rakan-rakan saya mahupun daripada pembangkang ataupun daripada kerajaan yang membawa masalah-masalah rakyat dan khususnya saya hendak merujuk kepada satu iaitu pada pagi ini apabila saya datang ke sini, saya menaiki teksi di mana pemandu teksi itu adalah seorang yang menyewa teksi itu.

Dia meminta saya untuk bersuara di dalam Dewan ini untuk mengatakan bahawa walaupun kerajaan membantu mereka dengan memberikan permit tetapi ramai di antara pemandu-pemandu teksi itu tidak dapat membeli kereta kerana mereka itu *blacklist* dan sebagainya. Yang Berhormat Gombak, duduklah sekejap. Saya baru mukadimah Yang Berhormat Gombak. Ini stail rambut ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak mengapa Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi pemandu-pemandu teksi ini mereka tidak mampu membeli teksi dan bank tidak mahu memberikan mereka pinjaman kewangan kerana mereka *blacklist*. Jadi saya sarankan kepada kerajaan agar wujudkanlah satu agensi yang boleh membantu mereka, satu agensi yang boleh membantu supaya mereka ini walaupun *blacklist* ataupun bankrap, mereka diberikan satu lagi peluang untuk membeli kereta teksi mereka dengan mudah melalui agensi ini dan mereka kalau enggan bayar balik atau sebagainya, agensi ini boleh rampas kereta itu.

Jadi saya sarankan agar kerajaan lebih mengambil perhatian terhadap perkara ini kerana mereka ini gagal, mereka ini melalui satu masa di mana Yang Berhormat Permatang Pauh pada tahun 1990-an menjadi Menteri Kewangan. Pada masa itu akar-akar untuk memastikan bahawa negara ini meleset, untuk memastikan bahawa rakyat-rakyat menderita, akar-akar itu disemai dan di antaranya adalah kita boleh melihat hari ini di mana pagi tadi Yang Berhormat Kota Melaka bangun dan bersuara.

Saya menyokong hasrat Yang Berhormat Kota Melaka supaya Ahli-ahli Parlimen itu yang berhijrah kerana kesusahan yang dizalimi seperti apa yang berlaku kepada saya, seperti saya sendiri boleh melihat ada rakan-rakan yang duduk di situ, mereka tidak boleh bersuara di dalam PKR atau Parti Keadilan Rakyat. Kalau mereka katakan beberapa hari yang lalu, seorang daripada mereka kata datang jumpa dengan saya, Yang Berhormat saya ini susah sebagai Ahli Parlimen. Ketua saya tidak mahu gaji Ahli Parlimen naik tetapi kalau kami mahu jadi Bebas, mereka akan sengaja mengatakan bahawa kami ini ambil RM2 juta, RM3 juta, RM5 juta dan beralih menjadi Bebas ataupun masuk Barisan Nasional.

Mereka yang duduk dalam Dewan ini sekarang pun, mereka ini melalui satu masalah seperti itu. Seperti kakak saya tadi Yang Berhormat Kota Raja. Dua tahun dahulu apabila saya pergi ke Kota Raja membantu beliau, beliau mengatakan betapa susahnya beliau menjalankan aktiviti dalam kawasan tanpa bantuan kewangan dan hari ini apabila kerajaan cadangkan bahawa sekiranya semua Ahli-ahli Parlimen setuju maka gaji dan juga elaun Ahli Parlimen akan dinaikkan, Yang Berhormat Permatang Pauh yang dahulunya menjadi Menteri Kewangan yang saya akan gelar beliau dengan *title, ten billion dollar man* dan kalau sesiapa pun di antara Ahli-ahli Parlimen pembangkang mahu bangun, saya boleh buktikan kepada mereka bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh telah membawa keluar dari negara ini tunai RM10 bilion iaitu...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** ...Itu penting.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini tuduhan yang berat Yang Berhormat. Tunjukkan dan buktikan.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya minta Menteri Kewangan. Ini seharusnya datang kemudian tetapi kerana Yang Berhormat Kota Belud minta, saya minta Menteri Kewangan memberi penjelasan tentang duit Ringgit Malaysia not RM1,000 yang dicetak dan tidak keluar untuk *circulation* bernombor sirinya ZY00000001 hingga 10000000 iaitu 10 juta not RM1000 yang dicetak di luar negara dan dalam perjalanan ke negara ini telah di*hijack* oleh Menteri Kewangan pada masa itu dan duit ini dalam satu setengah kontena masih lagi ada di luar negara di mana bukti yang diberikan kepada saya adalah di atas satu tiket kapal terbang AirAsia.

Bermakna not-not ini disimpan di satu negara yang ada penerbangan AirAsia dan saya juga ada salinan fotostat satu daripada not yang terkandung di dalam itu. Bayangkan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau seorang Menteri Kewangan dia boleh *hijack* satu setengah kontena not-not Malaysia yang seharusnya *circulate* dalam negeri tetapi di *hijack* oleh Menteri Kewangan, satu *this is just the tip of the iceberg, one incident*.

Bayangkan betapa banyak lagi yang dia sudah pun buat. Yang Berhormat Ampang ada di sini. Kalau betul mahu hujah tentang ini saya beri laluan kepada Yang Berhormat Ampang. Begitu lantang di dalam ceramah-ceramahnya.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Mana dia berani.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya bagi laluan.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Padang Serai, kenapa hendak kaitkan dengan saya. Saya tidak ada kena-mengena, jadi *you* buat terus, apa pula babitkan orang.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bagus, bagus Yang Berhormat Ampang. Ini kredibiliti bos kamu. Inilah orang yang menolak hasrat kerajaan untuk memastikan bahawa Ahli-ahli Parlimen boleh membuat kerja mereka dengan lebih baik. Yang Berhormat Ampang sendiri pun banyak kali dalam ceramah-ceramah, saya sebagai Ahli Parlimen, gaji saya kurang macam ini. Macam mana mahu berkhidmat? Ini Yang Berhormat Ampang sendiri.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya beri laluan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini tuduhan ataupun satu kenyataan yang amat berat Yang Berhormat. RM10 bilion di luar negara. Yang Berhormat berucap seolah-olah Yang Berhormat begitu *confident*, yakin bahawa ada perkara yang tidak betul sebesar begini yang berlaku. Saya minta Yang Berhormat untuk menerangkan dengan jelas ataupun kalau boleh beritahu kepada pihak yang berkuasa supaya perkara ini disiasat dengan teliti sama ada betul atau tidak apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kerana RM10 bilion ini besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Padang Serai, duduk Yang Berhormat. Masa sudah pukul 1 sekarang Yang Berhormat. Kalau belum habis jawab, pukul 2.30 nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan Dewan sesi pagi ditangguhkan sehingga 2.30 petang nanti.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Peraturan Mesyuarat 98. Sekadar untuk saya berkongsi pandangan dengan Tuan Yang di-Pertua. Di atas meja kami ini ada surat pemberitahuan daripada Setiausaha Dewan yang menyatakan cuti pada 25 Oktober. Kita maklum ini memberikan kesempatan kepada rakan-rakan kita menyambut Deepavali. Hari Khamis juga adalah cuti yang tiada Dewan. Jadi hari Isnin Tuan Yang di-Pertua ada Dewan. Ini sekadar untuk saya memberikan pandangan dari segi *efficiency*nya. Jadi kerajaan juga terpaksa memberikan tanggungan kerana kita akan berhenti esok dan datang balik hari Isnin kemudian bercuti panjang begitu.

Jadi tidak bolehkah atas nama Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat atas budi bicara dan timbang tara itu. Maknanya di lain kali mungkin sukar bagi Tuan Yang di-Pertua untuk menerima pandangan saya, tetapi di lain kali memberikan pandangan supaya perkara-perkara begini harus diteliti daripada awal, supaya saya rasa kerajaan tidak menanggung kos, datang balik hari Isnin satu hari dan kita cuti panjang balik. Sebenarnya cuti itu boleh diunjurkan diberikan pada hujung sesi supaya saya rasa dari segi kos, dari segi kita pun hendak datang balik ke Dewan tidak menghadapi masalah. Itu sekadar pandangan saya menggunakan peraturan ini supaya di lain kali saya rasa harus perkara-perkara ini difikirkan dengan sebaiknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada komen mengenai perkara itu kerana perkara ini adalah perkara yang diputuskan oleh kerajaan. Terima kasih. Ya sila Yang Berhormat Padang Serai.

## 2.34 ptg.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sependangan dengan Yang Berhormat Kubang Kerian. Akan tetapi pada masa yang sama kalau mahu merayakan Deepavali terlalu panjang untuk Ahli Parlimen elau dan gaji yang diberi memang tidak mencukupi. Seharusnya Yang Berhormat Kubang Kerian juga menasihatkan Ketua Umum PKR ataupun Yang Berhormat Permatang Pauh ataupun Ketua Pembangkang supaya selari dengan semua Ahli-Ahli Parlimen lain dalam menyokong gaji dan elau yang diberi. Jangan Yang Berhormat Kubang Kerian macam satu telinga sahaja. Telinga dengan hati mesti ikhlas semua.

Jangan Ketua Umum cakap apa-apa mendiamkan diri dan pada masa yang sama mahu meraih undi orang-orang India hari Isnin pula dia minta cuti. Saya minta Yang Berhormat Kubang Kerian kawan baik saya, walaupun Ketua Umum bekas Menteri Kewangan siapa dia pun jangan kisah. Suara, suara untuk rakyat pastikan, perbetulkan dia semasa duduk semeja dengan dia. Jadi itulah saya pun mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang sama saya juga meminta kerajaan supaya menubuhkan Jawatankuasa Pemantau 1Malaysia. Di mana di semua kementerian merangkumi satu jawatankuasa ini untuk memastikan kejayaan 1Malaysia ini semua kaum yang ada di negara ini diwakili dalam jawatankuasa itu. Ini kerana perpaduan kaum menjayakan 1Malaysia akan membawa lebih manfaat.

Jadi saya harap saranan saya kepada Perdana Menteri dan juga kepada kerajaan akan diterima, kerana pemantauan ini akan memastikan bahawa semua kaum bergerak mengikut satu haluan. Bukan seperti Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Gombak yang satu haluan dan lain-lain Ahli Parlimen daripada pembangkang semua lain haluan. Pada masa yang sama saya juga mohon kepada kerajaan supaya mewujudkan satu *disaster fund*.



Satu *disaster fund* untuk misi-misi kita di luar negara khususnya saya ke UNGA kebelakangan ini. Di mana saya diberi peluang untuk memberi tiga *statement* di UNGA. Terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan juga Menteri Luar Negeri yang memberi saya peluang untuk ke UNGA.

Bukan seperti ketika saya ada di PKR tidak pernah saya dibawa keluar atau diminta keluar ke mana-mana. Akan tetapi Saiful Bukhari yang bekerja dengan Ketua Pembangkang tidak sampai dua minggu satu bulan boleh dibawa ke luar negara dan ditanggung oleh Ketua Pembangkang. Saya 12 tahun di situ tidak pernah mereka melihat saya. Mereka selalu mengetepikan saya sehinggakan ada seorang ADUN selepas saya hujah tengah hari tadi, ada seorang ADUN yang didatangkan khas daripada Pulau Pinang. Duduk sebelah Yang Berhormat Gombak mengugut saya katanya, "Kamu cakap banyak tentang Anwar, tentang Yang Berhormat Permatang Pauh, kamu bila hendak bayar balik duit yang mereka bayar untuk saya, untuk langsaikan kes mahkamah di Pulau Pinang." Dia minta duit itu di sini.

Tiga setengah tahun saya duduk sebagai Ahli Parlimen mereka tidak datang minta, tetapi hari ini bila saya bersuara tentang not sepuluh juta yang disimpan oleh Ketua Pembangkang. Sepuluh juta not RM1,000 nilai RM10 bilion. Bila saya mahu bawa kebenaran untuk rakyat Malaysia ini, dia datang ke sini dan kata RM3,000 dahulu saya bayar untuk membayar *fine* mana? "Bila mahu bayar?" dia tanya. ADUN itu namanya Sim Tze Tzin ke apakah ini. Saya ingat Yang Berhormat Jelutong akan tahu nama penuhnya. Kalau Yang Berhormat Jelutong mahu tolong memberi nama penuh boleh juga saya alu-alukan. Yang Berhormat Jelutong mahu cakap apa-apa?

Tidak apa. Mungkin Yang Berhormat Jelutong pun tidak ingat sebab Yang Berhormat Jelutong DAP, Sim ini PKR dan pembantu khas kepada Ketua Pembangkang. Tidak tahu Ketua Pembangkang berapa kali bawa dia ke luar negara. Saya 12 tahun tidak pernah dibawa sampai ke Singapura pun. Mungkin saya hitam sangat, tidak nampak saya mungkin... [Ketawa]

#### ■1440

Inilah orang yang diperjuangkan. Jadi saya ke UNGA dan balik. Saya minta kerajaan Malaysia mewujudkan satu *disaster fund* bagi misi-misi kita di luar negara. Ini kerana di UNGA selepas itu saya pergi ke misi kita *United Nations Mission Office* dan ada satu tempat di mana selepas dua bulan dahulu ada *hurricane Irene*. Selepas *hurricane Irene* bumbung misi kita itu pecah dan belum lagi *direpair*. Walaupun masih lagi dalam keadaan hujan, pejabat UNGA basah dan peralatan elektrik rosak di pejabat *United Nations Mission* itu, di New York.

Untuk makluman rakan-rakan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, saya ke UNGA dan diberi peluang untuk memberi tiga *statement* mewakili Kerajaan Malaysia tetapi jangan difitnah nanti seperti mengatakan saya diberi peluang hanya kerana saya ingin menjadi Ahli Parlimen Bebas. Ini sebab saya percaya ramai yang masih duduk di situ seperti Yang Berhormat Balik Pulau sudah banyak kali keluar ke luar negara mewakili Kerajaan Malaysia dan juga mungkin parti. Saya ingat Yang Berhormat Indera Mahkota belum lagi keluarlah dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah, saya ingat belum mendapat peluang lagi tetapi mintalah dengan ketua mereka. Bawalah mereka sekali apabila pergi ke luar negara. Kesian Ahli-ahli Parlimen...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Boleh bangun dan bercakap. Saya bagi laluan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya tidak mahu ganggu Yang Berhormat Padang Serai tetapi janganlah cerita mengenai orang lain. Ceritalah sendiri nanti masa tidak cukup awak mengamuk.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Akan tetapi saya terasa juga bila saya duduk di dalam PKR, Yang Berhormat Indera Mahkota hendak beli ubat pun tidak mampu dahulu.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, dia memberitahu membuat satu kenyataan dia kata saya hendak membeli ubat, ubat apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya tidak mahu cakap.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *But you...*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Akan tetapi saya telah rekomenkan kepada Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat sebut tadi kata saya hendak beli ubat. Ubat apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya sebut sekarang. Saya sebut semua.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ubat apa?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, saya sebut semua. Boleh duduk. Saya sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Indera Mahkota minta, saya sebut semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat menyatakan supaya tidak menyentuh sifat-sifat ahli dalam Dewan ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup setakat itu Yang Berhormat ya.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Dia patut tarik balik apa yang dia kata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya sudah larang untuk tidak menyentuh lagi sifat ahli, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, kalau saya minta Tuan Yang di-Pertua kerana desakan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tidak payah ya. Okey, tidak mengapa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen, mereka ini diugut. Tujuh Ahli Parlimen Pakatan Rakyat sekarang ini diugut kalau mereka mahu keluar, mereka akan difitnah dengan mengatakan terima RM1 juta, RM2 juta atau RM3 juta. Ada seorang Ahli Parlimen itu dia datang terus jumpa saya. Dia minta saya rundinglah sama UMNO. UMNO boleh RM2 juta. *At least* RM2 juta saya boleh keluar. Saya katakan di sini ada Ahli Parlimen itu, ada. Akan tetapi mereka ini diugut akan dikatakan tidak terima apa-apa pun dia kata saja dia fitnah.

Seperti tadi dia orang kata Yang Berhormat Padang Serai sudah beli kereta baru. Padahal kereta Mercedes itu saya beli pada tahun 2008 menggunakan AP yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen. Ada Ahli Parlimen di sini yang *offer* Ahli-ahli Parlimen yang lain - "*Mari, saya boleh beli AP kamu, RM40,000 atau RM50,000*". Akan tetapi saya tidak jual AP itu. Saya gunakan AP itu untuk membeli kereta Mercedes tetapi dia orang fitnah lagi. Yang Berhormat Kubang Kerian pun dapat AP, Yang Berhormat Jelutong pun dapat AP, semua pun dapat AP, termasuk saya yang dapat AP. Akan tetapi dia orang mahu fitnah, tipu. Tahun 1999 yang duduk di sini ramai bersama-sama saya. Kami katakan negara akan bankrap. Ketua Umum kata kamu semua harus *pre-empt* biar rakyat tahu bahawa negara ini akan bankrap. Rakyat akan takut dan rakyat akan undi untuk pembangkang.

Hari ini pun lagu itu juga dimainkan. Negara akan bankrap. Rakyat yang dengar 99 setiap tahun bila ada pilihan raya akan datang, dia ingat, *"Oh ini Barisan Nasional punya bajet, negara akan bankrap"*.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, negara akan bankrapkah Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor tidak bangun Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey, terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada satu lagi cadangan kepada Kerajaan Malaysia supaya membawa satu dasar membangunkan kawasan-kawasan di mana terdapat sekolah-sekolah Tamil. Tuan Yang di-Pertua, satu tempat satu sekolah di kawasan Bagan Serai. Nanti saya akan minta Yang Berhormat Bagan Serai namakan tempat itu dalam hujahnya.

Cuma ada empat orang penuntut di kawasan itu dan Yang Berhormat Bagan Serai ada satu cadangan yang baik. Saya juga ada satu cadangan di mana saya minta kerajaan ambil tindakan yang sewajarnya dalam ladang itu. Ambil alih 50 ekar daripada tanah dalam ladang itu dan bangunkan serta jual lot-lot tanah di dalam estet itu kepada masyarakat India supaya sekolah Tamil itu, dua tokong yang ada dalam kawasan itu boleh diselamatkan. Kalau lot-lot tanah itu dibangunkan dan dijual kepada masyarakat India, maka lebih ramai masyarakat India akan membeli dan mereka akan duduk di situ.

Sekarang empat orang penuntut sahaja berulang alik ke situ. Kalau tanya dengan Yang Berhormat Permatang Pauh, beliau akan katakan tutup sahaja sekolah itu seperti dia tutup sekolah itu dia mahu tutup tokong Sivan. Kalau agama lain kalau Hindu punya, dia tutup. Janji beliau pada 2008 di mana saya sepentas dengan Yang Berhormat Permatang Pauh di Kampung Buah Pala. Yang Berhormat Permatang Pauh melihat seorang wanita India yang tua dan beliau berkata: *"Aci, saya janji sama aci. Kalau Pakatan Rakyat menang, ini Kampung Buah Pala bila-bila pun kampung India aci"*. Ini janji Yang Berhormat Permatang Pauh...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Sekarang apa sudah jadi?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Sekarang Kampung Buah Pala adalah kampung tradisi India. Hanya di Kampung Buah Pala sahaja setiap tahun dia ada pertandingan sukan lembu. Tidak ada kampung lain di negara ini, Pertandingan tangkap lembu itu hanya diadakan di Kampung Buah Pala setiap tahun. Janji Yang Berhormat Permatang Pauh, dia kata saya akan pastikan Kampung Buah Pala ini akan menjadi kampung tradisi India selama-lamanya. Akan tetapi apa yang berlaku? Hari ini Kampung Buah Pala iaitu kampung India sudah menjadi kampung Cina Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana 99 peratus daripada rumah-rumah yang dibangunkan, 90 lebih peratus daripada rumah yang dibangunkan itu dibeli oleh rakan-rakan kita dari masyarakat Tionghoa. Kampung India sudah jadi kampung Tionghoa dan juga tempat yang sama dijanjikan.

Apabila saya untuk satu program yang sama seperti program Pongal pada 18 Januari 2009, rakan saya semasa itu Yang Berhormat Gelugor, Karpal Singh bersama-sama dengan 'Rayya', Ramasamy..., ini semua wakil rakyat. Bersama-sama dengan Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Puchong, kami semua di situ menjanjikan Kampung Buah Pala ini sampai bila-bilanya sudah menjadi milik orang-orang India. Akan tetapi sampai hari ini masih ada lagi keluarga asal daripada kampung tradisi India ini masih belum mendapat rumah di situ.

Saya minta kalau Yang Berhormat Jelutong boleh tolong. Tolonglah sembilan keluarga ini. Sembilan keluarga yang masih belum mendapat rumah itu. Janji. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong cakap kalau Yang Berhormat Jelutong boleh janjikan bahawa kampung itu boleh dinamakan dan lebih 50 peratus lagi rumah-rumah boleh diberi kepada masyarakat India. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Jelutong. Setuju dulu.

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih. Saya setuju.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Setuju dulu Yang Berhormat Jelutong.

## ■1450

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya setuju dan saya akan bacakan fakta yang saya terima pada 12.23 tengah hari tadi yang kata, *"We thanked Guan Eng, DAP and Pakatan Rakyat for the present that they give us. The Indians of Kampung Buah Pala for Deepavali 2011, we forget not all Guan Eng, Anwar Ibrahim, Ramasamy, Reya and their comrades promise to us in 2008 and 2009 in regards to our homes at Kampung Buah Pala. In return, Happy Deepavali 2011."* Terima kasih.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah Yang Berhormat Jelutong ini, saya hendak katakan di sini, Yang Berhormat Jelutong sudah lupa, saya ini satu parti Pakatan Rakyat bersama Yang Berhormat Jelutong selama 12 tahun. Untuk 12 tahun, inilah strategi *cyber war* Pakatan Rakyat di mana mereka menipu, tipu, tipu, tipu, tipu dan saya di antara *front man*. Saya mahu fakta daripada Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang tipu seorang sahaja, Kampung Buah Pala jadi Kampung Buah Dada, itu siapa? Tanya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Jelutong, kita mahu fakta. Saya minta kerana Yang Berhormat Jelutong bangun dan cakap, Yang Berhormat Jelutong bagi fakta berapa peratus penduduk Kampung Buah Pala itu orang-orang India, berapa peratus? Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai 5 peratus hari ini, tidak sampai 5 peratus, inilah Yang Berhormat Jelutong, sudah jadi Ahli Parlimen, dia datang tipu di sini tetapi sumpah...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** ...Yang Berhormat Balik Pulau, saya bagi peluang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya nak bagi fakta sedikit, betulkan kalau salah. Projek Kampung Buah Pala secara sejarahnya ialah *swap* tanah yang dipunyai oleh koperasi pegawai kerajaan dan telah dibuat *joint venture* dengan Nusmestro. Nusmestro ialah kepunyaannya, antaranya ialah namanya saudara Faris. Saudara Faris adalah pegawai khas kepada Datuk Seri Dr. Hilmi, Ketua Bahagian UMNO Balik Pulau. Projek itu adalah projek swasta yang mana Nusmestro yang dipunyai oleh kawan-kawan UMNO, saya bersetuju, sepatutnya kepentingan ataupun keutamaan diberikan kepada penduduk asal untuk menduduki rumah di situ.

Akan tetapi hari ini saya tengok selepas dibangunkan projek itu menjadi mahal, kebetulan saya terlibat juga buat tolong setakat yang saya mampu, Nusmestro tidak memberi keutamaan kepada penduduk masyarakat India di situ. Projek itu, Nusmestro itu kepunyaan orang UMNO, hari-hari orang UMNO, kita boleh tengok di pejabat Nusmestro di Jelutong, mereka duduk di situ. Mereka yang punya kuasa untuk membuat keputusan siapa yang patut duduk di situ, kenapa ianya tidak berlaku. Saya rasa kawan-kawan dalam UMNO boleh menasihati saudara Faris, Datuk Seri Dr. Hilmi untuk beri peluang kepada rakan-rakan di Kampung Buah Pala untuk tinggal di situ.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Balik Pulau cuba memberi satu penerangan untuk meyakinkan Dewan ini. Yang saya katakan adalah, Nusmestro ini mendapat kelulusan untuk membangunkan gerak kerja semua berlaku semasa Pakatan Rakyat menjadi kerajaan. Rumah-rumah itu dibina semasa Pakatan Rakyat menerajui Pulau Pinang. Saya telah memanggil Yang Berhormat Bagan di lobi Parlimen, saya tanya dengan Yang Berhormat Bagan, *'Yang Berhormat Bagan, Kampung Buah Pala'*, terus Yang Berhormat Bagan kata, *"Awak dari Kedah, awak jangan masuk campur urusan Pulau Pinang."*

Saya mewakili masyarakat India, saya mewakili masyarakat Cina, saya mewakili masyarakat India Malaysia. Saya Ahli Parlimen Malaysia, saya berhak untuk bersuara di mana-mana dan Yang Berhormat Jelutong adalah pegawai khas dan juga *advisor* kepada Yang Berhormat Bagan selaku Ketua Menteri Pulau Pinang. Pada masa itu, Yang Berhormat Jelutong juga duduk sebelah Yang Berhormat Bagan, dia kata jangan masuk campur urusan Pulau Pinang.

Saya minta Yang Berhormat Jelutong, merayu, menangis kepada mereka tetapi hati mereka sudah bukan jadi dada, menjadi batu, hati mereka macam batu kerana masyarakat India boleh dipermainkan dalam DAP. Masyarakat India mesti dan akan dimainkan pada bila-bila sahaja. Yang Berhormat Jelutong saksi, Yang Berhormat Bagan saksi, ini yang berlaku di mana ADUN Sri Kota digantung dalam masa 24 jam. Akan tetapi sehingga hari ini, Yang Berhormat Bagan kata tidak selamat di Johor, *people go to Johore, you can be kidnap*, macam-macam Yang Berhormat Bagan cakap kerana dia adalah seorang pemimpin Cina dalam DAP, sehingga hari ini tidak ada tindakan terhadap beliau.

Walaupun Manoharan minta maaf dalam masa 24 jam, dia tarik, inilah DAP sebenarnya dan dicerminkan daripada muka Yang Berhormat Jelutong sendiri. Saya minta fakta daripada Yang Berhormat Jelutong, berapa peratus penghuni adalah milik orang-orang India? Saya sudah nasihatkan kalau pembangunan itu mahu dilakukan, kerajaan negeri ada kuasa untuk tahan pembangunan itu...

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Biar saya habiskan, *I'll give you a way*. Kerajaan negeri ada kuasa tetapi kerana...

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tentang pembelaan India.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Jelutong, duduk sekejap, saya bagi laluan nanti. Biar saya habiskan. Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong boleh terima saya sebagai pemimpin India. Jadi, saya sebagai seorang pemimpin dalam Pakatan Rakyat, saya boleh menasihatkan mereka supaya membawa pembangunan itu selari dengan masyarakat di kawasan itu. Apa salah 50 peratus daripada pembangunan di situ dibangunkan untuk orang-orang yang tidak mampu beli rumah-rumah mewah tetapi tidak mahu supaya masyarakat India di situ boleh dihapuskan. Jadi itulah, penghapusan seperti itu tidak harus berlaku di kawasan-kawasan lain dan saya sarankan supaya kerajaan mengambil tindakan untuk menyelamatkan semua sekolah dan juga tokong-tokong, sekolah-sekolah Tamil dan tokong-tokong di negara ini melalui pembangunan di kawasan-kawasan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat, masa dah habis, Yang Berhormat habiskan ya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya, saya akan habiskan. Saya juga hendak memberitahu Dewan ini bahawa mereka-mereka yang melaungkan maha kaya, maha kaya, dia kata UMNO maha kaya, UMNO maha kaya tetapi Yang Berhormat Gombak adalah seorang maha kaya semasa berumur 29 tahun. Semasa Yang Berhormat Gombak berumur 29 tahun, bekerja dengan Timbalan Perdana Menteri, dia sudah menjadi di antara jutawan muda di negara ini dan tidak ada seorang pun dari Pakatan Rakyat yang mahu mengatakan ini. Mereka takut dengan Yang Berhormat Gombak dan pada masa yang sama seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, mereka setuju, mereka meluluskan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor untuk terima kenaikan gaji bagi setiap ADUN. Sejumlah 40 peratus mereka mahu naikan tetapi pada masa yang sama beberapa ADUN yang menjadi Ahli Parlimen dan duduk dalam Parlimen ini termasuk Ketua Pembangkang adalah penasihat ekonomi negeri Selangor, penasihat...

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Munasihat? Kalau Munah melibatkan wanita saya tidak tahulah, okey, *whatever* lah. Jadi, ini Ketua Pembangkang penasihat kewangan ekonomi Selangor, Yang Berhormat Bandar Tun Razak ketua menteri, Yang Berhormat Seputeh, EXCO kerajaan negeri, Yang Berhormat Balik Pulau ada jawatan apa-apa? Tidak ada ya. Yang Berhormat Jelutong, *are you anything in* Selangor? Tidak ada, dia belum lagi. Jadi, mereka semua ini apabila mahu dinaikkan gaji Ahli-ahli Parlimen, mereka menjadi hipokrit. Saya hendak tanya Ahli-ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat, adakah kamu semua hipokrit? Mereka mendiamkan diri, bermakna mereka semua hipokrit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya akan habiskan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Selangor, bila bagi peluang bercakap, cakap, sekarang duduk jangan cakap, jangan jadi hipokrit. Jadi Tuan Yang di-Pertua, di *Kulim Hi-tech Corporation*, pendapatannya adalah sewa dan juga *quit rent, lease rent*. Jadi, *Kulim High-tech Corporation* ini satu organisasi di mana saya juga bekas pengarahnya dan *Kulim Hi-tech Corporation* ini di dalam itu terdapat satu pembangunan iaitu *KTC Phase I*. Saya telah membangkitkan soalan ini di Parlimen di mana saya tanya KTC punya pembangunan, dalam itu berapa rumah yang belum siap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan, Yang Berhormat.

■1500

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Akan tetapi Menteri telah menjawab bahawa semua rumah telah siap dibina. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Menteri berkenaan dilucutkan jawatannya. Saya mahu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dilucutkan jawatannya kerana menipu dalam Parlimen ini. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberi maklumat salah oleh *Kulim Hi-Tech Corporation Park* di mana masih lagi..., walaupun dalam Parlimen, mereka menjawab semua rumah telah siap dibina tetapi masih lagi ada empat rumah yang belum lagi dimulakan kerja asas pembinaan rumah itu. Empat rumah! Mereka menipu Dewan yang mulia ini. Jadi saya minta kerajaan kalau ada apa-apa kuasa, gantung *Kulim Hi-Tech Corporation Park*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dan juga lucutkan jawatan Menteri itu. Saya mahu jawapan saya diperbetulkan dalam Parlimen ini oleh Menteri itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Mereka menipu Dewan ini hanya kerana mereka tidak mahu satu kuil Hindu itu kekal di situ. Kuil ini lebih 100 tahun di situ dan di belakang kuil itu ada kawasan lot empat rumah yang belum dibangunkan. Saya mahu keadilan untuk rakyat Padang Serai.

Pada masa yang sama, saya juga meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya teliti *Kulim Square Development*. *Kulim Square Development* mendapat kelulusan untuk membina rumah-rumah di situ padahal ada pembangunan-pembangunan di situ yang dikatakan pembangunan haram masih belum *clear* lagi termasuk satu tokong lagi di situ. Kenapa kerajaan atau kerajaan tempatan di situ, Majlis boleh meluluskan, exco kerajaan boleh meluluskan projek perumahan *Kulim Square Development* itu pada masa bila ada bangunan di situ yang belum *clear* lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Seharusnya tempat itu mesti dikosongkan dan *clear*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habislah, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi saya hendak katakan untuk mukadimah ucap terima kasih untuk Tuan Yang di-Pertua. Saya minta supaya oleh kerana memberi maklumat salah dan menipu Parlimen ini, *Kulim Hi-Tech Park Corporation* dan juga Menteri ini, dua-dua ini, *Kulim Hi-Tech Park Corporation* itu digantung lesen perumahan. Macam mana dia boleh tipu dalam Dewan ini? Memberi maklumat-maklumat salah untuk satu negara ini. Kita mahu betul macam Yang Berhormat Kuching selalu bersuara. Berani kerana benar. Katakan kebenaran. Ini saya rasa Yang Berhormat Kuching akan setuju untuk pecat Yang Berhormat Alor Setar ini.

Jadi, satu lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bersangkut paut. Tuan Yang di-Pertua, ini *last*, satu minit ini.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sudah lama, Tuan Yang di-Pertua. *Time! Time!*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini bersangkut paut dengan dana RM10 bilion oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang di *hijack* itu. Saya percaya selepas Yang Berhormat Permatang Pauh dipecat, Perdana Menteri masa itu telah haramkan duit Kerajaan Malaysia yang bernilai RM500 dan RM1,000. Saya mahu tanya kenapa Perdana Menteri mengharamkan pada masa Yang Berhormat Permatang Pauh dilucutkan daripada jawatan Menteri Kewangan? Jadi mesti ada sangkut paut. Saya minta bekas Perdana Menteri buka mulut dan bagi penerangan kenapa duit itu diharamkan dan pada masa yang sama kerajaan mesti mengambil langkah-langkah...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kerana hanya satu sahaja iaitu harapan Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Perdana Menteri adalah untuk menghalalkan duit itu. Hanya kalau beliau menjadi Perdana Menteri, beliau boleh halalkan duit itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi saya harap kerajaan ambil tindakan. Jangan buat ini. Mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh dulu adalah Ahli UMNO dan mereka mahu jaga nama UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jangan! Ini orang mesti diambil tindakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dia bukan pemimpin UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud, sudah habis masa, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita pun tolak dia.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita pun tolak dia.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jadi saya minta Yang Berhormat Kota Belud yang sudah tolak dia, bila saya mahu buat laporan polis, saya minta Yang Berhormat Kota Belud dan tiga orang Ahli Parlimen ikut saya. Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa ada hal. Kalau tuduhan itu betul dan mempunyai fakta, kita akan bersama-sama memperjuangkan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebab RM10 bilion itu Yang Berhormat, amat besar.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Okey. Kerana rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen UMNO sudah setuju, saya minta Pakatan Rakyat punya Ahli-ahli Parlimen kalau saya tunjukkan dokumen, mahu ikut sama saya pergi balai poliskah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, boleh saya tanya sikit? Duit nota RM500 dan RM1,000 itu sudah tidak boleh dipakai.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Please don't downgrade this Parliament.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** RM500 dan RM1,000 itu tidak boleh dipakai. Jadi adakah itu masih relevan lagi dalam tuduhan Yang Berhormat ini?

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Ini masih lagi relevan kerana duit RM500 dan RM1,000 itu boleh dihalalkan seandainya Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Dia mahu jadi Perdana Menteri untuk halalkan balik. Bayangkan duit RM10 bilion! Saya pun tidak tahu. Ini ada Ahli-ahli Parlimen yang mahu lompat kerana dia tidak mampu bekerja sebagai Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih dan saya hendak katakan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Pakatan Rakyat, saya minta kamu semua jangan fitnah! Jangan sengaja fitnah... *[Disampuk]* Ini Yang Berhormat Kuala Selangor, kalau mahu bangun sebagai *gentleman*, seorang pemimpin Islam yang baik, bangun dan jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kalau tidak berani, jangan jadi pengecut macam Yang Berhormat Permatang Pauh, jangan jadi pengecut macam Yang Berhormat Gombak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Jangan jadi pengecut macam Yang Berhormat Machang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya duduk hanya kerana nasihat Tuan Yang di-Pertua sahaja. Bukan kerana Ahli-ahli Parlimen ini yang pengecut dan bacul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Kalau berani, bangun dan hujah dengan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat ya.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong bajet ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.



**3.07 ptg.**

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, rakyat gembira dan seperti tidak percaya. Itu yang mungkin boleh saya rumuskan terhadap Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini. Sama ada kita suka atau tidak, ini adalah bajet yang sangat realistik yang memberikan kebajikan secara terus kepada rakyat. Artinya, kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang sangat bertanggungjawab dan mementingkan rakyat. Barisan Nasional tidak berjuang dengan bermodalkan air liur, juga tidak sebuah kerajaan yang hidup dalam angan-angan. Barisan Nasional berjuang dalam alam nyata. Bekerja dan berkhidmat untuk rakyat secara nyata walaupun apa yang dikata. Apa yang dikata, itu yang di kota. Demikianlah Barisan Nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak *touch point* yang terkandung dalam Bajet 2012 jika mahu disebutkan satu per satu. Namun, dalam kesempatan ini saya ingin memperkatakan beberapa perkara yang saya fikir sangat penting untuk kita fikirkan bersama terutama yang ada kaitan dengan negeri Terengganu dan juga Parlimen Kuala Nerus khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh tentang Projek Perumahan Rakyat yang melibatkan bajet sebanyak RM443 juta yang melibatkan 75,000 unit kediaman. Ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan rakyat. Saya percaya rakyat gembira dengan inisiatif yang telah diambil oleh kerajaan kerana ia sebenarnya sangat membantu dan sangat ditunggu-tunggu. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ada isu lain yang mungkin kita sendiri terlepas pandang iaitu mengenai kuota yang mana mekanismenya harus diperhalusi. Kuota untuk kita memiliki rumah yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai contoh, ramai orang yang sudah ada rumah, orang kaya, telah membeli rumah yang bukan sahaja di kawasan di mana mereka tinggal tetapi di tempat-tempat lain bukan sahaja untuk disewakan tetap untuk pelaburan.

**■1510**

Keadaan ini juga berlaku di Terengganu. Maksudnya apabila setiap projek perumahan yang dibina ia sering dimonopoli oleh golongan yang berada. Sedangkan rakyat yang lebih memerlukan terlepas dan ketinggalan dalam hal ini. Isu ini walaupun mungkin nampak remeh, namun ia sangat penting untuk kita berikan perhatian agar setiap rakyat yang berhak memiliki rumah bukan sahaja dengan harga yang cukup mampu dibeli tetapi mereka boleh membeli rumah dengan peluang yang lebih terbuka yang disediakan oleh kerajaan.

Jika mekanisme ini tidak diperhalusi dan tidak dilihat dan dinilai semula, usaha murni kerajaan untuk menyediakan perumahan mencukupi untuk rakyat tidak akan menepati sasaran. Perkara kedua yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, saya melihat setiap tahun bajet dibentangkan. Kerajaan menitikberatkan perihal nelayan. Kerajaan tidak pernah mengabaikan golongan nelayan. Kita tahu bahawa nelayan sering kali dikaitkan dengan kemiskinan. Dengan sikap tamak orang tengah, nelayan yang sepatutnya hidup dalam keadaan yang lebih selesa terus kekal dengan kehidupan lama dan mereka terus miskin.

Melalui Bajet 2012, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi tujuan membina dan membaik pulih rumah nelayan yang rata-rata dilihat dalam keadaan uzur dan daif. Saya berpandangan ini adalah satu bukti betapa kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendengar rintihan pemimpin yang turun ke bawah untuk memahami denyut nadi nelayan. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun saya ingin mencadangkan agar kerajaan memikirkan satu kaedah atau mekanisme baru kepada nelayan bagi membantu nasib mereka.

Satu skim latihan secara profesional misalnya mewujudkan skim pemasaran ikan dengan secara strategik yang akan dapat membantu golongan ini daripada terus menjadi mangsa kepada golongan orang tengah, yang saya mohon satu kaedah pemasaran yang boleh menguntungkan nelayan yang difikirkan oleh kerajaan.

Nelayan kita harus kita modenkan dan tidak harus kekal sebagai golongan yang mengamalkan pekerjaan secara tradisi mereka. Perkara ini sebenarnya mampu dilakukan oleh kerajaan. Dahulu, kini masalah kemiskinan nelayan dikaitkan dengan orang tengah. Maknanya, apa yang kita buat tidak berkesan atau tidak menepati kehendak dan keperluan nelayan masa kini. Ini harus kerajaan lihat semula...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Minta laluan Yang Berhormat Kuala Nerus. Pasal nelayan.

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Okey.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Boleh, boleh.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Kuala Nerus apabila Yang Berhormat Kuala Nerus membangkitkan satu isu yang juga melibatkan kawasan Parlimen Arau iaitu usaha untuk kita majukan nelayan.

Saya lihat program dan juga bantuan sama ada subsidi minyak, subsidi perahu, subsidi pukut dan semua subsidi yang dibuat sama ada dalam bentuk bantuan atau pun diberikan secara *soft loan* menerusi Agrobank telah lama berjalan dan termasuk juga subsidi penjualan ikan, di mana kredit dibayar 10 sen untuk setiap satu kilo. Yang timbul di sini, perahu ditambat di jeti, subsidi minyak berjalan, diambil kemudian invois tuntutan yang diberi subsidi untuk setiap kilo juga dituntut. Ikan tidak didaratkan di negara kita.

Saya setuju dengan Yang Berhormat supaya kita mengikut kaedah yang diamalkan di Taiwan dan juga di negara China. Saya difahamkan baru-baru ini NCER telah menandatangani perjanjian di Xiamen..., *business partner*. Di mana melibatkan soal-soal kaedah-kaedah yang membolehkan pendapatan mereka itu dikreditkan terus di dalam bank dan mereka menggunakan, seolah-olah mereka ada simpanan di situ. Jadi, adakah di antara cara-cara ini merupakan di antara cara yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus ataupun cadangan-cadangan lain yang lebih praktikal supaya kita lihat nasib nelayan kita ini tidak terus berada dalam tahap kemiskinan pada masa kini. Maksud saya nelayan kecil pantai sahaja.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Sekali boleh, sekali? Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya juga berminat untuk bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Sebagaimana yang kita tahu Terengganu adalah satu masa dahulu sebelum adanya minyak kebanyakan penduduk bergantung kepada hasil nelayan ataupun perikanan. Sudah bertahun-tahun kita tahu Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya juga berasal daripada Terengganu.

Banyak disebut berkenaan dengan insentif, koperasinya dan sebagainya untuk meningkatkan pendapatan nelayan. Akan tetapi, sehingga pada hari ini, setakat ini usaha itu tidaklah menunjukkan kejayaan yang boleh dibanggakan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus, munasabah atau tidak kalau kita cadangkan pada kerajaan terutamanya kementerian yang bertanggungjawab supaya membuat penilaian sebab kita tidak ada satu *ratio* yang agak munasabah. Kita belanjakan untuk nelayan ataupun untuk perikanan dengan hasil yang kita terima.

Tidak ada satu *ratio* yang kita tetapkan. Barangkali macam RM1 kita belanjakan, kita dapat hasil daripada perikanan sekurang-kurangnya 80 sen kalau tidak seringgit ke seringgit. Kita tidak pernah ada satu *ratio* yang kita tetapkan yang tidak boleh lebih rendah daripada sasaran itu. Maka, daripada situ barulah boleh kalau kita wujudkan polisi-polisi lain. Saya ingin bertanya apa pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya ingat saya setuju dengan Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Arau. Cuma, itu yang saya sebutkan tadi. Saya minta kementerian mengkaji semula apa yang kita buat, sama ada menepati kehendak dan betul-betul membantu nelayan.

Kadang-kadang kita mempunyai skim dan program tetapi sebenarnya amat susah bagi nelayan untuk mendapatkan pinjaman atau pun mendapatkan skim-skim yang kita buat untuk mereka.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh berkenaan dengan Lebuhraya Pantai Timur yang saya fikir mungkin bukan sahaja orang Terengganu berminat tetapi orang Pahang dan orang Kelantan mungkin berminat dengan LPT2 ini.

Kita tahu projek ini telah lama dimulakan. Bermula tahun 2007 dimulakan dan sepatutnya siap pada akhir tahun ini dan boleh digunakan pada tahun 2012. Akan tetapi nampaknya baru-baru ini hanya beberapa tempat sahaja di LPT2 itu yang dibuka untuk kegunaan semasa perayaan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini. Saya hendak tanya kerajaan kerana saya difahamkan pakej-pakej yang diberi kepada Terengganu, kontraktor-kontraktor tempatan Terengganu mempunyai masalah dan tidak dapat diteruskan. Ini telah berlarutan sepanjang lebih kurang setahun lebih.

Saya difahamkan masa kini ada dua lagi pakej yang belum dimulakan. Ini juga akan melambatkan lagi kemudahan kepada rakyat Terengganu sampai ke kawasan saya di Kuala Nerus. Saya harap perkara ini dapat disegerakan kerana kita melihat, kita mempunyai lebuhraya daripada Kuala Lumpur sampai ke Bukit Kayu Hitam. Kita masih menunggu lebuhraya dari Kuala Lumpur ke... Sekarang hendak sampai Kuala Terengganu pun belum sampai lagi dan kita hendak minta sampai ke Besut, sempadan Kelantan.

Akan tetapi kalau Kelantan hendak minta sampai ke Rantau Panjang pun saya sokong sebenarnya kerana ini merupakan kemudahan-kemudahan yang saya kira perlu untuk membangunkan sebuah negeri. Ini kerana di Terengganu ini kalau lebuhraya tidak ada dan kita tidak ada lagi landasan kereta api, kita tidak ada kereta api. Kalau lebuhraya tidak ada, kereta api pun tidak ada, bagaimana negeri Terengganu hendak membangun Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

#### ■1520

Kita juga fikir tentang Kelantan sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan satu lagi perkara yang saya kira ini merupakan minat rakyat Terengganu iaitu berkenaan dengan sekolah sukan yang dahulu pernah dijanjikan kepada rakyat Terengganu semasa Terengganu menang SUKMA 2008. Sehingga kini Terengganu telah tiga kali menjadi juara berturut-turut. Jadi sebagai hadiah kepada tahun itu iaitu tahun 2008, Terengganu menjadi juara SUKMA di negeri sendiri kebetulan diadakan di Parlimen Kuala Nerus. Pada ketika itu mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah mengumumkan akan menghadiahkan sebuah sekolah sukan di Terengganu. Sehingga kini saya tidak nampak mana sekolah sukan itu.

Saya harap kerajaan mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh kerana apabila saya berbincang dengan Menteri Besar Terengganu di mana masalahnya, Yang Amat Berhormat memberitahu, tanah telah diperuntukkan cuma menunggu peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk membina sekolah sukan yang telah dijanjikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri satu lagi saya hendak sebut tentang di Terengganu ini yang mungkin di negeri lain tidak mempunyai masalah yang saya kira ketara berbanding di Terengganu. Kalau di Terengganu kita pergi ke Terengganu dan kalau kita tidak ada kemudahan kenaikan sendiri atau *transport* sendiri, dengan izin, kita akan mempunyai kepayahan untuk bergerak di sekitar bandar Kuala Terengganu. Ini juga harus dilihat oleh kerajaan dengan peruntukan bajet yang saya kira diberi kepada pengangkutan awam dalam bajet kita baru-baru ini. Ini kerana kemudahan pengangkutan awam di Terengganu saya boleh katakan kosong. Ia tidak ada kemudahan yang boleh kita banggakan.

Ini juga akan menakutkan orang yang hendak datang ke Terengganu. Pelancong-pelancong datang ke Terengganu melihat seolah-olah tidak boleh hendak bergerak. Kalau hendak datang ke Terengganu, dia perlu datang dengan kenderaan sendiri. Mahu datang dengan kenderaan sendiri *highway* atau lebuhrayanya tidak siap. Jadi, bagaimana Terengganu hendak maju dan membangun seperti negeri-negeri lain dalam sudut industri atau pun dalam bidang pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu yang saya hendak sebut. Saya hendak ucap terima kasihlah kepada rakan-rakan di Kelantan yang menyokong. Saya harap rakan-rakan di Kelantan juga bersama kita untuk memastikan lebuhraya itu boleh kita sambung dari Terengganu sampai ke Kelantan. Kita sokong Kelantan tetapi sokong ini maknanya bukan kita sokong yang lain, kita sokong untuk itu sahaja. Ia untuk kemudahan rakyat sebenarnya. Ia bukan untuk kerajaan kerana kita memikirkan di Kelantan juga rakyat Malaysia yang ada menyokong kita sebenarnya...

**Seorang Ahli:** Politik sihat.

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Politik sihat. Memang Barisan Nasional mengamalkan politik sihat. Kita cakap apa yang betul. Cuma kita hendak di sebelah sana kalau kita betul, cakap yang betul. Dengan itu saya menyokong Bajet 2012. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Raja.

### 3.23 ptg.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Yang Berhormat Kota Raja untuk turut membahaskan Belanjawan 2012.

Saya ingin memulakan perbahasan saya dengan sepotong ayat al-Quran, Allah Taala berfirman di dalam surah Al-Baqarah ayat 251 yang bermaksud, "*Kalaulah Allah tidak menolak sesetengah manusia yang ingkar dan derhaka dengan sesetengah yang lain yang beriman dan setia, nescaya rosak binasalah bumi ini tetapi Allah sentiasa melimpahkan kurnianya kepada sekalian alam*". Firman ini membuktikan yang menjadi sunah Allah bahawa Allah Taala menjadikan manusia ini tidak bersatu mutlak. Di mana-mana ada di sepanjang zaman hingga kiamat dunia ini, pasti ada pertentangan pandangan dan pendapat. Inilah cara Allah SWT memastikan ada semak imbang atau *check and balance* di dalam mana-mana masyarakat atau organisasi.

Oleh itu, perbezaan pendapat dan pendekatan tentang apa-apa perkara sekalipun, di mana-mana sekalipun perlu dilihat secara positif. Kehadiran pembangkang yang kuat, akan memaksa pihak yang berkuasa supaya tidak mengambil mudah dengan kuasa yang ada. Masing-masing bersaing untuk memberi kebaikan kepada rakyat dan negara dan memastikan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa terbatas atau tidak berlaku.

Kita lihat semenjak Pakatan Rakyat mendapat mandat yang hebat dari rakyat. Kerajaan Barisan Nasional bertungkus-lumus untuk mentransformasikan parti dan juga pentadbiran negara...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kita dapat lihat sendiri hasil persaingan ini, kerajaan terpaksa menjanjikan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan berucap fasal menggunakan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Dan melaksanakan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Ayat al-Quran, tidak kena pada tempatnya ataupun nuzul itu, apa ayat Baqarah itu? Jangan hendak dipolitikkan segala-galanya, hendak dipolitikkan kemuliaan al-Quran.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Segala-galanya dalam kehidupan kita berkait dengan al-Quran.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Allah SWT beri kekuasaan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya minta duduk!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Yang diukur oleh akal kita!

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat, sila duduk. Ini *floor* saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akal kita tidak dapat mengukur kekuasaan Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ini *floor* saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu beri jalan Yang Berhormat?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat! Duduk!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Hendak sebut, sebutlah tetapi jangan kaitkan untuk mengata seseorang menggunakan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kenapa terasa Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Segala tafsiran al-Quran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kenapa terasa Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya suka baca agama Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan sewenang-wenang. Inilah masalah orang PAS sedikit-sedikit bersandar al-Quran tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soal kerja, soal pokoknya...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ayat al-Quran itu panduan hidup kita. Saya tidak mengatakan yang beriman, yang derhaka di sini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Semua politik! Jangan mempolitikkan al-Quran

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ayat al-Quran itu betul tetapi janganlah diselewengkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Awak menyelewengkan al-Quran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan politikkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa anda sahaja kah yang baca al-Quran, orang lain tidak baca al-Quran?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sri Gading!

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Apa hak dia bercakap? *You* ada peluang bercakaplah!

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Sri Gading kenapa begitu terasa? Ini untuk semua orang. Muhasabah untuk semua orang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tidak mahu ganggu anda kalau anda mahu bercerita tentang al-Quran, sila.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Hak dialah kalau hendak cerita pun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan tetapi jangan hendak menyindir orang dengan Al-Quran.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Masa saya, masa saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini menyalahgunakan al-Quran.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, ini masa saya. Saya minta masa tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tidak peduli anda hendak baca al-Quran, saya mendengar ayat al-Quran. Mendengar al-Quran itu berpahala tetapi jangan gunakan al-Quran untuk menyindir dan mengata orang. Ini maknanya menghina al-Quran.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ayat al-Quran adalah untuk perbincangan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja teruskan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Untuk kita bermuhasabah. Kenapa terasa? Mungkin kami! Mungkin semua. Kenapa terasa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, ayat al-Quran adalah untuk kita bermuhasabah bukan untuk menyindir. Ya, mungkin yang beriman dan yang tidak beriman di sebelah sini. Saya tidak kata siapa. Akan tetapi inilah ayat yang ada sebagai dalil bahawa manusia ini Tuhan jadikan ada *check and balancenya*. Mungkin di sebelah sana *check* di sebelah sini. Akan tetapi kita dengar bagaimana Yang Berhormat Badang Serai ya menghentam di sebelah sini sebagai *check and balance*. Kita perlu. Inilah yang patut ada dalam suasana kita sekarang.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kerajaan terpaksa menjanjikan dan melaksanakan...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Berucap dalam bahasa Tamil]*

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Pelbagai skim dan bantuan untuk meringankan beban...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Bukan Yang Berhormat Bagan Serai tetapi Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu beri jalan Yang Berhormat?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Kesusahan kewangan dan pada masa yang sama mengharapkan balasannya dalam bentuk undi...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya mana ada guna ayat al-Quran atau...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Dengan mengekalkan kuasa Barisan Nasional. Kalau tidak rakyat dikatakan tidak tahu berterima kasih kepada kerajaan... *[Ketawa]* Saya tidak..., okey. Ya, biarlah parti-parti politik bersaing secara sihat dalam iklim demokrasi yang semakin segar, menuju pembentukan sistem dua parti yang matang, yang mustahak natijahnya harus memberi keuntungan kepada setiap warga. Contohnya, jika ucapan Muhammad Sabu, mengenai pejuang kemerdekaan dan peristiwa Bukit Kepong 60 tahun lalu tidak dipersepsi secara negatif oleh *Utusan Malaysia*. Ya, saya yakin nasib bekas perajurit zaman darurat tentu tidak akan mendapat perhatian serius pihak kerajaan... *[Dewan riuh]* Mungkin pusara mereka yang terdapat di Bukit Kepong juga...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Bohong! Pembohong itu!

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Sudahlah Yang Berhormat Kota Raja!

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Sudah tidak terjaga.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Kalah masuk bakullah!

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ia juga terbukti dalam bajet Jumaat lalu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Kebajikan bekas anggota keselamatan merupakan antara yang menjadi prioriti!

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Perajurit sebenarnya sentiasa di...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** ...Dibela oleh kerajaan! Jadi jangan berbohong di sini.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Mengumumkan bagi mengenang jasa polis gerak khas dan polis tambahan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Saya selaku Presiden Bekas-bekas Tentera menolak perkara itu dengan jelas!

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Pada zaman darurat, kerajaan akan memberi insentif RM3,000 kepada setiap bekas anggota polis, duda dan balu. Apakah kita yakin bahawa bantuan itu terfikir dek kerajaan jika tidak timbul fenomena kontroversi Mat Sabu ini.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Kerajaan telah lama berfikir tentang perkara itu!

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Kalau tidak Mat Sabu pun kerajaan akan bagi juga.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Kita telah umumkan ya. Yang Berhormat Perdana Menteri telah umumkan Yang Berhormat Kota Raja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu beri jalan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang lepas-lepas pun kita beri.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sekarang saya hendak puji. Usaha membantu kerajaan...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Mahu bahas, bahas sahaja!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Mahu beri jalan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Usaha membantu rakyat harus dipuji ya. Namun bantuan-bantuan yang berupa *ad hoc*...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Soalan berhemah.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Atau *one off* ini hanya dapat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tergelincir sedikit..

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Memberi kelegaan sementara. Ia ibarat kerajaan memberi ikan tidak memberi kail. Apabila habis ikan dimakan, mereka akan kelaparan semula. Habis bantuan *one-off* ini, maka mereka akan kembali menghadapi kesusahan yang asal. Ini kerana apa? Ini kerana punca kesusahan mereka tidak ditangani.

■1530

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Ha! Inilah dia orang bagi pun hendak lebih lagi. Itulah sebab tidak pernah bersyukur Yang Berhormat Kota Raja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sebahagian daripada bantuan RM100 untuk setiap murid sekolah sehingga Tingkatan Lima...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Saya kalau sentuh tentang angkatan tentera ini memang saya terasa sangat dan tidak puas hati kerana... [*Dewan riu*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Raja tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Juga bantuan RM200 untuk penuntut-penuntut universiti akan diterima oleh rakyat dengan yang tidak memerlukannya juga maknanya anak-anak orang kaya juga akan turut terima. Sebahagian murid sekolah yang tidak bersekolah di sekolah kerajaan juga akan tersisih dan hak mereka akan dinafikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya agak terperanjat apabila membaca berita Kabinet baru hendak membincangkan mekanisme pengagihan atau penyampaian RM500 untuk isi rumah yang berpendapatan RM3,000 sebulan setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat pengumuman tersebut. Jelas yang pengagihan melalui LHDN akan menjadi satu mimpi ngeri kepada pegawai dan kakitangan LHDN kerana semua kita tahu yang Lembaga Hasil Dalam Negeri tiada rekod pendapatan isi rumah untuk rakyat yang tidak layak membayar cukai. Kalau 40 peratus dari rakyat Malaysia mempunyai pendapatan isi rumah kurang RM1,500 sebulan tentulah jumlah yang layak menerima RM500 ini menjangkau seperti yang ada di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 53 peratus atau lebih 50 peratus daripada rakyat Malaysia. Satu jumlah yang begitu besar. Secara automatik semua penerima bantuan bulanan JKM juga yang tersenarai dalam e-Kasih, penerima zakat dari golongan fakir dan miskin, para nelayan, rakyat di kampung-kampung dan pendalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak dan lain-lain kumpulan yang terpinggir wajib menerima bantuan ini.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, lebih mudah untuk mengagihkan wang ini sekiranya Ahli-ahli Parlimen BN diberi wang *cash* bawa dalam guni dan pergi setiap kampung... [*Ketawa*] *For every two person, one person* layak kerana 50 peratus ya. Itulah mekanisme yang paling senang.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Itu tidak menyindir tu?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bayangkan baru kita dapat namakan Bajet Santa Claus.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** *Allahu Akbar. Allahu Akbar.*



**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat bayangkan bagaimana bantuan ini dapat sampai kepada mereka yang layak tanpa berlaku ketirisan dan kebocoran dalam sistem penyampaiannya kelak.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sedikit sahaja, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Berhemah, soalan bagus. Soalan berhemah, sedikit sahaja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Pakatan Rakyat akan memerhati mekanisme penyampaian ini dan akan mendedahkan kepada rakyat sekiranya yang menerimanya mirip kepada kronisme dan berlaku penyelewengan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat boleh mencelah sedikit? Soalan baik ini. Soalan sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Oleh itu ia akan melibatkan jumlah berbilion ringgit. Minta maaf Yang Berhormat Kota Belud, saya ada banyak perkara. Saya ada banyak, minta maaf.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak apalah, soalan sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua saya hendak ubah tajuk kerana sensitif sangat tajuk ini saya hendak pergi kepada perumahan rakyat berkualiti...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya kagum dengan kepintaran teori ekonomi Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya menyambut baik usaha membantu rakyat berpendapatan sederhana dan rendah dan orang muda untuk memiliki rumah. Memastikan rumah mampu milik yang mencukupi merupakan tanggungjawab pihak berkuasa bukan satu ihsan kepada rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh? Dua saat sahaja Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Akan tetapi sekarang kita Alhamdulillah untuk orang yang duduk di bandar kerana PR1MA ini, projek-projek PR1MA akan tumpu di Putrajaya, Sungai Besi dan Sungai Buloh. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan merancang dan menindik awal tanah-tanah kerajaan di semua bandar-bandar yang membangun untuk tapak-tapak rumah mampu milik untuk masa hadapan. Kerajaan negeri perlu bekerjasama supaya tidak ghairah melupakan tanah milik kerajaan negeri sebagai sumber pendapatan atau untuk pusat-pusat komersial semata-mata.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Proses perbandaran yang giat berlaku di seluruh negara menuntut Jabatan-jabatan Perancangan Bandar dan Desa untuk prihatin dengan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud duduklah Yang Berhormat Kota Belud.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kota Raja mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penggalakan pemajuan perumahan melalui kaedah bina kemudian jual.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Percubaan terakhir. Permintaan terakhir Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya sendiri telah membangkitkan isu ini beberapa kali. Walau bagaimanapun kerajaan perlu ada sasaran dan memperkemarkan syarat dan tidak terlalu fleksibel kepada pemaju yang enggan menggunakan kaedah ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Permintaan terakhir. Soalan berhemah, 15 saat sahaja Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya ingin menyentuh tajuk seterusnya menyentuh tentang program pemulihan rumah terbengkalai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh Yang Berhormat?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kota Belud saya minta maaf.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Hanya 15 saat sahaja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Minta maaf, saya ada 20 minit. Saya ada banyak perkara.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Cuma 10 saat sahaja, boleh? Saya cuma hendak minta tanya macam mana Yang Berhormat mahu memastikan RM1,500 itu bagaimana hendak memastikan RM1,500 tersebut mekanisme dia saya mahu tahu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** No jawapan? Okey.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Peruntukan RM63 juta memanglah tidak mencukupi memandangkan jumlah ini hanya boleh membantu tidak sampai 1,300 unit rumah sehingga Disember 2010. Saya ingin tahu berapakah rumah terbengkalai dan berapakah jumlah kos sebenar rumah-rumah ini? Walaupun KPKT telah mengambil langkah untuk memastikan projek perumahan tidak terbengkalai, masih terdapat projek-projek terbengkalai. Apakah sebenarnya masalah pemaju-pemaju yang tidak dapat menyiapkan projek mereka? Sepatutnya kita perlu capai sasaran projek rumah terbengkalai sifar. Kita tahu ada syarikat-syarikat pemaju yang memakai proksi bumiputera. Bila syarikat diisytiharkan bankrap, proksi atau Ali Baba ini sahaja yang bankrap...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Itu Yang Berhormat Gombaklah, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak pakai Ali Baba.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Akan tetapi pemaju sebenar bebas untuk membuka syarikat lain. Apakah proses penapisan yang diambil oleh KPKT untuk memastikan yang pemaju mempunyai pengalaman dan kepakaran serta kemampuan modal untuk melaksanakan projek perumahan.

Satu lagi masalah di dalam pemajuan projek pembangunan ialah kelemahan pihak PBT di dalam meluluskan dan memantau pelaksanaan projek perumahan. Ada ketikanya pegawai-pegawai di bahagian-bahagian perancangan, bangunan dan kejuruteraan dipercayai penuh konsultan-konsultan syarikat-syarikat pemaju. Dari awal permohonan kebenaran merancang dikemukakan hingga pelaksanaan, pegawai-pegawai yang mungkin kurang berpengalaman sering mengikut telunjuk konsultan-konsultan pihak pemaju.

Mungkin pihak KPKT perlu mengambil daripada kalangan yang berpengalaman dan pernah bekerja di sektor swasta untuk berkhidmat dengan KPKT dan PBT untuk melatih pegawai-pegawai supaya mereka didedahkan dengan praktis atau amalan pihak swasta. Tindakan tidak pernah dikenakan pada pegawai-pegawai KPKT atau PBT kerana dari segi undang-undang mereka bekerja dengan suci hati. Pembeli biasanya tidak mampu mengambil tindakan menyaman pihak kerajaan dan mereka selalunya pihak yang menderita.

Tuan Yang di-Pertua, saya diminta membawa ke Parlimen ini mengenai beberapa projek perumahan di Pulau Indah, Klang, Selangor yang melibatkan kira-kira 1,000 orang pembeli. Projek pangsapuri atau Apartment Bahtera mula dijual pada 1999 dan sehingga kini terbengkalai. Sudah 10 tahun lebih. Sebahagian pembeli terpaksa pindah ke rumah yang tidak siap memandangkan mereka terpaksa membayar pinjaman bank dan menanggung diisytiharkan muflis jika enggan membayar. Sebahagian mereka tidak mampu membayar ansuran rumah yang tidak siap dan pada masa yang sama masih menyewa. Maka pihak bank telah memfkliskan mereka. Mereka ini tidak layak meminjam dari bank-bank dan ada yang diberhentikan kerja. Semua ini gara-gara pemajunya Simpulan Cahaya Sendirian Berhad membuat projek tanpa kelulusan pihak PBT tetapi entah bagaimana masih boleh mendapat pembiayaan bank untuk projek ini.

Pihak PBT iaitu MPK telah mengesahkan yang pihaknya tidak meluluskan pembinaan kerana syarikat pemaju tidak memenuhi syarat. Anehnya bagaimana bank boleh membiayai projek yang tidak diluluskan. Pihak TNB dan SYABAS boleh memberi bekalan kepada syarikat atau pemaju ini untuk melaksanakan projeknya. Kenapakah ini berlaku Tuan Yang di-Pertua? Kenapakah dalam *broad day light* satu pembangunan yang melibatkan lebih 1,000 unit rumah boleh terdiri sedangkan pihak PBT dan pihak pejabat tanah dan daerah ada di situ. Adakah unsur-unsur penyelewengan di sini dan saya tidak boleh faham bagaimana satu projek perumahan yang sebesar ini tidak ada kelulusan tetapi bank boleh membiayai projek ini. Saya dapat maklumat daripada persatuan penduduk pembeli ini bahawa kes ini telah naik sampai ke KPKT, ada perjumpaan dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab kemudian.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan antaranya adalah undang-undang perlu diperketatkan supaya pengarah, pemegang saham, syarikat arkitek, kontraktor, jurutera syarikat pemaju tidak terlepas dari tindakan akibat kecuaiannya mereka di dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah mereka. Mewujudkan satu skim insurans untuk melindungi pembeli rumah di mana risiko turut ditanggung oleh pihak bank dan pemaju. Saya juga mencadangkan pembeli diwakili oleh pihak ketiga yang tiada kepentingan di dalam projek tersebut, peguam dan konsultan dari kalangan juruukur bangunan atau *building surveyors* yang berasingan untuk menjaga kepentingan pembeli.

#### ■1540

Sekarang ini pembeli memakai peguam, yang dicadangkan oleh pihak bank ataupun pihak pemaju dan mereka tidak dilindungi oleh peguam-peguam ini. Amalan sekarang pembeli tidak mampu dan tidak mempunyai kepakaran untuk memantau pemaju perumahan. Amalan yang ada sekarang juga bank akan membuat pembayaran apabila arkitek pemaju mengesahkan tahap pembinaan. Pihak bank tiada obligasi atau keperluan untuk memastikan adakah betul kerja telah dilaksanakan. Dalam banyak kes arkitek, kontraktor dan pemaju bersekongkol dan pihak bank membayarkan kerana tiada pihak yang mengesahkan bagi pihak pembeli. Pembeli pula kerana terlalu yakin kepada pemaju peguam yang mewakilinya tidak memastikan kebenaran tuntutan.

Saya ingin memberikan contoh di dalam industri minyak dan gas, apabila pelantar minyak hendak didirikan syarikat minyak tidak memantau sendiri, tetapi mengambil satu konsultan yang memantau daripada 'A' ke 'Z'. Selagi konsultan mereka tidak menandatangani yang mengatakan tahap-tahap pembangunan itu telah dicapai dan mereka puas hati dengan pembangunan itu pihak syarikat minyak tidak akan membayar kepada kontraktor yang mendirikan bangunan itu. Semua cadangan ini adalah untuk melindungi bakal pembeli rumah sekiranya skim bina kemudian jual dapat dilaksanakan. Mungkin saya ingat cadangan ini sudah tidak relevan lagi, tetapi bilakah skim bina dan jual ini boleh dilaksanakan 100 peratus.

Saya ingin pergi ke tajuk mengiktiraf keupayaan wanita ini. Saya merasakan bahawa sistem sokongan untuk pekerja wanita tidak mantap di negara ini. Di dalam keadaan di mana sebahagian wanita 46 peratus keluar bekerja untuk menampung pendapatan rumah tangga dan menampung kehidupan mereka, kerajaan masih belum menunjukkan *empathy* secukupnya, bukan tidak *empathy*, *empathy* itu ada tetapi belum cukup terhadap wanita yang berkeluarga. Sistem sokongan untuk menjaga anak masih belum diperkasakan lagi. Insentif dan sokongan kepada pengusaha pusat-pusat jagaan kanak-kanak perlu diberi perhatian. Majikan-majikan perlu diberi insentif untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di premis mereka.

Kerajaan perlu memikirkan untuk mewajibkan majikan kategori tertentu mewujudkan *nursery* dan taska apabila terdapat pekerja wanita pada peratus yang tertentu. Satu polisi perlu digubal dengan mensasarkan sistem sokongan ini diwajibkan pada masa yang terdekat. Satu kajian terperinci amat kita perlukan untuk mencadangkan satu polisi yang praktikal.

Saya ingin juga mencadangkan supaya suri rumah juga dibolehkan untuk mencarum dan mendapat perlindungan PERKESO. Suri rumah adalah pekerja yang saya kira yang *contribution* mereka kepada negara tidak boleh dikira tidak *tangible* semuanya *intangible*. Sumbangan mereka ini tidak terhingga kerana merekalah yang membesarkan anak-anak dan memastikan bahawa satu keluarga itu dapat bangun dengan sebaik mungkin. Jadi kita perlu memikirkan apakah dalam jangka masa panjang nasib suri-suri rumah ataupun kebajikan mereka juga diambil kira, kerana kadang-kadang mereka juga mengalami kita panggil *accidents* di rumah, mereka juga kadang-kadang sakit dan dia terlantar di hospital. Saya mengharapkan kerajaan dapat memikirkan ini dengan serius, sumbangan yang tidak membebaskan akan menggalakkan suri rumah untuk menyumbang kepada dana ini dan untuk mereka mendapat manfaatnya.

Terma yang adil perlu difikirkan untuk mereka mendapatkan perlindungan. Sehubungan itu saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam tahun 2009 kalau tidak silap saya mantan Menteri KPWK ada mengumumkan bahawa kerajaan mencadangkan ataupun menggalakkan caruman sukarela KWSP untuk para isteri. Jadi ke manakah program ini adakah berjaya, adakah mendapat sambutan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bergerak kepada satu tajuk iaitu membersihkan pengurusan kewangan negara. Sudah sampai masanya kerajaan tidak lagi terlibat dengan unsur riba. Semua pinjaman kerajaan perlulah diberi secara tanpa faedah. Kerajaan tidak boleh mengambil keuntungan daripada rakyatnya sendiri. Walau bagaimanapun yuran pengurusan yang berpatutan adalah wajar. Kerajaan perlulah membuat rancangan berperingkat untuk tidak lagi terlibat dengan riba untuk mendapat keredaan Allah SWT bagi merealisasikan, "*Baldatun tayyibatun warabbul ghafur.*" Negeri yang berkebajikan dan mendapat keampunan Tuhan. Ahli Parlimen di sebelah sini termasuk daripada DAP sendiri sudah beberapa kali meminta Menteri Kewangan untuk mengasingkan pendapatan dari sumber haram daripada yang halal. Cukai arak, cukai judi, cukai perniagaan khinzir dan lain-lain yang sewaktu dengannya yang faedah diperolehi daripada pinjaman daripada kakitangan kerajaan perlu diasingkan dan digunakan untuk perkara-perkara yang dibolehkan oleh syarak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka panjang, kerajaan perlu memastikan syarikat-syarikat GLC dan umat Islam dalam negara ini syariah *compliant* atau patuh kepada syariah dalam semua perkara. Fatwa negeri Selangor yang bersidang pada 12 April 2011 telah membuat keputusan bahawa pelaburan Amanah Saham Bumiputera ASB dan ASN tidak halal kerana jelas aktiviti pelaburan ASB dan ASN bercampur syariah *compliant* dan tidak *compliant* sehingga tidak patuh syariah. Sebahagian besar daripada pelaburan ASN dan ASB adalah di dalam faktor kewangan konvensional yang membabitkan keuntungan berasaskan riba dan pasaran wang. Apakah fatwa di peringkat Persekutuan berlainan daripada fatwa negeri Selangor. Hadis Rasulullah SAW bermaksud, "*Tidak bercampur antara halal dan haram melainkan mengalahkan yang haram atas yang halal.*" Hadis riwayat Jabir Al-Ja'fi daripada Ibnu Mas'ud.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, sedikit lagi. Mengenai elaun tadi yang disebut oleh Yang Berhormat Padang Serai saya pun tidak faham macam mana Yang Amat Berhormat bertanya kepada sebelah sini kerana biasanya bajet atau belanjawan diluluskan kerana tidak perlu sokongan sebelah kita kalau hendak bagi, bagi sahajalah. Kenapa ditanya kepada kita... *[Ketawa]* Akan tetapi saya..., dengar saya punya alasan ya Yang Berhormat sekalian. Okey....

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Minta laluan sedikit.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Masalahnya Tuan Yang di-Pertua elaun ini juga memandangkan Ahli Parlimen pembangkang tidak mempunyai geran untuk program dan bantuan rakyat, maka hampir semua dari kami terpaksa menggunakan elaun sara hidup untuk tujuan tersebut. Ahli Parlimen BN ada geran dan peruntukan khas Perdana Menteri RM500,000 setahun.

**Beberapa Ahli:** RM1 juta.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Oh, RM1 juta, RM1 juta. Maaf saya - okey saya masukkan semua ada yang kata RM1 juta ada yang kata RM1.5 juta (1,5000.000).

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tahun-tahun lepas RM1.7 juta... *[Dewan riuh]*

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ya, maksudnya mereka. Okey, okey. Bertenang, bertenang, bertenang. Mereka boleh menggunakan geran tersebut...

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Kalau hendak masuk BN.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Untuk program dan projek rakyat. Lagipun ramai yang menjadi pengarah-pengarah syarikat-syarikat GLC atau lain-lain institusi. Kami tidak dengki itu rezeki. Ambillah, tetapi...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Selangor macam mana, Selangor, Selangor.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Elaun tambahan, ya? Sekarang saya hendak sebut di sini bahawa kalau setakat untuk saraan hidup elaun yang diterima oleh Ahli-ahli Parlimen di sebelah sini cukup. Kalau kita tidak guna elaun saraan hidup itu untuk membayar kos-kos seperti pengurusan pusat khidmat, pemandu, kita tahu gaji pemandu minimum tidak kurang daripada RM1,500.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya tidak tahulah kalau ada di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat boleh cadangkanlah. Potongkanlah elaun kita semua ini.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang bayar pemandu RM1,000. Saya tidak tahu kalau boleh bayar pemandu RM1,000 yang ikut kita daripada pagi sampai ke malam. Jadi apa yang diperlukan bukan kenaikan elaun asas untuk sara hidup. *Insyallah* kita boleh mengikat perut dan turut berlapar dengan rakyat jika perlu. Akan tetapi apa yang diperlukan ialah peruntukan-peruntukan untuk mengurus pusat khidmat, menggaji pembantu-pembantu penyelidik. Inilah kedudukan sebenar. Saya sebenarnya bersimpati dan berempathy kepada orang yang terpaksa, Ahli-ahli Parlimen yang terpaksa menanggung keluarga. Ini kerana terutama pula yang anak ramai. Maka tentulah kalau sebahagian daripada elaun ini terpaksa kita keluarkan...

■1550

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Siapa suruh jadi Ahli Parlimen.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Untuk program-program rakyat tentulah mereka sendiri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Di Selangor Yang Berhormat macam mana itu ya?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Tidak cukup. Jadi jika ada di kalangan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Selangor pun tidak bagi.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Jika ada di kalangan mereka yang terpaksa memohon zakat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Di Selangor tidak bagi, Barisan Nasional tidak dibagi.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Janganlah pula dijadikan isu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Di Selangor kecuali Selangor. Ini saya hendak cerita.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kecuali di Selangor, Ahli Parlimen memang dibantu ihsan negeri Selangor.

**Tuan Haji Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam habis masa Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat Machang.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kita juga diberi RM50,000 untuk pusat khidmat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ADUN Barisan Nasional di Selangor. Dewan Undangan Negeri diberi peruntukan.

**Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]:** Selangor dapat...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dua kali lima sahaja, dua kali lima.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Dan kita diberi RM100,000 untuk program-program bersama rakyat. Saya bercakap di pihak Ahli-ahli Parlimen lain.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dewan Undangan Negeri Selangor macam mana Yang Berhormat?... *[Dewan riuh]* Barisan Nasional?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya bercakap bagi pihak Ahli-ahli Parlimen yang lain.

**Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]:** Saya ini...

**Dato' Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Selangor zakat pun ambil.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Kalau elaun asas, elaun...

**Dato' Zulkifli Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Betul, zakat pun ambil.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Sara hidup, memang mencukupi. Akan tetapi sekiranya elaun ini terpaksa dipakai...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Kalau untuk rakyat, apalah...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Untuk membayar pengurusan pusat khidmat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional di Dewan Selangor...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Maka ini tidak mencukupi. Saya harap...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Kalau hendak cakaplah hendak. Tidak payah belit-belit.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** ...Sebab saya tidak mahu ia tidak disalah tafsir.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dibagi tidak?

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Kalau hendak cakap hendaklah, jangan belit-belit.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Itu adalah penjelasan saya.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Ini berbelit-belit. Maksud dia hendak itu.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kanowit.

**5.51 ptg.**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Cannot wait only.*

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Sudah, *okay thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama terlibat dalam perbincangan Bajet 2012. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua sebagai wakil rakyat dari kawasan pendalaman di mana penduduknya masih memerlukan banyak lagi peruntukan bagi pelbagai pembangunan.

Kita amat berterima kasihlah kepada Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional yang telah membentangkan satu bajet yang telah menerima banyak reaksi dan respons yang cukup positif dari rakyat jelata dan boleh juga disebutkan sebagai bajet yang betul-betul boleh meringankan beban rakyat akibat kenaikan kos sara hidup. Ianya juga satu bajet bagi mengurangkan jurang pendapatan di kalangan pelbagai lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin membangkitkan beberapa isu yang memang sudah selalu dibahaskan pada sidang-sidang dahulu terutamanya yang melibatkan masalah dan isu di luar bandar. Satu daripada isu dan masalah yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan pendalaman adalah isu klinik. Kita juga mendengar hujah daripada Yang Berhormat Hulu Rajang pada hari dulu apabila Yang Berhormat Hulu Rajang menceritakan keadaan di kawasan pendalaman dan kaum Penan yang mana masih banyak masalah seperti klinik yang mencari *the core issue*.

Sama juga di Kanowit, kawasan yang saya sering bangkitkan dari dahulu, juga adalah kawasan penempatan semula Rascom, di mana kawasan Rascom ini adalah kawasan zaman komunis dahulu di mana berpuluh-puluh buah rumah panjang, beratus-ratus keluarga dan beribu-ribu penduduk dipindahkan dari hulu sungai dan ditempatkan di kawasan penempatan semula Rascom oleh kerajaan supaya lebih senang mereka ini dikawal oleh anggota keselamatan dari dipengaruhi oleh komunis. Dengan itu juga diadakan segala pembangunan, segala infrastruktur asas, kegiatan ekonomi dan pekerjaan, sekolah, klinik dan sebagainya.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua selepas dekat 40 tahun sesetengah dari janji itu tidak ditunaikan. Salah satu daripadanya adalah kemudahan kesihatan atau klinik desa yang terus menjadi masalah dan isu di tiga buah kawasan Rascom di Parlimen Kanowit.

Apa yang ada klinik pun seperti di Rascom Jagau dan Ngungun kemudahan dan kelengkapan klinik di situ termasuk pegawai kesihatan dan juga misi amat tidak mencukupi. Jadi klinik di situ tidak begitu berkesan bagi memberi khidmat kesihatan bagi penduduk di sana. Untuk bercerita panjang Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas saya terserempak dengan seorang pemandu enjin sangkut bot panjang dari klinik Rascom Jagau. Beliau bercerita kisah dia yang terpaksa membantu seorang ibu yang mahu bersalin yang dibawanya daripada kawasan Jagau ke Hospital Kanowit yang mengambil masa perjalanan enam jam.

Itu di tengah perjalanan itu, maka ibu itu tidak tahan lagi dan pemandu itu terpaksa berhenti dan menolong beliau untuk melahirkan anaknya dalam perahu. Anak kecil dibungkus dengan kain dengan *umbilical cord* dia masih tidak dipotong dan dibawa ke Hospital Kanowit dalam keadaan cuaca yang begitu panas. Inilah cerita seorang pemandu Tuan Yang di-Pertua, yang tidak mempunyai pengalaman terpaksa menolong seorang ibu melahirkan anak dalam perahu panjang.

Bayangkan dalam kita heboh menuju Wawasan 2020, melaungkan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, semua lapisan masyarakat perlu diberi kemudahan asas, kemudahan kesihatan, sekolah dan sebagainya. Akan tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita masih dalam zaman nenek moyang dahulu melahirkan anak dalam keadaan sebegitu bahaya kerana kemudahan klinik kesihatan masih tidak ada di kawasan yang terpencil ini.

Sebagai wakil rakyat di kawasan sebegini saya tidak akan jemu untuk membangkitkan masalah rakyat yang kita inginkan untuk sama-sama menikmati untuk kemudahan dan kualiti hidup seperti rakyat di bandar-bandar besar yang sudah maju. Klinik, jalan raya, bekalan air, sekolah sering dibangkitkan, akan tetapi macam ianya tidak dipedulikan. Sebagai contoh klinik desa di Rascom Nanga Tada telah bertahun-tahun semenjak tahun 1972 sekarang sudah 39 tahun dikatakan ada peruntukan akan tetapi sampai hari ini belum ada tanda ianya akan dibina.

Saya sudah beberapa kali menghantar surat dan berbisik kepada Menteri, Timbalan Menteri yang dahulu dan sekarang juga untuk menyelesaikan masalah ini. Kita melihat beratus buah klinik dibina di bandar-bandar besar. Klinik swasta bertaburan, dua ke tiga unit klinik di setiap baris kedai. Akan tetapi di kawasan pedalaman langsung tidak dipedulikan. Kalau kita masih digunakan jumlah dan pendapatan penduduk sebagai kriteria untuk membina kemudahan kesihatan seperti klinik di kawasan pedalaman sampai bila pun rakyat yang terpencil ini tidak akan menikmati kemudahan seperti itu.

Saya mohonlah sekali lagi agar perkara sebegini dipertimbangkan dengan segera sebab sudah berpuluh tahun ianya dipohon akan tetapi tidak dapat juga peruntukan. *Please* lah datang sendiri untuk melihat sama ada apa yang saya bangkitkan ini benar atau tidak. Kalau di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, kita melihat banyak *highway* dan ada di sesetengah kawasan di mana *highway* sudah sampai empat tingkat tinggi.

Di kawasan Kanowit 40 peratus daripada kawasan saya di sana belum ada jalan tanah kuning pun, jangan cakap jalan berturap. Bekalan air dan elektrik pun sama. Jadi saya berharaplah peruntukan yang banyak untuk kemudahan asas di Sarawak yang telah dibentangkan dalam peruntukan Bajet 2012 ini diberikan lebih besar kepada kawasan pedalaman seperti Kanowit sebab sudah lama tertinggal dari segala segi penggunaan ini.

Dalam ini juga saya ingin mengingatkan dan mengulang sekali lagi supaya kerajaan jangan lupa untuk memperuntukkan wang bagi membina jalan Rascom Ngungun ke Rascom Jagau sepanjang 24 kilometer sebab ianya sudah terlalu lama di pohon, akan tetapi masih diabaikan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja *survey* dan mengumpul data di kawasan itu sudah pun siap dijalankan oleh JKR dan sekarang ia menunggu kementerian untuk memberi peruntukan supaya jalan itu dapat dibina.



Tuan Yang di-Pertua, setengah masalah di kawasan Rascom ini telah juga diambil perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat sendiri telah melawat ke kawasan Rascom di Kanowit dalam Februari 2010. Di dalam lawatan itu Yang Amat Berhormat juga meluluskan peruntukan untuk menukar atap zink yang sudah buruk dan juga menukar atau *rewiring* semula semua rumah panjang dalam kawasan Rascom itu dan projek itu telah menelan belanja dalam lingkungan RM12 juta.

Rakyat di sana amat berterima kasih Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi masalah juga timbul oleh kawasan saya di sana sebab beratus-ratus lagi rumah panjang di tepi sungai, sungai Ngemah, sungai Poi, sungai Batang Rajang dan sebagainya turut mohon peruntukan yang serupa supaya rumah-rumah mereka juga dapat dibina baru atau di naik taraf seperti rumah-rumah di dalam kawasan Rascom yang saya sebut tadi.

Jadi saya menyerulah kepada Menteri dan pegawai kerajaan dengan peruntukan yang banyak seperti saya sebutkan tadi untuk melawat dan melihat sendiri ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak dan berlandaskan Gagasan 1Malaysia bawalah pembangunan ke kawasan di sana supaya kita semua dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Akhirnya perpaduan dapat dicapai dan itulah kehendak Gagasan 1Malaysia yang kita amat alu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang menjadi isu politik di daerah Kanowit baru-baru ini adalah bekalan air bersih. Oleh kerana banyak kawasan sudah diteroka dan ditanam dengan pokok sawit, air sungai sudah tercemar dan tidak selamat lagi untuk digunakan oleh rakyat.

#### ■1600

Sekarang ini, projek penyambungan paip untuk saluran air ke rumah panjang di sesetengah kawasan yang sudah ada jalan kecil pun sudah sampai daripada peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun Kerajaan Pusat. Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, air tidak ada. Agensi yang bertanggungjawab, *water board* dan mereka juga yang mengutip bayaran air setiap bulan tetapi tidak dapat membekalkan air kepada kawasan baru ini. Kawasan dahulu pun sudah kehilangan air oleh kerana tekanan air sudah hilang.

Untuk masalah ini Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai wakil rakyat pun terpaksa membantu untuk membeli tangki air dan diberikan pada rumah panjang yang memerlukan untuk menampung dan menyimpan air hujan. Dalam hal ini juga parti pembangkang pun turut mengambil kesempatan dan sama-sama memberikan sedikit tangki pada rumah panjang di kawasan saya dan saya mengucapkan terima kasihlah kerana sama-sama tolong-menolong. Kalau dapat, bekalkan banyak lagi dan kita boleh sama-sama pergi menyampaikannya kepada rakyat di sana sebab rakyat juga amat memerlukan perkara seperti ini.

Saya menyeru kepada kerajaan terutamanya *water board* untuk mempercepatkan membina loji-loji dan *booster plant* supaya masalah air ini tidak menjadi satu lagi isu yang dipertikaikan. Saya tahu peruntukan untuk loji air dan *booster plant* ini memang ada dan sebab itu saya menyeru kepada agensi terbabit melaksanakan pembinaan prasarana tersebut untuk menyegerakan pembinaannya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kegiatan ekonomi di luar bandar terutamanya Sarawak, peluang pekerjaan di kilang-kilang besar memang tidak ada. Ladang sawit mungkin ada di sesetengah kawasan tetapi rakyat tidak berminat kerana gaji terlalu rendah. Jadi, bagaimana rakyat di luar bandar ini dapat menyara hidup mereka kalau tidak ada kegigihan mereka sendiri sebagai petani tradisional dan bercucuk tanam?

Dalam beberapa tahun ini, harga komoditi seperti getah, lada, koko dan sawit amat memuaskan. Rakyat di Kanowit masih bergantung pada komoditi ini untuk menyara hidup mereka. Kita juga sedia maklum kerajaan amat prihatin atas keperluan itu dan memberikan bantuan subsidi dan penubuhan ladang komoditi ini di kawasan pedalaman. Yang menjadi isu ialah apabila peruntukan itu tidak sampai ke kawasan sasaran sebab selalunya ia bertumpu pada sesetengah kawasan tertentu di Sarawak. Kawasan lain ditinggalkan.

Jadi, kita mohonlah untuk peluang seperti ini diberikan sama rata ke kawasan-kawasan yang lain. Mungkin yang lebih memerlukan kerana sudah lama ketinggalan dalam penggunaan seperti ini.

Daripada segi tanah juga saya sering menerima aduan daripada NCER *land owners* bahawa susah untuk mereka mendapatkan pengesahan terhadap tanah-tanah tersebut oleh kerana belum ada *title*. Tambahan pula, banyak tanah NCER di Sarawak dan Kanowit juga sudah diletakkan di bawah kawalan *Land Custody and Development Authority* ataupun LCDA dengan singkat, agensi kerajaan untuk membangunkan tanah NCER pada ladang sawit. Apabila tanah-tanah itu di bawah NCER dan *land owners* memohon untuk bantuan kewangan daripada RISDA, MPOB dan lain-lain untuk skim ladang getah, sawit dan sebagainya, mereka gagal oleh kerana tanah NCER mereka itu kononnya dimiliki oleh LCDA.

Ini menjadi masalah besar Tuan Yang di-Pertua dan ramai pemilik tanah ini marah dengan kerajaan. Masalah itu terus menjadi isu politik yang amat sensitif. Saya mohon kepada kementerian berkenaan; Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk melihat masalah ini dan membuat perbincangan-perbincangan dengan kerajaan negeri dan agensi-agensi yang terlibat sebab mereka yang benar-benar berminat dan mampu untuk menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ladang-ladang pertanian ini dapat menikmati bantuan kerajaan yang sedia ada.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ramai dalam kalangan rakyat di luar bandar yang sudah terlibat dengan penanaman sawit serta ladang kecil-kecilan mengikut kemampuan mereka menerima pendapatan yang amat memuaskan kerana harga minyak sawit yang begitu tinggi. Sama juga dengan getah dan lada. Oleh sebab itu, mereka berharap agar bantuan kewangan daripada kementerian dan agensi pelaksana untuk penanaman semula getah, sawit, lada dan sebagainya diberikan kepada mereka dengan tidak ada halangan. Supaya lebih ramai lagi penduduk luar bandar dapat meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka.

Akan tetapi masalah juga timbul oleh kerana kilang-kilang sawit terutama di Sarawak, tidak mampu untuk menerima buah sawit. *The milling capacity is not enough* dan ini telah tersebar di surat khabar beberapa bulan yang lalu. Difahamkan bahawa ada lori-lori buah sawit terpaksa menunggu dua hari atau tiga hari untuk sampai ke kilang. Oleh sebab itu, kualiti minyak atau *recovery rate* jatuh yang merugikan pengilang tersebut. Difahamkan juga Sarawak cuma ada 52 buah kilang dengan luas ladang sebanyak 1.2 juta hektar, maka Sarawak masih memerlukan 30 buah lagi kilang untuk memproses minyak sawit. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita berharap kerajaan akan melihat masalah ini dengan serius dan mengambil langkah untuk mencari jalan atau pelabur bagi membina lebih banyak lagi kilang sawit ini demi kepentingan pekebun-pekebun kecil di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berterima kasih juga kepada kerajaan kerana telah mengambil kira kesemua lapisan masyarakat daripada segi keperluan perumahan dan menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh golongan tertentu seperti PR1MA untuk perumahan golongan muda, Rumah Mesra Rakyat untuk perumahan *the low income group* dan PPRT untuk rakyat miskin. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua adalah PPRT atau program bina baru rumah untuk rakyat miskin dengan kos RM40,000 seunit dan bantuan untuk baik pulih rumah dengan peruntukan RM12,000 seunit terutama yang menjadi masalah adalah pelaksanaan program tersebut daripada segi pemilihan calon ataupun penerima bantuan tersebut yang benar-benar layak untuk bantuan itu. Ini disebabkan apa yang terjadi sekarang adalah tidak memuaskan hati rakyat dan ada di kalangan mereka yang mendapat bantuan itu kita lihat tidak layak daripada segi pendapatan isi rumah dan sebab lebih ramai lagi keluarga yang benar-benar miskin tetapi tidak dapat bantuan tersebut.

Kedua, apabila projek itu lulus dan diberikan kepada kontraktor, sesetengah kontraktor enggan melaksanakan projek itu kalau ia terletak jauh di hulu sungai sebab kos pengangkutan yang begitu tinggi. Dalam hal ini, saya telah menerima banyak komplain ataupun rintihan daripada rakyat di sana dan pegawai daerah pun telah memberitahu saya akan masalah ini dan saya berharap kementerian berkenaan menyiasat masalah ini.

Sebagai opsyen, kita boleh juga apabila kontraktor itu tidak mahu melaksanakan projek tersebut, kita boleh menawarkan kepada penduduk rumah panjang atau JKPP rumah panjang untuk mereka membina rumah itu secara gotong-royong ataupun kementerian boleh memberikan pertimbangan untuk menambahkan lagi peruntukan untuk projek itu dengan mengambil kira kos pengangkutan dan harga barang binaan yang memang tinggi kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya yang saya ingin bangkitkan adalah peruntukan untuk penyelenggaraan infrastruktur atau PIA dengan PIAS. Pertama, saya cadangkan pengagihan peruntukan ini perlu diberikan secara adil pada kawasan-kawasan pedalaman yang benar-benar memerlukan seperti kawasan yang banyak membuat baik pulih dan naik taraf jalan kampung, pembinaan jambatan, jeti, balai raya, tandas awam dan sebagainya terutamanya di kawasan luar bandar. Ini disebabkan pada tahun-tahun yang lepas, saya difahamkan Daerah Kanowit cuma mendapat 1.2 juta. Walhal kawasan lain di bandar besar mendapat berpuluh-puluh juta. Yang sudah dapat banyak infrastruktur, terus diberikan peruntukan lebih banyak. Jadi, tinggalah, selalu *the poor and the backwards*, kawasan di luar bandar.

Kedua, keadaan begini akan menjejaskan Gagasan 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua, yang mana menjelang tahun 2020, penduduk kawasan pedalaman tidak akan mendapat kemudahan asas yang sewajarnya. Jadi, kementerian perlu melihat perkara ini dan berilah peruntukan mengikut keperluan sebenar. Bukan disebabkan kawasan itu adalah kawasan Menteri, Timbalan Menteri dan sebagainya dan diberikan peruntukan begitu banyak tetapi dengan jalan yang sudah elok, diturap dua kali atau tiga kali setiap tahun, keperluan itu perlu juga diberikan pada kawasan-kawasan di luar bandar yang belum mendapat peruntukan ataupun jalan dan kemudahan asas lain yang elok untuk sama-sama kita menikmatinya dan itulah kehendak Gagasan 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan sagu hati bekas anggota keselamatan terutamanya anggota polis yang telah bersara dan terkorban semasa era Komunis. Memang ia sudah lama dibangkitkan dan kali ini ia menjadi nyata dan sebab itu kita berterima kasih kepada kerajaan sekarang yang prihatin dan akhirnya memberikan pengiktirafan terhadap khidmat dan perjuangan mereka ini demi keselamatan negara dan bangsa.

#### ■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit daripada kementerian sebab ada terminologi yang kurang jelas iaitu anggota keselamatan yang tergolong dalam kategori *jungle scout*. Ini kerana dalam versi buku Bajet 2012 ini di para 67 dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, terminologi *jungle scout* ini kurang dijelaskan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui dalam bajet ini anggota tentera termasuk Sarawak Renjer yang menamatkan perkhidmatan mereka kurang daripada 21 tahun dan tidak menerima pencen cuma akan diberi latihan dan kursus untuk mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka balik ke kampung dan tinggal di rumah panjang, tidak akan dapat melihat peluang perniagaan seperti yang dijangkakan. Juga, ramai di antara bekas-bekas anggota ini sudah meninggal dunia dan balu mereka serta anak mereka memang mengalami masalah untuk menyara hidup mereka seharian. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi sagu hati yang sama kepada anggota angkatan tentera ini terutamanya Sarawak Renjer yang saya bangkitkan juga dalam soalan pagi tadi. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang.

4.11 ptg.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya satu peluang untuk berbahas. Saya hendak sentuh beberapa isu.

Pertama, tentang perbelanjaan dan peruntukan bagi mengurus untuk SPRM. Pada tahun 2010, perbelanjaan bagi mengurus untuk SPRM adalah sebanyak RM168 juta. Pada tahun hadapan, tahun 2012, peruntukan bagi mengurus bagi SPRM adalah sebanyak RM211 juta. Lonjakan adalah sebanyak 25 peratus dalam tempoh masa dua tahun. Akan tetapi pada masa yang sama, apabila peruntukan menjadi semakin besar, kita juga hendak lihat apa keberkesanan SPRM.

Kalau kita lihat, berbanding kadar sabitan kes di Indonesia, di sana hampir 100 peratus dan kadar sabitan kes di Hong Kong adalah setinggi 95 peratus. Di Singapura, jiran kita, di sana kadar sabitan kes adalah setinggi 85 peratus. Akan tetapi sebaliknya di Malaysia, kadar sabitan kes adalah sebanyak 73 peratus sahaja. Kadar sabitan SPRM di Malaysia amat tidak memuaskan berbanding dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara. Pada tahun 2010, bilangan kes pendakwaan di mahkamah adalah sebanyak 382 kes dan bilangan kes yang selesai adalah sebanyak 435 kes. Manakala bagi tahun 2011 dari bulan Januari hingga bulan Ogos, kes yang selesai adalah sebanyak 403 kes sahaja. Memandangkan kadar sabitan SPRM adalah setinggi 73 peratus sahaja, maksudnya kos purata SPRM untuk mensabitkan seseorang Orang Kena Tuduh (OKT) di mahkamah adalah sebanyak RM529,000 pada tahun 2010 dan sebanyak RM457,000 pada tahun 2011...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud bangun Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** *Sorry*, saya hanya ada 20 minit. Jadi jangan kacaulah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** SPRM. *Simple question* Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Semenjak 1 Januari 2009...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Dua kes kematian telah berlaku di perlarangan SPRM.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Soalan bagus ini. Memperbetulkan fakta Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Sabar sedikitlah. Orang tua ini perlu sabar sedikit. Kalau saya ada masa, saya akan beri laluan. Duduk dahululah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak. Memperbetulkan fakta Yang Berhormat yang salah supaya orang muda seperti Yang Berhormat ini jangan pesongkan Dewan ini.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Akan tetapi sampai hari ini, walaupun sudah ada dua kes kematian yang telah berlaku di perkarangan SPRM, tetapi sampai hari ini kita tidak nampak satu 'ikan yu' pun telah disabitkan rasuah di mahkamah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya ahli SPRM. Saya ada fakta Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Sekarang bekas Presiden MCA, Lee Liong Sik...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya ahli SPRM, boleh beri?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Bekas Menteri Pengangkutan, Tan Sri Chan Kong Choy dan bekas Menteri Besar Selangor, Dato Seri Khir Toyo tengah didakwa di mahkamah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itulah masalahnya orang muda jadi wakil rakyat ini... [Ketawa]

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Jadi saya hendak tanya, mereka akan terjatuh di bawah kategori 73 peratus itu yang disabitkan atau mereka akan terjatuh di bawah kategori 27 peratus itu yang dibebaskan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekali lagi Yang Berhormat, boleh minta laluan?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya rasa Parlimen kita telah memberikan peruntukan yang cukup besar kepada SPRM. Kita haraplah bahawa SPRM bolehlah memberi kesan yang benar-benarnya untuk Malaysia.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, kita selamatkan RM3 bilion Yang Berhormat dalam isu kastam. SPRM selamatkan RM3 bilion dalam kastam di dalam pencurian pasir di Selangor...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Serdang tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Duduk dahululah. Ini biadab sangat. Ini *floor* saya. Duduk! Duduk!

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita selamatkan ratusan juta rakyat, rakyat beratus juta.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Biar saya *finish* ucapan saya dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi ini adalah...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Jangan biadab sangat macam itu. Ini *floor* saya. Jangan ganggu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini adalah SPRM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud, duduklah Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** RM3 bilion kita selamatkan. Pendapatan kastam sebanyak RM3 bilion.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ini *floor* saya. Jangan ganggu, boleh tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Serdang tidak beri jalan Yang Berhormat Kota Belud.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tahu apa ini undang-undang atau Peraturan Mesyuarat di Parlimen atau tidak?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak berapa dengar. Suara nyaring sangat. Saya tidak dengar apa yang cuba dikatakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Serdang, boleh marah tetapi jangan sebut biadab.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Bukan 73 peratus sahaja. Pendapatan kastam RM3 bilion naik.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Okey, saya terima. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Boleh marah, boleh tegur tetapi jangan panggil seseorang biadab Yang Berhormat ya. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Akan tetapi tingkah lakunya memang biadab sangat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak. Saya minta baik.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tidak cukup ajar. Perlulah belajar lagi dengan Pakatan Rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cuma mengatakan Yang Berhormat, kastam naik RM3 bilion.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Pasir dicuri di Selangor, kita selamatkan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya hendak sentuh di sini adalah tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana perangai macam ini, Tuan Yang di-Pertua? Betul-betul memang layak untuk digunakan perkataan yang sebegitu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlu sokong Yang Berhormat Shah Alam. Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu sebabnya SPRM sekarang naik. Sokong SPRM. Pasir yang dijual di Selangor sahaja sudah diselamatkan berbilion-bilion ringgit.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, satu orang hanya mempunyai 20 minit. Kalau dia ganggu begini, bagaimana saya hendak teruskan ucapan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlu cakap dengan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Teruskan sahaja.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Bagaimana orang boleh dengar?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Masalahnya Yang Berhormat tidak faham.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Duduklah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud!

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tunjuk sedikit hormat kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apalah!

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Semasa dia berucap, orang pun tidak ganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Serdang.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Isu kedua yang saya hendak sentuh adalah tentang pampasan tol. Dalam ucapan beliau semasa membentangkan Bajet 2011 pada bulan Oktober tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa kadar tol empat lebuhraya PLUS tidak akan naik untuk tempoh masa lima tahun bermula serta-merta. Pada Januari tahun ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulangi lagi bahawa kerajaan Barisan Nasional akan menyusun semula sistem lebuhraya bertol untuk meringankan kos pengangkutan rakyat jelata.

Akan tetapi dalam Bajet 2012 ini, kita lihat pampasan tol yang dibayar oleh Kerajaan Pusat kepada syarikat konsesi telah meningkat dari RM200 juta pada tahun 2011 kepada RM343 juta untuk tahun hadapan, tahun 2012. Ini adalah satu lonjakan sebanyak 71 peratus. Jadi saya hendak tanya, tema Bajet 2012 ini adalah 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara', tetapi sebenarnya saya rasa kesan bajet sebegini adalah memindah beban penggunaan jalan raya ke semua warganegara Malaysia. Dahulu kita ambil duit dari poket kiri, sekarang Kerajaan Pusat ambil duit rakyat jelata dari poket kanan untuk membayar kepada syarikat konsesi. Jadi saya rasa ini bukan satu cara untuk mentransformasikan negara kita dan ini bukan satu cara untuk meringankan beban rakyat jelata...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, boleh? Soalan yang betul-betul ini. Boleh minta?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Serdang tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ini sebenarnya satu penipuan sahaja.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini orang muda. Itu Yang Berhormat Kota Belud orang tua. Ini orang muda. Kinabatangan orang muda. Boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak beri jalan Yang Berhormat?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Tidak mahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Belud, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, bolehlah tanya sedikit.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Isu ketiga, saya hendak sentuh...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu orang tua, ini orang muda. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, duduklah Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Orang tua, jangan naik suaralah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu orang tua, ini orang muda. Orang muda, bolehkah?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ini sudah berapa isteri, jangan kacau saya lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini Yang Berhormat Kinabatangan sangka jahat ini. Yang Berhormat Kota Belud orang muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Belud, duduklah Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu Yang Berhormat Kota Belud orang tua, ini orang muda.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ya lah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya hendak tanya isu ketiga adalah tentang pembinaan sekolah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak *gentlewoman* lah Yang Berhormat ini.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Pelbagai bayaran termasuklah bayaran kokurikulum, kertas ujian, Majlis Sekolah-sekolah Malaysia dan insurans takaful telah dimansuhkan. Ini saya rasa adalah satu usaha yang baik dan saya juga sokong usaha baik ini. Akan tetapi apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sebut dalam bajet beliau adalah sebenarnya perbelanjaan dan peruntukan bagi pembangunan dalam bidang pendidikan dan latihan sebenarnya telah menurun dari RM12 bilion pada tahun 2010 ke RM8.5 bilion untuk tahun 2012.

#### ■1620

Ini adalah satu pemotongan yang hampir mencapai 30 peratus. Jadi, saya rasa sebagai satu akibat yang tidak dapat dielakkan jumlah sekolah baru yang akan dibina akan menjadi semakin kurang kerana peruntukan untuk pembangunan, pendidikan dan latihan menjadi semakin kecil. Kalau mengikut garis panduan perancangan yang ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, ikut piawaiannya kita perlulah membina satu sekolah menengah di antara satu kawasan yang mempunyai 15,000 penduduk. Kita juga perlu membina sebuah sekolah rendah di kawasan yang mana ada 7,500 orang penduduk.

Jadi, unjuran keperluan sekolah menengah di kawasan MPKj di kawasan Majlis Perbandaran Kajang sahaja sehingga tahun 2015 adalah sebanyak sembilan buah. Manakala unjuran keperluan sekolah rendah di bawah kawasan MPKj sahaja sehingga 2020 di kawasan MPKj kita perlulah sekolah menengah yang baru sebanyak 14 buah dan juga sekolah rendah yang sebanyak 30 buah, sekolah yang baru. Jadi, sekarang saya hendak tanya. Sekarang, bajet kita untuklah pembangunan dalam bidang pendidikan dan latihan menjadi semakin kecil.

Jadi, di bawah satu kawasan MPKj sahaja jumlah sekolah yang baru adalah begitu banyak yang kita perlukan. Jadi, bagaimana Menteri Pelajaran, Kementerian Pelajaran boleh memastikan bahawa semua penduduk-penduduk kita di MPKj, anak-anak mereka bolehlah belajar di dalam satu suasana yang selesa. Sekarang perbelanjaan dan peruntukan untuk pembangunan dalam bidang pendidikan dan latihan telah dipotong. Akan tetapi, pada masa yang sama kita lihat peruntukkan untuk keselamatan negara telah menjadi semakin tinggi. Pada tahun 2010, perbelanjaan dan peruntukan-peruntukan pembangunan bagi pertahanan adalah sebanyak RM2.6 bilion dan pada tahun depan peruntukan ini akan dinaikkan ke RM3.6 bilion.

Ini adalah satu peningkatan yang sebanyak 38 peratus. Jadi, saya mintalah jasa baik Kerajaan Pusat Barisan Nasional, jangan teruslah meningkatkan perbelanjaan untuk pertahanan. Sekarang Malaysia kita hendak berperang dengan siapa? Hendak berperang dengan Singapura atau hendak berperang dengan Indonesia?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, kalau negara tidak selamat, kita pun tidak selamat juga.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya rasa pendidikan itu adalah lebih penting.



**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini, Yang Berhormat Serdang batu api kah? Yang Berhormat Serdang batu api kah?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat juga tidak boleh menjadi wakil rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Mana boleh!

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Jadilah, saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Kita berilah keutamaan kepada pendidikan. Itu yang paling penting. Bukan itu sekolah yang biasa tetapi pendidikan khas untuk OKU negara kita. Walaupun Singapura begitu kecil, satu pulau sahaja tetapi mereka ada 21 buah sekolah pendidikan khas dan saiz Malaysia adalah 500 kali besar daripada Singapura.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat sedarkah, belanjawan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Seorang Ahli:** Belanjawan berapa besar?... *[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *No limit, no limit* Yang Berhormat tidak tahu kah.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Akan tetapi sekarang di Malaysia kita, kita hanya ada empat buah sekolah pendidikan khas menengah.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk tidak mengganggu. Biarlah...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Biarlah kurang ajar ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Bukan mahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, biarlah Menteri nanti dan kementerian yang berkenaan akan menjawab isu yang dibangkitkan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Mereka semua hendak jadi Menteri... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dan Ahli Yang Berhormat Serdang sebentar. Makluman ini dan permintaan ini juga saya minta kepada Ahli-ahli yang sebelah sini yang sering kali berlaku begini, kita nampak Ahli Pembangkang juga dalam keadaan yang mendesak untuk meminta jalan apabila seseorang daripada di sini berucap. Hari ini tidaklah Yang Berhormat Shah Alam ya, sekarang keadaan sama yang berlaku.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Hari ini kami baik kerana satu orang hanya 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, kalau hari ini baik. Hari yang sebelum itu ada juga gangguan yang sedemikian Yang Berhormat ya, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Sekolah pendidikan khas menengah kita di Malaysia hanya empat buah. Sekolah pendidikan khas rendah, kita ada 28 buah. Jadi saya rasa jumlah ini adalah amat tidak mencukupi dan saya harap bahawa pada tahun yang akan datang ini Kementerian Pelajaran bolehlah menggunakan peruntukan mereka untuk mendirikan lebih banyak sekolah pendidikan khas untuk menjaga kepentingan OKU ini. Saya rasa Ahli Parlimen Barisan Nasional sepatutnya juga setuju dengan cadangan saya kerana di kawasan mereka juga ada OKU.

Isu keempat yang saya hendak sentuh pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, pada 13 Oktober yang lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon bagi pihak Perdana Menteri menyerahkan peruntukan sebanyak RM1 juta kepada empat buah sekolah menengah persendirian Cina di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Tinggi Persendirian Confucian, Sekolah Tinggi Tsun Jin, Sekolah Menengah Kuen Cheng dan Sekolah Menengah Cina Chung Hwa. Maksudnya, satu buah sekolah boleh dapat RM250,000. Ini adalah kali pertama Jabatan Perdana Menteri memberi peruntukan kepada keempat-empat SMPC tersebut.

Ini adalah satu tanda yang baik. Saya menyambut baik usaha ini tetapi saya juga harap kerajaan Barisan Nasional bolehlah belajar dari kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor dan Pulau Pinang. Ini kerana sejak tahun 2009...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mana ada kerajaan Pakatan Rakyat? Perkataan punya pembangkang punya kerajaan adalah.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Apabila – tadi, Tuan Yang di-Pertua sudah cakap jangan ganggu! Dua minit sahaja sudah ganggu. Ini memang tidak hormat Tuan Yang di-Pertua ini.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Sejak tahun 2009, apabila Pakatan Rakyat kita menjadi kerajaan di Selangor dan Pulau Pinang, setiap tahun kita memberi RM2 juta kepada semua sekolah menengah persendirian Cina di negeri-negeri kita.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *Point of order, point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Jadi, maksudnya di Selangor ada empat buah sekolah menengah persendirian Cina...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, ada *point of order* sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Peraturan Mesyuarat 36(6) sangkaan jahat. Tuan Yang di-Pertua, adakah terdapat di Dewan ini perkataan rakyat ataupun perkataan haram yang tidak didaftar. Minta penjelasan... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Menteri akan jawab itu Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ini bazir masa saya sahaja. Saya minta potong lima minit daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional. Jadi, maksudnya setiap tahun empat buah SMPC di negeri Selangor boleh dapat RM500,000 dan setiap satu SMPC di Pulau Pinang setiap tahun boleh dapatlah RM400,000. Dalam tempoh masa tiga tahun setiap SMPC di negeri Selangor sudah dapat RM1.5 juta manakala setiap buah SMPC di Pulau Pinang telah dapat RM1.2 juta. Saya rasa sekarang Jabatan Perdana Menteri memberi sejuta ringgit kepada keempat-empat buah SMPC di Kuala Lumpur.

Akan tetapi, di seluruh Malaysia kita ada 61 buah SMPC. Jadi, maksudnya ada 57 buah SMPC yang masih tunggu peruntukkan daripada Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak tanya bilalah, baru sudilah Jabatan Perdana Menteri memberi peruntukan kepada SMPC ini? Saya rasa kalau hendak tunjuk prihatin, hendak mengambil berat tentang kepentingan SMPC, buatlah setiap tahun. Janganlah sampai Pilihan Raya Umum Ke-13 sudah dekat barulah guna peruntukan untuk memancing undi.

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Selain daripada peruntukan, kita juga sekurang-kurangnya perlu dua buah SMPC iaitu SMPC Kuantan dan SMPC Segamat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini macam "*sap poliau*" lah. Bagi susah, tidak bagi susah.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Permohonan sudah lama dihantar kepada Kerajaan Pusat Barisan Nasional tetapi sampai sekarang masih tidak ada satu jawapan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Hendak tunggu bila barulah boleh mengizinkan bahawa SMPC Kuantan dan SMPC Segamat buka balik. Saya rasa sebenarnya bukan Kuantan dan Segamat, mereka perlu SMPC yang baru, tetapi sebenarnya di Klang Valley, di Kuala Lumpur dan Selangor. Kita juga perlu SMPC yang baru kerana pada tahun yang depan ini Sekolah Tinggi Tsun Jin walaupun kapasiti mereka adalah untuk mengambil 540 orang pelajar baru tetapi sekarang pelajar-pelajar yang mendaftarkan diri adalah sebanyak 600 orang. Sekolah Menengah Cina Chung Hwa Kuala Lumpur, kapasiti mereka adalah untuk mengambil seribu orang pelajar. Akan tetapi murid-murid yang mendaftarkan diri adalah sebanyak 1,300 orang.

■1630

Saya juga rasa isu ini telah sering berlaku di SMPC, jadi saya harap kalau memang ambil berat tentang SMPC, memandang SMPC sebagai satu aset yang penting bagi negara kita silalah mengizinkan SMPC Kuantan dan Segamat ini dibuka semula.

Isi kelima yang saya hendak sentuh adalah tentang PDRM, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau pada Hari Malaysia mengatakan kerajaan juga akan mengkaji semula seksyen 27 Akta Polis dengan mengambil kira peruntukan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan berhimpun dengan prinsip menentang sekeras-kerasnya demokrasi jalanan, namun kebenaran berhimpun diberikan selaras dengan kaedah-kaedah yang akan ditetapkan dan di samping mengambil kira norma-norma pada peringkat antarabangsa.

Saya rasa ini adalah satu petanda yang baik, tetapi saya berasa begitu kecewa kerana tidak sampai tiga minggu pun, pada hari Ahad yang lalu kita ada satu Perhimpunan Hijau di Taman Gelora di Kuantan. Walaupun dahulunya penganjur untuk Perhimpunan Hijau ini sudah mendapat kelulusan daripada pihak polis tetapi satu malam sebelum perhimpunan ini, pihak polis membatalkan kelulusan ini. Saya hendak tanya, walaupun sekiranya kita cakaplah memang penganjur ini, mereka berniat untuk menangguhkan Perhimpunan Hijau ini, tetapi hanya memberikan mereka satu masa yang sangat singkat, bagaimanakah mereka sempat untuk menghubungi semua peserta dari seluruh Malaysia bahawa perhimpunan pada esok akan ditangguhkan ke satu tarikh yang belum ditetapkan lagi. Saya rasa ini satu cara...

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Laluan Yang Berhormat Serdang.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Satu *tactict* yang begitu tidak munasabah, *sorry* ya saya hendak cepat-cepat habiskan ini.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Hendak tanya tentang Perhimpunan Hijau sebab ia di Kuantan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Okeylah di Kuantan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini tengok, kawan dia bagi, kita tidak.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Wanita lah, tidak bolehkah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ngam lah.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Serdang bercakap tentang Perhimpunan Hijau dan kebetulan ia berlaku di Kuantan. Permit ditarik sewaktu saat-saat akhir dan pada waktu tengah malam Tuan Yang di-Pertua, polis dan ahli majlis datang merobohkan khemah dengan cara yang begitu ganas sekali dan tidak memberikan notis pun hanya melekatkan notis kepada khemah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi bukankah ini satu tindakan yang tidak harus berlaku dan salah guna kuasa kalau pihak penguasa. Permit polis dan permit daripada majlis telah pun diberikan tetapi di saat-saat akhir ketika sudah waktu malam dan kemudian ditampal pembatalan permit itu dan dirobohkan secara begitu. Diharap Yang Berhormat Serdang dapat memberikan sedikit komen.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Kuantan, ini satu cara yang tidak betul, bagaimana boleh membatalkan permit ini pada saat-saat akhir, kalau hendak menghubungi peserta-peserta pun tidak ada masa yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, setakat Ogos tahun ini, anggota polis PDRM adalah sebanyak 110,927 orang, maksudnya nisbah anggota polis berbanding jumlah penduduk yang disasarkan oleh pihak Interpol ialah 1:250 orang. Akan tetapi sekarang di Malaysia nisbah anggota polis berbanding jumlah penduduk setakat bulan Ogos tahun ini adalah 1:255 orang. Jadi saya rasa nisbah ini sebenarnya tidak jauh daripada nisbah yang disasarkan oleh pihak *Interpol*. Sebenarnya nisbah ini lebih tinggi daripada banyak negara yang maju seperti di Singapura satu orang polis berkhidmat untuk 396 orang penduduk, di Australia satu orang polis berkhidmat untuk 342 orang penduduk dan juga di UK satu orang polis berkhidmat untuk 380 orang penduduk.

Jadi saya rasa sekiranya kita menggunakan anggota PDRM ini dengan cara yang betul, semua rakyat jelata di Malaysia boleh hidup dalam satu negara yang sejahtera. Namun kita nampak walaupun ada anggota polis yang begitu banyak tetapi anggota polis ini digunakan untuk mengganggu perhimpunan yang aman.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh Yang Berhormat?... Penjelasan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Terbuktilah pada Perhimpunan BERSIH pada 9 Julai yang lalu, PDRM telah mengerahkan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Penjelasan Yang Berhormat .

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Seramai 11,046 orang pegawai dan anggota daripada pelbagai jawatan untuk bertugas demi keselamatan. Sebanyak 524 buah kenderaan telah digunakan untuk menjalankan operasi ini dan kos operasi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu perhimpunan haram Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh PDRM adalah setinggi RM2 juta.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Penjelasan Yang Berhormat boleh?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya rasa duit ini...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat, fasal polis ini. Boleh?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...*Manpower* ini, dengan izin, bolehlah digunakan dengan cara yang lebih iaitu *fight the penjahat* bukan rakyat jelata yang tidak bersenjata.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat boleh?

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Sampai hari ini pun tidak ada...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Di Kota Belud aman damai Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Satu laporan yang cakap bahawa satu orang yang menyertai perhimpunan Hijau ataupun perhimpunan Bersih ini mereka ada membawa senjata bersama mereka. Kenapa perlu mengerakkan begitu ramai anggota polis yang begitu besar untuk mengganggu...

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat pelan-pelan nanti pengsan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** ...Perhimpunan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masih ada dua minit Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh mencelah sedikit?

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Pelan-pelan nanti pengsan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dua minit lagi.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Ya Yang Berhormat Kota Belud.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Wah *you* bagi itu orang tua kah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih, tidak apa- tidak apa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat Serdang.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Yang Berhormat Kinabatangan pun kalau hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Serdang dua minit lagi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya sekejap sahaja, sekejap 15 saat Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin hendak bertanya pendapat Yang Berhormat, Yang Berhormat berkata seolah-olah Malaysia ini tidak aman dan perspektif Yang Berhormat ialah di bandar, di Serdang, di Kuala Lumpur dan sebagainya. Di Kota Belud Yang Berhormat aman damai. Di Kapit, di Limbang, di Ranau, di Parit dan di Sri Aman semuanya aman damai. Jadi kita jangan ambil hanya kerana ada sedikit masalah dengan Bersih, ada sedikit masalah dengan perhimpunan Hijau yang tidak tahulah kenapalah pembangkang ini suka sangat dengan warna ini, hijau, jingga, kuning dan semacamnya.

Saya hendak mengatakan itu tidak berlaku adil kepada polis, polis menjalankan semuanya aman damai, jadi kita pergi spesifik. Kalau ada masalah dengan BERSIH, cerita tentang BERSIH, cerita tentang masalah perhimpunan Hijau tetapi tidak adil dan tidak saksama kalau mengatakan polis tidak bekerja menjaga keamanan negara ini....

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Jadi Yang Berhormat bersetujulah bahawa tingkah laku PDRM semasa perhimpunan Hijau dan BERSIH itu tidak adil dan saksama.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak saya katakan *don't*...

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Setuju atau tidak? Sebab itu isu saya sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak katakan saya setuju. Saya kata *confined your argument to the particular event*.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya rasa di negara-negara maju yang lain mereka punya hak untuk perhimpunan rakyat jelata

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jangan kata di Kota Belud tidak aman.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Serdang.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Kenapa di Malaysia ini kita tidak boleh hormat? Ya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Serdang, sebenarnya saya tertarik dengan angka-angka yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Serdang di mana nisbah anggota polis dengan rakyat itu adalah hampir dengan nisbah yang telah ditetapkan oleh pihak *Interpol*. Namun, saya rasa masalah yang kita hadapi ialah masalah latihan polis dan kefahaman untuk menghormati rakyat. Inilah masalah yang kita hadapi. Perkara ini timbul bagi pandangan saya mungkin Yang Berhormat Serdang boleh komen berpunca daripada kerajaan yang memerintah kerana kerajaan ini dia tidak hormat rakyat, dia rasa bahawa rakyat ini memang perlu ditundukkan.

Apabila Yang Berhormat Serdang mendengar penghujahan tentang hendak membatalkan, memansuhkan ISA, Yang Berhormat Serdang tidak kesian kah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia hendak ajar kepada Ahli dalam Dewan ini soal hak asasi manusia tetapi semua wakil rakyat Barisan Nasional ini memuji ISA sebagai inilah sebabnya kenapa negara kita ini aman. Nampak satu *gap* dari segi kefahaman, ini mungkin kerana orang datang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat tidak perlulah berucap Yang Berhormat, kesian Yang Berhormat Serdang.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Daripada kota belit dan Kapit...  
[Ketawa]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat tarik balik. Peraturan Mesyuarat 36 (6).

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Orang di kota belit dan Kapit ini dia tidak faham hak asasi manusia, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat tarik balik. Saya terima orang...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang Berhormat Serdang...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Dia menghina, Yang Berhormat tarik balik... [Dewan riuh]

**Seorang Ahli:** [Bangun] [Menyampuk]

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Barisan Nasional ini dia berkuasa potensi polis ini..

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Shah Alam adalah ular sebesar ular tedung. Ular sawa inilah dia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak kesian ke Yang Berhormat Serdang?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Sebab potensi ini yang tertinggi,

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tarik balik Yang Berhormat. Tidak betul itu.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Saya bersetuju...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Serdang respons kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam dan selepas itu Yang Berhormat Serdang saya minta untuk gulung.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Boleh-boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya memberhentikan Yang Berhormat Serdang, sudah lima minit saya bagi laluan.

**Puan Teo Nie Ching [Serdang]:** Boleh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghormati suruhan ini daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Yang Berhormat Shah Alam. Saya rasa cadangan saya bahawa mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bolehlah menghantar Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk menerima pendidikan politik daripada PAS, DAP, PKR supaya mereka faham apa itu hak asasi manusia.

■1640

Jadi saya sampai di sini berkenaan kelima-lima isu yang saya hendak bangkitkan dan saya harap bahawa kita boleh dapat satu jawapan yang bernas daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya satu peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya berhenti di sini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya doktor, sila.

**Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Mas Gading.

**4.40 ptg.**

**Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, selepas berdiri beberapa kali, saya akhirnya dapat jugalah bersama-sama membahaskan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mungkin ucapan saya tidak begitu hebat seperti Yang Berhormat Serdang tetapi saya juga ingin mengutarakan beberapa perkara.

Sebelum itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan khasnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang bukan sahaja menarik tetapi mengambil kira semua lapisan masyarakat dan juga semua bidang yang berkaitan dengan pembangunan negara. Jadi saya penuh yakin bahawa negara kita akan mampu mengurangkan sebarang impak negatif dari kelembapan ekonomi global kerana dalam bajet 2012 hampir semua lapisan masyarakat telah diambil kira dan akan mendapat manfaat sama ada secara langsung dan untuk bayaran *one-off*, bonus dan sebagainya ataupun melalui manfaat yang mereka akan dapati daripada program dan projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya sebutkan di sini adalah tentang liberalisasi subsektor perkhidmatan khasnya dalam bidang perubatan dan perkhidmatan kepakaran dan juga pergigian. Perkara ini telah disebut oleh rakan daripada Gopeng pada pagi tadi dan saya ingin menambah sedikit sahaja oleh sebab secara kebetulan saya pun seorang doktor dan saya sering berhadapan dengan masalah sekiranya kita mendapat pesakit-pesakit daripada luar bandar dan sebagainya. Apabila mereka ini memerlukan perkhidmatan kepakaran pakar dan sebagainya, kita menghadapi masalah oleh sebab sistem yang digunakan oleh kementerian adalah pesakit-pesakit perlu mendapat rujukan daripada doktor-doktor di tempat di mana pesakit ini datang misalannya daripada hospital daerah dan klinik sebelum mereka mendapat rawatan kepakaran di hospital-hospital besar misalnya. Lebih-lebih lagi kalau mereka ini perlu rawatan yang didapati di hospital swasta.

Misalnya sekarang di IJN ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang memerlukan rawatan *cardiovascular*, jantung dan sebagainya perlu mendapat surat sokongan ataupun kelulusan daripada pihak hospital kerajaan yang kita tahu masih mempunyai masalah dari segi beban kerja yang begitu banyak dan pakar-pakar tersebut tidak mempunyai masa yang banyak untuk melayan pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan yang kompleks. Jadi inilah perkara yang saya rasa perlu Kementerian Kesihatan khasnya melihat dalam usaha kita meliberalisasikan sektor perkhidmatan kesihatan ini.

Jadi seterusnya berkaitan dengan ini, kawasan Mas Gading bernasib lebih baik dari kawasan Kanowit seperti mana yang kita dengar tadi oleh sebab kita mempunyai dua buah hospital dan beberapa klinik. Namun demikian, kita masih lagi belum mendapat klinik pergigian yang telah dimohon lebih kurang lima tahun dahulu. Saya mohon pihak kementerian kalau boleh mempercepatkan kelulusan untuk membina hospital ataupun klinik pergigian bagi kawasan Mas Gading oleh sebab kawasan Mas Gading mempunyai dua daerah iaitu Bau dan Lundu dan kita memang memerlukan perkhidmatan ini.

Seterusnya di sektor pertanian, kita sedar bahawa negara masih lagi bergantung pada negara luar dalam sumber makanan khasnya beras. Pada masa sekarang negara jiran yang merupakan *supplier* ataupun pembekal besar beras kepada negara kita iaitu negara Thailand sedang dilanda banjir dan berjuta-juta hektar sawah padi mereka sudah musnah. Mereka tidak mampu lagi untuk mengeksport beras kepada negara kita. Kita bernasib baik oleh sebab negara Vietnam telah bersetuju untuk menjual beras kepada negara kita. Namun begitu, negara kita dalam masa yang sama kita tahu mempunyai masih banyak lagi kawasan ataupun tanah sawah yang belum kita gunakan.

Misalannya di kawasan saya dan di kawasan Mambong, kita mempunyai tanah sawah iaitu tanah paya yang besar tetapi cadangan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini setakat hari ini belum lagi dapat kita laksanakan. Ini adalah kerana pertamanya jabatan ataupun agensi yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kawasan-kawasan ladang dan sebagainya, mereka pun mempunyai masalah dari segi kepakaran, sumber kewangan dan sebagainya.

Jadi saya bagi pihak petani-petani khasnya petani tradisi yang mempunyai sawah-sawah di kawasan-kawasan di luar bandar, mereka memohon supaya kementerian meningkatkan lagi ataupun menaikkan lagi sumber kewangan ataupun kepakaran supaya mereka dapat mengusahakan tanah-tanah yang masih terbiar ini. Ini saya rasa sedikit sebanyak boleh mengurangkan beban kerajaan dari segi pengimportan makanan dari luar negara.

Seterusnya pembangunan wilayah koridor. Saya dan Yang Berhormat Mambong merupakan golongan Bidayah yang berjumlah 170,000 di Sarawak. Kawasan yang diduduki kaum ini adalah daripada Tanjung Datu, daripada kawasan barat Borneo Sarawak sampailah ke Balai Ingin kata Serian dan kita bernasib baik oleh sebab banyak permohonan telah dilakukan ataupun berjalan di situ. Kita berdekatan dengan pusat pentadbiran Kuching dan Kota Samarahan.

Namun demikian, sekarang oleh sebab kepesatan pembangunan di kawasan-kawasan lain khasnya di kawasan tengah Sarawak dan juga Semenanjung. Ramai di antara anak-anak muda telah berhijrah untuk mencari nafkah hidup. Oleh sebab itu kita melihat sekarang banyak kampung telah hilang orang muda oleh sebab mereka ini berhijrah ke Semenanjung, Johor, Sibul, Miri untuk mencari kerja. Jadi masyarakat ini telah mohon kalau boleh, kerajaan melihat sama ada kita dapat membangunkan kawasan ini ala koridor, seperti koridor-koridor yang sedia ada.

Jadi sebenarnya secara kebetulan saya telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan untuk berbincang tentang perkara ini dan beliau prihatin serta saya rasa beliau akan memberi pertimbangan supaya kawasan yang diduduki oleh masyarakat ini dapat kita bangunkan seperti kawasan koridor yang telah dilaksanakan sekarang. Jadi saya minta dan mohon kepada kementerian ataupun agensi-agensinya yang terlibat untuk menolong Kementerian Kewangan supaya membuat kajian dan juga melaksanakan program-program seperti yang kita laksanakan di kawasan koridor yang lain.

Seterusnya menggalakkan sektor pelancongan. Dilaporkan pada tahun 2010, sektor pelancongan telah berjaya membawa masuk seramai 25 juta pengunjung asing dengan pendapatan RM56 bilion. Sehubungan dengan ini, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah di undang untuk menyertai *Global Leaders for Tourism Campaign*, satu inisiatif bersama *World Tourism Organization* (UNWTO), dan *World Travel and Tourism Council* (WTTC) bagi meningkatkan lagi kesedaran di peringkat tertinggi kepimpinan politik ke atas betapa pentingnya sektor pelancongan.

Selaras dengan perkembangan ini diharapkan perhatian diberi kepada beberapa perkara yang berkaitan di sektor ini khasnya di kawasan luar bandar seperti kawasan saya iaitu kawasan Mas Gading yang bukan sahaja mempunyai tarikan selain daripada Mas Gading sendiri.

#### ■1650

Jadi Daerah Bau dan Lundu sudah dikenal pasti sebagai tumpuan pelancong dalam negeri. Kedua-dua majlis sudah mempunyai jawatankuasa khas pelancongan masing-masing, namun tidak banyak dapat dilakukan tanpa pertolongan daripada pihak-pihak yang tertentu, hanya daripada Kerajaan Pusat. Jadi kita mohon perhatian khusus diberikan kepada beberapa produk pelancongan yang sedia ada di situ. Misalannya gunung. Kita mempunyai pusat-pusat pelancongan di Gunung Singai, Gunung Jagoi, Gunung Gading di mana kita mendapat satu spesies bunga yang terbesar di situ.



Kita juga masih mempunyai air terjun yang bersih, *hot spring* di kawasan Mambong kawasan saya Gua Angin, Gua Pari-pari yang merupakan tarikan pelancong dari dalam negeri dan ladang serta kilang sawit juga berpotensi untuk menjadi produk pelancongan sekiranya satu usaha dibuat supaya produk-produk ini diguna pakai ataupun dipromosikan kepada masyarakat ataupun pelancong daripada luar negara.

Di kawasan saya kita mempunyai lombong emas yang pernah dicadangkan untuk didirikan satu muzium emas. Akan tetapi setakat ini projek ini belum lagi dilaksanakan. Ada juga satu tasik yang terbesar di Borneo selain daripada Bakun iaitu Tasik Biru yang terkenal sejak sebelum merdeka lagi. Memang kawasan ini ataupun tasik ini merupakan satu tasik yang dikunjungi oleh masyarakat dari kawasan lain iaitu Kuching dan Serian semasa hujung minggu. Namun demikian, oleh kerana masalah air yang tercemar, kita masih lagi tidak dapat membangunkan kawasan ini bagi meningkatkan lagi tarikan kepada pelancong-pelancong. Oleh itu, saya pasti dan saya yakin sekiranya kerajaan atau pihak yang berkenaan dapat meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur yang ada di kawasan ini, semua ini kita dapat gunakan untuk promosi ataupun menarik lagi lebih ramai pelancong. Masalah yang ada bukan sahaja di kawasan saya, tetapi saya lihat di seluruh negara adalah masalah lokasi ataupun *mapping product* pelancongan kita. Kita mempunyai banyak produk pelancongan tempat yang menarik, tetapi masalahnya *mapping*, lokasinya yang sukar dikenal pasti oleh pelancong-pelancong atau pengunjung-pengunjung dari luar negara.

Seterusnya sistem perhubungan *transport* dan sebagainya, kita memerlukan kenderaan sendiri dan sebagainya, jadi itu merupakan satu halangan kepada mereka yang datang. Hanya mereka yang *back packers* yang tidak menggunakan *tourism*. Jadi selain daripada itu, semua tempat yang bakal menjadi tarikan pelancongan ini juga memerlukan perkhidmatan sokongan seperti hotel, restoran, kedai cendera hati dan sebagainya. Jadi ini juga merupakan satu penghalang kepada usaha kita membangunkan lagi industri pelancongan di kawasan luar bandar. Seterusnya kita juga masih lagi kekurangan pemandu pelancong hanya daripada anak-anak tempatan di kawasan ini.

Saya menyeru kepada pihak berkenaan khasnya Kementerian Pelancongan bagi melihat bagaimana kita dapat meningkatkan lagi usaha kita bukan sahaja untuk membangun, tetapi memperkenalkan tempat-tempat pelancongan yang sedia ada, meningkatkan lagi sistem perkhidmatan dan sebagainya supaya kita dapat meningkatkan lagi jumlah pelancong yang akan datang dan seterusnya akan meningkatkan pendapatan kita.

Seterusnya alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Program Rakan Alam Sekitar baru-baru ini. Kita sedar bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini makin kerap kejadian bencana alam yang mengakibatkan kehilangan harta benda dan juga nyawa. Setakat ini tiada teknologi yang boleh mencegah kejadian bencana alam.

Justeru saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara berkaitan dengan tajuk ini, iaitu kalau kita berjalan di kawasan Kuala Lumpur, khasnya di kawasan Chow Kit di kawasan Pekeliling *flat* dan sebagainya kita melihat sampah sarap yang bertaburan. Seolah-olah tidak ada pihak yang mengambil berat tentang perkara ini. Tadi saya melihat tong sampah hilang, tidak ada dan sampah sarap bertimbun di tepi jalan. Apa yang berlaku adalah kita melihat anjing, binatang macam-macam bekerja di situ mengambil alih kerja pekerja-pekerja yang mengutip sampah sehingga sampah itu berselarak di tengah-tengah jalan. Jadi inilah perkara yang saya rasa ini sedikit sebanyak mencemarkan imej negara khasnya kepada mereka yang datang daripada luar negara kita. Oleh itu, saya mohon dan minta supaya pihak yang berkenaan khasnya Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar untuk melihat bagaimana kita menukar kaedah atau cara kita mengendalikan pengumpulan sampah, pengutipan sampah dan sebagainya. Sehubungan dengan itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Subang Jaya Municipal Council yang telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih tugas memantau pengutipan sampah ini.

Seterusnya transformasi luar bandar. Ada dua perkara yang penting yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Kanowit tadi iaitu bekalan air luar bandar. Di kawasan luar bandar sebelum punca air didapati daripada retikulasi daripada paip utama.

Masyarakat di kawasan luar bandar bergantung kepada sumber air yang mereka ambil daripada tanah tinggi, khasnya dari gunung ataupun *gravity field*. Namun baru-baru ini oleh kerana adanya Program Bekalan Air Luar Bandar yang diusahakan oleh pihak bekalan air, projek ataupun program ini seolah-olah tertinggal.

Jadi masalahnya semasa tengkujuh, semasa hujan, semasa panas di hujung tahun, rakyat di kawasan ini menghadapi masalah. Satu, oleh kerana tekanan air dari paip utama menjadi rendah. Kedua mereka mengeluh oleh kerana bil air terlalu tinggi. Jadi saya menyeru supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperuntukkan peruntukan supaya sistem graviti dapat dikekalkan dan juga dinaik taraf bagi memastikan bekalan air terjamin, menolong memastikan punca air bagi sistem retikulasi sentiasa menjadi bersih dan bilangan bil air rendah dan kawasan tadahan air tidak diceroboh dan kawasan tadahan ini bakal menjadi tempat tarikan pelancong. Jadi inilah di antara pandangan dan permohonan daripada pihak ataupun masyarakat di kawasan saya khasnya dan di kawasan luar bandar.

Seterusnya bekalan elektrik luar bandar. Sudah ramai rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sudah menyentuh tajuk ini. Justeru saya ingin menyeru agar pihak kerajaan menyemak semula program bekalan elektrik dengan kaedah alternatif khasnya. Oleh kerana alternatif seperti mikro hidro, solar panel untuk kawasan luar bandar dan terpencil jauh dari sistem grid. Pada masa yang sama kerajaan perlu sedar bahawa sistem *hybrid* yang dipromosikan oleh beberapa pihak kononnya boleh membekalkan elektrik 24 jam sebenarnya lebih *bias* kepada kegunaan bahan api hidrokarbon seperti diesel dan tujuan utama mereka yang mempromosikan sistem ini adalah untuk meningkatkan harga kos pembinaan projek ini. Jadi di kawasan saya dan juga kawasan Timbalan Speaker kita menghadapi masalah. Ada projek yang dibina di kawasan Santubong, Teluk Lanau sehingga ini bukan mikro hidro tetapi diberi nama mikro *hydry* oleh kerana sudah kering, berharga RM10 juta tetapi sehingga hari ini tidak berjaya.

#### ■1700

Begitu juga di Dataran Bario. Jadi seterusnya RELA dan badan beruniform negara kita sungguh bernasib baik kerana kita mempunyai banyak badan sukarela yang bukan sahaja berkhidmat di dalam negara kita sendiri tetapi turut berjuang di mana sahaja mereka diperlukan seperti Mercy Malaysia, Amal Malaysia dan sebagainya.

Persoalannya adalah setakat hari ini saya lihat agensi-agensi ini tidak mempunyai satu badan ataupun sekretariat misalnya yang bertanggungjawab untuk mengkoordinasikan program projek tindakan yang dilakukan oleh mereka ini. Jadi semasa kecemasan seperti mana yang telah berlaku di negara kita ini semasa tanah runtuh dan sebagainya kita melihat pada masa mereka memerlukan tugas mereka ini baru masa itulah mereka menubuhkan jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas tugas masing-masing. Ini sering kali bukan sahaja mengundang masalah dan kritikan daripada rakyat tetapi daripada mangsa yang memerlukan perkhidmatan yang cepat dan baik dan sering kali kita mendengar mereka ini tidak dapat pertolongan cemas yang cepat.

Jadi tibalah masanya kerajaan melihat dengan serius perkara ini kerana setiap bulan kita akan membaca bahawa ada pasukan baru ditubuhkan untuk kerja-kerja sukarela semasa kecemasan. Perkara yang lebih menyedihkan ialah badan-badan ini ialah orang-orang yang sama. Contohnya RELA. Kita mendapat RELA orang daftar di RELA, dia bertugas waktu malam menjaga keselamatan, selepas itu dia buat rondaan di bawah KRT (Rukun Tetangga). Di tempat saya ada satu lagi unit iaitu jawatankuasa bagi menangani masalah semasa darurat dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua akhir sekali kita telah mendengar tadi beberapa rakan Yang Berhormat telah menyebut tentang kebajikan bekas perajurit khasnya ada satu permohonan daripada persatuan bekas perajurit telah berjumpa dengan saya mereka ingin kita melihat kembali kepada sistem ataupun skim yang ada sekarang bagi mereka yang tidak berhak mendapat pencen. Alangkah baik sekiranya kerajaan memperuntukkan sebahagian peruntukan yang ada untuk membayar insurans kelompok bagi mereka ini. Mereka telah membuat perkiraan setiap tahun kerajaan hanya bayar RM50 juta untuk jumlah yang ada sekarang dan yang lain pihak insurans akan mengambil tindakan sekiranya ada masalah dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]:** Jadi inilah perkara yang terakhir yang saya ingin sebut pada petang ini dan dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang beri peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan bajet ini. Dengan itu saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Tuan Haji Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** [Bangun]

**5.04 ptg.**

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam bahagia. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk berucap mengambil bahagian di dalam membahaskan Bajet tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang mengetengahkan serta mensasarkan Dasar Transformasi Nasional iaitu satu bajet yang dikenali sebagai bajet 'Membela rakyat, Mensejahtera negara.' Meneliti pembentangan bajet tersebut amatlah menarik serta menunjukkan kesungguhan kerajaan mempraktikkan pembelaan rakyat dari segenap golongan dari petani di sawah, guru di sekolah, kakitangan awam di pejabat, golongan pekerja di kilang, *alhamdulillah*. Sama-samalah kita berdoa agar bajet tersebut dapat dilaksanakan. Meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat adalah amat tertarik dan mengajak sekalian Ahli Yang Berhormat untuk meneliti serta merenungi tentang fokus yang kelima di antaranya iaitu meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat, kerajaan telah merangka beberapa tindakan yang diikuti dengan peruntukan dalam melaksanakan dasar tersebut. Pertamanya melancarkan Dasar Agro Makanan Negara 2011 hingga ke 2020 yang menggariskan empat strategi iaitu:

- (i) menjamin bekalan makanan mencukupi;
- (ii) meningkatkan nilai tambah;
- (iii) melengkapkan dan memperkukuhkan rantai bekalan; dan
- (iv) menyediakan guna tenaga pertanian berpengetahuan dan juga terlatih.

Dalam pendekatan untuk menjamin bekalan makanan mencukupi apa yang saya cadangkan supaya pengeluaran padi dan beras dipertingkatkan dengan mempertingkatkan produktiviti dari tanah yang sedia ada. Untuk mempertingkatkan apa kata kalau dipertingkatkan penggunaan tanah hingga ke tahap maksimum seperti menanam lima kali bagi dua tahun atau tujuh kali bagi tiga tahun ataupun lebih daripada itu. Saya berpendapat dari kiraan matematik, padi hanya memakan masa iaitu memerlukan masa untuk dituai apabila ditanam hanya di antara 115 hari hingga ke 120 hari. Untuk dua tahun ada sebanyak 730 hari. Jika ditanam lima kali ia akan memerlukan sebanyak 600 hari. Bermakna sepanjang tempoh tersebut masih ada 130 hari atau empat bulan sepuluh hari.

Begitu juga kalau dalam masa tiga tahun pula bersamaan 1,095 hari dan masa penanaman padi untuk tujuh kali ialah 840 hari. Maka lagi banyak masa yang terluang iaitu sebanyak 255 hari atau lapan bulan 15 hari. Oleh yang demikian, eloklah dipraktikkan lima kali untuk dua tahun atau sepuluh kali dalam masa empat tahun. Kalaulah dapat dipraktikkan cadangan tersebut maka tercapailah hasrat kementerian menjadikan pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut saya sangat optimistik dan berkeyakinan penuh ianya dapat dilaksanakan terutama sekali kita telah pun melihat bahawa di Sekinchan memang dijalankan tetapi di Bagan Serai belumlah lagi dijalankan malah pada masa kini tiga tahun hanya boleh dapat dua kali sahaja tanam padi. Alangkah sedihnya keadaan yang demikian. Apa yang saya sangat optimistik dan berkeyakinan kerana kita dapat mengadakan reformasi pertanian iaitu dengan menstrukturkan semula infrastruktur iaitu sistem perparitan serta mentaliti para pesawah ataupun petani.

Tuan Yang di-Pertua, apa telah jadi apabila Perdana Menteri Thailand telah mengumumkan pada 10 Oktober 2011 bahawa bekalan beras negara itu mungkin berkurangan sebanyak empat juta tan metrik ekor bencana banjir yang disifatkan paling buruk melanda negara tersebut.

#### ■1710

Ini akan menjejaskan import kita yang bergantung harap dengan import dari negara tersebut sebagaimana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Mas Gading. Namun Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Asas Tani pula menyatakan bahawa negara tidak hanya bergantung kepada bekalan daripada Thailand sahaja. Bekalan makanan tersebut turut diimport dari negara lain seperti India, Vietnam, Pakistan, Uruguay dan Argentina. Apa kata kalau India ataupun Vietnam sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Mas Gading tadi mengalami banjir juga. Oleh yang demikian, negara mana pula kita hendak harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya selama mana kita harus dan terus bergantung harap kepada negara pengeksport. Bukankah lebih baik kita mengambil langkah untuk mengeluarkannya sendiri dengan hanya memperbaiki serta menambah baik program yang sedia ada. Dalam membincangkan penambahbaikan ini, saya ingin tahu sejauh mana pula penggunaan baja semburan yang dibekalkan sebagai subsidi oleh pihak kerajaan berkesan. Sudah adakah kajian atau tinjauan dibuat?

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, baja semburan tersebut tidak digunakan langsung oleh kebanyakan para petani di kawasan Bagan Serai. Saya mendapati tong-tong baja tersebut bergelimpangan di bawah rumah. Kalau hendak dihipunkan dari satu parit iaitu satu kawasan, umpamanya di kawasan Parit Gabis Atas, satu lori tiga tan sarat penuh dapat dikumpulkan. Mana pihak yang bertanggungjawab seperti juruteknik pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain. Tak kanlah depa tidak tahu dan tidak tengok apa yang berlaku.

Oleh yang demikian, tolonglah ambil tindakan dan hentikan pembekalan baja tersebut yang tidak diperlukan oleh petani. Bukankah ini bermakna suatu pembaziran. Saya harap tindakan segera dapat diambil bukan setakat itu sahaja, pembekalan racun rumpai yang bermutu rendah seperti Padan Tapisan 24, Nomini 100AC yang dikeluarkan oleh AACM, Confidor dan lain-lain juga perlu dikaji semula. Selain itu juga pihak-pihak yang berwajib perlu memantau penjualan baja dengan memberikan kesedaran kepada petani betapa ruginya mereka apabila hasil keluaran berkurangan dan tidak dapat mencapai hasrat kerajaan iaitu 10 tan setiap hektar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menstrukturkan semula infrastruktur seperti sistem perparitan serta mentaliti para pesawah, saya ingin mencadangkan agar pesawah dan pihak pengurusan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, jabatan pertanian, JPS dan beberapa agensi lain seperti IADA di Kerian, MADA di Kedah dan lain-lain dapat bekerjasama antara satu dengan lain membincangkan isu penting tentang sistem pengairan di mana perlu ditempatkan pintu-pintu air dan sebagainya supaya benar-benar menepati keperluan dan jangan sekali-kali pihak pentadbiran syok sendiri dengan infrastruktur yang dibangunkan. Ambillah pengajaran dari kegagalan Projek Trans Kerian Sungai Manik yang membelakangkan pendapat serta pandangan para petani serta pesawah.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Yang Berhormat, sedikit, terima kasih. Saya hanya ingin berkongsi dengan tiga perkara Yang Berhormat telah sentuh tadi. Saya ingat tahun lalu Yang Berhormat juga yang menyentuh tentang racun yang tidak berbisa ini dan saya telah mengatakan Menteri pada masa itu ada di Dewan ini.

Saya mengatakan laporan daripada petani ini bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat tetapi di kawasan saya sendiri. Petani datang kepada kita mengatakan racun itu boleh diminum. Apabila Yang Berhormat bawa perkara ini sebagai seorang Yang Berhormat BEBAS, Menteri kawan rapat saya ini menolak tetapi apabila saya berdiri sebagai MP BN, baru dia menerima hakikat. Pada masa itu Yang Berhormat Menteri telah bersetuju untuk mengkaji semula dan saya bawa perkara ini turun padang kepada pertubuhan peladang dan sebagainya di kawasan sendiri tetapi nampaknya sekarang ini pun masalah yang sama masih timbul.

Kedua, ini baja Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan daripada baja itu terbiar begitu sahaja, bagus diberhentikan. Saya minta maaf, saya tidak bersetuju untuk diberhentikan. Masalah yang sebenarnya adalah tidak ada seperti Yang Berhormat katakan tadi, tidak ada pegawai daripada jabatan berkenaan untuk turun padang beritahu menyedarkan para petani bahawa kalau kita tidak tabur dengan baja, pengeluaran tidak naik, dibiarkan begitu sahaja. Saya bersetuju dan nampaknya masalah ini bukan sahaja di kawasan Yang Berhormat tetapi di kawasan kita di Sabah. Baja-baja ini akhirnya *landed* di ladang kelapa sawit.

Terakhir Yang Berhormat, penting koordinasi JPS dan jabatan pertanian. Ini saya nampak sendiri Yang Berhormat, apabila traktor datang untuk membajak sawah padi, JPS belum bersedia. Apabila JPS bersedia, maka masa menanam padi itu sudah berlalu. Terima kasih.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran. Apa yang saya ucapkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Apa yang saya ucapkan tadi bahawa benda ini macam misalnya baja semburan ini iaitu satu baja di mana apabila digunakan, disemurkan, padi akan naik merah, tidak boleh. Begitu juga kalau macam mana Yang Berhormat Tuaran mengatakan boleh diminum, *wallahu 'alam*. Saya pun tidak berani hendak katalah kerana apa yang saya tahu bahawa baja tersebut memang kena banyak dua kali ganda daripada apa yang ada. Jadi, apa yang saya dapati bahawa ini adalah satu penipuan kepada rakyat. Kasihan rakyat, kasihan kepada petani-petani yang ada.

Saya teruskan ucapan saya dalam membincangkan sistem perparitan dan pengairan pula. Saya beberapa kali di Dewan yang mulia ini telah menyuarakan keadaan perparitan yang tidak diurus dengan baik dan sempurna. Saya masih ingat keluhan yang saya luahkan di mana penggunaan racun masih berleluasa semasa membersihkan parit.

Kesan dan akibatnya, parit akan menjadi cetek. Selain daripada itu juga, rumput dan rumpai air hendaklah dikeluarkan daripada saliran. Dalam pengamatan dan pemerhatian saya di jalan antara Sungai Bakau ke Tanjung Piandang ataupun di Parit Alur Seribu iaitu di kawasan Bagan Serai, rumput bersalaman manakala '*elong*' ataupun kiambang menghijau. Bersalaman maksudnya bertaut, jadi parit itu tidak nampak macam parit pun, nampak rumput semua sekali.

Jadi, ini adalah salah satu masalah yang kita ada. Apa sudah jadi? Teguran telah dibuat sama ada di Dewan yang mulia ini sebagaimana yang telah dinyatakan tadi dan juga di Majlis Mesyuarat Tindakan Daerah telah berulang kali saya suarakan tetapi masih juga berlaku. Ayuh saya mengajak agar badan-badan yang bertanggungjawab menguatkuasakan pengharaman penggunaan racun dalam membersihkan parit demi untuk mencapai hasrat Bajet 2012. Dengan adanya usaha tersebut, *insya-Allah* kita akan berada di dalam keadaan suasana yang selamat serta terjamin makanan negara akan mencukupi, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya ingin utarakan iaitu ingin mengalihkan perhatian tentang rancangan tebatan banjir. Dalam pembangunan sektor pertanian pula, antara projek yang saya ingin menyentuh tentang rancangan tebatan banjir di Sungai Kerian, Sungai Kurau dan juga Kolam Bukit Merah. Sudahlah sampai masanya projek ini dijalankan setelah beberapa abad ia wujud iaitu ia telah diadakan pada tahun 1902.

## ■1720

Pada pembentangan Bajet 2009 yang lalu, saya telah pun mengemukakan cadangan untuk mengatasi masalah banjir di daerah Kerian dan salah satu daripadanya ialah dengan mendalamkan Kolam Bukit Merah. *Alhamdulillah*, dengan izin Allah, cadangan tersebut dikabulkan. Penebatan banjir pula amat diperlukan dan sampailah masanya rakyat, bukan rakyat di Kerian sahaja malah rakyat di seluruh negara, mengharapkan agar banjir yang sering berlaku memusnahkan tanaman dan harta benda, menimbulkan kesengsaraan hidup serta menghimpit kehidupan petani dan pesawah yang tertekan dengan kenaikan harga barangan keperluan harian yang melambung tinggi dari masa ke semasa.

Dengan adanya projek penebatan banjir serta mendalamkan Kolam Bukit Merah ini, ia akan memberikan kemanfaatan kepada seluruh penduduk di Daerah Kerian kerana bekalan air yang mencukupi sama ada untuk penggunaan di sawah atau bendang dan juga tidak kurang pentingnya bagi satu lagi perusahaan yang begitu *lucrative* iaitu begitu menarik sekali iaitu dengan perusahaan ikan arowana. Tidak kurang penting juga pembekalan air minum kepada kawasan sekelilingnya termasuklah Nibong Tebal dan juga Bandar Baru.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian, bahawa dengan menjayakan penaiktarafan ban dari Bagan Serai ke Tebing Tinggi, Selama melalui Alor Pongsu, ia akan memberikan faedah kepada seramai 4,500 orang penduduk bebas dari ancaman banjir. Manakala dengan menaik taraf Sungai Kerian dan anak-anak sungai seperti Sungai Semang, Sungai Samagagah, Sungai Ilok dan Sungai Selama...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Ya, boleh.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Saya amat tertarik kepada jalan yang menghubungkan di antara Bagan Serai dengan Selama, di mana saya mendapati selama 20 tahun ini, jalannya selalu banjir dan masalah ini tidak dapat diselesaikan. Sebenarnya apa masalah yang menyebabkan jalan ini selalu banjir dan mengapa sampai sekarang tidak ada satu jalan yang konkrit yang boleh selesaikan masalah banjir di sana? Terima kasih.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Sebenarnya di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah telah menyatakan beberapa tindakan telah pun dilakukan. Satu daripada faktornya bahawa kawasan di Kerian ini adalah di bawah *water level*, *sea level*. Jadi bermakna memang air itu memang sentiasa ada di kawasan tersebut dan tebatan banjir beberapa kali telah dilakukan, malah saya sendiri pun beberapa kali melawat kawasan dan mendapati bahawa penebatan banjir di sebahagian itu masih belum berjaya lagi. *Insyallah*, saya akan cuba membincangkan balik dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu juga, apa yang kita perhatikan, sebagaimana sungai yang saya nyatakan tadi, ia memberi faedah kepada sebanyak 22,000 orang bebas diancam banjir. Untuk Sungai Kurau pula, ia akan membebaskan seramai 20,000 orang daripada ancaman banjir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi Yang Berhormat ya, dua minit lagi.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Begitu juga dengan menaik taraf Kolam Bukit Merah, ia akan memberikan kemanfaatan kepada 20,000 orang lagi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek penebatan banjir Sungai Kerian dan Bukit Merah *insya-Allah*, akan meningkatkan hasil padi dan juga kelapa sawit dan dengan sekali gus akan meningkatkan taraf hidup rakyat. Maka, sesuaiilah dengan slogan 'Mensejahtera Rakyat'.

Tuan Yang di-Pertua, aspek yang ketiga yang saya ingin tumpukan ialah tentang pendidikan agama Islam. Kita semua mengakui peranan agama terutama sekali kepada umat Islam di negara ini. Berdasarkan sejarah, bahawa SAR sejak zaman penjajah telah berperanan mempertahankan akidah umat Islam selain menyebarkan pengajaran Islam untuk orang-orang Melayu di negara ini.

Bahkan, guru-guru SAR antara yang bertungkus-lumus mengajar semula kanak-kanak orang Melayu yang telah buta bacaan jawi. Ertinya, kita akan memerlukan peruntukan.

Malangnya, dalam pembentangan Bajet 2012, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan peruntukan besar di sektor pendidikan iaitu sebanyak RM5.2 bilion tetapi tidak diagihkan kepada SAR terutama sekali kalau kita ingatkan bahawa sekolah tahfiz yang memberikan begitu banyak sekali dan juga permintaan yang begitu banyak untuk memasuki sekolah tahfiz tersebut. Jadi apa yang saya harapkan perlu ditimbangkan dengan pemberian RM100 kepada setiap pelajar berkenaan.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menegur mengenai dengan pengagihan peruntukan pembangunan terhadap sekolah rendah Tamil di Bagan Serai. Saya berpendapat dari segi pengurusan pentadbiran dan juga penggunaan tenaga guru, tidak langsung efisien dan merugikan semua pihak, merugikan pihak kerajaan, guru dan juga murid. Mengapa tidak sebagai contoh, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil Ladang Kelompang yang hanya mempunyai empat orang murid dengan tiga orang guru dan dua orang kakitangan sokongan, dan Sekolah SRJK(T) Bagan Serai pula yang mempunyai 300 orang murid dengan 25 orang guru dan tiga orang kakitangan sokongan digabungkan?

Saya ingin mencadangkan beberapa sekolah yang bertaraf kurang murid dipindahkan ke satu sekolah seperti Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bagan Serai dengan menyediakan asrama harian di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Sungai Gedong. Pihak asrama akan merancang program yang lebih teratur serta mengadakan pengangkutan. Bukankah ini satu kebaikan kepada pelajar-pelajar sendiri dan demi untuk generasi akan datang dan bukannya kepada ibu bapa. Ibu bapa memanglah dia mengeluh. Mengikut daripada senarai saya, ada sekolah itu hanya dua kilometer sahaja dengan Bagan Serai, ada satu sekolah lain dan sekolah itu kecil.

Oleh yang demikian, apa yang saya harapkan ini adalah satu saranan bukan saya sebagai anti untuk menutup sekolah-sekolah Tamil tetapi untuk menyatukan sekolah ini dan kita memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar. Ini kerana guru pun kalau mengajar dua orang, *Allah* mak tuan. Dua orang ajar, *you* tengok *I*, saya tengok kamu, sudah tidak ada kemanfaatan, hilang *interest* yang ada. Akan tetapi kalau 40 orang ataupun 30 orang, maka kita dapati bahawa minat untuk mengajar itu lebih efisien, lebih seronoklah.

Saya sebagai bekas seorang guru saya ingat kita akan..., begitu juga sebagai seorang politik, dia berceramah kalau ada dua orang sahaja, hendak ceramah apa? Begitulah juga dengan apa yang saya sarankan sebagai satu saranan kepada sekolah-sekolah yang kecil tadi sedialah untuk dicantumkan. Saya ingat itulah daripada apa yang kita perhatikan. Ini kerana mengikut kajian, jarak antara sekolah tersebut hanya ada antara tiga kilometer atau empat kilometer sahaja. Adakah jauh dua atau empat kilometer ini? Bagi saya tidaklah jauh. Apa salahnya mereka ini dikumpulkan di satu sekolah? Manakala pelajar yang tinggal melebihi dua kilometer di tempatkan di asrama. Berkorbanlah para ibu bapa demi kejayaan anak di masa hadapan.

Saya cadangkan ini adalah satu tempat di mana situasinya iaitu untuk India ini memang ada dua kuil bersebelahan. Oleh yang demikian, kalau ini dijalankan, diadakan, sebuah asrama untuk Tamil saya ingat, inilah yang pertama sekali kut. Kita nyatakan sebelum pada ini memang tidak ada sekolah asrama untuk anak-anak Tamil yang ada. Jadi oleh yang demikian, saya harapkan sebagai satu daripada cadangan untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan juga kejayaan anak-anak masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuaran. Selepas Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Shah Alam. Selepas Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kuala Krau. Selepas Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Langkawi. Ingat itu dahulu ya, jangan terlampau ramai dahulu. Sila.

5.29 ptg.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas belanjawan yang saya anggap sebagai *people centric* iaitu menumpukan kepada kesejahteraan rakyat.

■1730

Walaupun perbelanjaan bagi tahun 2012 ini masih dikait dengan satu belanjawan defisit sebanyak RM45.9 bilion atau 4.7 peratus daripada KDNK dengan rizab antarabangsa negara sebanyak RM414.5 bilion, kedudukan kewangan negara masih lagi dalam keadaan stabil. Amalan belanjawan defisit adalah satu perkara biasa yang dibuat oleh sebuah negara yang mempunyai fundamental ekonomi yang kukuh. Sebuah negara yang besar dan kaya seperti Amerika Syarikat pun selalu menawarkan belanjawan defisit. Saya kira dengan program dan projek yang agak radikal, yang menyasarkan rakyat akar umbi seperti yang disorkan oleh Perdana Menteri, sudah tentunya memerlukan penambahan perbelanjaan. Kita hanya berdoa agar tiada kejadian yang luar biasa akan menimpa ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang menentukan kejayaan dasar fiskal kerajaan ialah satu struktur dan sistem pentadbiran yang cekap, telus dan bebas dan yang paling penting ialah ia bebas daripada gejala rasuah kerana rasuah akan meruntuhkan pertumbuhan ekonomi negara seperti apa yang dialami oleh sesetengah negara. Juga pelabur asing hanya akan berminat melabur dalam sesebuah negara yang bebas daripada rasuah. Dalam Program Transformasi Kerajaan, kerajaan memerangi rasuah adalah salah satu objektif yang telah dikhususkan. Saya hanya inginkan supaya usaha kerajaan dipertingkatkan ke arah membanteras..., ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan masa yang singkat yang diberi kepada saya, saya hanya menyentuh beberapa perkara yang saya pohon kerajaan mengambil perhatian. Pertama, saya menyentuh tentang program bantuan kebajikan melalui Program CARI. Pada tahun 2010, kerajaan telah melancarkan satu skim bantuan kebajikan melalui Program CARI. Program ini adalah sangat baik dan telah membawa keselesaan sedikit kepada keluarga yang telah terlibat dan telah menerima. Walaupun masih ramai keluarga yang layak tetapi belum terangkum dalam skim ini saya berterima kasih kerana di kawasan saya ramai yang telah menerima.

Walaupun bagaimanapun, saya kecewa kerana ramai daripada mereka ini telah diberhentikan bantuan mereka selepas menerima beberapa bulan sahaja. Saya telah dimaklumkan bahawa daripada jumlah 3,000 penerima daripada kawasan DUN Tamparuli dan Kiulu dalam kawasan saya, sebanyak 800 telah diberhentikan. Saya telah melihat beberapa salinan surat penamatan daripada jabatan berkenaan dan saya lihat sebab-sebab yang ditulis ialah, dan Tuan Yang di-Pertua saya ada bawa surat penamatan ini. Satu surat penamatan ini mengandungi sebab anak-anak telah dewasa boleh membantu.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini baru dilancarkan dalam tiga bulan sebelum ini atau yang lalu. Mereka menerima bantuan ini tiga bulan ke empat bulan, diluluskan dan tiba-tiba menerima surat penamatan dengan sebab anak-anak telah dewasa. Saya hairan, anak keluarga berkenaan itu dewasa dalam tiga ke empat bulan sahaja dan diberhentikan. Ini suratnya. Saya kira sebab ialah masa pengkajian itu, soal selidik itu tidak dibuat dengan terperinci dan cara kelulusan itu boleh dipertikaikan sehingga apabila jabatan itu sedar bahawa keluarga itu sebenarnya mampu dan diberhentikan dengan sebab yang diberi maka ini soal pentadbiran.

Satu surat lagi Tuan Yang di-Pertua yang amat pelik ini, surat penamatan ini. Bantuan wang diberhentikan dengan ditamatkan dengan sebab tamat. Huh! Sini sebab penamatan adalah tamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul la itu... [Ketawa]

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, surat ini di merata-rata tempat. Saya ingin bertanya kepada kementerian. Kenapa ini berlaku?



Sebab pelancaran ini memberi harapan yang tinggi kepada rakyat miskin tetapi sekarang ini 800 daripada 3,000, *that is a high percentage* telah menerima surat seperti ini dan mereka ini setiap kali menyerang pihak. Kenapa kerajaan macam ini? Jadi, kenapa program ini dilancarkan tetapi tidak ada kesinambungan sama ada ia melibatkan masalah kewangan tetapi dalam sidang yang lalu, saya perhatikan bahawa ada penambahan peruntukkan sebanyak RM37 juta kalau tidak silap saya untuk menambah peruntukan untuk ini, sepatutnya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kata orang Sabah ini satu program yang alang-alang. Ya, Sabah kata alang-alang sebab kalau program ini tidak dimulakan harapan tidak naik tetapi apabila berhenti, implikasinya besar. Kita jangan memikirkan hanya melibatkan si penerima sahaja tetapi kita harus lihat keluarganya, anak-anaknya, cucu-cucunya dan suara-suara dalam kepala kita '*nantilah sampai masa*'. Jadi inilah kekhawatiran kita. Saya harap melalui belanjawan ini, kementerian berkenaan harus memperbaiki dan selesaikan perkara ini. Apabila nanti menjawab saya minta Menteri itu betul-betul tulus dalam penerangan, jangan dengan alasan-alasan yang tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara ini lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah pemansuhan yuran sekolah di peringkat sekolah rendah dan menengah. Sememangnya ini satu berita yang dialu-alukan terutama sekali bagi mereka yang berpendapatan rendah. Rekod e-Kasih menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia yang masih miskin di negara kita ini dan saya sendiri telah membuat kajian saya sendiri di kawasan saya. Saya dapati bahawa masih 40 peratus daripada penduduk itu adalah berada dalam tahap kemiskinan, sudah tentunya pemansuhan yuran ini memberi berita yang baik kepada mereka. Kita dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, sering menerima laporan bahawa ramai ibu bapa ini tidak mampu untuk membayar yuran sekolah dan kesannya ialah anak-anak mereka ini malu ke sekolah kerana sering diberi makluman oleh cikgu, "*Tolonglah bagi tahu bapa bayarlah yuran.*" Sampai kanak-kanak itu tidak pergi ke sekolah. Ya, begitulah keadaan di kampung, di luar bandar dan pemansuhan ini memberi berita yang baik kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan, saya baca belanjawan itu dan saya dengar ucapan Perdana Menteri, ini hanya melibatkan sekolah-sekolah kerajaan. Saya ada *info* balik, saya rujuk balik teks ucapan ini ialah "*Ini hanya melibatkan sekolah-sekolah kerajaan*" bererti *government school*. Saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada pemansuhan ini juga merangkumi sekolah-sekolah bantuan *government aided school* seperti sekolah-sekolah Cina, Tamil dan juga sekolah mubaligh, *mission school*. Ya, ini ada *aided school*. Kalau tidak maka ia tentu ada implikasi ya. Anak-anak yang bersekolah di sekolah kerajaan tidak payah bayar yuran sekolah tetapi mereka yang ke sekolah bantuan ini terpaksa bayar. Tidak jelas dalam teks ucapan ini. Jadi, saya minta keterangan daripada kerajaan sama ada ini merangkumi semua. Sekolah swasta itu lain ceritalah sebab itu sekolah swasta tetapi maksud saya ialah sekolah bantuan.

Saya juga ingin mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menawarkan pengecualian cukai sebanyak 70 peratus, cukai pendapatan ya dan elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus kepada sumbangan orang ramai dan pihak swasta, kepada sekolah swasta yang berdaftar. Jadi pihak kerajaan bagi sekolah kerajaan dan harap-harap sekolah bantuan ini yuran dihapuskan. Bagi sekolah swasta juga tidak diabaikan. Kita tahu bahawa sekolah swasta ini dari semasa ke semasa mengharapkan bantuan daripada syarikat swasta dan sebagainya tetapi kalau tidak ada ganjaran potongan cukai maka bantuan daripada pihak swasta itu agak terhad setiap tahun. Jadi, dengan pengecualian cukai 70 peratus pendapatan dan juga modal pelaburan ini 100 peratus maka saya kira ramai daripada mereka, *philanthropist will come forward and help the private school*. Jadi, ini adalah satu skim yang diterima baik oleh semua terutama sekali bagi warga pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memperuntukkan RM100 juta untuk sekolah-sekolah mubaligh. Sebelum ini pun Kerajaan Persekutuan memang sudah memberi, tahun ini di kawasan saya dari Sabah amnya sekolah-sekolah mubaligh, *mission school* menerima bantuan, sudah pun menerima dan RM100 juta ini adalah satu lagi berita baik untuk tahun depan.

## ■1740

Jadi saya kira keputusan kerajaan untuk memberi peruntukan ini adalah satu tindakan yang berani. Berani kerana apa Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya faham di masa yang lalu pimpinan kerajaan mendapat *pressure* atau tekanan dari pihak tertentu yang mendesak kerajaan supaya tidak membantu sekolah-sekolah mubaligh dan sebagainya. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya berani untuk memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah ini.

Saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa sekolah-sekolah mubaligh di Sabah selama ini menghadapi masalah kewangan untuk membiayai pembaikan bangunan sekolah apatah lagi dalam soal penambahan bangunan. Mereka hanya bergantung kepada ihsan daripada orang ramai untuk membantu. Mujurlah bagi konteks Sabah sejak tahun 90-an Kerajaan Negeri Sabah terus menerus membantu sekolah-sekolah ini dengan kadar yang termampu oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Negeri Sabah juga membantu rumah ibadat Kristian dan agama-agama bukan Islam yang lain. Saya berharap peruntukan ini, konteks dalam bajet federal ini diteruskan sebagai satu *permanent feature* dalam bajet kerajaan dan bukan hanya di ambang pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal mentransformasikan luar bandar. Ini saya alu-alukan dan sudah tentu rakyat di luar bandar juga mengalu-alukan terutama sekali di Sabah dan Sarawak kerana selama ini pembangunan ekonomi rata-rata tertumpu kepada pusat-pusat bandar sahaja. Pekan pada lazimnya membangun dan tumbuh *on a natural basis*. Jadi soal pembangunan luar bandar perlu satu *intervention* daripada kerajaan kerana pihak swasta sudah tentu atas pertimbangan kewangan, *on financial consideration* akan hanya melabur di kawasan bandar untuk mengambil peluang daripada prasarana yang sedia ada. *They take advantage for all the facilities. They don't want to spend*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *They don't want to spend money unnecessarily* di luar bandar. *They don't want to spend exhaustive investment in the rural area*. So keputusan kerajaan untuk membangunkan luar bandar adalah satu era baru. Saya harap program ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kerajaan harus membuat satu *development catalyst* iaitu *catalyst* pembangunan di luar bandar untuk memulakan proses pembangunan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah negeri yang luas di mana penduduk luar bandarnya rata-rata bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan. Masalahnya ialah petani perlu mengangkut hasil pertanian mereka jauh ke pusat-pusat bandar yang sedia ada. Dengan keadaan jalan raya yang ada sekarang ini maka kos pengangkutan adalah tinggi ditambah pula dengan kemudahan kenderaan yang kurang. Maka program transformasi ini adalah satu berita baik dan saya berharap program ini *dijump start*kan. *Jump start in Sabah, negeri fixed deposit*. Saya menyeru kepada kerajaan supaya kekangan birokrasi dapat diatasi supaya hasil pelaksanaan program ini dapat dilihat oleh rakyat secepat mungkin.

Saya ingin menyentuh sedikit dengan peranan RISDA di Sabah dalam konteks transformasi luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya rakyat Sabah agak ragu juga menerima kehadiran RISDA di Sabah oleh kerana propaganda negatif yang mengatakan RISDA ini adalah agen kerajaan pusat untuk mengambil tanah di Sabah. Akan tetapi pada hari ini rakyat Sabah terutamanya penanam getah telah menerima baik kehadiran RISDA di Sabah. RISDA sesungguhnya telah memberikan satu sumber baru bagi pengusaha getah untuk penanaman semula getah.

Di masa yang lalu hanya Lembaga Industri Getah Sabah sahaja yang memainkan peranan untuk membantu pekebun getah dalam program penanaman semula tetapi kemampuan kewangannya terhad dan pekebun-pekebun kecil terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk mendapat giliran bantuan daripada Lembaga Tabung Getah. Dengan adanya RISDA di Sabah, program penanaman semula ini telah dipercepatkan semula. Rakyat di Sabah berharap RISDA dibenarkan terlibat dalam program penanaman baru seperti di Semenanjung kerana sekarang ini RISDA di Sabah hanya dibenarkan di dalam program penanaman semula sahaja oleh kerajaan negeri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini RISDA khasnya di Sabah, saya ambil konteks di Sabahlah. RISDA ini begitu berminat untuk mempercepatkan program tetapi kekangannya ialah mungkin dalam perbincangan Kerajaan Persekutuan dengan Sabah, RISDA hanya terlibat dengan *replanting* walhal masih banyak lagi kelompok-kelompok tanah orang kampung yang perlu ditanam. Akan tetapi sistem Lembaga Industri Getah Sabah ini mahu satu kelompok iaitu satu kongruen sebanyak 100 ekar baru mereka masuk. Tambahan dengan kekangan kewangan maka saya lihat pekebun getah ini menunggu tetapi RISDA ini lain. Setiap pemilik tanah walau pun di mana letaknya mereka akan datang. Jadi saya mohon kalau boleh perbincangan diadakan di antara kerajaan negeri dengan persekutuan supaya RISDA juga dapat dibenarkan masuk kepada penanaman baru.

Saya ingin nyatakan di sini juga Tuan Yang di-Pertua, kerancangan program RISDA di Sabah ini adalah sebahagian besarnya hasil dari usaha pengarahnya. Ini saya mahu sentuh tentang pengarahnya Tuan Yang di-Pertua. Pengarah yang begitu komited, telus, berwawasan dan senantiasa turun ke padang meninjau setiap kawasan yang dibangunkan. Rata-rata pengusaha getah di Sabah begitu senang dengan pengarah ini. Saya berharap pihak RISDA tidak menukar beliau balik ke Semenanjung dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini jarang-jarang mahu memberi pujian tetapi saya lihat sendiri. Saya bertemu dengan beliau dalam hutan di kawasan saya. Beliau turun padang dan mahu melihat setiap..., bukan dia tidak percaya dengan pegawainya tetapi dia datang turun padang. Kesian Sabah kalau nampak *good officer* ini ditukar balik. Saya mohon supaya pengarah ini di *retain* dahulu di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan juga peruntukan sebanyak RM1.8 bilion untuk program jalan luar bandar dan projek perhubungan desa. Saya berharap peruntukan projek jalan perhubungan desa ditambah untuk Sabah kerana kita mahu menyediakan jalan untuk orang kampung ke kawasan pertanian mereka. Saya telah membawa Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal melawat satu projek jalan luar bandar di kawasan saya iaitu Jalan Topokan-Gontung yang telah disenaraikan untuk pelaksanaan. Beliau telah bersetuju ini saya mahu rekod sekejap Tuan Yang di-Pertua. Beliau telah bersetuju untuk memasukkan projek ini dalam *second rolling plan* dan saya merayu kepada beliau agar projek ini dapat dimulakan secepat mungkin tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal bekalan air bersih pula di Sabah, saya sedar bahawa keadaan topografi di Sabah yang berbukit bukau menyebabkan kelambatan pelaksanaan dan kos yang tinggi. *It is very difficult*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *to have this treatment plant in a very rugged area in Sabah*. Peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membekal tangki air adalah dialu-alukan. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan di sini pada kerajaan agar peruntukan ini diberi secara *flexible*. Maksud saya, tangki itu baik tetapi kalau musim kemarau tangki itu tiada fungsi. Adalah lebih baik di mana ada sumber air bukit iaitu kampung yang mempunyai sumber air bukit. Tadi Yang Berhormat Mas Gading pun ada sentuh. Peruntukan ini ditukar kepada paip graviti.

Sebenarnya di kawasan saya kebanyakan kampung ini sudah menggunakan sistem graviti dan sudah tentunya sudah beberapa tahun kerosakan telah berlaku. Saya amat berterima kasih kalau Menteri bagi kawasan saya ini hanya RM1 juta untuk tujuan ini tahun hadapan. Saya jamin semua orang senang hati dan kerajaan juga senang hati. Faham-fahamlah. Saya minta pegawai Kementerian yang ada di sini supaya menyampaikan permohonan Tuaran ini kepada Menteri.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada kerajaan supaya merancang sekurang-kurangnya kalau *treated water* tidak dibekalkan sekurang-kurangnya setiap kampung di Sabah ini mendapat *gravity water*. Ini kosnya tidak mahal Tuan Yang di-Pertua tetapi ini harus dirancang dengan baik.

Saya sentuh juga perkara mengenai FELDA Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memperuntukkan RM400 juta untuk menaik taraf sistem bekalan air di kawasan FELDA tetapi kawasan FELDA di Sabah tidak termasuk sedangkan kawasan FELDA di Sabah ini saya kira adalah terbesar. Dalam sesuatu tempat di seluruh negara, di *Peninsular* sendiri. Di Lahad Datu 250,000 ekar telah diberi kepada FELDA.

## ■1750

Saya ingin tahu, apakah keadaan bekalan air di kawasan FELDA Lahad Datu sekarang ini? Dalam perkara yang sama, saya juga ingin tahu sebenarnya berapakah kawasan FELDA di Sabah yang telah diusahakan mengikut perjanjian dengan kerajaan negeri. Adakah benar bahawa kawasan yang dibangunkan oleh FELDA sekarang ini adalah lebih besar daripada apa yang dipersetujui dulu. Kalau benar apakah status pendapatan, adakah ini dikongsi dengan kerajaan negeri iaitu lebihan pendapatan daripada kawasan yang membangun. Saya mengharap Menteri memberi keterangan yang lengkap untuk maklumat negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu mengenai dengan pengangkutan awam di luar bandar. Terima kasih kepada kerajaan kerana mengambil maklum dan menerima hakikat tentang masalah pengangkutan awam di luar bandar. Masalah ini memang sulit di pedalaman Sabah di mana penduduk luar bandar hanya bergantung pada perkhidmatan kereta sapu yang dikenali sebagai pawong, pikap, lori dan sebagainya. Saya mencadangkan kepada kerajaan, selain daripada kemudahan pinjaman kepada pengusaha mini bas supaya memberi lesen kepada kereta pacuan empat roda, *four wheel drive* untuk kemudahan kenderaan di kawasan terpencil di Sabah. Saya yakin ramai yang akan menyertai skim ini apabila ianya diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua pun sedar, di suatu ketika dulu di Sabah ini, sistem lesen putih diperkenalkan. Orang yang ada *land rover* diberi lesen putih dan boleh mengangkut penumpang. Saya cadangkan kalau tidak boleh beri lesen untuk mini bas kawasan-kawasan tertentu, perkenalkan semula lesen putih ini. Kita boleh fleksibel, saya kasihan, saya tengok yang mengangkut barang-barang daripada Kota Belud pun pakai pikap, kadang-kadang diganggu oleh polis. Polis pun menjalankan kuasa, menjalankan tugas tetapi kalau pikap-pikap ini tidak mengangkut penumpang, bagaimana mereka turun ke Kota Kinabalu. Begitu juga di kawasan Tuaran dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh satu perkara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Lebih kurang dua minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua minit lagi.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Okey, kalau boleh izinkan saya *last page* Tuan Yang di-Pertua.

Saya terima baik keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan dan pembangunan semua kaum minoriti di negara ini. Laporan pendapatan per kapita sebanyak RM28,725 adalah memberangsangkan. Namun bagi pendapat saya, pendapatan per kapita itu bukanlah ukuran tahap kesejahteraan, *it is not a real measure up to general welfare of people obligate*. Jika ramai daripada rakyat yang tidak terlibat dalam penajaan penghasilan KDNK negara. Masyarakat yang terpinggir harus dibawa bersama dalam arus pembangunan negara melalui *definite action*. Bagi kaum yang bergantung pada ekonomi pertanian, tanah adalah menjadi aset yang paling penting bagi mereka. Kalau mereka tidak mempunyai pembangunan *tenure* kepada tanah yang mereka duduki, maka ekonomi mereka tidak akan berubah. Saya mengalu-alukan peruntukan sebanyak RM90 juta kepada pembangunan Orang Asli yang berjumlah lebih kurang RM150 ribu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, insiden kemiskinan di kalangan Orang Asli adalah 3.1 peratus. Ini statistik pada 2010 iaitu sebanyak 36,658 orang, mereka ini tergolong sebagai miskin tegar. Punca kemiskinan ini adalah masalah tanah. Mengikut data Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, pada tahun 1998 terdapat 137 ribu hektar tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Daripada itu hanya 19 ribu hektar atau 14 peratus sahaja telah diwartakan dan 28 ribu hektar diluluskan tetapi belum diwartakan. Selebihnya iaitu 63 peratus ataupun 84 ribu hektar masih belum dapat diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu *explain* kenapa saya ambil perhatian tentang Orang Asli ini sebab kedudukan mereka ini macam kita juga di Sabah ini. Jadi saya kira bolehlah, oleh sebab mereka datang bawa maklumat ini dan saya sampaikan dalam ucapan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab mereka tidak ada *tenure* kepada tanah, mereka tidak boleh buat apa-apa dengan tanah. Pihak RISDA, FELCRA, MPOB, LGM dan juga Jabatan Orang Asli sendiri pun tidak boleh menghulurkan bantuan kerana *there's no* permohonan *tenure*. Jadi oleh sebab itu tanah mereka begitu sahaja dan orang-orang mereka ini *stuck in a vicious circle of poverty*, tanah yang mereka tidak punya hak.

Satu lagi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian 12 perkara 153 dalam Perlembagaan termaktub hak-hak orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak mengenai dengan keistimewaan. Akan tetapi Orang Asli, yang orang asal ini, *the earliest settlers* negara ini tidak termasuk hak mereka, tidak termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153 dan mereka merayu dan bertanya mengapa mereka yang lebih asal ini tidak mempunyai hak sama sekali bersama dengan bumiputera yang lain. Jadi rayuan ini mereka ingin sampaikan kepada kerajaan supaya memikirkan kembali peruntukan dalam Perlembagaan supaya mereka juga dapat ditempatkan dari segi hak dan kedudukan istimewa mereka ini. Ini sebab mereka ini *is more bumiputera than anybody else*.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan satu lagi saya sokong. Ini mengenai dengan *property gain tax*. Sekarang ini 5 peratus, akibatnya Tuan Yang di-Pertua, *this give a way to a lot of speculation*, dengan izin. Orang yang berduit ini saya nampak sendiri di Sabah Tuan Yang di-Pertua, hari ini harga tanah di Sabah melambung *artificially*. *Terrace house, double storey* di Kota Kinabalu tidak ada orang biasa yang boleh mampu, tidak ada yang di bawah RM300 ribu, *the last five years* harga rumah ini melambung, sebab *speculation*. Sebab Tuan Yang di-Pertua, orang yang ada duit ini dia beli tanah, dia beli bangunan *because of 5 peratus gain tax* ini, esok dia jual dengan *profit* yang tinggi, dia *take advantage of the 5 peratus*.

Jadi keputusan kerajaan untuk merubah ini saya terima baik. Kalau beli hari ini, jual esok kena 10 peratus, ini mencegah *speculation*. Spekulasi ini Tuan Yang di-Pertua adalah satu kegiatan yang memudaratkan. Di Sabah ini apabila tanah-tanah ini jatuh daripada tangan bumiputera kepada mereka yang sepatutnya tidak memegang, *they convert* kepada CL dan sebagainya. Apa yang terjadi, dia ambil tanah, dia *submit develop plan* atas asas itu, dia dapat tanah pergi CL dan dia jual, spekulasi kerana hanya 5 peratus. Jadi keputusan kerajaan untuk *review* ini kalau tanah itu dijual dalam lima tahun ke bawah, dia perlu bayar *property gain tax* 10 peratus, ini saya terima baik dan saya sokong. Saya kira kita ini prihatin kepada pembangunan ekonomi di negara kita ini dan ini satu tindakan yang paling baik.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua sebab sudah diperingatkan, jadi saya tidak mahu kacau masa orang lain. Terima kasih kerana tidak ada gangguan. Saya ingin menggulung dengan menyatakan bahawa Belanjawan 2012 ini adalah satu belanjawan yang baik iaitu *people's orientated* dan saya sifatkannya sebagai *touch point budget*. Hanya saya berharap warga pelaksana, *the bureaucracy that is require to implement what the political view has said and they doubt*, nanti dapat menjalankan tugas dan peranan supaya harapan kerajaan dan semangat bajet itu tidak akan terbantut, *it's not frustrated*. Apabila rakyat dengar ucapan Perdana Menteri, harapan tinggi tetapi *down the line* dalam pelaksanaan nanti, orang ternanti-nanti sebab *because of* kekangan birokrasi. Ini kita tidak mahu, kita menaruh harapan kepada kakitangan kerajaan kerana bonus sudah diumumkan, RM500 lagi. Jadi timpalkan bonus itu dengan usaha lebih cepat untuk melaksanakan apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Shah Alam. Kalau berucap macam Yang Berhormat Tuaran.

5.59ptg.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh tiru cara Yang Berhormat Tuaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jadi kalau macam Yang Berhormat Tuaran, saya pun mendengar dengan baik, tidak terganggu. Kadang-kadang lima minit lebih pun tidak apa tetapi kalau Yang Berhormat Shah Alam nanti berucap lepas itu ada dua, tiga orang menegur, bingung kita Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Di antara tugas saya ialah untuk membingungkan sebahagian orang sini Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebahagian orang tidak apa, jangan saya Yang Berhormat Shah Alam.

■1800

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana membenarkan saya terlibat di dalam perbincangan Bajet 2012. Sebahagian daripadanya saya akan baca dan sebahagian daripadanya saya akan berucap tanpa adanya teks. Seperti mana yang semua ketahui, sebuah bajet yang bertanggungjawab berusaha untuk menyelesaikan permasalahan ekonomi negara dari sudut inflasi, penghasilan dan pengagihan kekayaan dan pekerjaan untuk rakyat. Ia merupakan satu instrumen ekonomi yang memanfaatkan kekayaan negara melalui perancangan yang rapi untuk menangani masalah-masalah ini secara berperingkat-peringkat.

Negara kita telah menyaksikan bajet yang bersifat defisit untuk kali ke-14 secara berturut-turut termasuklah Bajet 2012 ini. Sedangkan masalah-masalah yang sepatutnya ditangani, bukan sekadar tidak selesai Tuan Yang di-Pertua, malahan semakin meruncing. Ini bermakna walaupun hutang negara semakin meningkat, hasil perbelanjaan yang kasar, boros dan tidak bertanggungjawab oleh pihak kerajaan, rakyat terus tertekan dengan masalah-masalah inflasi, pengagihan yang tidak adil dan kekurangan pekerjaan. Keadaan yang sebegini telah terhasil apabila institusi Parlimen tidak begitu berkesan untuk memainkan peranannya sebagai penyemak dan pengimbang demi menjamin duit rakyat digunakan secara yang terbaik demi menjamin masa depan rakyat yang lebih cemerlang.

Ini jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Dewan Undangan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor atas sebab keberkesanan DUN Selangor dan sikap ketelusannya telah menghasilkan prestasi yang begitu gemilang. Ketiga-tiga bajet yang dihasilkan iaitu untuk tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah merupakan bajet yang bersifat seimbang. Ini bererti Kerajaan Negeri Selangor tidak perlu mengambil pinjaman dan dengan itu hutang negeri tidak meningkat. Sebaliknya Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya menambahkan simpanan kerajaan negeri dari RM600 juta pada tahun 2008 hingga RM1.1 bilion pada tahun 2011. Hampir dua kali ganda dalam tempoh masa hanya lima tahun. Begitu juga hasil negeri telah berjaya ditingkatkan dari RM1 bilion pada tahun 2008 kepada RM1.8 bilion pada tahun 2011. Maknanya hampir dua kali ganda dalam tempoh hanya tiga tahun.

Yang lebih mengagumkan lagi ialah apabila prestasi sebegini tercapai tanpa menafikan bantuan kepada rakyat. Malahan bantuan meningkat sehingga ke satu tahap seperti mana yang tidak pernah dialami oleh rakyat Selangor selama ini. Program seperti air percuma 20 meter padu bagi setiap rumah, setiap bulan. Program Tabung Warisan Anak Selangor di mana setiap seorang anak Selangor yang dilahirkan, dibukakan tabung untuknya dan dimasukkan RM100 dan dijamin oleh kerajaan akan mencapai jumlah RM1,500 apabila setiap seorang daripada mereka mencapai umur 18 tahun. Projek ataupun Program Usia Warga Emas, Program Jom *Shopping* dan lain-lain terus menakjubkan rakyat Selangor. Manfaat yang diperolehi rakyat Selangor jelas terhasil...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ataupun jelas terbukti...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Apabila kutipan zakat pada tahun 2011 melonjak kepada RM320 juta sedangkan sebelum 2008, hendak dapat RM200 juta pun susah. Atas sebab pencapaian prestasi yang sebegini, maka rakyat Selangor tidak keberatan untuk menerima kenaikan gaji ADUN sebanyak RM1,500 iaitu dari RM3,100 kepada RM4,600 sebulan. Ia merupakan kenaikan yang wajar dilakukan kerana ADUN Selangor layak menerima kenaikan tersebut disebabkan prestasi mereka yang cemerlang. Ini lebih-lebih lagi apabila dilihat bahawa Bajet 2011 tetap merupakan bajet seimbang walaupun gaji ADUN dinaikkan.

Perkara yang sama malangnya tidak boleh dikatakan bagi pihak Parlimen. Ada yang mengatakan sokongan Pakatan Rakyat terhadap kenaikan gaji di DUN Selangor bercanggah dengan sikapnya terhadap kenaikan elaun Ahli Parlimen yang dicadangkan. Hakikatnya, ia tidak bercanggah. Ini adalah kerana Parlimen tidak menunjukkan pencapaian yang setanding dengan DUN Selangor. Bukan salah Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi salah Ahli-ahli Parlimen yang tidak memainkan peranan mereka secara berkesan. Defisit berterusan berturut-turut selama 14 tahun. Ekonomi buruk, diamalkan defisit. Ekonomi baik pun defisit. Seperti orang gila, musim sejuk pasang *heater*, musim panas pasang *heater* juga. Bila ditanya kenapa, kerana ia ada. Seheinggakan hutang negara yang sebanyak RM217 bilion pada tahun 2004 melonjak kepada RM437 bilion. Lebih dua kali ganda pada masa sekarang. Ia sudah mencapai 53 peratus dari KDNK. Malangnya ada di kalangan Ahli Parlimen menganggap 53 peratus adalah satu peratusan yang *prudent*. Sedangkan 55 peratus adalah batasan yang ditetapkan sebagai jumlah yang selamat. Itulah sebabnya mengapa ada akta. Akta 637 dan Akta 275 yang mengatakan bahawa had hutang negara bagi kerajaan, bagi hutang dalam negara dan luar negara bila dijumlahkan tidak boleh melebihi 55 peratus daripada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh yakin bahawa had 55 peratus ini tidak akan dibolosi? Dalam keadaan sekarang pun sudah mencapai 53 peratus tanpa mengambil kira perbelanjaan yang akan kita lakukan dan defisit yang akan kita terpaksa tanggung pada tahun 2012. Begitu juga apabila kita menyedari bahawa bagi kerajaan dan pentadbiran Barisan Nasional, setiap bajet, setiap tahun ada bajet tambahan. Keadaan begitu rumit sehingga diramalkan oleh pihak *think-tank* bebas iaitu *Research for Regional Development*, REFSA, yang mengatakan sekiranya Malaysia terus dengan perbelanjaan sebegini, hutang negara akan mencecah RM1 trilion pada tahun 2020. Dengan itu, Wawasan 2020 akan hancur menjadi tidak lain melainkan impian kosong. Kita juga terpaksa menghadapi keadaan di mana pendapatan kita semakin berkurangan kerana bajet kita banyak bergantung kepada hasil minyak dan gas. Ini merupakan satu komoditi yang ada hadnya dengan izin, *it is a resource which is depletable*. Ianya merupakan satu *resource* yang akan habis diguna pakai, tidak boleh diganti.

#### ■1810

Dan ini akan merupakan satu masalah apabila pada tahun 2020, dalam keadaan yang seperti ini, kita mewariskan negara kita dengan ekonomi dan keadaan ekonomi yang sebegini rupa kepada anak-anak dan cucu-cucu kita.

Maka mana mungkin Ahli Parlimen layak mendapat kenaikan dengan prestasi yang sebegini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan bajet untuk tahun depan tetap merupakan bajet defisit. Maknanya kalau tidak ada kenaikan pun kita sudah terpaksa pinjam, ada kenaikan kena pinjam lagi. Saya perhatikan muka rakan-rakan saya di sebelah Pakatan Rakyat pun naik masam. Akan tetapi ini hakikatnya. Kita kena faham bahawa prestasi buruk yang merupakan penghalangnya. Prestasi yang buruk sebegini akan terus merupakan pencapaian Parlimen ini selagi mana Parlimen ini dikuasai oleh Barisan Nasional. Dalam erti kata yang lain, kalau Ahli Parlimen inginkan kenaikan gaji, ia akan hanya berlaku apabila prestasi Parlimen ditingkatkan. Ini pula akan hanya berlaku apabila Pakatan Rakyat menguasai Parlimen. Kita kena faham.

Bukan Ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang menghalang kenaikan gaji. Mereka yang menghalang kenaikan gaji dan elaun bagi Ahli Parlimen adalah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan prestasi Kerajaan Barisan Nasional yang menghasilkan keadaan yang melarang kenaikan gaji.

Saya tahu ada yang menganggap peranan Ahli Parlimen tidak lain dari mengampu di sana sini. Sudah habis, cium. Semua sudah, cium. *Jack* sampai terbalik, dan lompat apabila diminta lompat. Lalu bila dia rasa mereka sudah buat ini semua, maka mereka menganggap mereka layak mendapat kenaikan gaji. Hakikatnya, kenaikan gaji bergantung kepada prestasi ekonomi negara.

Dan oleh itu adalah lebih wajar untuk Ahli Parlimen Barisan Nasional berusaha untuk menentukan Parlimen dikuasai oleh Pakatan Rakyat selepas PRU yang akan datang. Pada ketika itu, barulah prestasi cemerlang seperti yang ditunjukkan oleh negeri Selangor boleh dinikmati oleh rakyat seluruh negara. Pada masa itu, barulah Ahli Parlimen layak untuk mendapat kenaikan gaji.

Ini masuk kepada perkara yang kedua pula. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyentuh soal negara berkebajikan yang dianjurkan oleh PAS. Macam mana Tuan Yang di-Pertua? Lebih kurang macam Yang Berhormat Tuaran? Adalah sikit-sikit, ya? Beliau menyatakan Barisan Nasional sudah lama mengamalkan dasar berkebajikan dan saya akui ini memang benar. Akan tetapi kebajikan Barisan Nasional adalah hanya kepada kroni mereka sehingga kroni-kroni menjadi kaya-raya sedangkan rakyat kekal dalam kemiskinan. Sebagai contoh di negeri Selangor. Baru-baru ini Menteri Besar Selangor telah tamatkan satu kontrak di Bukit Tarik di mana 1,800 hektar tanah telah dipajakkan kepada satu syarikat ataupun satu konsortium yang terdiri daripada syarikat antarabangsa dan juga syarikat tempatan, 1,800 hektar selama 60 tahun.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pendapatan yang dikembalikan kepada kerajaan negeri, daripada 1,800 hektar ini, *virgin forest* ini, lebih kurang 5,000 ekar yang kita peroleh selama sepuluh tahun daripada perjanjian ini, jumlahnya hanya RM500,000. Sepuluh tahun, *five thousand acres, five hundred thousand*. Maknanya, dari 5,000 ekar, satu tahun, RM50,000. Satu ekar bernilai RM100. Betulkah kira-kira saya? Saya ini pakai cermin mata *reading glasses*, tidak berapa jelas. Dasar negara berkebajikan yang di bawa oleh PAS tidak merupakan satu penyelewengan. Dari dasar yang diperjuangkan PAS selama ini. Kalau kita rujuk dalam Perlembagaan PAS, apakah matlamat PAS? Dijelaskan mewujudkan sebuah masyarakat di dalamnya terlaksana nilai-nilai Islam dan undang-undangnya menuju keredaan Allah. *This is what a constitution* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dulu kita kata dan kita gunakan istilah negara Islam untuk menjelaskan konsep ini. Kenapa kita gunakan istilah negara Islam? Ini kerana pada masa itu ramai yang menganggap Islam dan politik perlu dipisahkan. Oleh kerana perlu dipisahkan, maka tidak ada agama dalam soal politik, maka untuk menjelaskan konsep yang di bawa oleh PAS, kita gunakan istilah negara Islam supaya orang faham negara yang kita hendak wujudkan ialah sebuah negara yang dicorakkan termasuklah dalam soal politiknya, dicorakkan oleh prinsip-prinsip Islam. Ini orang sekarang semua sudah faham politik dan agama tidak boleh dipisahkan lebih-lebih lagi untuk agama Islam, lalu tidak perlu kita tekankan sangat. Sambil itu, istilah negara Islam ini telah banyak diburuk-burukkan. Ada yang memberikan gambaran negara Islam ini kejam. Potong tangan, rejam, sebat. Itu sahajalah negara Islam.

Untuk hendak tangani persepsi negatif yang telah dihasilkan, antaranya saya kena ucapkan kepada pihak MCA yang begitu berperanan besar, mungkin dengan UMNO di sebaliknya saya tidak tahu...

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Seperti mana yang berlaku di negeri Johor di mana risalah-risalah diedarkan.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Hendak tanya. Laluan. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Gambar Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat pakai baju tentera Jepun, guna pedang samurai, potong tangan Chua Jui Meng.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Adakah DAP sudah faham, adakah DAP sudah faham?



**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dan begitu juga kempen tanda tangan menentang hudud yang dilancarkan oleh MCA di pihak di Ipoh Barat. Isu-isu yang seperti ini tidak dikawal oleh pihak UMNO. Ia merupakan isu-isu yang sensitif dan ia memberikan gambaran yang negatif tentang apa yang diperjuangkan oleh PAS untuk hendak jelaskan perkara ini supaya mesej kita ini orang dapat faham dengan baik. Kita nyatakan negara Islam itu adalah sebuah negara berkeadilan. Dalam erti kata yang lain, kalau Islam itu digunakan sebagai dasar pemerintahan, maka apa yang akan terhasil ialah negara yang berkeadilan dan bukan negara yang kejam seperti mana yang didakwa oleh pihak Barisan Nasional.

Lalu kita terpaksa melakukan itu untuk menangani kekeliruan yang dihasilkan oleh pihak Barisan Nasional. Ini kita harap kita faham. Sedangkan dalam Perlembagaan tidak ada apa-apa yang berubah. Dasar kita tetap sama.

Saya ingin merujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Belanjawan 2012 berhubung dengan soal Hospital Kuala Lumpur di mana disebut bahawa hospital yang tertua di Malaysia ini akan di naik taraf supaya menjadi sebuah hospital primer negara dilengkapi dengan peralatan terkini dan canggih dengan peruntukkan RM300 juta. Hari itu bila dibaca, semua tepuk meja. Seronok. Saya sebagai Ahli Parlimen daripada Shah Alam hendak kena beritahu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, warga Shah Alam sudah tidak percaya dengan janji-janji yang seperti ini.

Hospital Shah Alam hingga hari ini Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tidak selesai-selesai. Dah hampir dua tahun projeknya terbengkalai dan hakikatnya, ianya terbengkalai kerana nombor satu, ianya merupakan satu projek yang diserahkan kepada kroni tanpa tender. Selepas itu apabila sudah berjalan dengan baik, kroni lawan dengan kroni hendak rebut projek.

■1820

Akhirnya, projek itu terbengkalai dan tunggu tender sudah hampir dua tahun, tidak mula-mula lagi dan sekarang ini disebutkan hendak diserahkan kepada satu lagi syarikat kroni yang tidak terlibat dalam pergaduhan yang pertama dan kos untuk membina hospital itu meningkat lagi sebanyak hampir RM70 juta. Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat ...

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak dapat melihat bagaimana pembaziran wang rakyat ini berlaku di Semenanjung. RM70 juta ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau digunakan di Tuaran atau pun di Kapit. Yang Berhormat Kota Belud, dia kata tidak payah, dia semua okey dah, selamat, semua tidak ada apa-apa dah. Semua dia sudah ada. Yang Berhormat Kinabatangan pun, dia kata Kinabatangan sudah maju, Kelantan dia kata ketinggalan. Tidak payahlah. Akan tetapi RM70 juta ini, kalau di Kapit, di Tuaran, saya rasa banyak yang boleh dimanfaatkan untuk rakyat jelata.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Tentang hospital. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Shah Alam menyebut tentang Hospital Shah Alam ini sebab saya tengok, lihat kembali kepada ucapan Yang Berhormat Kepala Batas sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan ketika itu pada 10/9/2006. Perdana Menteri mengatakan peruntukan RM125 juta untuk membina tiga buah hospital di Shah Alam, di Pendang dan juga di Permai, Johor.

Shah Alam sudah buat, di Pendang itu saya dok kompelin tiap-tiap tahun. Hutan makin tinggi-makin tinggi, sekarang ini zirafah pun boleh hidup dah. Ini di Pendang tahun 2006 Perdana Menteri Kepala Batas umum RM125 juta...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Inilah masalahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Persoalannya apa yang dijanjikan satu hal tetapi apa yang terlaksana saya rasa kita semua cukup tahulah. Soal sejarah, saya pun rasa seronok bahawa pengorbanan kita punya *auxiliary police*, *home guard* dan sebagainya, akhirnya telah diiktiraf dan semua akan mendapat satu bayaran *one-off* sebanyak RM3,000. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya, dalam sejarah kita ini soal orang yang bertugas dalam pihak keselamatan ini satu perkara. Lepas kemerdekaan itu lebih-lebih lagi. Khidmat mereka perlu dihargai tetapi kita jangan lupa sejarah kita ini ramai rakyat Malaya yang sekarang ini Malaysia telah ditahan oleh British dan dipenjarakan. Digunakan undang-undang yang seperti ISA.

Ada yang disiarkan di dalam surat khabar *Harakah*. Temu bual dengan seorang imam. Imam Majid, di Ipoh. Dia dipenjarakan tujuh tahun masa zaman British dan dia memberitahu bahawa 86,000 *were detained by the British* kerana menuntut kemerdekaan. Ini merupakan satu perjuangan yang dilakukan atas dasar cinta kepada negara tanpa adanya gaji, tanpa adanya pembelaan. Sepatutnya kita ini menghargai pengorbanan mereka. Mereka dipenjarakan oleh British. Tak kan lah kita tidak boleh berikan sumbangan dan pengiktirafan kepada mereka.

Orang rumah, isteri saya, atuknya imam Hassan, Lubuk Kelubi, Hulu Langat. Tiga tahun di Batu Gajah, dituduh sebagai anggota Hizbul Muslimin, menentang British, dipenjarakan. Tidak ada pembelaan, tidak ada pengiktirafan. Pihak keselamatan satu hal tetapi rakyat jelata yang menentang British saya rasa kita perlu memberikan pengiktirafan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini termasuk respons kepada Yang Berhormat Kuala Krai nanti saya beri dua minit lagi Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya seronok mendengar ucapan Yang Berhormat Shah Alam. Kalau ikut perasaan saya, sampai siang pun boleh tetapi kawan-kawan lain pun mahu berhujah. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Ya, benda-benda ini jarang berlaku tetapi seronok lah sesekali. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Shah Alam. Kita ada peristiwa Batang Kali di mana ada mangsa yang dapat menuntut pampasan akibat kekejaman ke atas mereka.

Adakah Yang Berhormat Shah Alam mahu mencadangkan kepada 86,000 ini pihak kerajaan sendiri mengambil tanggungjawab untuk mengemukakan tuntutan kepada pihak British supaya diberikan pampasan. Terima kasih.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, saya setuju dan saya minta supaya apa yang dicadangkan dimasukkan ke dalam ucapan saya. Ini juga ada hubung kaitlah dengan soal Almarhum Mat Indera kerana mereka yang ditahan semua dituduh sebagai komunis. Mat Indera ini ustaz Tuan Yang di-Pertua. Dia ditahan pada tahun 1950 hasil daripada peristiwa Bukit Kepong. Bukit Kepong ini 1950, kita kena ambil kira apa yang berlaku di dunia. Tahun 1948 berlakunya *Balfour Declaration*. Negara Israel ditubuhkan. Beberapa keluarga pegawai-pegawai British yang bertugas di Palestin dipindahkan ke Tanah Melayu. *This is history*. Bukit Kepong yang dikendalikan sebagai Rumah Pasong Bukit Kepong diketuai oleh seorang pegawai British yang datang daripada Palestin, yang bernama Raymond Dancey.

Ada yang memberitahu saya bahawa di antara kekesalan Mat Indera bila dia serang Bukit Kepong, Raymond Dancey itu tidak ada kerana sebenarnya Raymond Dancey, pegawai British yang bertugas di Palestin yang khianat terhadap umat Islam dan rakyat Palestin menyerahkan Palestin kepada Israel. Itulah yang merupakan sasaran yang sebenar.

*Point* yang terakhir. Ia sebenarnya apa yang berlaku kita tidak tahu. Apa yang dikatakan oleh ahli keluarga, dia telah menyelamatkan keluarganya. Saya rujuk kepada buku sejarah Tingkatan 5, buku teks. Ini *point* yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang penulisnya Ramlah binti Adam di antaranya ialah, muka surat 103 - faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. Dia ada dia punya gambar rajah. Dalam satu petak ini dia tulis, “*UMNO tidak menuntut kemerdekaan*”.

Muka surat 104, dia sebut, “*British memilih UMNO dan Raja-Raja Melayu kerana kedua-duanya hanya menuntut rundingan untuk menolak Malayan Union, mereka tidak menuntut kemerdekaan daripada British*”. Ini faktor sejarah. Ramlah Adam, bukanlah *my favorite* profesor tetapi dia yang menulis. Ini buku sekolah Tingkatan 5, sejarah Tingkatan 5, buku teks. Ini saya rasa kena tulis balik sejarah ini, kan sudah kata. Lalu inilah kita meminta supaya semua yang telah berperanan diberikan penghargaan. Kita tidak nafikan walaupun UMNO tidak menuntut tetapi mereka berperanan, kita iktiraf peranannya itu tetapi janganlah kita membawa hujah British. Siapa sahaja yang menentanginya, mereka komunis.

Saya rasa yang terakhir, yang terakhir. Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP), mereka terperangkap dalam pengangguran. Mereka ini tidak dilantik sebagai guru sandaran terlatih. Bila kerajaan tidak ambil mereka, mereka sudah dapat ijazah, mereka hendak pergi mana? Tiba-tiba kerajaan melantik guru sandaran tidak terlatih di sekolah-sekolah dan ini merupakan satu rungutan daripada mereka dan mereka telah meminta supaya saya kemukakan. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Krau. Selepas Yang Berhormat Kuala Krau, saya sudah terlanjur panggil Langkawi. Jadi, bermakna dua BN yang berikutan. Kali ini saya panggil daripada Teluk Kemang. Jarang saya dengar Yang Berhormat Teluk Kemang berhujah. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai.

6.29 ptg.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salah sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana juga memberikan peluang untuk saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pembentangan Belanjawan 2012 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan tema, “*Dasar Transformasi Nasional, Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara*”. Di dalam Belanjawan 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan *100 touch points* bagi membela rakyat dan juga menyejahterakan negara.

■1830

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Shah Alam diberikan pujian kerana seperti juga Yang Berhormat Tuaran, memberikan ucapan dan ucapan Yang Berhormat Shah Alam mengatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada yang melompat, ada yang bercium mulut, ada yang berpeluk, ada yang jek dan berbagai-bagai lagi. Ini kerana amalan di dalam Barisan Nasional adalah amalan demokrasi terpimpin. Berbeza dengan parti Yang Berhormat Shah Alam yang apabila menjadi calon, ada satu baiah, surat yang di tandatangan sekiranya kita melompat, akan jatuhlah talak kepada isteri wakil rakyat tersebut. Ini bezanya.

Keduanya, Yang Berhormat Kota Raja telah mengkritik belanjawan Barisan Nasional dengan mengatakan penghapusan yuran sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, melibatkan orang-orang kaya juga dan ia tersasar daripada belanjawan yang mengambil berat tentang kehidupan orang-orang susah di luar bandar dan sebagainya.

Akan tetapi dalam masa yang sama, Yang Berhormat Shah Alam berkata setiap rakyat dalam negeri Selangor, apabila lahir, tanpa mengira latar belakang ekonomi, kaya atau miskin, berhak mendapat RM100. Ini nampak perbezaan, percanggahan antara dua orang Ahli Parlimen dari negeri Selangor tersebut.

Negara kebajikan. Memang betul Barisan Nasional sudah lama memberikan kebajikan kepada rakyatnya. Oleh sebab itulah dalam memberikan kebajikan, kita sangat berhati-hati untuk menggunakan wang rakyat, wang kerajaan dengan begitu teratur sekali. Kita tidak menggunakan wang zakat untuk kegunaan diri kita sendiri atau kaum keluarga kita kerana kita adalah bukan yang berhak sebagai wakil rakyat untuk menggunakan wang zakat tersebut.

Dalam 100 perkara yang disebutkan *touch points* tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan. Hari ini di dalam *Berita Harian* heboh dan kecoh dengan pelajar yang hampa, pelajar yang berdukacita kerana ramai mereka ini terutama sekali lepasan matrikulasi, tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA berikutan tempat yang begitu terhad. Lima buah universiti penyelidikan mengurangkan pengambilan pelajar ijazah sarjana muda secara mendadak pada kadar 45 peratus. Kalau kita rujuk pada *Berita Harian* ini, statistik Kementerian Pengajian Tinggi menunjukkan seramai 64,703 orang calon lepasan STPM, matrikulasi atau asasi memohon mengikuti program ijazah pertama pada sesi 2011/2012 dengan 53,216 orang daripadanya mencapai kelayakan minimum tetapi 41,267 orang pelajar sahaja ditawarkan tempat meneruskan pengajian. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 12,000 orang pemohon tidak mendapat tempat di IPTA tahun ini dengan kebanyakan mereka ini adalah lepasan matrikulasi.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sama ada pengajian tinggi atau matrikulasi iaitu Maktab Rendah Sains MARA, mengapakah kejadian atau isu ini boleh timbul? Apatah lagi yang melibatkan pelajar-pelajar kita dari luar bandar, pelajar bumiputera yang pengambilan untuk melanjutkan pelajaran ke matrikulasi adalah pelajar yang mempunyai ibu bapa yang kadar pendapatannya rendah, yang miskin, yang berada di luar bandar yang kerajaan kata hendak diberikan peluang untuk mereka ini mendapatkan pelajaran pendidikan yang lebih tinggi lagi terutama sekali apabila mereka ini telah berjaya mendapat tempat di matrikulasi di Maktab Rendah Sains MARA. Mengapa ini boleh berlaku dalam negara kita?

Bukan sahaja keciciran akan berlaku tetapi program ini telah lama kita jalankan yang telah melibatkan berjuta-juta, malah mungkin melibatkan berbilion-bilion ringgit wang negara kita habis begitu sahaja apabila ramai pelajar yang jurusannya rata-rata adalah jurusan sains yang apabila mereka ini ditempatkan di IPTA, mereka ini boleh menjadi pakar sains dan juga mereka ini boleh menjadi pakar penyelidikan terutamanya di dalam bidang teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang apabila isu ini timbul, akan memberikan peluang yang sebesar-besarnya kepada IPTS untuk mengambil pelajar-pelajar yang tercicir? Ini kerana dalam masa yang sama, beban untuk membayar yuran, beban untuk sara hidup di IPTS begitu tinggi kalau kita bandingkan dengan beban membayar yuran di IPTA atau beban sara hidup di IPTA di dalam negara kita. Oleh sebab itulah, tanpa menjejaskan kerusi saya sebagai Pengerusi PTPTN, rata-rata mengatakan bahawa yuran dan juga perbelanjaan di IPTS begitu tinggi sekali sehinggakan ada dalam kalangan pelajar mengatakan duit mereka ini bukan habis untuk sara hidup tetapi dihabiskan oleh kolej-kolej swasta untuk memberikan atau membayar atau untuk menguruskan pengurusan masing-masing di IPTS tersebut...

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Soalan yang baik, ya. *Insyallah.*

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Baik, baik. Saya tidak bertanya jahat.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Silakan.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Kuala Krau menyebut tentang IPTA, IPTS ini, saya teringat tawaran daripada IPTS. Biasanya IPTA pada tahun ini dibuat tawaran untuk kemasukan pada bulan September tetapi IPTS dia ambil dalam *trip* awal lagi. Dia ambil dalam bulan Julai, Ogos begitu.

Maknanya pelajar ini apabila dia nampak dapat tawaran daripada IPTS, dia terus daftar dan dia dikenakan RM500 sampai ke RM600. Maknanya dia sudah bayar bayaran pendaftaran tetapi apabila sampai masa IPTA panggil untuk masuk, dia keluar daripada IPTS dan duit yang dibayar sebagai pendaftaran tidak boleh dituntut balik. Ini merupakan saya rasa satu penganiayaan kepada pelajar-pelajar yang kita rasa tidak sepatutnya berlaku begitu. Sepatutnya penyaluran dilakukan antara IPTA dan IPTS. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Krau. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang. Saya bersetuju dan saya harap pertanyaan daripada Yang Berhormat Pendang ini dapat dijelaskan oleh pihak kementerian sendiri.

Apabila beban ini tinggi terhadap perbelanjaan dan juga yuran di IPTS, saya mencadangkan supaya kerajaan untuk smpailah masanya untuk mewujudkan satu dana yang khusus memberikan pinjaman, *soft loan* mungkin, dengan izin, kepada IPTS ini supaya IPTS ini boleh menguruskan kemudahan prasarana melalui duit pinjaman daripada *soft loan* yang diberikan oleh kerajaan. Saya mencadangkan sekurang-kurangnya RM1 bilion disediakan peruntukan supaya IPTS ini dapat menyediakan prasarana yang cukup baik kepada pelajar-pelajar kita tanpa menjejaskan duit yang dikeluarkan melalui pinjaman PTPTN. Ya, sila.

■1840

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Soalan baik. Mendengar penjelasan Yang Berhormat Kuala Krau, cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krau, saya masih lagi beranggapan bahawa keutamaan, pemantapan sistem pendidikan atau pengajian tinggi bagi saya masih lagi institusi awam, bagi saya. Kualitinya masih di situ. Kita membuka kepada swasta boleh tetapi saya rasa banyak rungutan yang mengatakan bahawa institusi awam ini semakin hari semakin kurang kualitinya atas sebab-sebab yang saya rasa perlu dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi persoalannya di sini lebih lagi yang saya mahu penjelasan Yang Berhormat Kuala Krau ialah saya bagi contoh dahulu kita di kampung, dapat 5A dan sebagai penilaian dibawa ke sekolah berasrama penuh dan sehinggalah dibawa dan diandaikan supayanya dapat pergi ke tahap institusi pengajian tinggi yang bagus. Akan tetapi apabila masuk matrikulasi, perkara yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Kuala Krau tadi merisaukan saya. Adakah perlu sebelum ia ditolak pelajar-pelajar ini di *interview* dahulu latar belakang, orang susah luar bandar. Saya rasa mereka ini perlu diberi keutamaan berbanding dengan hanya *result* keputusan akademik.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Saya jadikan ucapan Yang Berhormat Balik Pulau ini ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Apabila beban kita..., kerajaan melalui PTPTN ini terus meningkat dari tahun ke tahun, saya percaya ada kemungkinan kerajaan tidak boleh lagi menampung keseluruhannya bagi yuran pengajian dan juga kos sara hidup di IPTA dan IPTS bagi pelajar-pelajar di dalam negara kita. Oleh sebab itulah selain saya mencadangkan RM1 bilion dana untuk IPTS, kerajaan juga kena memikirkan untuk menyalurkan dana paling tidak RM4 bilion kepada PTPTN untuk terus kita memberikan kemudahan pinjaman kepada pelajar-pelajar kita di dalam negara. Isu yang kedua...

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Kuala Krau. PTPTN boleh?

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** PTPTN itu biar tanya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Ini kerana Yang Berhormat Pengerusi.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya bawa satu isu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya memperingatkan masa 20 minit Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Pengerusi PTPTN sepatutnya ada *authority* untuk jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, boleh bagilah peluang tetapi 20 minit itu kena tepat juga.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tidak apalah, saya minta teruskan. Minta maaf ya. Isu yang kedua, saya juga Tuan Yang di-Pertua mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional kerana menghargai jasa-jasa anggota keselamatan termasuk *home guard*, *special constable* dan juga *police constable* dan lain-lain yang telah diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Mereka telah bertindak mempertahankan negara kita, di mana mereka ini akan diberikan atau waris mereka ini akan diberikan sejumlah RM3,000 secara *one-off* kepada mereka atau waris mereka.

Cuma ada satu isu yang ahli-ahli bekas perajurit minta saya bawa di dalam Dewan yang mulia ini, bertanya mengenai ucapan atau saranan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) negeri Pahang kali yang ke-49 di bulan Julai pada tahun 2009. Di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengesyorkan dan mencadangkan semua bekas tentera akan diberikan pencen berdasarkan jumlah tahun berkhidmat dan tidak tertakluk lagi kepada perkhidmatan 25 tahun sahaja. Bermaknanya cadangan anggota keselamatan yang berkhidmat kurang 25 tahun juga cadangan kerajaan untuk memberikan pencen kepada mereka ini. Cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga mencadangkan supaya bekas tentera Wataniah turut diberikan pencen. Saya ingin tahu sejauh manakah langkah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan ini dapat diterima pakai oleh pihak kerajaan dan jika diterima pakai, bilakah akan terlaksananya pencen bagi anggota keselamatan yang berkhidmat bawah 25 tahun?

Saya juga ingin membawa satu persoalan kepada mana-mana bekas tentera yang telah dianugerahkan pingat atau jasa-jasa mereka diberikan elaun, adakah mereka ini diberikan elaun khas atau sumbangan *one-off* sebagaimana yang diberikan kepada tentera yang lain? Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Tuan Yang di-Pertua begitu arif tentang Pingat Bentara Bintang Sarawak yang diberikan kepada yang bertaraf Darjah Yang Amat Mulia Bintang Sarawak yang diberikan kepada anggota tentera. Adakah mereka ini yang telah menerima bintang seperti mana Bentara Bintang Sarawak ini diberikan elaun khas kepada mereka kerana mereka telah berjasa kepada negara? Ini saya bawa satu cerita daripada orang kawasan saya yang telah mendapat bintang ini tetapi tidak mendapat apa-apa imbuhan daripada pihak kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya tidak arif Yang Berhormat. Saya empat tahun setengah dalam hutan, jangan katakan bintang, benda-benda di luar itu, tanah pun tidak ada.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermaknanya perkara-perkara begini seperti mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena ambil perhatian secara khususnya. Isu yang ketiga, mengenai kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, tentang langkah kerajaan menjadikan FELDA peneraju dunia yang dikatakan bahawa FELDA Global Ventures Holding Sendirian Berhad akan disenaraikan di pasaran utama Bursa Malaysia kelak. Saya menyokong kerana menyambut baik langkah kerajaan untuk menyenaraikan saham ini di pasaran utama Bursa Malaysia dan saya berharap bahawa peneroka-peneroka akan menggunakan wang atau menggunakan kemudahan atau disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai 'durian runtuh' dengan secara yang teratur.

Saya ingin bertanya tentang bagaimanakah atau siapakah yang akan menjadi penasihat kepada penyenaraian dalam Bursa Malaysia kelak? Apakah lantikan institusi perbankan pelaburan itu datang dari tempatan atau datang daripada antarabangsa?

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memberikan peruntukan RM400 juta bagi menaik taraf bekalan air di kawasan-kawasan FELDA. Saya berharap di kawasan FELDA, yang saya mempunyai 14 rancangan FELDA di kawasan Parlimen Kuala Krau tidak akan tercicir dalam kita menaik taraf bekalan air di dalam kawasan FELDA.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana FELDA akan meneruskan dasar mewujudkan perumahan bagi generasi kedua, sebagaimana saya bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Tenggara yang saya kira telah mendapat kelulusan lebih daripada 500 unit buah rumah bagi generasi kedua bagi kawasan Parlimen Tenggara. Cuma apabila generasi kedua FELDA mendapat perumahan kepada mereka, soalnya kepada generasi kedua, ketiga atau penduduk-penduduk kampung tradisional kerana melalui projek-projek yang dilakukan oleh kerajaan negeri seperti projek pembesaran kampung, yang bidang kuasanya adalah bidang kuasa kerajaan negeri.

Saya mencadangkan supaya perumahan PR1MA dapat dimajukan atau dapat diwujudkan di dalam kawasan kampung-kampung tradisional. Di mana kerajaan Persekutuan melalui PR1MA ini dapat berbincang dan berurusan dengan kerajaan negeri, dengan Pejabat Tanah Daerah masing-masing khususnya di negeri Pahang bagi kelulusan-kelulusan projek pembesaran kampung yang telah lama diusahakan oleh pihak JKK, oleh pihak mukim, pihak wakil rakyat setempat dapat dilaksanakan. Diharapkan keseimbangan di antara pembangunan perumahan bagi generasi kedua FELDA dapat kita imbangkan juga dengan penyediaan projek perumahan bagi orang muda belia di kampung-kampung tradisional...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Satu minit Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tan Sri Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Belum Tan Sri lagi Yang Berhormat... [Ketawa]

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin merujuk kepada elaun wakil-wakil rakyat. Walaupun saya percaya elaun ini telah ditolak oleh Ketua Umum atau Ketua Pembangkang bagi kenaikan elaun bagi Ahli-ahli Parlimen.

#### ■1850

Yang Berhormat Shah Alam sudah sebut dengan panjang lebar kononnya kita tidak layak tetapi kadang-kadang kita kena tengok juga, negeri Selangor ini lama ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional sebab itu ia berjaya. Akan tetapi kalau kita bandingkan dengan negeri Kelantan yang jauh ketinggalan kerana telah lama ditadbir oleh kerajaan parti pembangkang atau Kerajaan PAS.

Saya mencadangkan bukan sahaja elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen ini dapat dinaikkan tetapi lebih khusus kepada elaun atau gaji pemandu-pemandu Ahli-ahli Parlimen yang ketika ini hanya sekadar RM1,200 sahaja dan saya juga mencadangkan supaya gaji mereka ini dapat dinaikkan sehingga RM2,000 sebulan. Di samping itu juga pegawai penyelidikan mesti disediakan dan juga melalui- sekarang ini pembantu kita tidak ada di kawasan Parlimen hanya usaha Ahli-ahli Parlimen sahaja. Saya mencadangkan pembantu tetap atau pegawai khas yang tetap dan diberikan elaun atau gaji RM2,000 juga diwujudkan untuk Ahli-ahli Parlimen.

Saya kira Tuan Yang di-Pertua telah beberapa kali bagi menganggu kepada saya untuk saya berhenti dengan ini saya memberikan sokongan penuh kepada pembentangan Belanjawan Tahun 2012. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita hendak menegakkan undang-undang, hendak tunjukkan peraturan tegur orang yang melakukan kesalahan kita kena sendiri dahulu patuh kepada peraturan dan undang-undang. Kalau tidak cakap tidak serupa bikin. Yang Berhormat Langkawi dipersilakan.

#### 7.01 mlm.

**Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membahaskan bajet pada hari ini. Izinkan saya merakamkan kesyukuran kepada Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya yang membolehkan kita terus berada di dunia dan Malaysia yang aman dan sejahtera serta melaksanakan tugas-tugas serta perintah-Nya.

Saya ingin menzahirkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Kerajaan Pusat yang memberi perhatian serta tumpuan khusus bagi memajukan Langkawi. Saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memperuntukkan sebanyak RM420 juta untuk pembangunan di Langkawi dengan tumpuan khusus kepada sektor pelancongan. Malah pada hari Jumaat 7 Oktober yang lepas rata-rata rakyat Langkawi menghantar SMS kepada saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menzahirkan beberapa kegusaran berhubung pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam pembentangan Bajet 2012 baru-baru ini. Pertama sekali terhadap peruntukan sebanyak RM420 juta. Saya berasa sangsi terhadap mekanisme yang bakal diambil di dalam pembahagian dan pelaksanaan peruntukan tersebut kerana ianya memberi impak yang besar terhadap masyarakat setempat dan Langkawi. Kadang-kala hasil daripada projek-projek bersifat mega ini hanya mampu dilihat dan dipandang sahaja oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah terutamanya nelayan dan petani. Saya mengharapkan semua projek yang dilakukan hendaklah *all inclusive*.

Saya berharap, peruntukan yang besar ini akan dilaksanakan dengan telus agar ianya memberi kesan yang maksimum terhadap masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah supaya mereka mampu untuk melonjakkan taraf ekonomi. Sebagai wakil kepada rakyat di Langkawi, saya tidak mahu melihat peruntukan yang besar ini bakal menjadi bahan gurauan dan sendaan masyarakat kerana kegagalan dari segi pelaksanaannya serta menyebabkan pembaziran dan seterusnya mencalarakan imej kerajaan itu sendiri. Saya amat berharap, harapan murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini diterjemahkan dengan penuh amanah dan dedikasi oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab kelak. Kita tidak mahu melihat misalnya projek ternakan Tuna yang membawa *expertise* dari Australia akhirnya projek itu gagal dan habis semua telah ditutup.

Saya sering kali membangkitkan mengenai masalah feri di Langkawi. Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini, masalah ini masih belum ada tanda-tanda akan menemui jalan penyelesaian malah semakin menjadi parah kepada penduduk di Langkawi sehingga ianya menjadi punca menyalanya api kemarahan terhadap kerajaan yang didakwa gagal mengambil dan mencari jalan penyelesaian. Baru-baru ini operator feri menarik balik keistimewaan terhadap penduduk di Langkawi dengan menaikkan harga pada hari-hari cuti sekolah, kelepaan am dan hujung minggu. Pengangkutan air ini adalah pilihan utama pelancong dan juga penduduk tempatan untuk berulang alik ke tanah besar. Justeru, mereka tidak mempunyai pilihan yang banyak dan terpaksa menggunakan perkhidmatan ini.

Namun, adalah amat mendukacitakan kerana operator perkhidmatan monopoli ini seolah-olah tidak mengendahkan soal-soal mutu perkhidmatan, ketepatan masa kebersihan dan keselesaan dan juga keselamatan penumpang. Saya mohon agar kerajaan dapat mempertimbangkan untuk menetapkan satu standard tertentu terhadap mutu perkhidmatan yang perlu disediakan oleh operator-operator ini.



Saya agak berdukacita dengan masalah ini kerana rata-rata rakyat di Langkawi menyuarakan rasa kecewa mereka terhadap perkhidmatan feri di Langkawi bagi semua laluan sama ada ke Kuala Perlis, Kuala Kedah, Pulau Pinang mahupun ke Satun, Thailand.

Saya amat bimbang dengan keadaan ini kerana ianya melibatkan majoriti rakyat dan pelancong di Langkawi dan ianya juga memberi kesan yang negatif pada sokongan rakyat terhadap kerajaan. Tindakan pantas dan berkesan dari pihak kerajaan juga akan dapat membantu mengekalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang sempurna dan menjadi contoh kepada tempat-tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai rakyat Malaysia bersyukur dan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya di dalam Bajet 2012. Saya amat percaya bajet ini lahir dari ketulusan hati sanubari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang cuba diterjemahkan melalui tindakan fizikal.

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan wang yang begitu banyak diharap dapat memberikan perhatian khusus kepada Pantai Cenang, Pantai Tengah, kawasan Pantai Kok dan Pulau Payar. Rata-rata sekarang ini di Langkawi boleh dikatakan setiap tahun lebih kurang 2.6 juta orang melawat di Langkawi dan satu juta orang ialah daripada pelancong luar negara. Saya juga minta Kementerian Alam Sekitar, pihak LADA, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pelancongan mengambil perhatian yang khusus bagi memperuntukkan pantai-pantai Cenang, Pantai Tengah, kawasan Pantai Kok dan Pulau Payar dijaga dengan rapi supaya ia tidak akan tercemar oleh e-coli dan sebagainya. Saya sangat-sangat berharap perkara ini diberi perhatian khusus oleh kementerian berkenaan dan menggunakan peruntukan yang ada daripada RM420 juta itu.

Satu lagi ialah berkenaan dengan jeti di Kuala Perlis. Di Kuala Perlis ialah *gateway* kepada Langkawi. Ianya jadi tempat *gateway* dan pintu masuk ke Langkawi. Kalau Kuala Perlis tidak ada jetinya ataupun tempat pelancongannya tidak dijaga dengan baik dan juga Kuala sungai cetek maka sudah tentu tidak akan menggamit pelancong datang ke Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir tahun sudah diadakan *desalting* di Kuala Perlis yang melibatkan lebih kurang RM14 juta tiap-tiap dua tahun sekali. Hal ini bulan September-Oktobre kawasan itu telah ditimbus balik oleh *salting*. Maka saya percaya perkara yang dilakukan ialah membazir sahaja. Saya harap kepada pihak kementerian dapat menjaga Kuala Perlis dengan sebaiknya kerana ia adalah *gateway* ke Langkawi.

#### ■1900

Seperkara lagi ialah industri makanan. Saya menyambut baik ucapan daripada Yang Berhormat Mas Gading dan Yang Berhormat Tuaran yang menyentuh berkenaan dengan industri makanan. Sudah tentulah saya harap kerajaan akan terus kekalkan sawah-sawah di GEMADA, KADA, Sekinchan, Chui Chak dan Tanjong Karang dan juga di kawasan Perak supaya negara kita akan dapat menghasilkan padi yang baik. Saya harap pihak-pihak kementerian dapat memberi jaminan agar bajet-bajet untuk satu hektar satu mesin dapat terus dikekalkan sebenarnya untuk memberi pendapatan yang lebih kepada petani dan juga menghasilkan pendapatan pada negara.

Satu lagi ialah berkenaan dengan PTPTN. Sehubungan ini saya menyelami sedikit sebanyak keluhan ibu bapa yang mana anak-anaknya menuntut di IPT tempatan terutamanya dari golongan yang berpendapatan rendah dan berasal dari luar bandar. Terima kasih kepada kerajaan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Negara (PTPTN), lebih banyak pelajar dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Namun demikian, ekoran daripada pengkorporatan universiti-universiti awam mahasiswa ini juga turut menerima tempiasnya. Kos hidup pelajar meningkat, harga makanan naik dan ini membebankan pelajar-pelajar yang datang daripada keluarga miskin. Wang pinjaman PTPTN tidak mencukupi untuk menampung kos keseluruhan di sepanjang semester pengajian.

Justeru, situasi ini sedikit sebanyak tekanan kepada pelajar dan juga keluarga. Saya bimbang mengenai kebarangkalian pelajar terpaksa mencatu makanan untuk menjimatkan kos hidup. Keadaan ini mungkin akan memberi kesan terhadap kesihatan, tumpuan dan emosi pelajar. Saya berharap pihak tertentu dapat memantau keadaan ini agar tidak wujud masalah tersebut kepada para pelajar kita. Sekiranya wujud kes-kes sedemikian, apalah kiranya pihak kerajaan mempertimbangkan untuk memberi baucar makanan kepada para pelajar yang datang dari keluarga yang berpendapatan rendah agar dapat membantu mengurangkan bebanan pelajar dan juga keluarga mereka.

Satu perkara lagi ialah berkenaan *Sea Ambulance*. Saya telah berkali-kali membangkitkan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu *Sea Ambulance* di Langkawi yang tidak berfungsi yang dibeli dengan harga RM7 juta hingga ke RM8 juta. Ia hanya dapat memberi perkhidmatan yang agak kurang memuaskan. Pada pendapat saya adalah lebih baik dan praktikal kalau disediakan helikopter atau kapal terbang bagi membawa pesakit kerana ianya boleh menjimatkan masa berbanding penggunaan *ambulance* ini. Apalah salahnya pihak kerajaan membelanjakan lebih kos jika hendak dibandingkan dengan nyawa seseorang manusia.

Cadangan saya ialah jualkan bot itu dan belilah sebuah helikopter untuk diletakkan di bawah kawalan pihak PDRM ataupun APMM untuk tujuan rondaan udara dan sekiranya diperlukan untuk membawa pesakit, pihak ini perlu membantu dan maka ianya sudah tentulah tidak wujud pembaziran yang sekarang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit respons terhadap kritikan yang dilemparkan kepada Bajet 2012. Pertama sekali kepada pihak Ketua Pembangkang. Saya ingin mengajak Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengimbuai kembali apa yang telah berlaku di dalam tahun 1997. Semasa itu saya telah menjadi Ahli Parlimen penggal yang pertama. Pada tahun tersebut Yang Berhormat Permatang Pauh adalah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat tahu Yang Berhormat Permatang Pauh adalah kawan saya. Kami sering berjumpa dan berbincang bersama-sama di lobi dan juga bersama-sama minum kopi atau minum teh.

Sekali dalam masa beliau menjadi Menteri Kewangan, Malaysia beria-ia dan Malaysia telah mengalami krisis kewangan yang teruk akibat serangan Soros atas mata wang negara kita. Pada masa itu beliau telah beria-ia untuk membuat pinjaman melalui IMF bagi mengatasi masalah kewangan negara. Sekiranya kita mengambil pinjaman daripada IMF seperti juga yang mana berlaku di negara lain Iran, Indonesia, Thailand dan juga Korea Selatan. Ini bermakna kita akan menyerahkan sepenuhnya kuasa untuk menentukan kewangan negara pada pihak lain. Seolah-olah kita mengizinkan penjajahan bentuk baru berlaku di dalam negara kita.

Alangkah aibnya apabila saya melihat di kaca televisyen betapa angkuhnya CEO IMF dan apabila Presiden Suharto menandatangani perjanjian IMF bagi negara Indonesia. Mereka telah membuka ruang kepada pihak luar untuk membuat apa jua keputusan dan tunduk pada dengan segala tindakan yang dibuat oleh IMF terhadap negara mereka. Pada saya, sekiranya Malaysia mengambil IMF dahulu, segala *share-share* yang ada dan akan turun maka sudah tentulah jatuh ke tangan orang asing. IMF akan melakukan potongan terhadap bajet kerajaan dan kaum bumiputera tidak akan lagi mendapat layanan daripada kerajaan. Pada masa yang sama, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada ketika itu, Yang Berhormat Permatang Pauh mengambil tindakan untuk mengurangkan *None Performance Loans* (NPL) daripada enam bulan kepada tiga bulan. Inilah yang dilakukan sehingga menyebabkan banyak orang jatuh bankrap akibat menanggung hutang yang gagal dibayar. Pada masa yang sama, beliau telah menaikkan faedah bank ke tahap 18 peratus. Ini diakui sendiri oleh pengusaha-pengusaha hotel di Langkawi.

Mujurlah Persidangan Kabinet yang diadakan di Langkawi pada akhir tahun 1997, semasa LIMA, Allah telah membuka pintu hati kepimpinan ketika itu untuk menolak cadangan tersebut dan pengelolaan berkaitan kewangan negara diambil alih sendiri oleh Perdana Menteri. Pada masa yang sama juga, Kabinet menolak cadangan untuk mengambil pinjaman dari IMF dan menurunkan faedah bank.

Itu yang saya hendakkan kita bersama memahami setakat ini dan tentulah kita semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet, saya ternampak kawan-kawan kita di sebelah sana mempamerkan buku bajet mereka, buku jingga. Bagi saya tidak usahlah buat macam itu.

Oleh kerana itu pada saya tidak betullah, tidak betul. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah saja hujah saya. Saya harap – seperkara lagi ialah NCER. NCER ini adalah satu yang diusahakan oleh kerajaan supaya memberi peluang kepada rakyat untuk ataupun mengadakan projek-projek yang terbesar. Di Langkawi SIME Darby telah mengadakan satu projek yang diura-urakan diadakan Hospital yang paling bertaraf antarabangsa supaya menggamitkan pelancong datang ke negara '*health tourism*'.

Jadi apalah yang berlaku pada hospital saya pun tidak tahu. Saya harap pihak NCER janganlah - projek-projek tertentu yang akan dikekalkan hasrat kerajaan. Oleh itu saya terus menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

#### 7.08 mlm.

**Dr. Mohd Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk sama berbahas tentang Belanjawan 2012. Ada sedikit pertanyaan yang saya hendak tanya kepada Speaker ini. Kita guna perkataan bajet akan tetapi ada juga kita guna belanjawan. Jadi yang mana? Walaupun sama akan tetapi tentulah ada sebab kenapa kita menggunakan perkataan bajet dan bukan belanjawan pada suatu ketika yang lalu.

Saya sebutkan ini bukan apa, kerana dalam teks ucapan Perdana Menteri yang telah dicetak cantik ini, di depan ditulis Belanjawan 2012, di dalamnya Bajet 2012, jadi saya hendak tanya itu sahaja. Sedangkan dalam *English translation*nya samalah *2012 Budget*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Macam pakai konfrontasi dan *confrontation* Yang Berhormat. Sama-sama perkataan.

#### ■1910

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Itu perkataan yang sama. Cuma bajet dengan belanjawannya lain dalam buku yang sama. Terima kasih.

Kita mendengar bahawa pertumbuhan ekonomi 2012 dijangka antara 5 peratus hingga 6 peratus. Kalau kita ambil yang ekstremnya 6 peratus ertinya perkembangan kita cukup baik dan agak berbeza daripada pandangan para-para penganalisis ekonomi termasuk MIER yang mengatakan, bahawa pertumbuhan mungkin hanya sekadar 5 peratus. Ada pentingnya Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut 5 peratus hingga 6 peratus ini kerana kalau 6 peratus pertumbuhan ekonomi kita, maka hutang negara kita yang akan meningkat daripada apa yang disebutkan tadi RM437 bilion yang merupakan 53 peratus daripada GDP. Kalau 6 peratus ertinya hutang ini tidak akan mencapai 55 peratus pada tahun 2012. Ertinya kita masih lagi di bawah paras ataupun berada di paras yang selamat hutang negara kita.

Namun, kalau penganalisis ekonomi yang lain mengatakan perkembangan ekonomi kita tidak serancak sedemikian, 5 peratus ataupun lebih kurang daripada itu, ini bererti hutang negara akan menjadi lebih tinggi berbanding GDP. Ini mungkin akan mencapai 55 peratus seperti yang kita khuatir ataupun lebih daripada itu. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah memberikan suatu angka yang begitu cantik 6 peratus bertujuan untuk tidak menampakkan hutang negara kita mencapai ke tahap yang berbahaya tersebut. Itu yang saya hendak tanya kerana kalau trend yang ada pada hari ini, suasana ekonomi dunia yang tidak memberangsangkan. Saya meyakini pandangan-pandangan penganalisis ekonomi ini ada benar dan ada wajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga menyebut mengenai kawasan Parlimen saya Kuala Krai walaupun hanya sekadar menyebut bahawa peruntukan kepada Hospital Kuala Krai disediakan untuk baik pulih sedangkan dalam RMKe-9 telah disebut kelulusan telah diberikan untuk membina sebuah hospital baru dengan tanah yang disediakan 100 ekar. Akan tetapi di dalam RMKe-10 dinyatakan dan mungkin dipertimbangkan dalam separuh kedua RMKe-10 dan tidak masuk dalam perancangan awal RMKe-10.

Jadi, walaupun kita berterima kasih ke atas peruntukan kepada Hospital Kuala Krai ini, yang sebenarnya apa yang disebutkan itu ialah satu projek yang sedang pun berjalan iaitu menambah dewan bedah yang sudah hampir siap. Jadi kalau ini yang dimaksudkan dengan tambahan, mungkin ia digunakan untuk menyempurnakan permainan tersebut yang sudah dua tahun tetapi belum siap-siap. Mungkin duitnya tidak cukup. Ini yang dimaksudkan, kalau ini yang dimaksudkan kita tetap berterima kasih tetapi masih di bawah jangkaan dan harapan kita. Apa yang lebih diperlukan oleh penduduk di Kuala Krai ialah suatu jalan perhubungan yang lebih baik. Pernah suatu ketika Menteri Besar Pahang apabila diberitahu bahawa lebuh raya tengah ini iaitu *spinal* ataupun tulang belakang di Semenanjung ini hanya sekadar menambah besar, memperbaiki jalan raya yang ada dan bukan suatu lebuh raya yang baru, beliau agak marah dan berkata kalau seperti ini tidak perlulah dibuat. Itu menunjukkan rasa kekesalan beliau.

Dalam hal ini saya amat bersetuju bahawa bukan sahaja membaik pulih jalan yang sedia ada yang kita pun sedia tahu jalan penghubung Kuala Lumpur-Bentong, Raub, Lipis, Gua Musang, Kuala Krai, dan Kota Bharu. Ini memang merupakan jalan yang membawa banyak kecelakaan dan kemalangan maut juga memerlukan suatu *upgrading* bukan sekadar menambah besar tetapi suatu *alignment* yang baru, satu lebuh raya yang baru. Ini bukanlah suatu permintaan yang melampau tetapi adalah suatu tuntutan yang memang wajar bukan sahaja untuk Kelantan, Kuala Krai, dan Kota Bharu tetapi seluruh perjalanan ke arah timur.

Kalau kita hendak membangunkan seluruh negara kita, kita tidak boleh melepas pandang terhadap pembangunan di kawasan-kawasan yang masih belum dibangunkan. Kita hanya menyediakan lebih kurang 21 peratus daripada belanjawan kita untuk pembangunan sekitar RM51 bilion, ya. Mungkin kerana kita sudah berada di tahap negara membangun, jadi tentulah peratusan yang diperuntukkan untuk pembangunan tidak seperti negara mundur, negara yang baru hendak berkembang dan mungkin lebih besar peruntukan pembangunannya.

Akan tetapi kalau kita melihat keseluruhan pembangunannya di negara kita, Sabah, Sarawak, dan sebahagian daripada Semenanjung, kita tidak boleh menganggap jumlah yang diletakkan sebanyak 21 peratus ataupun RM51 bilion ini mencukupi untuk menepati pembangunan sebuah negara yang bergerak ke negara maju. Kita khuatir yang dikatakan maju itu adalah hanya sebahagian daripada negara kita. Di Semenanjung pun hanya sebahagian kecil daripada Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak masih di peringkat ketinggalan.

Jadi, kita harus melihat semula belanjawan ini dengan memberikan pertimbangan kepada peratusan peruntukan untuk pembangunan yang lebih dan ini tidak memalukan kita seolah-olah kita mundur dan balik ke negara mundur yang tinggi peruntukan pembangunan berbanding dengan pengurusan. Saya mengharapkannya perkara ini dipertimbangkan semula supaya pembangunan seperti lebuh raya yang baru, pembaikan jalan-jalan, bekalan air yang merupakan asas kepada sesebuah negara yang hendak menuju kepada negara maju ini, disegerakan dan dilengkapkan sebaik mungkin dan tidak hanya bergantung kepada suasana perbezaan politik dan sebagainya.

Ada satu lebuh raya antara Kuala Krai dengan Kota Bharu yang telah diluluskan dalam RMKe-9 malah telah disebut beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, telah diluluskan, dan diberikan tender tetapi dimaklumkan yang terakhir ia telah dibatalkan. Ini bagi penduduk Kuala Krai ia satu malapetaka yang amat merugikan. Apa pun juga perbezaan pandangan politik yang ada di Kelantan seharusnya tidak menjejaskan usaha-usaha pembangunan yang boleh menguntungkan semua pihak di negeri tersebut.

Jadi saya ingin mendesak supaya projek yang telah pun sampai ke peringkat pemberian tender kerja kepada pihak-pihak yang berkenaan diteruskan supaya dapat dimanfaatkan. Selain daripada itu, ada beberapa projek-projek kecil. Walaupun kecil di mata kita di Dewan ini tetapi bagi penduduk-penduduk contohnya di DUN Dabung ada sebuah kampung nama Kampung Biak seberang daripada Kampung Kandik yang telah dijanjikan jambatan oleh salah seorang Menteri yang pernah berkunjung ke sana dan dalam tahun 2004, tetapi sampai hari ini tidak dilaksanakan. Jambatannya bukan panjang, dan tentulah kos yang akan dilibatkan tidak besar. Akan tetapi bagi penduduk di sana ia merupakan suatu peluang pembangunan dan membawa hasil keluar.

Jadi saya pun sudah tidak sanggup mendengar rintihan ini di dalam kawasan saya dan juga media *facebook*. Jadi saya untuk ke sekian kalinya dan ini bukan pertama kali saya meminta supaya dipertimbangkan semula oleh kementerian yang berkenaan supaya jambatan Kampung Biak-Kandik ini disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah mendengar salah satu ucapan daripada Ketua Pembangkang mengenai satu Program *feedlot* yang menelan belanja ratusan juta ataupun 250 juta geran kepada pihak yang ada kaitan dengan pihak penguat kuasa yang akhirnya dikatakan gagal. Ini adalah satu fakta sejarah yang kita terpaksa telan walaupun pahit. Saya juga dimaklumkan kalau boleh mendapat penjelasan, sama ada benar FELCRA pun yang mungkin mereka ini ada peruntukkan yang lebih juga berhasrat untuk mengusahakan suatu program penambahan hasil daging negara ini yang saya dimaklumkan sedang diusahakan, tetapi timbul suatu isu yang walaupun kecil atau *trivial*, dengan izin, tetapi boleh akhirnya menjejaskan projek yang begitu baik seperti yang berlaku dalam Program *Feedlot* ini.

#### ■1920

laitu di mana pihak berkuasa di FELCRA itu berkeras untuk seseorang tertentu mengendalikan projek ini walaupun orang yang berkenaan, kita dimaklumkan memang mempunyai masalah dalam perniagaan dan dalam urusan mereka dengan FELCRA sebelum ini, tetapi dipertahankan oleh pihak tertentu untuk diberikan projek tersebut.

Saya ingin mengingatkan ini kerana akhirnya nanti kalau berlaku juga suatu projek yang dikendalikan oleh orang yang tidak berwibawa, kita akan sekali lagi kehilangan satu jumlah wang rakyat kepada satu program yang gagal yang mana kalau dibuat dengan baik, dapat dielakkan kegagalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita tadi mendengar bagaimana kita memuji penganugerahan satu jumlah RM3,000 sekali ataupun *one-off* kepada veteran-veteran *special constable* (SC), *home guard* dan sebagainya satu perkara yang kita rasa suatu yang baik bagi mereka. Akan tetapi pada hari pembentangan bajet tersebut, salah seorang daripada pemimpin Persatuan Veteran Angkatan Tentera ini bertemu dengan saya dan saya mengucapkan tahniah atas apa yang bakal didapati oleh bekas-bekas tentera ini, tetapi dalam masa yang sama, beliau mengatakan mereka dalam persatuan veteran ini akan mengemukakan satu saman ataupun meminta *judicial review* terhadap Akta Veteran yang kita luluskan dalam Dewan ini kerana ia melibatkan kehilangan hak-hak berpersatuan kepada bekas veteran ini.

Ertinya Tuan Yang di-Pertua, memang veteran ini gembira dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan. Kalau diterima cadangan Yang Berhormat Kuala Krau mengenai pencen yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, lagi baik dan kita menyokong itu. Akan tetapi wang bukan segala-galanya, mereka juga inginkan sesuatu kebebasan untuk bersuara dan berpersatuan. Jadi, mereka menyoal pandangan ini bahawa mereka mungkin membawa kes ini ke mahkamah untuk menyoal atau mempertikaikan rang undang-undang yang kita luluskan dalam Dewan ini.

Jadi, ini harus dipandang serius kerana ia akan memberikan suatu kesan yang mungkin negatif pandangan kita terhadap veteran-veteran tentera ini. Akan tetapi pada masa yang sama, kita sebagai ahli-ahli politik menganggap hak untuk berpersatuan ini mesti dibenarkan dan diberikan kepada rakyat kita mengikut yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita.

Walaupun Yang Berhormat Menteri Pertahanan meminta supaya bekas-bekas tentera ini tidak melakukan tindakan-tindakan tersebut, tetapi saya rasa walaupun mereka melakukannya adalah wajar kerana ini bertepatan dengan tuntutan di dalam perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kita ini telah kita persoalkan oleh rakan-rakan saya sebelah sini mengenai cara kerajaan hendak menangani hasil dalam negara. Tidak banyak diberikan kecuali mungkin sedikit pindaan terhadap RPGT, dengan izin, yang mungkin menambah sedikit pendapatan negara. Akan tetapi, secara umumnya kita berhadapan dengan defisit yang mana khidmat membayar hutang ini seperti yang disebut dalam bajet tidak dapat menampung kenaikan ini seumpama kita yang berhutang menggunakan *credit card* dibenarkan membayar hanya 5 peratus daripada baki yang ada, akan sentiasa hutang ini bertambah dan tidak mungkin kita akan menyelesaikan kalau kita membayar pada kadar tersebut. Begitu juga cara kita menyelesaikan hutang melalui khidmat pembayaran hutang kita.

Jadi, dalam hal ini kita mempersoalkan apa caranya kerajaan cuba untuk mendapatkan pendapatan. Ini didedahkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebelum pembentangan bajet apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...GST akan dilaksanakan selepas pilihan raya. Mungkin ini yang dimaksudkan cara mendapat pendapatan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Boleh beri saya? Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ada meneliti ringkasan belanjawan yang dibekalkan kepada kita. Perhatian saya, dalam belanjawan yang baru ini ada 21 perkara berkenaan pelepasan cukai, maksudnya hendak mengurangkan hasillah. Berbanding dengan tahun lepas ada cuma 16 sahaja. Jadi adakah ini bermakna pada pandangan Yang Berhormat Kuala Krai, kerajaan kita memang tidak mengambil berat berkenaan dengan menambahkan hasil negara. Walaupun kita lihat adalah baik, tetapi pelepasan yang diberi pada kali ini rasa saya tidak ada kena-mengena dengan orang biasa atau rakyat yang teramai. Ia lebih kepada memberi pelepasan dan keistimewaan kepada industri. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai yang kerajaan hendak buat setakat ini? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Ia suatu pemerhatian atau pencerakinan yang cukup tepat yang menggambarkan tidak ada sesuatu yang serius malah kerajaan seolah-olah melepas tangan. Akan tetapi, saya merasai ada sesuatu yang kita tidak tahu yang mungkin ada di dalam tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya mengandaikan GST inilah cara untuk kerajaan menambah pendapatan iaitu suatu yang menyebabkan hampir ataupun seluruh 28 juta rakyat kita akan membayar cukai berbanding dengan hanya 1.7 juta hari ini yang membayar cukai pendapatan. Saya hendak menyebut di sini, hanya 1.7 juta yang membayar cukai pendapatan dan yang lainnya tidak bukan kerana rakyat lari daripada membayar cukai pendapatan. Mereka tidak termasuk dalam golongan membayar cukai pendapatan kerana mereka tidak layak, tidak sampai kepada *bracket* yang memerlukan mereka membayar. Akan tetapi apabila GST dikenakan, bukan sekadar pekerja-pekerja kerana GST ini dikatakan sebagai cukai *consumption*.

Jadi apa sahaja yang kita pakai, anak kita yang baru lahir pakai lampin dicukai, anak lahir pun kena cukai. Orang tua-tua yang memakai lampin dewasa juga kena cukai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Ertinya kita melepaskan tanggungjawab ini kepada seluruh rakyat yang sebelum ini tidak mampu membayar cukai. Saya rasa ini tidak berlaku adil dan akan menyusahkan rakyat kita terutama dalam keadaan harga ataupun kos kehidupan yang semakin meningkat. Maka kalau ini berlaku, saya yakin rakyat akan lebih menderita.

Jadi, kita di sebelah sini menolak GST ini yang kalau dilaksanakan pasti akan menambah beban rakyat. Kerajaan harus lebih peka, harus lebih bijaksana, harus lebih *prudent*, dengan izin, dalam perbelanjaan dan penggunaan wang negara ini supaya tidak perlu kita membebaskan rakyat dengan GST ini. Kita berazam kalau GST ini tetap hendak dilaksanakan selepas pilihan raya ini, kita terpaksa membawanya kepada rakyat untuk mendapatkan penghakiman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya dalam masa yang ringkas ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Satu minit.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya terima kasih. Disebut mengenai elaun MP tadi. Kalau dalam Dewan ini kerajaan hendak meletakkan satu unit komputer yang canggih di hadapan kita seperti yang ada ini, kita pun tidak minta tetapi kita suka lihat, dapat kita gunakan, kita manfaatkan. Tidak minta pun. Kalau kerajaan hendak membantu kita untuk mendapatkan penyelidikan-penyelidikan di kawasan-kawasan Parlimen kita, beri sahaja. Perkara-perkara sebegini tidak perlu kita minta kerana ini merupakan apa-apa sahaja yang boleh membantu kita menjadi lebih efisien, lebih baik.

Tadi disebut *driver*. *Driver* yang dengan gaji hari ini memang tidak cukup. Beri sahaja, tidak perlu minta pun. Saya yakin kalau disediakan begitu, kita tidak perlu hendak berbasikal panjang dan rakyat pun tidak perlu risau dengan apa yang berlaku dalam Dewan ini, tetapi lebih kepada bagaimana hendak menjadikan kerja kita ini lebih efisien...

**Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat boleh terimalah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat Kuala Krai sudah habis.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, habis masa sudah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Habis masa.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Habis masa. Jadi saya mengucapkan terima kasih atas peluang ini dan kita menyokong bajet Pakatan. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya menghargai Yang Berhormat berhenti apabila masa sudah tamat. Yang Berhormat Dungun, minta maaf. Tadi telah dijanji oleh Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Telok Kemang, selepas itu Yang Berhormat Dungun.

7.29 mlm.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan saya memberi pandangan mengenai dengan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1930

Pada umumnya, apabila sudah menghayatinya dan membaca komen-komen yang keluar daripada ahli-ahli profesional dan juga komen dalam majalah-majalah, surat khabar ia satu bajet yang menggerunkan walaupun isinya mengenai dengan kebajikan yang telah disediakan memberi sedikit kelonggaran kepada Ahli-ahli Parlimen.

Saya percaya kawan-kawan kita ini pun akan berasa begitu kerana pada awal tahun depan kurang sedikit beban kita khususnya apabila sekolah buka kurang sedikit beban kita kerana yuran telah pun dimansuhkan dan juga ada sedikit tambahan kepada murid-murid sekolah.

Komen-komen seperti *recession risk high and rising*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang perlu diambil kira kerana kalau ikut statistiknya hingga Mac tahun ini inflasi 3 peratus iaitu satu angka yang paling tinggi dalam masa dua tahun. Tuan Yang di-Pertua, saya seperti mana yang saya sebutkan tadi saya mengalu-alukan dan berterima kasih kerana ada beberapa bantuan yang telah pun dicadangkan untuk membantu keluarga rakyat miskin khususnya di luar bandar tetapi seperti mana yang kita dengar yang ada dianggarkan ini sebagai gula-gula dan apabila terlalu banyak gula, makan gula kita menghadapi risiko kencing manis.

Itu saya setuju sangat kerana sakitnya macam kencing manis ini ialah satu penyakit yang tidak berlaku serta-merta tetapi dalam lama-kelamaan apabila kita amalkan gula-gula ini kita akan dapat kencing manis. Jadi pada khidmat saya bajet ini walaupun kita setuju kita sediakan bantuan seperti ini tetapi dalam jangka masa panjang kita perlu memastikan peruntukan penawar dia. Maknanya kalau rakyat akibat daripada istilah seperti mana yang saya andaikan sebagai kencing manis kita mesti sediakan penawarnya. Bagaimana kalau kita menghadapi masalah sesudah kita menerima apa yang ditawarkan kepada kita dan juga apa dia probiotik dia.

Kalau kita hendak menahan, hendak mengubati pesakit kita antibiotik. Kita ada antibiotik tetapi kalau kita sediakan probiotik maknanya kita menghalang penyakit untuk menghadapi diri kita. Ini kerana pada pandangan sayalah Tuan Yang di-Pertua, masa depan khususnya dalam jangka masa pendek ini tahun depan ada kemungkinan barang akan naik. Ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri dan beberapa cadangan oleh beliau untuk mengatasi kemungkinan barang naik yang menjadi tidak boleh dielakkan apabila keperluan ini akan naik.

Umpamanya, elektrik akan naik. Saya menjangka elektrik akan naik sesudah kita dengar amaran daripada Tenaga Nasional bahawa mereka TNB sekarang ini telah pun terpaksa membayar lebih pada tambahan pada biasa iaitu terlebih daripada RM100 juta tiap-tiap bulan untuk menampung harga gas yang meningkat. Beliau tidak memberi jangka ataupun masa yang tetap di mana harga gas ini akan menjadi stabil. Jadi kemungkinanlah harga ini akan diturunkan kepada pengguna-pengguna untuk dibiayai. Ini kerana TNB tidak sanggup menanggung kerugian ataupun mengurangkan keuntungan dalam masa yang sama keadaan kenaikan harga gas ini kita tidak pula mendengar kenyataan daripada pengusaha-pengusaha Pengeluar Tenaga Bebas (IPP).

Mereka mungkin berpuas hati dengan keadaan dan mungkin juga adanya peruntukan dalam kontrak yang ditandatangani oleh mereka dengan kerajaan dengan TNB telah pun memperuntukkan syarat-syarat seperti ini supaya mengelakkan mereka mengalami kerugian seandainya harga-harga gas ataupun bahan mentah naik. Dalam masa yang sama, kita pun pernah dengar dalam Dewan ini satu lagi bencana tenaga bebas Tanjung Bin telah pun akan menangani kontrak dengan kerajaan yang mana syarikat ini telah dianugerahkan kontrak. Walaupun tender dibuat mengenai dengan pelantikan syarikat mengendalikan Tanjung Bin Power ini dua syarikat iaitu Tanjung Bin Power dan lagi satu seperti mana yang disebutkan oleh Menteri ialah Jimah Power.

Saya hendak beritahu apabila saya melihat dua-dua syarikat ini mempunyai tauke yang sama. Tauke yang sama jadi tawaran atau tender ini dilakukan kepada ataupun ditawarkan kepada dua syarikat untuk membuat tawaran yang mempunyai tauke yang sama. Jadi mana-mana syarikat yang dapat dia akan memberi manfaat kepada individu-individu yang tertentu. Tuan Yang di-Pertua, inflasi tidak boleh kita elakkan dan ini akan berlarutan selagi mana kita boleh dan setakat mana kita boleh mengawal barulah kita nampak usaha-usaha di sini untuk mengusahakan khususnya barang-barang makanan seperti beras, gula dan sebagainya.



Apabila kita sebut mengenai gula, kita menjangkakan dengan usaha FELDA membeli kilang gula dan juga ladang gula kita menjangkakan bahawa ini satu usaha kerajaan melalui FELDA untuk menguasai pembekalan gula, supaya gula yang..., harga gula dapat dikawal. Apabila ini dikuasai oleh syarikat GLC ataupun FELDA kita yakin ataupun kita mengharapkan ialah satu usaha untuk menyelaraskan harga gula supaya tidak membebaskan rakyat. Akan tetapi, kalau ini ialah satu kesempatan seperti mana tanda-tanda yang ditunjukkan pada awal-awal pengambilan syarikat gula ini dahulu. Ada usaha-usaha untuk menaikkan harga dan telah pun dinaikkan harga sebanyak 20 sen selepas sahaja diambil alih syarikat gula ini, harga gula dinaikkan.

Maka kita khuatir pada tahun akan datang. Tahun depan baru harga gula akan naik walaupun pembekalan gula ini dikuasai oleh ataupun kebanyakan dikuasai oleh syarikat FELDA. Dalam hal kita membuat perancangan, dalam bajet ini ditunjukkan defisit walaupun kurang, cadangannya mengurangkan defisit tetapi apabila dikira pada jumlah bajet, jumlah defisit itu tetap sama ataupun kekal.

#### ■1940

Kalau diambil kira ini sebagai kadar sekurang-kurangnya lebih kurang 5 peratus setiap tahun defisit ini menjelang 2020. Dianggarkan bahawa hutang negara akan sampai kepada tahap RM1,000 bilion. RM1,000 bilion ini adalah RM1 trilion dan RM1,000 bilion ini merupakan 100 peratus peningkatan daripada apa yang ada sekarang iaitu RM437 bilion, lebih kurang. Bermakna menjelang 2020 apabila kita sampai ke tahun yang kita anggap sebagai negara menjadi negara maju, hutang kita hampir RM1,000 bilion.

Persoalannya ialah, apakah pendapatan negara pada waktu itu juga meningkat dengan kadar yang sama ataupun lebih tinggi. Sekurang-kurangnya pada kadar yang sama ataupun lebih tinggi. Itu pun kita belum tentu, belum tentu dapat mengawal jumlah hutang yang ada dan hutang ini menjadi perkara yang sangat bahaya. Khususnya, hutang di dalam negara, kalau kita tengok dalam surat khabar dikatakan beberapa anak muda ataupun 41 belia mufliis setiap hari, oleh sebab apa? Oleh kerana masalah sewa beli kereta, masalah *credit card*, masalah sewa rumah dan sekarang ini kita hendak memberikan kemudahan membeli rumah dengan wang ansurannya akan membuatkan bahawa mereka terpaksa membelanjakan lebih daripada separuh gaji untuk membayar hutang. Ini satu keadaan yang membahayakan dan tidak boleh dielakkan dan ini meliputi mereka di pertengahan, anak-anak muda yang kita harapkan akan mengambil tempat kita dan menerajui negara.

Akan sampai ke satu tahap yang kita khuatir bahawa yang ramai bankrap ini ialah orang yang kita harapkan untuk menerajui pentadbiran negara. Jadi, inilah seharusnya diambil kira supaya dalam kita menuju ke negara maju lapan tahun, sembilan tahun yang akan datang, kalau perkara-perkara seperti ini tidak diambil kira, kita bukan hanya tidak menjadi negara maju tetapi kita hanya menjadi satu negara yang bankrap.

Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan bahawa FELDA Global akan disenaraikan pada tahun hadapan dengan jaminan bahawa ini satu durian runtuh bagi peneroka. Sekarang ini penglibatan peneroka kemungkinan melalui Koperasi Peneroka FELDA yang mempunyai keahlian lebih kurang 186,000. Mempunyai saham berbayar sebanyak RM1.7 bilion dan mempunyai wang tunai yang sebegitu banyak. Itu sebabnya KPF mampu membayar bonus dan dividen lebih daripada 20 peratus.

Saya menyarankan kalau hendak diteruskan juga FGVH ini disenaraikan dan melibatkan KPF, satu jaminan kerajaan bahawa pulangan kepada peneroka, khususnya ahli-ahli koperasi tidak akan kurang daripada 20 peratus. Bermakna, ini satu pelaburan yang dibuat oleh KPF, yang memberikan keuntungan yang lebih berbanding pada apa yang diperoleh sekarang. Sekarang ini dividen dan bonus tidak kurang daripada 20 peratus, jadi mudah-mudahan dengan penglibatan KPF dalam penyenaian FGVH ini akan membawa keuntungan lebih daripada 20 peratus, kita beri jaminan.

Dalam hal ini itu sebabnya saya pernah memberitahu bahawa pelaburan yang melibatkan wang rakyat, pelaburan KWSP di mana tahun lalu diluluskan 20 peratus daripada portfolio ini dilabur di luar negara.

Begitu juga Tabung Haji, begitu juga LTAT, apabila membuat pelaburan harus kita memberikan jaminan pada pelabur-pelabur ataupun rakyat yang mencarum bahawa dengan pelaburan ini kerajaan menjaminkan pulangan pada mereka meningkat dan minimumnya ialah apa yang mereka dapat sekarang, itulah risikonya. Oleh kerana tidak mungkin KPF akan diajak untuk berserta dengan penyenaiaan FGVH kalau KPF tidak mempunyai aset dan wang tunai yang boleh membantu penyenaiaan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ada dua minit Yang Berhormat.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan sebelum itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini tidak langsung disentuh mengenai dengan pembaziran yang berlaku. Yang jelas sekarang ini seperti mana yang disebutkan, peningkatan kos untuk memulihkan projek yang telah terbengkalai umpamanya Hospital Shah Alam, Kem Skudai, Lebuh raya Seremban-Linggi, Tuna Port di Pulau Pinang yang sekarang ini terbengkalai. Apabila hendak dipulihkan semula mengakibatkan sekurang-kurangnya peningkatan 50 peratus daripada tender yang asal. Ini tidak diambil kira, itu separuh daripada apa yang saya mampu sebutkan pada hari ini. Mungkin boleh disenaraikan, kita minta kementerian yang berkenaan menyenaraikan, maklumkan projek-projek yang terbengkalai. Akan tetapi yang menyedihkan ialah kebanyakan wang yang diperuntukkan untuk projek ini telah pun digunakan dan projek masih lagi pada tahap yang lebih rendah daripada yang telah diluluskan. Ini saya boleh buktikan tetapi memada hari ini memberikan amaran kepada mereka supaya apabila dikeluarkan projek seperti ini harus diserahkan kepada mereka yang bertanggungjawab, berwibawa dan bukan kepada mereka yang tertentu yang hanya menjadi broker supaya perkara ini tidak diulangi dan membebaskan rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, masa pun sudah habis.

**Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]:** ...Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya mungkin ada lagi tetapi terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya. *Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Dungun.

#### 7.49 mlm.

**Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk sama mengambil bahagian dalam perbincangan bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober yang lalu. Saya kira, saya akan mengambil masa yang ditetapkan, *insya-Allah.*

#### ■1950

Saya menyampaikan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Bajet 2012 adalah bajet yang terbaik daripada sebelum ini kerana ia memberi manfaat kepada seluruh golongan rakyat dalam negara.

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT di atas pengurniaan negara Malaysia sebuah negara yang aman makmur dan rezeki negara bertambah dari tahun ke tahun dan membolehkan rezeki ini pula mengalir kepada rakyat dari pelbagai kaum. Bajet 2012 jika saya boleh tafsirkan, ialah hasil perpaduan kerjasama dan sokongan padu rakyat di bawah Kerajaan Barisan Nasional dengan slogan '1Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan'.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 yang bertemakan, "*Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara*", sudah sampai waktunya sesudah 54 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Sebelum ini pelbagai andaian yang berlegar di pemikiran rakyat apakah Bajet 2012 sebenarnya memihak kepada rakyat atau sebahagian kepada rakyat atau langsung tiada memberi apa-apa keuntungan kepada rakyat. Ini kerana ada segelintir kumpulan telah mencanang dan mempengaruhi rakyat kononnya Bajet 2012 tidak memberi impak sentuhan sanubari rakyat sebagai suatu provokasi yang boleh menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap pucuk pimpinan negara dan kerajaan Barisan Nasional.

Dengan hati yang penuh khusyuk, sebahagian besar rakyat negara masing-masing berada di hadapan kaca televisyen tidak sabar menunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan Bajet 2012. Pada mereka, sekalipun terpaksa meninggalkan tugas harian hanya untuk seketika, beberapa jam kata mereka, 'rugi secupak tidak bermakna rugi segantang' sebab kerajaan Demokrasi Berparlimen yang bertunjangan Raja Berperlembagaan, berpaksikan Parlimen penggubal dasar-dasar negara, ternyata pembentangan Bajet 2012 menyaksikan satu sumbangan yang besar dan sangat bermakna kepada seluruh warganegara Malaysia yang tidak pernah bermimpikan bulan jatuh ke riba. Seluruh rakyat negara memanjatkan rasa syukur dan berterima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang telah 54 tahun memimpin dan akan terus memimpin negara yang tercinta ini hingga ke akhir zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyampaikan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berhasrat untuk menyenaraikan FELDA Global Ventures Holding pada pertengahan tahun 2012 bagi memperoleh dana yang nantinya akan berstatus sebuah syarikat konglomerat global yang akan bersaing dengan syarikat-syarikat konglomerat antarabangsa. Ini bermakna hak peneroka akan terus terbela sampai ke anak cucu melalui saham-saham dalam Koperasi Permodalan FELDA yang sudah pasti setiap peneroka FELDA akan menerima durian runtuh. Syukur, *alhamdulillah*.

Sebelum ini pun peneroka-peneroka di seluruh negara yang berjumlah 112,635 orang peneroka telah pun mendapat rahmat berbanding dengan yang lain semenjak ditubuhkan pada tahun 1956. Mana ada dalam dunia sebuah negara yang telah mencipta nama seperti FELDA yang rata-rata datangnya dari golongan miskin yang sama ada dahulunya mereka datang dari golongan petani, penternak, nelayan dan lain-lain yang secara puratanya pendapatan mereka boleh dianggap 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang', tetapi setelah berada di dalam FELDA, kehidupan mereka sudah berubah jauh lebih baik daripada sebelum ini.

Sebahagian besar rumah kediaman mereka sudah pun berubah dari rumah kecil yang dibina oleh FELDA sewaktu mula memasuki rancangan kini bertukar yang boleh dilihat seumpama rumah banglo. Ekonomi mereka meningkat. Dahulunya menggunakan motosikal, kini bertukar kepada kereta dan ada sesetengahnya menggunakan kereta mewah yang jika dibandingkan dengan pegawai kerajaan yang berkelulusan universiti, jauh pendapatan mereka lebih tinggi. Satu pembelaan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah putus asa untuk pembelaan kepada peneroka FELDA termasuk anak-anak mereka.

Sepatutnya seluruh warga FELDA memberi sokongan padu yang tidak berbelah bahagi, meningkatkan semangat, sokongan kepada kerajaan sebagai tanda membalas budi. Akan tetapi yang sedihnya, terdapat sebahagian kecil daripada kalangan warga FELDA tidak ucap pun terima kasih malah berpaling tadah menyerang Kerajaan Barisan Nasional dan mendabik dada memberi sokongan kepada pembangkang padahal mereka tahu apa yang mereka lakukan adalah semata-mata mengikut sentimen dan pengaruh golongan yang tidak berterima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bidang pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan negara. Tahun 2010 sektor ini telah menarik seramai 25 juta pelancong asing yang membawa pendapatan sejumlah RM56 bilion daripada beberapa kawasan pelancongan yang menarik dalam negara. Saya percaya dan yakin masih terdapat banyak lagi destinasi-destinasi pelancongan yang ada dalam negara yang barangkali terlepas pandang. Sebagai contoh di kawasan saya, Parlimen Dungun.

Di sebelah matahari naik, tersergam sebuah pulau iaitu Pulau Tenggul yang kaya dengan karang laut dan hari ini pun ramai pelancong dalam dan luar negara mengambil peluang untuk aktiviti *snorkeling* dan *scuba*. Di matahari jatuh, terpampang Air Terjun Cemerong setinggi 946 kaki adalah yang tertinggi di Asia Tenggara. Di tengah-tengahnya ialah sebatang sungai yang mengalir sepanjang 73 kilometer dari muara Sungai Dungun ke Air Terjun Cemerong dan ke Kampung Pasir Raja. Terdapat 11 buah kampung tradisional yang masih kekal walaupun terdapat jalan pengangkutan darat tetapi mereka seperti isi dengan kuku, bagaikan aur dengan tebing, bagaikan irama dengan lagunya yang tidak boleh dipisahkan. Jika dipisahkan, berkecailah nyawa dan badan atau pincanglah lagu.

Suatu ketika dahulu sungai merupakan penghubung utama dari Kuala Dungun ke Kampung Pasir Raja. Kasih sayang mereka pada sungai tidak boleh dipisahkan. Oleh sebab itulah sebahagian besar penduduk kampung tradisi ini masih mengekalkan kehidupan mereka di tebing-tebing sungai. Setelah 30 tahun berlalu, air sungai semakin cetek kerana timbunan pasir sewaktu berlakunya banjir dan hujan lebat. Perjalanan air sungai semakin lesu akibat peranan pasir membentuk beting dari timbunan pasir.

Saya percaya jika langkah mendalamkan sungai ini dilakukan, ia akan membawa keuntungan dua dalam satu. Apa yang saya maksudkan ialah antaranya menggalakkan pelancongan melalui bot atau *boathouse* sambil memancing dan bermalam dalam bot dan satu lagi menggalakkan rakyat di kampung tradisi menangkap ikan di sungai selain memberi peluang kepada nelayan-nelayan pantai mengambil bahagian mencari rezeki di sungai apabila tidak dapat ke laut disebabkan gelora, angin kencang dan sebagainya. Ini bermakna sumber pendapatan nelayan pantai membolehkan mereka ke laut dan ke sungai. *Insyallah*, nelayan akan memperoleh pendapatan yang lumayan pada masa akan datang dan saya percaya pihak kerajaan akan memperkenalkan pula undang-undang baru sungai. Apa yang perlu kerajaan lakukan ialah mendalamkan sahaja sungai dengan mengekalkan flora dan fauna yang masih segar hidup di tebing-tebing sungai yang sudah pasti menarik ramai pelancong beralih ke Sungai Dungun dan seterusnya bermandi-mandi di Air Terjun Cemerong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memberi keutamaan kepada pendidikan negara. Kita percaya, maju dan membangunkannya negara datangnya daripada rakyat yang cerdik, pintar dan mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi. Hasrat kerajaan ingin melahirkan sejumlah 60,000 rakyat yang berkelulusan PhD menjelang tahun 2023 akan menjadi realiti apabila kerajaan melihat sumber pendidikan negara sebagai asas untuk mencapai kejayaan.

Dalam Bajet 2012, kerajaan memperuntukkan RM32.69 bilion peruntukan untuk emolumen 76.4 peratus dan perbelanjaan lain 23.6 peratus. Pembangunan fizikal sekolah kini berjumlah 9,996 unit. Sekolah kebangsaan sebanyak 7,714 unit dan sekolah menengah sebanyak 2,280 unit di seluruh negara. Saya melahirkan rasa terima kasih kepada kerajaan yang mengambil langkah melahirkan satu suasana pembelajaran yang kondusif, lebih selesa kepada ribuan pelajar yang sudah pasti persaingan pembelajaran dengan negara maju dunia yang bakal melahirkan rakyat negara yang cerdik pintar pada masa-masa akan datang.

Saya juga ingin mempersoalkan kepada kerajaan dan mencadangkan pembangunan sebuah sekolah baru Kampung Tok Kah yang sudah sekian lama. Kampung ini 10 kilometer sahaja daripada Dungun. Sekolah ini sudah sekian lama dibangunkan daripada bangunan kayu. Memandangkan banyak sekolah lain di dalam negara ataupun dalam kawasan Parlimen saya sendiri dibangunkan ataupun digantikan dengan bangunan batu, dan segala surat yang berkaitan telah dimajukan kepada pejabat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran Malaysia, eloklah saya rasakan Bajet 2012 mengambil kira pembangunan baru Sekolah Kebangsaan Tok Kah ini sebagai sebuah sekolah yang tunggal di kampung ini dan memberi keselesaan kepada guru dan pelajar.

Maktab Rendah Sains MARA yang suatu ketika dahulu pernah dijanjikan oleh mantan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa kerajaan PAS mentadbir Terengganu kerana sikap kerajaan PAS yang tidak berminat kepada rakyat yang mendidik..., premis tempat pelajar telah ditutup.

Kerajaan negeri telah membenarkan tanah seluas 50 ekar dan telah dibayar oleh pejabat MARA. Oleh itu, saya berharap bangunan MRSM ini dapat dibangunkan pada tahun hadapan.

#### ■2000

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih kepada peningkatan pengeluaran makanan dan industri bajet 2011. Kerajaan memperuntukkan RM1.1 bilion bagi pembangunan sektor pertanian. Saya difahamkan dan saya sendiri melihat sudah ada keinginan rakyat terutama golongan muda yang sudah pun mula berminat di bidang pertanian.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jika dahulu bilangannya tidak ramai, sekarang sudah berubah. Anak-anak muda mula cenderung dan memahami hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tani dalam pelbagai bidang. Usaha kerajaan harus dilipatgandakan supaya usahawan-usahawan tani yang dilahirkan akan dapat memainkan peranan ini sampai ke peringkat internasional. Peranan FAMA dalam bidang pemasaran juga boleh ditingkatkan. Bukan sahaja FAMA bertanggungjawab untuk memasarkan hasil-hasil tani, tetapi FAMA juga bertanggungjawab untuk membimbing, melatih usahawan-usahawan tani ke peringkat yang lebih tinggi

Program perumahan rakyat, satu program yang akan disahut oleh seluruh rakyat yang memerlukan. Pada RMKe-10, kerajaan merancang untuk membina 75,000 unit rumah mampu milik. Syarikat Perumahan Negara Berhad – Bajet 2012 akan membangunkan sejumlah 10,000 unit pada tahun hadapan dan perbelanjaan kos 95,000 unit tetapi kerajaan memberi subsidi dengan harga jualan sejumlah RM45,000. Ini telah diketahui oleh seluruh rakyat dalam negara. Kita mengharapkan SPNB dapat mengadili pembahagian ini sehingga seluruh rakyat dalam negara dapat menikmati rumah mesra rakyat ini termasuk kawasan saya di mana tapak telah pun sedia ada.

Program pembangunan usahawan luar bandar dengan bajet RM200 juta yang sudah pasti dapat melahirkan usahawan yang aktif dan efisien di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Izinkan saya untuk bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya dapat menyediakan model pembangunan keusahawanan kepada kumpulan sasar supaya model baru akan memudahkan cara atau memindahkan cara berfikir usahawan yang sedia ada tidak seperti mencurahkan air di daun keladi, bajet habis impak tidak berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, wanita ini cantik molek, wanita ini lemah lembut. Ada kala wanita ini keras. Wanita ini apabila dia sudah dapat apa yang dia hendak, senangnya dipujuk. Wanita hari ini ada Menteri dan kementeriannya. Ada bajet, bajet yang tidak kurang banyaknya. Melalui TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), saya hendak tanya kepada kementerian, apakah dengan Bajet 2012 mampu dapat menyelesaikan masalah ibu tunggal? Di kawasan saya hampir 500 orang ibu tunggal yang sentiasa bermasalah walaupun bajet pada tahun-tahun kebelakangan telah pun ada disediakan kepada mereka dan kita perlukan kementerian supaya menyediakan satu pelan yang baik terutama sekali ibu tunggal yang mempunyai bilangan anak yang ramai.

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang menjadikan Dungun sebagai projek perintis menggunakan alat *decarbonizes* iaitu alat untuk membolehkan atau mengurangkan penggunaan minyak diesel sebanyak 30 peratus. *Sample* kepada 50 buah bot yang didapati ianya memberi kesan positif, saya berharap kerajaan dapat meneruskan pembiayaan alat ini kepada seluruh nelayan-nelayan dalam negara.

Untuk yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, melalui Bajet 2012, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk membina sebatang jalan sepanjang 30 kilometer daripada Landas ke Mercang. Jalan ini amat penting kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit untuk menghantar buah kelapa sawit ke kilang yang berada di Kampung Landas. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah telah mengambil perjalanan sejak lima tahun yang lalu. Akan tetapi sampai sekarang rakyat yang berpendapatan kecil masih menanti dan merungut bilakah jalan ini akan dibina sebab mereka terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk ke kilang berkenaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya setakat itu sahaja yang saya dapat bahaskan Bajet 2012 dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

#### 8.04 mlm.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas ucapan Belanjawan 2011. Antara perkara-perkara yang saya ingin bincangkan pertama merujuk kepada teknologi hijau dan usaha untuk mengurangkan gas rumah hijau (GHG) saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air mengenai usaha-usaha yang telah dicapai dalam mengurangkan penghasilan tenaga dari bahan api fosil kepada tenaga yang boleh diperbaharui (RE). Ini termasuk perkembangan dari *biomass*, solar, mini-hidro, mikro-hidro dan sebagainya. Berapakah megawatt elektrik yang diperoleh daripada RE selama ini berbanding dengan sasaran kementerian iaitu sebanyak 500 hingga 600 megawatt.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua merujuk kepada ucapan Belanjawan 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dinyatakan salah satu usaha untuk memajukan teknologi hijau dan menjamin kelestarian pembangunan negara, maka pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais kepada pemegang francais akan terus diberi bagi mengimport kereta hibrid dan kereta elektrik. Pengecualian cukai ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2013. Saya difahamkan syarikat besar yang terlibat ialah syarikat Honda yang mengeluarkan kereta hibrid generasi kedua iaitu Honda Insight 1.3 liter dengan harga RM99,800 dan syarikat Toyota yang mengeluarkan kereta hibrid generasi ketiga iaitu Toyota Prius 1.8 liter dengan harga RM139,900. Jadi, adakah harga di pasaran ini, sudah pun mengambil kira pengurangan duti import dan duti eksais ini? Berapakah jumlah kereta hibrid yang dapat dijual dari tarikh pelancaran di Malaysia sehingga November 2011 sebagai ukuran sambutan masyarakat dalam membantu teknologi hijau? Dalam lain-lain perkataan, berapakah jumlah pengecualian dari duti import dan duit eksais yang ditanggung oleh kerajaan?

Apakah bentuk kempen yang telah dibuat bagi menggalakkan pembelian kereta hibrid. Saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Simpan Renggam agar kerajaan beri insentif kepada rakyat yang berminat untuk membeli kereta hibrid ini. Bagaimana pula kereta Proton yang akan mengeluarkan kereta hibrid jenis *plug-in* sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu saya kira ia masih dalam generasi pertama. Kenapa *Proton* tidak terus mengeluarkan kereta hibrid generasi ketiga walaupun harganya nanti mungkin akan tinggi sedikit tetapi tidak akan menyusahkan rakyat yang masih sayang dengan *Proton* atas semangat '*Buy Malaysian Product.*' Bilakah *Proton* akan melancarkan kereta hibrid ini?

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mengumumkan tahun 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional dengan mengatur beberapa inisiatif strategik dengan peruntukkan RM100 juta, antara lain melaksanakan program penerapan dan program inovasi di peringkat sekolah dan IPTA. Meneruskan pelaksanaan Program Jejak Inovasi oleh Yayasan Inovasi Malaysia, memperkenalkan Anugerah Cipta 1Malaysia dan menganjurkan *World Innovation Forum* dan sebagainya.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan berapa banyak produk-produk inovasi yang telah dicapai sehingga tahun 2011 dan berapa banyak produk pula yang boleh dikomersialkan? Saya berharap peruntukan RM100 juta ini dapat dimanfaatkan dengan baik dalam proses mengkomersialkan produk inovasi. Lawatan saya ke pameran inovasi tahun lepas, banyak rungutan yang timbul oleh penyelidik bahawa mereka tidak mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk R&D dan untuk membangunkan produk mereka. Saya risau peruntukan yang sebanyak ini hanya untuk menganjurkan program-program yang dirancang dengan kos yang besar dan untuk memberi insentif atau hadiah kepada yang berjaya untuk menghasilkan produk inovasi tetapi produk inovasi ini tidak sampai ke peringkat pengkomersialan.

#### ■2010

Sebagai contoh satu masa dahulu seorang bernama Zulkifli yang berjaya mengeluarkan produk inovasi tetapi sejauh mana kerajaan membantunya mengkomersialkan produk inovasinya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Dasar Agro Makanan Negara 2011 hingga 2020 antaranya melalui program ladang kontrak bagi memastikan bekalan produk makanan mencukupi yang akan dikendalikan oleh FAMA di mana hasil keluaran akan dipasarkan terus ke pasar tani seluruh negara. Saya difahamkan 4,500 usahawan tani akan terlibat dengan keluasan tanah 7,000 hektar. Saya sangat risau berdasarkan pengalaman-pengalaman lepas usaha gigih petani-petani akan jadi hampa sahaja kerana FAMA tidak mampu membantu memasarkan produk pertanian mereka.

Saya kira pasar tani sahaja tidak cukup untuk memotivasi usahawan tani untuk maju mengeluarkan produk mereka. Kenapa FAMA tidak membantu petani memproses produk mereka sama ada melalui pembungkusan (*packaging*) yang baik seperti produk sayur-sayuran, proses mengetin hasil buah-buahan atau menukar kepada produk-produk lain seperti jem, paste, jus dan sebagainya dan produk-produk mereka ini mampu bersaing di pasaran tempatan seperti di *supermarket* dan boleh dieksport ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut banjir merupakan bencana utama negara. Dalam setiap tahun kerajaan membelanjakan RM1 bilion bagi menampung kos kerugian dalam pelbagai aspek kehidupan. Malangnya bagi saya sebagai Ahli Parlimen Hulu Langat peruntukan RM1 bilion akan digunakan untuk tebatan banjir hanya di Perlis, Perak dan Johor sedangkan di kawasan saya Hulu Langat di mana Sungai Langat yang menjadi punca bekalan air minum untuk seluruh Lembah Klang ini yang melimpahkan airnya mengakibatkan berlaku banjir setiap tahun dan pernah berlaku banjir dua kali setahun iaitu pada tahun 2010...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Yang Berhormat, pohon laluan sedikit.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Saya telah...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sedikit sahaja fasal Sungai Langat.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Ya, fasal Langat ya.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Ya, fasal fakta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hulu Langat apabila jangkaan pada 2014 nanti Lembah Klang dan Selangor dijangka akan mengalami masalah gangguan bekalan air disebabkan oleh masalah *raw water* yang sudah tidak mencukupi seperti mana Yang Berhormat bangkitkan tadi. Bermakna kata sekarang ini langkah yang drastik telah dibuat oleh kerajaan dengan kita mengorek tanah daripada Pahang melalui Langat dan terpaksa dibina Loji Pembersih Langat 2.

Akan tetapi saya difahamkan hingga hari ini loji itu masih dalam peringkat belum dapat disempurnakan sedangkan ada dalam pertimbangan bajet untuk dilaksanakan projek ini. Apa status yang Yang Berhormat ketahui kerana kebetulan berada di kawasan Hulu Langat sendiri?

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sebelum saya menjawab soalan itu saya kira kalaulah dijangka 2014 itu kita kekurangan air saya rasa tidak betul kerana saya melihat air melimpah-limpah daripada punca umpamanya di Gabai, di Congkak dan sebagainya. Cuma saya rasa pengurusan air itu yang perlu kita perbaiki. Itu satu.

Yang kedua, sebenarnya saya bersama-sama menyokong program penyaluran air daripada Pahang ke Selangor ini. Cuma oleh kerana pihak Selangor perlu membuat satu *negotiation* dengan pusat. Maka itu saya akur dan saya sebenarnya bersama-sama beberapa kali masuk terowong, bukan saya tidak bersama dan saya meminta masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan saya telah pun dipenuhi oleh Kementerian. Walau bagaimanapun ini saya harap negeri Selangor yang menjawab. Bukan saya. Jadi bagi saya itu jawapannya. Kalau 2014 itu saya rasa masih kita boleh atasi dengan pengurusan air yang baik. Kalau tidak bagaimana boleh berlaku banjir setiap tahun dan dua kali setahun pula boleh berlaku.

Jadi saya sebenarnya merujuk kepada tebatan banjir ini saya sudah bangkit perkara ini dua tiga kali sejak daripada 2008 dan *Alhamdulillah* sedikit sahaja tebatan banjir yang dibuat tetapi di tempat yang mana berlaku banjir yang agak serius iaitu di Kampung Sungai Serai daripada 2008 sampai sekarang tidak dibuat apa-apa. Jadi saya merayulah kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan saya melihat bajet pembangunan iaitu sebanyak RM1.44 bilion saya berharap kementerian dapat memberi peruntukan itu sedikit untuk dibuat tebatan banjir di kawasan yang serius umpamanya di Kampung Sungai Serai ini.

Sebenarnya saya tiap-tiap kali berlaku hujan lebat seperti hari ini di Parlimen ini kurang lebat tapi di kawasan saya cukup lebat menyebabkan berlaku banjir atau kenaikan paras air dan saya berdoa hujan yang berlaku hari ini hujan rahmat bukanlah hujan bencana kepada rakyat. Itulah yang saya selalu sebut. Jadi saya minta sangatlah merayu...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Saya sokong.

**Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]:** Jadi saya merayu. Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir. Merujuk kepada jawapan lisan Yang Berhormat Menteri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada 17 Oktober saya menyokong usaha kerajaan untuk memberi pendidikan atau ilmu pengetahuan, makluman mengenai tenaga nuklear khasnya mengenai prinsip, dasar, mekanisme, kebaikan dan keburukannya berbanding dengan punca tenaga lain, keselamatan, pengurusan sisa bahan apinya. Begitu juga teknologi nuklear amnya yang mungkin rakyat tidak tahu banyak kita jalankan atau kita gunakan di dalam negara kita supaya rakyat faham dan dapat menilainya dengan sendiri dengan ilmu yang dibekalkan kepada mereka.

Cuma satu permintaan daripada saya supaya kerajaan dapat mempertimbangkan kembali pelantikan perunding, PR luar negara oleh kerajaan kerana negara kita sebenarnya mempunyai ramai pakar nuklear dalam berbagai-bagai bidang yang ada di Agensi Nuklear, ada di Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan ada di hampir seluruh universiti tempatan. Jadi itulah harapan saya. Kalau pun telah dilantik maka saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan kembali dan berilah peluang kepada pakar-pakar tempatan untuk membuat program-program pendidikan kepada rakyat. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**8.18 mlm.**

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih dan saya berdiri di sini untuk menyokong belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pertamanya bersyukur kepada hadrat Allah Taala kerana di atas kemampuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan membentangkan belanjawan yang begitu baik pada kali ini.



Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutama kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana bajet kali ini menunjukkan satu bajet yang jelas menampakkan kesungguhan kerajaan mengimbangi kebajikan kerajaan juga kelestarian ekonomi negara. Belanjawan ini bertepatan dengan tema bajet membela rakyat dan mensejahtera negara.

#### ■2020

Secara keseluruhannya, Belanjawan 2012 amat menitik beratkan nikmat kekayaan negara dan diagihkan kepada semua pihak dalam keadaan ekonomi semasa dan sokongan serta bantuan bagi kebaikan keluarga sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

Saya menyertai rakyat Malaysia amat bersyukur kerana ketika bajet di kebanyakan negara membangun tidak membawa berita gembira buat rakyat tetapi berbeza di Malaysia dan paling penting bagi saya belanjawan kali ini banyak menyebelahi rakyat dalam menangani kos kehidupan pada hari ini. Saya percaya rakyat tentunya berasa lega kerana hampir semua kelompok masyarakat mendapat perhatian dan pembelaan dalam belanjawan kali ini.

Golongan belia merupakan kumpulan demokrasi terbesar merangkumi hampir 50 peratus daripada populasi rakyat Malaysia. Golongan ini tidak pernah dilupakan dalam belanjawan kali ini kerana golongan belia merupakan bakal pemimpin masa depan. Bersyukur kita dalam belanjawan kali ini telah memperuntukkan RM320 juta untuk melaksanakan pelbagai aktiviti belia melalui Majlis Belia Malaysia, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah.

Saya ingin mencadangkan bantuan pentadbiran dan program belia hendaklah turun sampai ke akar umbi, maksud saya hingga ke cawangan-cawangan belia. Kita mahu cawangan-cawangan belia bergerak aktif bukan setakat popular di peringkat daerah, negeri dan nasional yang memang nampak gah dan hebat tetapi di peringkat cawangan peranan belia seolah-olah ada yang aktif dan ada juga yang hidup segan mati tidak mahu. Oleh itu kumpulan-kumpulan di peringkat akar umbi ini hendaklah digerakkan dengan bantuan-bantuan pentadbiran dan juga program-program belia.

Usia belia yang pelbagai peringkat, remaja 15 tahun hingga 18 tahun perlu digalakkan menyertai kegiatan-kegiatan berpersatuan yang bermanfaat manakala bagi kelompok-kelompok belia yang berada di institusi pengajian tinggi perlu didedahkan dengan pelbagai kegiatan pertubuhan dan persatuan yang digembleng oleh para pentadbir dan ahli-ahli pendidik.

Bagi kumpulan belia yang berada di luar bandar yang tidak berjaya meneruskan pendidikan di peringkat IPT dan kurang berjaya dalam bidang pendidikan juga tidak boleh kita abaikan. Mereka perlu berada di kawasan kampung dengan semangat berpersatuan untuk mewujudkan perpaduan yang perlu disemai dengan kegiatan persatuan belia dan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar menerusi latihan-latihan dan kemahiran. Dalam hal ini peranan institusi kemahiran dan badan-badan belia dan NGO serta beberapa kementerian yang terbabit amat diperlukan dalam memberikan penyediaan dan pendedahan juga penawaran baru bagi mereka yang mengikuti beberapa latihan dan kemahiran yang disediakan agar golongan belia ini dapat mengembangkan potensi mereka.

Hal ini penting bukan sahaja mereka dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain tetapi lebih penting belia mendapat peluang yang lebih luas untuk mendapatkan latihan dan kemahiran bagi membangunkan diri menjadi berbakat, berdaya cipta, kreatif dan cemerlang dalam bidang yang diceburi sekali gus menjauhi daripada kegiatan yang kurang sihat.

Oleh itu saya ingin mencadangkan Program Jejak Inovasi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini terbukti sangat baik yang ingin diperluaskan kepada belia-belia di kawasan-kawasan kampung dan juga persatuan-persatuan belia di semua peringkat. Wajarliah juga peruntukan daripada golongan belia ini dalam belanjawan dimanfaatkan persatuan belia dan kumpulan-kumpulan kesatuan, majlis-majlis dalam bermacam-macam bentuk gabungan dan reka cipta, program-program yang lebih berdaya maju untuk mengembangkan bakat dan kebolehan belia serta membimbing golongan ini dalam aktiviti yang dapat meningkatkan maruah diri, keluarga, bangsa dan negara.

Pimpinan masyarakat tempatan seperti JKKK dan lain-lain perlulah melayani kehendak-kehendak belia dengan sewajarnya. Gelanggang-gelanggang futsal yang telah dibina perlulah diurus dengan baik dan tidak dibiarkan terbiar begitu sahaja dan keperluan-keperluan yang ada kemudahan di gelanggang futsal ini dijaga dan ditadbir dengan sempurna. Bagi persatuan belia, belia-belie yang muda remaja tentulah mereka baru belajar dan mereka kekurangan kewangan untuk membayar *maintenance* menggunakan gelanggang futsal. Mereka hendaklah diberi kadar yang rendah dan dibantu oleh JKKK dan sebagainya supaya mereka dapat menggunakan gelanggang ini dengan percuma ataupun dengan bayaran yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua....

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Bukit Katil, sedikit sahaja tentang gelanggang futsal.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Bukit Katil menyentuh tentang gelanggang futsal ini saya lihat apa yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan di tempat saya khususnya kalau kita bandingkan dengan yang dibuat oleh swasta untuk belia ini tidak diminati oleh belia kerana yang swasta dibuat lantai karpet, dinding pula dengan net tetapi yang dibuat oleh kementerian ini lantainya simen, tidak berbumbung dan juga dindingnya diperbuat daripada dawai, macam pagar hijau itu.

Jadi maknanya tidak sesuai digunakan sebagai gelanggang futsal. Jadi apa kiranya kita harap untuk gelanggang futsal seterusnya kementerian beri perhatian kepada pembinaan gelanggang futsal yang sesuai untuk digunakan oleh anak-anak muda kita ini. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya bersetuju dengan pandangan-pandangan itu dan saya berharap pihak kementerian boleh menaik taraf gelanggang-gelanggang futsal ini supaya sama dengan keperluan hari ini untuk keselamatan pemain-pemain futsal.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kerajaan kepada pendidikan Islam sangat tinggi sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini sudah tiba masanya kerajaan melaksanakan kaedah terbaik membangunkan generasi celik agama melalui kemudahan agama percuma kepada setiap anak yang memasuki alam persekolahan rendah di setiap negeri di Malaysia ini. Ini membolehkan setiap anak-anak di Malaysia akan dapat tanpa mengira latar sosio ekonomi mereka berpeluang menerima pendidikan agama yang lebih baik.

Hari ini rata-rata di kalangan ibu bapa yang berpendapatan rendah menghadapi masalah untuk menghantar anak-anak mendapatkan pendidikan agama di sekolah-sekolah agama atas beberapa sebab antaranya kekangan untuk membayar yuran buku teks sekolah mencecah lebih RM100, tidak termasuk perbelanjaan pakaian, lencana, tudung, songkok dan peralatan sekolah yang lain. Kesimpulannya matlamat pendidikan Islam harus mempunyai tiga perkara asas untuk menjadi umat yang disegani iaitu memelihara kesejahteraan, mewujudkan sistem sosial yang selamat dan dapat menyemai nilai kepercayaan.

Saya percaya belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan asas dalam meletakkan rakyat dalam negara yang kita cintai ini menjadi seimbang dari segi pembangunan dunia dan akhirat. Sehubungan dengan itu, guru-guru Kemahiran Asas Fardu Ain ataupun KAFA adalah warga pendidik yang besar peranannya dalam memperkasakan sistem pendidikan Islam dalam negara ini. Guru-guru KAFA memainkan peranan penting dalam pembangunan pendidikan agama dan tugas mereka sangat mulai mendidik anak bangsa dan melahirkan generasi Malaysia yang cemerlang ilmu dunia dan juga ilmu akhirat di samping membentuk akidah, akhlak dan sahsiah generasi muda.

Dalam pada ini, kerajaan perlu melihat peranan penting yang dimainkan oleh guru-guru KAFA dalam pembangunan generasi muda dan saya kira sudah sampai masanya kerajaan memartabatkan dan menaik taraf imej guru-guru ini yang banyak jasanya kepada anak bangsa, agama dan negara.

Saya percaya pengorbanan yang dilakukan oleh guru-guru KAFA sangat besar dan kerajaan perlu menghargai sumbangan mereka yang membentuk modal insan melalui pengajaran dan pembelajaran agama.

Justeru, selaras dengan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, bagi memastikan soal-soal kebajikan mereka diberi perhatian, pihak kerajaan perlu menyokong guru-guru KAFA agar mereka mendapat kemudahan sama yang diperoleh oleh pekerja-pekerja lain di negara ini. Atas jasa guru KAFA ini, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar kerajaan menyerapkan guru-guru KAFA ini seluruh negara ke jawatan yang tetap dan berpenyenang agar mereka mendapat faedah dan kebajikan yang melayakkan mereka menerima imbuhan juga kemudahan seperti guru-guru lain dari segi perkhidmatan pendidikan. Pada masa ini guru-guru KAFA sekadar berkhidmat secara kontrak dan tidak layak menerima pelbagai kemudahan yang sepatutnya.

#### ■2030

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan adalah antara sektor yang berdaya maju dan mampu menjana pendapatan untuk negara. Seperti yang dimaklumkan pada tahun 2010 sektor pelancongan menjana pendapatan sejumlah RM56 bilion dengan jumlah kenaikan pelancong asing seramai 25 juta ke negara kita. Negeri Melaka sentiasa melalui negeri-negeri lain dari segi penawaran produk-produk pelancongan. Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kerajaan Negeri Melaka bercadang mewujudkan tiga lagi produk pelancongan baru bagi menambah tarikan pelancong-pelancong datang ke negeri ini.

Usaha ini amat penting bagi memastikan pelancong terus memilih Melaka sebagai destinasi pelancong. Secara tidak langsung membolehkan kerajaan negeri menambah pendapatan negeri dan juga pendapatan rakyat. Pada tahun 2010 yang lalu negeri Melaka berjaya menarik kunjungan pelancong dalam dan luar negara sejumlah 10.4 juta pelancong. Berbanding 10 tahun yang lalu kedatangan pelancong seramai 1.7 juta sahaja. Daripada jumlah kedatangan pelancong tersebut...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Gading.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Menyentuh tentang kemajuan, perkembangan, pencapaian negeri Melaka dalam sektor pelancongan memang tidak dapat dinafikan kita berasa bangga. Sebagai salah sebuah negeri di negara kita. Ini kita, antara negeri-negeri ini kita menumpang bangga kalau negeri yang berkenaan itu maju. Bukanlah kita membuat tuduhan-tuduhan yang liar kepada negeri-negeri yang satu negara dengan kita. Akan tetapi kita memang rasa bangga dengan Melaka. Ini bezanya kita dengan parti pembangkang. Parti pembangkang dia ada sifat-sifat dengki, khianat, busuk hati, memburukkan negeri-negeri yang senegara. Seolah-olah dia macam duduk di negara lain. Akan tetapi kita merasa bangga dengan kemajuan.

Kita doakan Melaka akan terus, terus, terus, terus. Cuma saya hendak berkirim salam kepada Yang Berhormat Bukit Katil, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sahabat saya. Bila hendak buat jambatan antara Melaka dengan Sumatera, bila? Jambatan Pulau Pinang yang kedua boleh buat, ini kalau jambatan penghubung antara Melaka dengan Sumatera dapat dibina. Saya rasa jumlah pelancong yang akan sampai ke Melaka mungkin berlipat kali ganda. Hebat Melaka. Berlipat kali ganda kerana pelancong-pelancong daripada Indonesia yang jumlahnya 220 bilion penduduknya dan lebih daripada 60 juta berada di Sumatera. Ini akan berulang alik dan kita pun akan ke Indonesia dengan mudah.

Bisa melihat apa yang ada itu di..., jadi kirim salam pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka. Jangan takut-takut...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan bimbang dan ragu semua orang menyokong kalau projek ini dapat diteruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya terima kasih Yang Berhormat. Satu cadangan yang baik.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya dimaklumkan projek jambatan ini sudah sedia, jadi kerajaan dan juga pihak swasta yang hendak menyiapkannya pun sudah siap sedia.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit, sedikit.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Kerajaan Indonesia pun sudah setuju.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Bukit Katil sedikit. Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Ledang.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Oh, yakah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sedikit sahaja tidak sampai satu minit. Akan tetapi Yang Berhormat Bukit Katil saya difahamkan bahawa Ketua Wanita UMNO Melaka menentangnya, kenapa itu?... [Ketawa]

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Itu tidak tahulah saya... [Ketawa] Mungkin ada yang tersembunyilah itu. Tersirat agaknya itu... [Ketawa] Bukan Mat Sirat. Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini saya dimaklumkan bahawa projek jambatan ini memang sudah siap sedia untuk *take off* cuma menunggu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan sahaja. Kita minta nanti Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jawablah. Saya sambung, pelancong-pelancong yang datang ke Melaka tadi saya kata seramai 10.4 juta pada tahun lalu berbanding dengan 10 tahun yang lalu 1.7 juta pada tahun 1999.

Pendapatan yang kita perolehi daripada sektor pelancongan RM9.26 bilion pada tahun 2010. Kerajaan mensasarkan pada tahun ini pelancong yang akan datang ke Melaka seramai 11 juta orang dengan anggaran pendapatan RM10.5 bilion. Ini menunjukkan industri pelancongan telah memberikan sumbangan yang terbesar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar di negeri Melaka. Ini akan kekal menjadi penggerak utama ekonomi negeri dan juga negara. Berdasarkan kepada pelbagai produk pelancongan yang ada di Melaka pada masa ini boleh dikatakan Melaka bagaikan taman tema terbuka. Ianya mempunyai berbagai-bagai pusat membeli belah dan juga warisan sejarahnya serta Menara Taming Sari yang setaraf dengan Menara Kuala Lumpur.

Sungai Melaka yang dahulunya kotor kini menjadi sungai yang menjana pendapatan dan juga memberikan peluang pekerjaan kepada 1,000 orang pekerja. Melaka juga kerap dipilih menjadi tuan rumah kepada acara-acara peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti seminar-seminar dan juga acara sukan. Seperti yang baru berlaku karate remaja sedunia yang baru sahaja berlangsung. Juga lain-lain program yang sentiasa berterusan setiap bulan berada di Melaka. Maka dengan itu usaha gigih kerajaan negeri ini di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam maka saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini di bawah bajet pelancongan melalui peruntukan Belanjawan 2012 ini menyalurkan bantuan kepada Kerajaan Negeri Melaka.

Untuk membangunkan produk-produk pelancongan yang berimpak tinggi dan juga membina produk-produk pelancongan baru dan menaik taraf produk pelancongan yang sedia ada. Agar matlamat mencapai sasaran 11 juta pelancong di Melaka akan tercapai. Kerajaan Negeri Melaka sedang menaik taraf taman *botanical* menerusi peruntukan sebanyak RM30 juta yang bakal menempatkan taman burung terbesar di Asia. Ini telah dibantu oleh Kementerian Pelanconganlah dan diucapkan terima kasih kepada Menteri Pelancongan.

Mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka. Sehingga kini hanya ada dua syarikat penerbangan yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka ini dan kekerapan penerbangannya tiga kali seminggu.

Riau Airlines yang beroperasi sejak tahun 2006 telah menggunakan pesawat Boeing 737 500 dan ia boleh membawa 150 orang penumpang pada satu-satu masa. Satu lagi syarikat penerbangan ialah Prince Air yang dimiliki oleh Lion Air Indonesia. Juga syarikat ini melakukan penerbangan setiap minggu tiga kali juga di laluan Pekan Baru-Melaka bersama-sama dengan Riau Airlines.

Setakat ini belum ada syarikat penerbangan tempatan yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka semenjak dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada bulan Februari 2010. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka memohon agar agensi-agensi pelaksanaan melalui Bajet 2012 ini membantu mengenai prestasi kewujudan lapangan terbang ini sebagai pintu masuk utama dan beberapa destinasi antarabangsa dan domestik. Juga meletakkan aktiviti Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka ini dalam kalendar pelancongan Malaysia. Melalui cara ini kepada rakyat Malaysia amnya dan pelancong-pelancong mengetahui kewujudan lapangan terbang ini dan fasiliti yang disediakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Gading Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh sedikit?

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soal kapal terbang. Kadang-kadang Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Bukit Katil. Kadang-kadang macam tidak munasabah, macam tidak ada akal. Tidak tahu bahasa itu tepat atau tidak. Macam tidak ada akal syarikat-syarikat penerbangan tempatan kita. Walhal Melaka dia punya kemudahan lapangan terbang tidak kalah dengan lapangan terbang lain. Apa kata kalau syarikat-syarikat penerbangan negara kita sendiri ambil pengkhususan daripada Melaka ke Sumatera.

#### ■2040

Okey, ke Sumatera boleh, ke Medan boleh, ke Aceh boleh, ke Jambi boleh, ke Palembang boleh, ke Riau ambillah satu laluan yang semua orang akan gunakan, hendak pergi ke Sumatera, pergi lalu Melaka.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Sumatera yang bekerja di sini sebagai macam-macam pekerjaan dia hendakkan kemudahan pergi balik ke negara dia dengan lebih mudah dengan satu penerbangan. Tidak payah sekarang ini hendak kena pergi ke Jakarta baru hendak ke sana, hendak pergi ke Batam baru hendak terbang. Sekali, jadi Melaka itu. Akan tetapi agaknya kerana syarikat-syarikat penerbangan kita akalnya tidak ada. Akalnya tidak ada. Dia fikir yang lain sahaja.

Oh! London dia nampak, Paris dia nampak. Ini, apa tanggungjawab dia untuk memajukan sama-sama lapangan-lapangan terbang yang buat bukan dua, tiga juta. Apa sumbangan dia? Fikir yang besar-besar sahaja, yang kecil-kecil ini. Yalah hendak untung memang kita harap dia untung tetapi cubalah perkhidmatan pula diutamakan. Akal tidak ada. Saya tidak tahu guna akal ini betul atau pun ada bahasa lain yang lebih tepat lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Sri Gading sebagai ucapan saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Termasuk yang tidak ada akal itu.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua saya mempelawa lebih banyak akademi penerbangan di seluruh negara menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka ini sebagai tempat latihan kepada pelajar-pelajar mereka dan saya yakin usaha ini akan memaksimumkan penggunaan lapangan terbang di Melaka.

Setakat ini terdapat dua institusi latihan penerbangan yang menggunakan kemudahan tersebut iaitu Akademi Penerbangan Malaysia (MFA) dan Kelab Penerbangan Belia 4B.

Dari segi infrastruktur dan jalan raya di Melaka kita sedia maklum jumlah kedatangan pelancong dalam dan luar negara ke Melaka semakin meningkat dari sehari ke sehari dan dari setahun ke setahun. Kebanjiran kenderaan yang keluar masuk ke negeri ini terutama waktu puncak hujung minggu dan cuti-cuti persekolahan atau perayaan menyebabkan pelancong terpaksa mengambil masa yang lama untuk sampai ke kawasan-kawasan pelancongan. Kesesakan lalu lintas tidak dapat dielakkan kerana kemasukan terlalu banyak kenderaan persendirian.

Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh kerajaan negeri dan juga unit perancang ekonomi di Jabatan Perdana Menteri selama enam bulan, iaitu daripada bulan Jun hingga bulan Disember 2010 didapati kesesakan yang berlaku meliputi susur masuk di Plaza Tol Ayer Keroh hingga pusat bandar dan kawasan-kawasan pelancongan. Kajian meliputi sistem pengangkutan sedia ada, kejuruteraan sivil dan struktur, kejuruteraan bangunan dan rel jenis trem yang akan di mula pakai dan aspek kelulusan kewangan dan pelaksanaan projek. Kerajaan negeri telah beberapa kali memaklumkan kepada pihak pengurusan Bus Expressway Berhad dan mencadangkan menambah susur masuk ke Plaza Tol Ayer Keroh daripada dua lorong ke empat lorong memang tindakan yang diambil hanyalah dengan menambah kaunter bayaran tiket sahaja.

Kerajaan negeri melihat bahawa cadangan menaik taraf Plaza Tol Ayer Keroh ini mesti dilakukan segera agar dapat mengatasi masalah kesesakan ini. Kerajaan Negeri Melaka memandang serius masalah ini dan mencadangkan membina sistem pengangkutan rel di Melaka bagi mengurangkan kesesakan yang berlaku dan pembinaan rel ini memerlukan belanja yang tinggi tetapi pulangnya akan menyumbang kepada pengurangan kesesakan lalu lintas dan sudah tentu menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Melaka.

Walaupun pelaburan dalam pengangkutan rel menelan belanja yang besar namun di kebanyakan negara dunia termasuk negara sedang membangun seperti China dan India mereka telah meletakkan pengangkutan rel sebagai tulang belakang sistem pengangkutan awam negara tersebut. Perkhidmatan rel di bandar seperti MRT, LRT yang terdapat di kebanyakan bandar utama di negara Asia seperti Singapura, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Korea Selatan adalah antara yang efisien di dunia yang wajar dicontohi.

Perancangan dan pelaksanaan sistem perkhidmatan rel perlu dilaksanakan sekarang kerana *greater* Melaka semakin pesat membangun dan kepesatannya perlu disokong oleh sistem pengangkutan awam yang lebih cekap dan berintegrasi. Jika kerajaan Melaka tidak melaksanakannya sekarang, ia masih perlu melakukannya di masa akan datang dan ketika itu kos akan meningkat lebih tinggi lagi.

Justeru itu, pengurus projek pembinaan sistem pengangkutan trem bernilai RM272 juta dijangka akan dapat mengatasi masalah kesesakan-kesesakan lalu lintas di pusat bandar perkhidmatan trem sejauh 40 kilometer akan bermula dari Ayer Keroh ke Bandar Hilir. Trem ini boleh membawa 150 orang penumpang yang boleh mengangkut 2,500 penumpang sehari ke pusat bandar dari stesen utama. Saya mohon cepat untuk menyegerakan pengurusan kepada permohonan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh mula gulung.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Ya, baik. Terima kasih. Kerajaan di Melaka yakin bahawa kemudahan jalan raya dan kemudahan awam yang baik dan bermutu dapat membantu merancakkan industri pelancongan. Kerajaan negeri telah mengemukakan permohonan iaitu membina beberapa persimpangan bertingkat dari Ayer Keroh ke pusat bandar untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya tadi. Di samping pembinaan rel, kerajaan negeri turut melakukan penamaan semula bas-bas Panorama Melaka yang dibenarkan sejak lebih empat tahun lalu sejumlah tiga belas buah syarikat operator bas awam di Melaka menggunakan satu nama iaitu bas Panorama Melaka berwarna merah.

Tuan Yang di-Pertua, bas-bas di Melaka sebagainya sudah 90 peratus uzur dan bas beroperasi lebih lima belas tahun. Oleh itu, di bawah bajet yang ada ini memang ada peruntukkan untuk mempertingkatkan taraf bas ini. Jadi kerajaan negeri berharap ianya sebahagian daripadanya akan dapat disalurkan ke Melaka yang memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM30 juta untuk menaik taraf bas-bas luar bandar ini...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** ...Dan..

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Boleh celah?

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Sikit boleh.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil.

**Beberapa Ahli Pembangkang: [Menyampuk]**

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Ini apa pembangkang ini. Saya Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tentang perkhidmatan bas ini. Melaka adalah sebuah negeri pelancongan, dia memang sepatutnya ada kemudahan-kemudahan ini supaya memudahkan pelancong dan sebagainya. Di negeri lain juga ada destinasi pelancongan dan saya tengok di luar-luar bandar di bandar-bandar kecil tidak ada kemudahan perkhidmatan ini. Apa salahnya saya minta pandangan Yang Berhormat Bukit Katil supaya kerajaan bukan sahaja melihat di Melaka. Yang Berhormat Bukit Katil ini sudah macam Ketua Menteri Melaka sudah gayanya. Jadi kita hendak supaya dicadangkan di negeri-negeri lain dibuat kajian yang menyeluruh supaya keperluan perkhidmatan bas ini dapat diperluaskan. Minta pandangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Maran. Saya bersetuju supaya kajian itu di semua negeri tetapi Melaka, oleh sebab jalan dulu, kena bantu dululah sebagai satu contoh *pioneer project*.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh juga kerajaan pusat, kerajaan negeri Melaka juga memohon kerajaan pusat untuk memanjangkan landasan kereta api daripada Pulau Sebang dan Batang Melaka hingga ke Jasin dan melalui bandar Melaka bagi memenuhi permintaan pengguna yang semakin meningkat terutama perkhidmatan antara bandar. Jadi kerajaan negeri mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan melalui agensi pelancongan membina landasan kereta api laju di kawasan persisiran pantai yang menghubungkan Melaka, Negeri Sembilan dan Johor pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, *point* akhir yang saya ingin kemukakan ialah mengenai pendidikan di kolej komuniti. Memang banyak peluang bagi belia-belia belajar di kolej komuniti ini dan menerusi pengalaman saya di kolej komuniti bersama-sama dengan pelajar-pelajar dan belia-belia di sana, diharap kerajaan mempertimbangkan kerana ramai pelajar-pelajar di kolej komuniti ini memerlukan bantuan dari segi kewangan sama ada dari segi biasiswa atau pun diberi elaun bulanan untuk menampung kos hidup harian mereka kerana mereka memerlukan bantuan ini untuk kehidupan sehari-harian. Saya berharap kesejahteraan negara di bawah Gagasan 1Malaysia akan berterusan di mana rakyat di dorong oleh semangat kesatuan akan dapat menggembeleng tenaga untuk menghasilkan percubaan yang lebih baik dalam pelbagai bidang. Akhirnya saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan pantun enam kerat,

*Hembusan bayu angin selatan,  
Nyaman terasa tersentuh hati,  
Negeri Melaka warisan dunia.  
Bukalah buku dari lembaran,  
Belanjawan 2012 menyentuh hati,  
Rakyat bersyukur penuh bermakna.*

Sekian, terima kasih dan saya menyokong Belanjawan 2012.

#### ■2050

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Kuching.

#### 8.50 mlm.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan saya mengenai anggaran Bajet 2012.

Pertamanya adalah mengenai kedudukan kewangan negara kita. Bajet ini merupakan satu bajet yang berturutan. Defisit berturutan 15 tahun dan rakan-rakan saya telah menyebutkan bahawa ini akan memfiskan negara kita dalam tahun 2020. Anggaran mereka adalah berdasarkan anggaran defisit tetapi apakah sebenarnya kedudukan kewangan negara kita. Apakah defisit sebenarnya jika kita bandingkan dengan defisit yang dianggarkan dalam bajet setiap tahun itu? Saya ingin memberi beberapa contoh. Walaupun bukan sahaja negara kita mengalami bajet defisit tiap-tiap tahun tetapi defisit sebenarnya adalah lebih besar daripada defisit yang dianggarkan setiap tahun.

Contohnya, tahun 1999, anggaran defisit adalah RM17.848 bilion tetapi defisit sebenarnya adalah RM22.614 bilion. Pada tahun 2000, anggaran defisit adalah RM18.128 bilion. Defisit sebenarnya adalah RM27.941 bilion. Tahun 2001, anggaran defisit adalah RM21,820 bilion manakala defisit sebenarnya adalah RM35.234 bilion. Seterusnya, tahun demi tahun defisit sebenarnya jauh lebih daripada defisit yang dianggarkan. Ini menunjukkan satu *accounting* atau pentadbiran yang tidak berwaspada. Seheinggakan tahun 2010, anggaran defisitnya adalah RM43.052 bilion tetapi defisit sebenarnya telah mencapai sebanyak RM52.792 bilion. Untuk tempoh daripada tahun 1998 sehingga ke tahun 2010 sahaja, anggaran defisit adalah berjumlah RM288.958 bilion. Ini menurut bajet, *the budgeted* defisit setiap tahun tetapi untuk tempoh yang sama, defisit sebenarnya adalah RM445.804 bilion. Ia telah *exceed* atau lebih daripada anggaran defisit sebanyak 54 peratus - 54 peratus *exceed the budgeted deficit*.

Pada tahun 2011, anggaran defisit adalah RM48 bilion. Kalau mengikut trend ini, defisit yang sebenarnya sampai hujung tahun ini akan mencapai RM70 bilion dan tahun 2010, bajet ini defisitnya RM45 bilion pun akan mencapai RM70 bilion. Oleh itu, dengan angka-angka yang ada di sini, kita tidak perlu tunggu sehingga tahun 2020 supaya defisit itu akan melebihi satu trilion. Dengan trend ini, pada tahun 2018 defisit akan mencapai satu trilion dan tahun 2019 negara mufis. Ya, sila.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Saya rasa apa Yang Berhormat Bandar Kuching bawa tadi sangat mustahak. *It is a very crucial element*, dengan izin, untuk kita desak kepada pentadbiran kewangan kerajaan terutamanya Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan. Sebenarnya mengemukakan apa Yang Berhormat Bandar Kuching kata tadi itu sangat mustahak sebab ia melibatkan banyak tahun. Kedudukan di mana setengah itu kenaikannya lebih daripada 35 peratus. Kenaikan defisit tambahan. Saya rasa kita jadikan satu permintaan. Kita desak supaya kerajaan keluarkan statistik seperti Yang Berhormat Bandar Kuching sebutkan tadi.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini statistik semua ada dalam bajet tiap-tiap tahun. Saya nampak tidak ada satu *political will* untuk kerajaan menjimatkan dan mentadbir dengan baik. Inilah gambaran masa depan Malaysia yang gelap jika ianya seterusnya ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional. Rakyat ada satu peluang untuk menyelamatkan Malaysia iaitu melalui PRU-13. Tukarkan kerajaan dan barulah kita boleh selamatkan Malaysia daripada masa depan yang begitu gelap.

Poin yang kedua ialah melanjutkan daripada poin yang pertama. Kenapa saya kata masa depan yang gelap jika terus ditadbir oleh Barisan Nasional? Ini kerana dalam bajet ini langsung tidak ada sepatah atau dua mengenai anti-rasuah.



Tidak ada dan kita sekarang ada seorang Ketua Menteri Sarawak yang telah dilaporkan dan disiasat oleh agensi-agensi kerajaan asing seperti Switzerland, *Germany*, Australia. Itu kerajaan-kerajaan asing yang siasat aset-asetnya dan akaun-akaunnya. Apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional? Apa yang telah dibuat oleh *Anti-Corruption Agency*? Tidak ada! Dia kata telah buka satu fail tetapi selepas itu fail itu disimpan di dalam almari. Sampai hari ini apa yang telah dibuat, apa yang telah disiasat? Adakah kerajaan akan tulis dan berhubung dengan kerajaan-kerajaan Switzerland, *Germany*, Australia untuk mendapatkan maklumat atau untuk mendapatkan apakah hasil siasatan daripada kerajaan-kerajaan ini, adakah? Tidak ada. Adakah kerana Ketua Menteri Sarawak boleh memenangi kerusi Parlimen untuk Barisan Nasional. Oleh itu apa-apa yang dibuat sampai mencemarkan nama Malaysia pun akan diterima oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingin mendapat satu jawapan, apakah tindakan yang akan diambil daripada siasatan yang diadakan oleh kerajaan-kerajaan negara lain?

Isu yang ketiga adalah mengenai pemberian RM500 kepada keluarga yang isi rumahnya berpendapatan kurang daripada RM3,000. Adakah kerajaan kita mampu untuk membayar wang itu? Kebelakangan ini saya menerima banyak aduan mengenai wang kebajikan yang harus dibayar kepada OKU, ibu tunggal, orang tua yang miskin lewat dibayar.

#### ■2100

Dua bulan bayar satu bulan, tiga bulan bayar satu bulan dan amaun yang dibayar pun kian berkurangan. Apakah sebabnya? Itu pegawai dari kebajikan kata tak cukup duit, tak cukup duit. Inilah kerajaan. Kalau tak cukup duit untuk bayar, untuk beri wang kebajikan kepada OKU, ibu tunggal dan orang tua yang miskin, dari mana kita hendak ambil duit RM500 untuk...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh cakap?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya tidak ada masa, ada banyak lagi.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Bagilah tengok. Menipu sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Bagi bukti! Bagilah, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mendesak mereka yang hendak terima duit itu pergi berdaftar dengan LHDN. Berapa ramai daripada mereka yang harus pergi untuk berdaftar dengan LHDN? Di Malaysia, kita ada 11 juta *work force*. Hanya satu juta lebih sahaja yang bayar *tax*, dan lebih kurang sepuluh juta pekerja yang tidak bayar *tax*. Kalau kita buat satu anggaran kasar, pengiraan kasar dua orang satu isi rumah, lebih kurang lima juta isi rumah yang harus pergi berdaftar dengan LHDN. Adakah pegawai-pegawai LHDN dapat mendaftarkan semua orang itu yang pergi mendaftar dalam masa yang singkat ini? Ini kerana mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, wang itu akan dibayar mulai Januari tetapi sampai sekarang, *half of October has gone*, tidak ada langsung maklumat tentang pendaftaran dengan LHDN dan bagaimana hendak mendaftar. Adakah LHDN akan mengadakan seminar atau turun padang ke kampung-kampung untuk menolong mendaftarkan mereka? Tidak ada. Ini menunjukkan bahawa ini hanya *hot air*, itu hanya *hot air*, tipu sahaja untuk memancing undi...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cakap macam bukan peguam lah, macam orang kampung cakap.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Isu keempat adalah mengenai TERAJU. Minta maaf.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Orang kampung pun pandai.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Mengenai TERAJU. Mengikut pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia akan membatalkan kuota bumiputera.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** RM10 bilion luar negara itu, RM10 bilion duit *cash* itu macam mana, boleh buat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi dua hari selepas itu, dia kata, *"Oh, saya bukan kata hendak membatalkan kuota bumiputera, itu pelapor silap". Bernama silap, Sin Chew silap, Star silap, semua pemberita silap lapor. Dia tidak kata hendak membatalkan kuota bumiputera. That is what we expect, Mr. Flip Flop, flip flop in the policy.* Akan tetapi yang lebih penting ialah mengenai...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Eh, biasalah surat khabar buat laporan silap, itu biasalah. Kalau dah silap itu perkara biasa. Yang penting dia sudah menafikan. Jangan tidak faham.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Pengumumannya tentang TERAJU hendak menolong lebih kurang seribu syarikat bumiputera *to be listed*...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mana nak faham, kucing...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sebanyak 1,100 syarikat bumiputera. Saya ingin tanya, adakah 1,100 syarikat bumiputera ini termasuk bumiputera dari Sarawak iaitu Iban, Bidayuh, Kayan? Adakah mereka pun termasuk dalam itu 1,100 buah syarikat yang akan ditolong? Dan RM200 juta yang akan disalurkan untuk membantu pembangunan usahawan kontraktor bumiputera, berapa peratus daripada itu akan disalurkan kepada bumiputera Sarawak? Adakah Dayak dilayan sama taraf dengan Melayu di sini? Tidak ada, tidak ada. Bolehkah satu angka diberi kepada kita?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Lain kali, lain kali.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Kawan baik, kawan baik ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bolehkah satu angka diberi kepada kita mengenai berapa peratus daripada itu...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Kawan baik, kita sama-sama dari Sarawak ini. Sikit sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan diberi kepada Iban dan Bidayuh, Kayan, Orang Ulu di Sarawak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang RM10 bilion luar negara itu, bawa balik.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Sikit sahaja, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching tahu bahawa profesional Dayak dari negeri Sarawak telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Mereka berbincang lagi, apa cakap tidak ada.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Okey, okey. Terima kasih atas maklumat. Akan tetapi, Iban merupakan golongan yang termiskin di Sarawak. Sampai hari ini masih golongan yang termiskin... [*Dewan riuh*]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Bandar Kuching cakap sahaja, tidak ada apa-apa pun.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Isu kelima ialah mengenai *rice* subsidi, subsidi untuk beras. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata ada 60 sen untuk satu kilo subsidi ke atas beras supaya harga beras di Malaysia rakyat dapat beli dengan harga RM1.80.

Saya pergi untuk *check* harga komoditi *international*, harga komoditi untuk internasional iaitu *five percent broken millet white rice* dari Thailand. Skim subsidi ini dimulakan dalam tahun 2008 di mana harga pasaran antarabangsa beras amatlah tinggi. Berapa harganya? Pada masa itu, ia lebih kurang RM2.23 per kilogram. Sebanyak 60 sen yang disubsidi oleh kerajaan, RM1.80 kita beli.

Akan tetapi selepas tahun 2008, pada tahun 2009, harga antarabangsa beras adalah lebih kurang RM1.88 satu kilo. Awak beli *five percent broken millet white rice* dari Thailand kalau itu harganya dan itu pengimport jual RM1.80, apakah kerugian, apakah perlukan kerajaan untuk subsidi 60 sen untuk satu kilo? Harga sekarang, harga pada tahun 2010 turun lagi kepada lebih kurang RM1.50 satu kilo sahaja. Beli beras dari Thailand. Sekarang lebih kurang RM1.60 satu kilo, Pergi manakah subsidi ini? RM600 juta kerajaan bagi subsidi kepada BERNAS, subsidi itu pergi ke mana? Untuk *profit* mereka sendiri sahaja, untuk BERNAS dan kroni-kroni BERNAS yang diberi kuota-kuota untuk mengimport beras.

Saya harap kerajaan boleh buat siasatan atas ini. Kita buta-buta bagi subsidi untuk memperkayakan kroni-kroni. Sama ada kerajaan tidak tahu...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kroni RM10 bilion luar negara banyak itu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Atau pegawai-pegawai di kementerian ada bersubahat dengan pemborong-pemborong beras dan BERNAS.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Yang Berhormat, kawan lagi, sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak mahu, kekurangan masa.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kroni RM10 bilion luar negara itu, kroni RM10 bilion luar negara... [Dewan riuh]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Isu seterusnya, hospital pakar jantung di Kuching, Kota Samarahan. Saya ada terima satu jawapan daripada Menteri. Di hospital itu sekarang ada seorang sahaja *cardiothoracic surgeon*, seorang sahaja. Ramai pesakit hendak *open heart surgery* tidak dapat. Kena tunggu enam bulan, sembilan bulan atau satu tahun. Ramai mati sebelum pembedahan dijalankan. Saya ada bangkitkan soalan ini di sidang yang lalu, dan ini jawapan yang diberi kepada saya, "*Di hospital ini terdapat seorang pakar bedah cardiothoracic yang menyediakan perkhidmatan pembedahan jantung kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Walaupun hanya mempunyai seorang pakar bedah cardiothoracic, dua lagi pakar bedah cardiothoracic akan diserapkan dalam perkhidmatan dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Penempatan Pegawai Kontrak pada 7 Jun 2011.*" Sampai hari ini walaupun telah diluluskan, sampai hari ini, tidak nampak lagi. Tidak nampak!

■2110

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Pesakit-pesakit harus, terpaksa tunggu. Tunggu sampai mati. Oleh itu saya menyeru kepada Menteri, supaya memandang berat kebajikan pesakit, keperluan-keperluan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat tahu tidak?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Orang Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Parlimen terpaksa menunggu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Parlimen pun terpaksa menunggu untuk dihantar ke IJN. Untuk rawatan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya. Saya tahu. Ahli Parlimen ada IJN tetapi rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Kita sudah tidak boleh pergi IJN.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Rakyat biasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Rakyat biasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak. Ahli Parlimen pun tidak boleh pergi IJN. Menunggu di hospital kerajaan juga Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dia tidak tahulah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sudah ada kelulusan...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tahulah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi tidak ada doktor. Inilah hakikatnya...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dia ini *out of date*.

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Betul itu, betul.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Pembangkang ambil faedah daripada kerajaan lagi teruk daripada Barisan Nasional... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Isu yang ketujuh adalah mengenai *Trans-Borneo Highway*. *Trans-Borneo Highway*. *Trans-Borneo Highway* panjangnya 800 kilometer. Selain daripada *highway* nya dari Kuching ke Serian adalah dua *carriage way*. Sepanjang jalan itu *single carriage way*. Hendak potong jalan, hendak *overtake* pun bahaya. Oleh itu, *accident happen very frequently*. Ada seorang Menteri Negeri Sarawak telah memohon, katanya dia telah memohon kepada Kerajaan Pusat supaya memperuntukkan RM100 *million*, bukan untuk membuat jalan dua *carriage way* sepanjang jalan tetapi untuk membina *over taking lanes* sahaja. Sampai hari ini tidak ada.

Ada satu jawapan daripada Menteri kepada Yang Berhormat dari Sarikei. Katanya ada satu permohonan untuk 17.4 kilometer. Satu seksyen daripada *Trans-Borneo Highway*. Walaupun telah dicadangkan, diberi keutamaan tinggi tetapi anggaran kos, itulah jawapannya. Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM85 juta. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek tersebut masih tertakluk kepada kelulusan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Apa ertinya? Beri keutamaan tinggi tetapi belum lulus. Apa yang keutamaan? Keutamaan untuk beli cincin...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Apa ini David Copperfield kah?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah ini lebih penting daripada buat jalan itu, jalan yang lebih baik untuk orang Sarawak?... *[Dewan riuh]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Selangor pun tidak ada jalan baru.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tajuk yang akhir. Saya tahu saya sudah sampai masa... *[Dewan riuh]* Saya ingin mengutuk sekeras-kerasnya.

**Seorang Ahli:** Apa yang keras?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sekeras-kerasnya blogger *Cyber Trooper* yang di *sponsor* oleh UMNO dan termasuk Ketua Pemuda UMNO tentang fitnah-fitnah yang disebarkan di internet mengenai...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** 10 bilion...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Anak Ketua Menteri...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Luar negara bawa masuk dalam dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Penang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** 10 bilion luar negara bawa masuk dalam dahulu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat dari Bagan. Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]* Dikatakan di sini, disebarkan di internet... *[Dewan riuh]* Pencabul buah dada... *[Dewan riuh]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Minta laluan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu gambar-gambar...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Laluan... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Gambar-gambar perempuan itu...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Boleh minta laluan?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Juga di sini... *[Menunjukkan sekeping gambar]* Gambar itu, perempuan yang digambarkan dalam *internet*...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Kalau tidak betul saman sahajalah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dalam blog ini adalah seorang pemain catur antarabangsa. *A British citizen* yang tidak pernah datang ke Malaysia. Inilah satu fitnah yang tidak ada asas. Satu pembohongan Barisan Nasional, pembohongan UMNO.

**Seorang Ahli:** Betul, betul... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Mana Yang Berhormat Rembau? Mana Yang Berhormat Rembau?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kita semua ada anak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Eh! Ada bukti kah UMNO buat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kita semua ada anak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ada bukti kah UMNO buat?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada cucu. Yang mana bersekolah...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mana ada UMNO buat.

**Seorang Ahli:** Kurang ajar punya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mana bukti?

**Seorang Ahli:** Niat jahat itu.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah patut?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kalau berani cakap dekat luarlah. Dekat luarlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ahli-ahli politik. Adakah patut?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau berani cakap di luar. Mana ada UMNO buat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Melibatkan anak-anak kita...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ini semua tuduhan jahat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang masih bersekolah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mana ada itu. Mana ada UMNO buat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dalam fitnah-fitnah...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tipu. Putar belit fitnah!

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Fitnah-fitnah yang begitu. Satu pembohongan... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah ini cara-cara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Akan tetapi kalau betul bagaimana?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *By hook or by crook...*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kalau betul bagaimana?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I will defend...*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Akan tetapi kalau betul bagaimana?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Inilah *crook*. Inilah *crook*! Adalah *crook*. *He means this... [Disampuk] He is the crook!* Oleh itu saya ingin mencabar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk buat satu penjelasan.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sama ada inilah...

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** *Point of order.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Whether he is behind of this.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sama ada ini dicadangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Point of order* Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** 36(6) Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching telah mengeluarkan sangkaan jahat kepada Pemuda UMNO.

**Seorang ahli:** Mana ada.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Saya minta Yang Berhormat Bandar Kuching tarik balik.

**Seorang Ahli:** Mana ada.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tarik *you* sendirilah... *[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Apa ini?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat. Habiskan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Saya cakap sedikit sahaja untuk tujuan rekod. Saya rasa perkara ini ialah perkara yang serius. Hari ini kena pada anak Yang Berhormat Bagan. Saya sebetulnya itu hari masa kena pada anak Yang Berhormat Menteri iaitu Yang Berhormat Padang Rengas, saya tidak setuju. Perkara ini bagi saya untuk tujuan rekod. Saya rasa semua Ahli Parlimen perlu mempunyai pendirian bahawa perkara ini tidak baik dan tidak sihat untuk negara kita. Itu untuk yang rekod.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Akan tetapi satu hakikat yang...  
[*Dewan riuh*]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak dapat dinafikan adalah...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya juga setuju tidak sihat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Akan tetapi jangan tuduh UMNO.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini dilakukan...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya juga setuju tidak sihat tetapi jangan tuduh UMNO!

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Cakap apa-apa.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Yang di *sponsor* oleh UMNO.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Janganlah paparkan...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dia tuduh orang boleh, orang tuduh tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Kalau betul bagaimana?

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Suruh orang lain sumpah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Adakah ini transformasi politik?

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Inilah perangai pembangkang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Transformasi politik...

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Penghasut.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Inilah dia tuduhan jahat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apa tuduhan?... [*Dewan riuh*]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuduhan jahat... [*Dewan riuh*]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini fitnah yang jahat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuduhan jahat. Mana ada bukti.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini fitnah yang amat jahat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tidak ada kerja lain.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang amat jahat. Oleh itu saya...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Senang-senang tuduh UMNO.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak mahu dengar...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Akan tetapi kalau betul bagaimana?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu, *small fly. Small fly!*... [*Dewan riuh*]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu ikan bilis UMNO. Saya hendak satu jawapan. Satu penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri. *Whether he condone this?* Adakah dia bersetuju...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Kalau berani samanlah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Memang tidak patut.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Kalau betul atau tidak betul.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Akan tetapi jangan tuduh UMNO.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dalam *blog* dan *website* yang ditaja, yang *disponsor* oleh UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sekurang-kurangnya sebagai Presiden UMNO, sebagai Perdana Menteri, saya minta...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mana ada fikir-fikir. Terus buat sahaja.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Beliau harus membuat satu penjelasan atas pendiriannya dan kita mengutuk sekeras-kerasnya tindakan blogger UMNO itu.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Bukan kita buat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sekian, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Kalau tidak betul, samanlah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Peraturan mesyuarat tadi belum ada keputusan.

**Seorang Ahli:** Tipu punya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

**Seorang Ahli:** Mana suara itu?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Balik Pulau betul. Yang Berhormat Balik Pulau sepatutnya... UMNO... [*Dewan riuh*]

#### 9.18 min.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan Tahun 2012, yang mana ianya adalah bajet untuk membela rakyat dengan sumber-sumber kewangan yang sedia ada dalam negara kita ini. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan bajet ini yang menunjukkan kepedulian dan keprihatinan kepada rakyat dan seterusnya memacu pembangunan untuk menyejahterakan negara.

Dalam perancangan dan hasrat kerajaan untuk membela rakyat ini, haruslah memastikan sistem penyampaian diberi keutamaan agar semua apa yang ada dalam belanjawan ini sampai kepada rakyat jelata yang layak untuk menikmatinya. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas segala penghargaan dan juga kemudahan-kemudahan yang telah disediakan dalam Belanjawan 2012 ini. Seperti menyediakan program latihan untuk golongan profesional wanita, bantuan guaman percuma kepada rakyat miskin, yang tidak mampu, program mengimarahkan kehidupan rakyat, menyediakan caj percuma di hospital dan klinik kesihatan untuk warga emas, meringankan beban dan memberi kemudahan kepada pengusaha-pengusaha tekis dan banyak lagi insentif-insentif dan kemudahan yang lain.

Kita menyambut baik usaha kerajaan untuk mempercepat perkhidmatan awam dan pastinya warga perkhidmatan awam akan meningkatkan mutu serta prestasi dan melaksanakan dan menyampaikan segala dasar polisi serta usaha-usaha kerajaan untuk menambahbaikkan kehidupan rakyat.



## ■2120

Kita ucapkan terima kasih juga kepada kerajaan kerana tidak lupa akan pesara-pesara kerajaan dengan menaikkan pencen 2 peratus setahun sebagai penghargaan menghargai jasa pegawai-pegawai kerajaan yang telah menyumbang bakti selama ini. Juga ucapan terima kasih tidak terhingga atas pertolongan kerajaan kepada bekas-bekas tentera dan juga anggota-anggota polis serta duda dan balu-balu mereka yang telah menjaga keselamatan negara semasa darurat dahulu dan juga semasa konfrontasi dengan negara jiran pada tahun 1963 hingga tahun 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang ada kaitannya dengan kawasan Parlimen Limbang. Pertamanya ialah saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana meneruskan bantuan-bantuan untuk murid-murid sekolah, murid-murid miskin seperti KWAMP dan sebagainya. Ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu tentang graduan-graduan guru kerana belum dapat tempat *posting* dan ini adalah berkaitan dengan hal GSTT ini. Jadi kita minta kepada kerajaan supaya menangani masalah ini supaya ia tidak akan menimbulkan lambakan orang-orang yang akan menganggur lagi selepas *graduate* ini.

Kedua ialah tentang pendidikan. Saya ingin mengimbuai kembali tentang permohonan yang telah selalu saya suarakan iaitu tentang Sekolah Kebangsaan Tanjung di Limbang. Sekolah ini telah pun saya suarakan *since* 2009 iaitu berkaitan dengan keadaan yang berbahaya di mana ia terletak di tepi sungai dan kini menghadapi hakisan. Jadi saya telah difahamkan bahawa sekolah ini hanya akan dipindah dalam *rolling plan* kedua. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, tempat ini yang sebenarnya Sekolah Kebangsaan Tanjung ini adalah sepatutnya dimasukkan di bawah program kecemasan. Lanya saya rasa tidak perlu mengikut *rolling* pertama atau *rolling* kedua sebab kita takut kalau ia sudah ada satu banjir besar lagi, maka sekolah ini akan jatuh ke dalam Sungai Limbang dan tidak ada *rolling-rolling* lagi sudah.

Jadi saya minta supaya perkara ini diambil serius kerana kita tidak tahu. Ini sudah hujung tahun. Apabila banjir lagi melanda di Sungai Limbang, kemungkinan Sekolah Kebangsaan Tanjung ini akan terjun ke Sungai Limbang.

Satu lagi ialah tentang hal-hal prasarana persekolahan di Limbang. Saya ingin memohon kepada kerajaan iaitu tentang pembinaan semula Sekolah Menengah Kebangsaan Limbang sebagai gantian penuh kerana sekolah ini telah pun uzur. Ia adalah sekolah menengah pertama di Limbang sejak 1952 dan pada masa ini banyak bangunan-bangunannya yang telah pun rosak dan *maintenance* adalah tinggi. Jadi kita minta kepada kerajaan supaya melihat untuk membina semula Sekolah Menengah Kebangsaan Limbang ini.

Di samping itu juga ialah tentang keperluan sebuah sekolah rendah yang baru yang kami namakan Sekolah Kebangsaan Sinar Cahaya kerana dianggarkan pada tahun 2015 bahawa sekolah rendah di Limbang tidak akan mencukupi lagi. Jadi kita memerlukan sekurang-kurangnya 12 bilik darjah yang baru iaitu di bawah Sekolah Kebangsaan Sinar Cahaya ini.

Tentang persekolahan lagi ialah keperluan untuk sebuah lagi sekolah menengah kerana pada masa ini unjuran pelajar menjelang tahun 2015 juga mendapati dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Limbang dan Sekolah Kebangsaan Seri Patiambun akan mengalami kekurangan bilik darjah sebanyak 26 bilik darjah. Maka pembinaan sekolah menengah kebangsaan baru adalah penting yang akan kami namakan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit MAS. Di samping itu juga ada keperluan lain berkaitan dengan persekolahan di Limbang ini iaitu tentang...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** ...Keperluan bas dan *coaster* untuk sekolah-sekolah di Limbang. Pejabat Pelajaran Daerah Limbang tidak pernah ketinggalan untuk menyuarakan tentang ini.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Yang Berhormat Lipis bangun.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Peluang kepada pelajar-pelajar di daerah ini untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum. Jadi kadang-kadang kita memerlukan apabila anak-anak murid ini dihantar untuk keluar daripada Limbang melalui negara jiran. Selama ini sekolah hanya menyewa. Sebagai contoh pada tahun 2009 dan 2010, Pejabat Pendidikan Limbang telah pun membelanjakan wang sebanyak RM165,000 dan juga RM130,000 untuk menyewa bas sahaja untuk keluar menghantar pelajar-pelajar keluar daerah untuk mengikuti pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum. Jadi kita meminta kepada kerajaan supaya dapat menyediakan bas ataupun *coaster* untuk keperluan-keperluan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Limbang. Berkait dengan sekolah-sekolah tepi sungai. Jadi saya pun teringat di kawasan Lipis pun banyak sekolah-sekolah tepi sungai ini tapi masalahnya tidaklah sekolah itu akan runtuh ke sungai. Hanya kebanyakan sekolah tepi sungai di Lipis ini adalah sekolah kurang murid..., dikategorikan sebagai sekolah kurang murid. Ada yang *ration*nya mungkin dua orang murid dan seorang guru dan sebagainya. Isunya ialah motivasi murid ini dan juga mungkin motivasi gurunya sebab pencapaian sekolah-sekolah kurang murid ini adalah sangat rendah dan lemah. Kalau kita lihat proses pengajarannya, kalau dua orang murid dan seorang guru, bolehlah kita anggap sebagai proses *tuition one to two* akan tetapi apabila sampai kepada musim peperiksaan dan sebagainya, nampaknya keputusan peperiksaan amat mengecewakan.

Jadi saya hendak menyarankan agar murid-murid dan guru-guru di sekolah rendah kurang murid ini terutamanya di Lipislah dan di merata-rata di Malaysia tetapi terutamanya di Lipis dan termasuk di Limbang juga. Kita minta Kementerian Pelajaran datang melawat dan memberi motivasi terhadap guru dan murid ini agar pencapaian pelajaran mereka meningkat dan guru-guru juga diberi motivasi agar fokus mereka terhadap pendidikan itu menjadi lebih serius dan bersungguh-sungguh. Kalau tidak dia fokus ke lain. Kita bimbang kebanyakan guru bagus fokusnya tetapi kadang-kadang ada juga yang fokus kepada perkara-perkara yang lain-lain. Jadi apa pandangan dan pendapat Yang Berhormat Limbang?

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Saya setuju penuh dengan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Lipis dan ucapan Yang Berhormat Lipis akan dimasukkan dalam ucapan saya. Jadi berkaitan dengan tadi cerita pasal Sekolah Kebangsaan Tanjung yang hendak terjun ini, kita lebih risau kepada keselamatannya.

Seterusnya saya hendak menyentuh tentang program transformasi luar bandar. Pertama sekali ialah pembangunan fizikal iaitu tentang jalan raya. Pada masa ini kita memohon di Sarawak iaitu jalan persekutuan daripada Kuching hingga ke Miri dan selepas itu Limbang hinggalah ke Lawas hingga ke sempadan Sabah. Jadi kita memohon kepada kerajaan supaya jalan dari Kuching hingga ke Miri ini di naik taraf kepada laluan *dual carriageway* dan sementara itu jalan yang sedia ada ini rasanya perlu di selenggara dengan sebaik mungkin demi untuk mengelakkan kemalangan.

Di samping itu juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana sebagaimana telah disuarakan selama ini iaitu tentang Jambatan Sungai Pandaruan. *The only missing link* dan kita bersyukur kerana pecah tanah telah pun dibuat dan *insya-Allah* akan dibina *commencement*, dengan izin, pada bulan Mac tahun hadapan. Saya yakin dengan adanya jambatan itu akan melancarkan lagi perjalanan Trans Borneo ini dan pelancong akan lebih lagi masuk ke Limbang kerana perjalanan itu semakin lancar.

Tentang jalan luar bandar pula, buat masa ini iaitu Jalan Meritam-Telahak Bong Abai-Pengkalan Rejab, fasa pertama dan fasa kedua sedang dalam pembinaan dan hampir siap. Kita memohon kepada kerajaan dalam *rolling plan* kedua iaitu untuk meneruskan dalam fasa ketiga sebab fasa ketiga itu amat penting.

Kalaulah fasa pertama dan kedua ini siap dan ia hanya terhenti di situ, maka jalan itu tidak membawa apa-apa makna kerana jalan itu *will be death end*. Jadi saya mintalah fasa ketiga untuk jalan tersebut dilaksanakan dalam *rolling plan* kedua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh sambung esok ya.

**Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]:** Okey, terima kasih. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 20 Oktober 2011.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 9.30 malam.***